



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

Mulai Pada
**12 OGOS 2021,
22 OGOS HINGGA 23 OGOS 2021
&
6 SEPTEMBER HINGGA 7 SEPTEMBER 2021**

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI PERTAMA, KHAMIS, 12 OGOS 2021		
1.	Kehadiran.	3
2.	Doa.	7
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	7
4.	Doa Pembukaan Penggal Persidangan	7
5.	Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	7
6.	Penangguhan.	9
HARI KEDUA, AHAD, 22 OGOS 2021		
1.	Kehadiran.	10
2.	Doa.	14
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	14
4.	Pembentangan Kertas Mesyuarat.	15
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	17
6.	Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	27
7.	Penangguhan.	62
HARI KETIGA, ISNIN, 23 OGOS 2021		
1.	Kehadiran.	63
2.	Doa.	67
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	67
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	67
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.	79
6.	Penangguhan.	110

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

## *SENARAI KANDUNGAN*

| <b>BIL.</b>                                  | <b>PERKARA</b>                                                                                | <b>MUKA SURAT</b> |
|----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| <b>HARI KEEMPAT, ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021</b> |                                                                                               |                   |
| 1.                                           | Kehadiran.                                                                                    | 111               |
| 2.                                           | Doa.                                                                                          | 115               |
| 3.                                           | Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.                                                  | 115               |
| 4.                                           | Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.                                                              | 115               |
| 5.                                           | Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. | 127               |
| 6.                                           | Penangguhan.                                                                                  | 148               |
| <b>HARI KELIMA, SELASA, 7 SEPTEMBER 2021</b> |                                                                                               |                   |
| 1.                                           | Kehadiran.                                                                                    | 149               |
| 2.                                           | Doa.                                                                                          | 153               |
| 3.                                           | Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.                                                  | 153               |
| 4.                                           | Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.                                                              | 153               |
| 5.                                           | Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.                                                           | 165               |
| 6.                                           | Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. | 165               |
| 7.                                           | Penangguhan.                                                                                  | 197               |
| 8.                                           | Pegawai-Pegawai Bertugas.                                                                     | 198               |

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI PERTAMA

KHAMIS, 12 OGOS 2021

BIL. 11 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Haji Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya

Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Sallehuddin bin Haji Hassan., DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Penolong Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Bahawasanya diperuntukkan oleh Pecahan Fasal (1) Fasal 23 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, bahawa Raja hendaklah dari satu masa ke satu masa memanggil Dewan Negeri mengadakan mesyuaratnya:

Maka oleh yang demikian, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan sebagaimana di atas dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 12 Ogos 2021 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 di Dewan Persidangan Dewan Negeri, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Penolong Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. (Bacaan selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita akan memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Selaras dengan peruntukan di bawah Fasal 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan bertitah kepada Dewan Negeri pada pagi ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sementara Persidangan ini bagi mempersilakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat masuk ke dalam Dewan Persidangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif diminta terus berada di tempat duduk masing-masing dan dipohon berdiri hormat apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat masuk.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9.35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10.10 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Penolong Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA PEMBUKAAN PENGGAL PERSIDANGAN.

(Mufti Negeri Johor baca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan untuk bertitah kepada Dewan Negeri.

DYMM Tuanku Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmaanirrahim. Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada pagi yang berbahagia ini.

Saudara-saudari sekalian, Persidangan Dewan penggal ini merupakan tahun kedua kita berhimpun dalam keadaan yang diselubung oleh ancaman wabak virus COVID-19. Malah pada masa ini, negeri Johor masih mencatatkan bilangan kes dan kematian harian yang sangat tinggi dan lebih teruk berbanding tahun yang lalu. Keadaan ini amat membimbangkan saya. Tambahan pula telah ada varian COVID baru yang lebih mudah berjangkit dan cepat merebak sehingga meragut nyawa pesakit. Oleh itu, semua rakyat dinasihatkan agar lebih berhati-hati, kurangkan pergerakan keluar rumah dan sentiasa mengamalkan langkah pencegahan yang disyorkan oleh kerajaan.

Persidangan Dewan kali ini juga hendaklah dibuat dengan berhati-hati, pastikan semua yang hadir mengikut SOP yang ditetapkan oleh penilaian risiko kesihatan. Hendaklah dibuat setiap hari, jika ada ancaman risiko yang tinggi, saya minta Tuan Speaker tangguhkan sidang Dewan ini.

Saudara-saudari sekalian, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk merancang dan melaksanakan tindakan yang wajar bagi membantu rakyat yang terkesan. Oleh itu, ingin saya nasihatkan kepada semua Ahli Dewan supaya menggunakan sesi persidangan kali ini untuk berbincang dan menyusun pelan tindakan bagi menolong rakyat dan membangunkan semula ekonomi negeri Johor.

Ahli-Ahli Dewan tidak perlu berbahas atau membawa usul yang tidak berkenaan. Awak semua mesti pentingkan rakyat di luar sana, tengah susah, yang ada kelaparan, ada yang hilang pekerjaan dan ada juga yang sedang bertarung nyawa akibat wabak COVID ini. Ini bukannya masa untuk berbalah, tetapi ini adalah masa untuk bersatu dan bekerjasama, jangan tanya kepada orang lain apa yang telah dibuat untuk bantu rakyat, tetapi lihatlah cermin muka sendiri.

Ingin juga saya ingatkan bahawa Dewan Negeri ini adalah tempat untuk berbincang dan membuat ketetapan bagi kepentingan rakyat dan negeri Johor. Jangan cemarkan Dewan saya ini dengan perangai buruk. Ini adalah Dewan yang mulia, bukan Dewan sangkar buruk. Ingat pesanan saya Tuan Speaker. Jalankan kerja baik-baik. Saya juga ingatkan, yang saya tidak akan melayan permainan politik mana-mana Wakil Rakyat yang terus bertelagah sampai mengganggu gugat negeri dan kerajaan saya. Jika berlaku keadaan yang menjatuhkan kerajaan saya sekarang, maka saya tidak teragak-agak untuk membubarkan Dewan Negeri Johor. Saya rasa tidak perlu ada Wakil Rakyat jika masing-masing hanya fikirkan tentang kedudukan sendiri bukannya kepentingan rakyat. Apabila COVID-19 telah terkawal, saya akan serahkan kepada rakyat untuk memilih ahli Dewan yang baru. Selepas ini pilihlah betul-betul, pemimpin yang jujur dan ikhlas, mahu berkhidmat untuk rakyat.

Saudara-saudari sekalian, untuk membangunkan semula ekonomi selepas wabak ini dapat dikawal, kerajaan perlu bekerja keras untuk membantu para peniaga dan juga menarik pelabur luar agar banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Kerajaan juga perlu membuat dasar baru yang mesra pelabur dengan insentif yang sangat menarik. Saya pasti banyak pelabur akan datang ke negeri Johor. Namun jika kerajaan sering menukar dasar, mungkin kerana dengki dengan negeri Johor, maka pelabur akan hilang keyakinan dan pergi ke negara lain. Saya juga harapkan agar kerajaan pusat memberi perhatian dan membantu pembangunan negeri Johor dengan lebih banyak lagi terutama dalam bidang kesihatan dan infrastruktur jalan raya.

Saudara-saudari sekalian, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para petugas barisan hadapan atau *frontliner* yang cekal berkhidmat dalam

menangani wabak COVID ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Perdana Menteri dan kerajaan pusat yang telah memberikan lebih banyak bekalan vaksin kepada negeri Johor. Penghargaan juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menghulurkan bantuan sama ada bantuan makanan, kewangan dan sebagainya bagi membantu rakyat yang terjejas. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga wabak ini segera hilang, agar seluruh rakyat dapat menikmati kehidupan yang sempurna, sentosa dan bahagia.

Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Majlis ini. Maka, sebagaimana yang telah dinasihatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdasarkan penilaian risiko yang telah dilakukan oleh Jabatan Kesihatan negeri Johor dan bagi memberi ruang kepada pengurusan Dewan Negeri untuk meningkatkan tahap keselamatan serta pematuhan SOP bagi mengekang penularan wabak COVID-19, di bawah Peraturan Tetap Bilangan 7(3), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, maka saya tangguhkan mesyuarat sehingga hari Ahad, 22 Ogos 2021 jam 9.30 pagi. Insya-Allah.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.25 pagi.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KEDUA

AHAD, 22 OGOS 2021

BIL. 11 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Haji Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya

Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Sallehuddin bin Haji Hassan., DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Imam Besar Johor membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinnya sempurnalah sudah Majlis Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Khamis 12 Ogos 2021.

Dengan ini, Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor pada 14 Ogos 2021. Patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri merafak sembah dengan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Pertama Dato' Sri Paduka Mahkota Johor yang membawa gelaran Dato' pada 23 Mac 2021 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah disarankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor berdasarkan penilaian risiko yang telah dilakukan, suka saya mengingatkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan semasa Persidangan ini berlangsung bagi mengelakkan penularan virus COVID-19.

Antaranya ialah :

1. Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan sepanjang masa berada di dalam Dewan Persidangan. Pemakaian pelitup muka berganda (*double mask*) adalah digalakkan.
2. Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (melebihi 1 meter) di antara satu sama lain ketika persidangan dan semasa pergerakan keluar dan masuk Dewan Persidangan.
3. Bercakap-cakap secara berkumpulan adalah tidak dibenarkan.
4. Penggunaan tandas di dalam Dewan Persidangan dihadkan kepada dua orang sahaja pada satu-satu masa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kali ini akan dilanjutkan bermula hari ini, 22 Ogos hingga 25 Ogos 2021 bersidang bermula 9.30 pagi sehingga tamat Persidangan.

Sesi soalan lisan akan dipendekkan kepada 1 jam sahaja setiap hari Persidangan bermula jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi. Maksimum soalan tambahan saya beri dua orang sahaja.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 12 Tahun 2021.

- Bilangan 1 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2019.
- Bilangan 2 Tahun 2021 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 2021.
- Bilangan 3 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010.
- Bilangan 4 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011.
- Bilangan 5 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
- Bilangan 6 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013.
- Bilangan 7 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.
- Bilangan 8 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.
- Bilangan 9 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.
- Bilangan 10 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 11 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 12 Tahun 2021 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor Tahun 2019.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2021.

Bilangan 13 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

YB Speaker : *Mic* Yang Berhormat, *Mic*.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 14 dan 15 Tahun 2021.

Bilangan 14 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 15 Tahun 2021 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 16 dan 17 Tahun 2021.

Bilangan 16 Tahun 2021 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

Bilangan 17 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 18 hingga 33 Tahun 2021.

Bilangan 18 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 19 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 20 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Muar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 21 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 22 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 23 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 24 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 25 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Segamat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

- Bilangan 26 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pengerang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 27 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Tangkak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 28 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 29 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Labis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 30 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Simpang Renggam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 31 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Pontian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 32 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- Bilangan 33 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2021.

- Bilangan 34 Tahun 2021 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Jemput, Yang Berhormat Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Berapakah anggaran kerugian ekonomi negeri Johor akibat Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2020 dan 2021?

YB Speaker : Jemput Machap.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Sejauh manakah pencapaian pertumbuhan ekonomi negeri Johor sepanjang berlakunya pandemik COVID-19 ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Senggarang, jemput.

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

Berapa peratus pengembangan atau penguncupan ekonomi negeri Johor pada tahun 2020 dan berapakah anggaran untuk tahun 2021?

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Berapa ramaikah penerima bantuan *One-Off* RM500.00 di kalangan pemegang lesen premis gunting rambut atau salun, pemandu bas/van sekolah berdaftar, peserta dalam senarai e-Kasih selain imam, bilal serta noja serta golongan hilang pekerjaan atau pendapatan?

YB Speaker : Yang Berhormat Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Nyatakan semua program yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri Johor untuk membantu rakyat dan sektor-sektor industri yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Senaraikan jumlah peruntukan dan perbelanjaannya bagi setiap program tersebut setakat kini.

YB Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Memandangkan wabak COVID-19 semakin meningkat dan rakyat berpendapat kerajaan pusat gagal menanganinya, apakah pelan tindakan negeri Johor supaya rakyat terselamat dan terbela? Apakah kedudukan kewangan negeri dalam menghadapi situasi ini?

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Mengkibol, Machap, Senggarang, Yang Berhormat Kukup, Jementah dan Parit Yaani di atas soalan yang diberikan. Izinkan saya menjawab soalan berkaitan, pertama prestasi ekonomi negeri serta bantuan yang telah dilaksanakan bagi membantu rakyat yang terjejas sepanjang tempoh kawalan pergerakan akibat pandemik COVID-19. Saya mohon untuk menjawab bersekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Dewan semua pada tahun 2020, prestasi ekonomi Johor menguncup kepada 4.6% berbanding penguncupan 5.6% di peringkat nasional. Daripada segi nilai tahun 2020, menyaksikan ekonomi Johor mencatatkan nilai sebanyak RM128 bilion iaitu penurunan sebanyak RM6.2 bilion. Namun, negeri Johor buat pertama kali merekodkan KDNK ketiga tertinggi selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri Johor turut berjaya mengatasi negeri Sarawak dari segi sumbangan kepada KDNK Nasional iaitu pada kadar 9.5%.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, pertumbuhan sektor pertanian telah pun tumbuh pada kadar 3.1%. Malah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Sementara sektor perkhidmatan dan juga sektor pembuatan mengalami ataupun merekodkan penguncupan. Sektor perkhidmatan menguncup sebanyak 3.4% sementara sektor pembuatan menguncup sebanyak 3.7%. Dari segi aspek pengunjuran ekonomi negeri bagi tahun 2021 ekonomi Johor diunjurkan bertambah antara 3% hingga 5%. Unjuran ini adalah berdasarkan unjuran di peringkat nasional yang telah dikemas kini oleh Bank Negara iaitu pada kadar 3% hingga 4%.

Walau bagaimanapun, ekonomi Johor pada tahun 2021 kekal pada landasan pemulihan didorong oleh dua perkara yang pertama, kadar vaksinasi negeri semakin meningkat sekali gus membenarkan Johor untuk ke fasa-fasa berikutnya dalam Pelan Pemulihan Negara. Oleh itu, sektor-sektor ekonomi yang dibuka semula secara beransur-ansur akan

memulihkan sentimen isi rumah dan juga perniagaan. Ekonomi Johor akan menerima faedah limpahan kesan positif daripada peningkatan permintaan luaran sebagai contoh dan beberapa permintaan-permintaan lain serta laporan yang berterusan dalam projek-projek infrastruktur yang berskala besar.

Kedua, perkara yang mendorong kepada kekalnya pada landasan pemulihan ialah pakej-pakej rangsangan ekonomi, Ihsan Johor 1.0, 2.0 dan 3.0 yang telah berjaya memberikan sokongan aliran tunai khususnya kepada isi rumah dan perniagaan yang terjejas.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dibentangkan di Dewan Negeri dan telah diluluskan melalui Enakmen Perbekalan 2021 Tahun 2020 Belanjawan Negeri Johor pada tahun ini diletakkan sebagai belanjawan defisit berjumlah RM248.14 juta. Ini merujuk kepada penyata kewangan berakhir 17 Ogos 2021, kedudukan kewangan negeri Johor adalah pada tahap stabil dan baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan atau Rizab Negeri berjumlah RM1.38 bilion. Prestasi hasil kerajaan negeri yang dikutip sehingga 17 Ogos 2021 adalah berjumlah RM1.05051 bilion iaitu 65.29% berbanding anggaran asal.

Sementara prestasi perbelanjaan mengurus sebanyak RM865.8 juta dengan peratusan sebanyak 46.62%. Prestasi perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM68.10 juta berbanding perbelanjaan pada tahun yang sama. Manakala prestasi perbelanjaan pembangunan mencatatkan peningkatan berbanding tahun lalu iaitu sebanyak RM255.28 juta atau bersamaan dengan 30.03% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan yang berjumlah RM850 juta pada tahun ini. Jadi, berdasarkan kepada prestasi tersebut kedudukan kewangan negeri Johor pada ketika ini adalah berada pada kedudukan *surplus* dengan lebih berjumlah RM184.72 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sementara itu untuk memastikan rakyat Johor terus terbela kerajaan negeri telah mengumumkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0 yang dilaksanakan secara bersasar dengan penyaluran bantuan kepada golongan yang terjejas dan dimanfaatkan sebaiknya. Kerajaan negeri telah mengumumkan 3 Siri Bantuan Pakej Rangsangan yang menjadikan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM491.25 juta bagi membiayai kesemua 103 inisiatif.

Untuk makluman yang Berhormat Tuan Speaker, sehingga 15 Ogos 2021, seramai 34,796 orang penerima manfaat daripada 5 inisiatif bantuan tunai iaitu dari Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Sementara dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 1.0 seramai 275,930 penerima dengan jumlah peruntukan 182.41 juta sementara Pakej Rangsangan Ekonomi Ehsan Johor 2.0 sebanyak 13 inisiatif dengan peruntukan RM117.50 juta telah dibelanjakan dengan penerima yang mendapat manfaat adalah seramai 405,945. Dalam inisiatif Pakej Rangsangan yang ketiga ini seramai 423,691 penerima. Bagi 5 inisiatif sahaja sejak bermulanya Pakej Rangsangan Ekonomi Ehsan Johor 3.0 pertama, kita memberi, pemberian bantuan sekali beri atau *One-Off* sebanyak RM500.00 kepada pemegang lesen premis gunting rambut ataupun salon yang memanfaatkan 2,669 penerima. Inisiatif ini diperluaskan kepada penerima di kawasan luar bandar. Pejabat-pejabat Daerah telah mengumpul data penerima berkaitan dan penyaluran-penyaluran bantuan juga dijangka diagihkan pada bulan ini setelah data tersebut disahkan. Kedua, pemberian bantuan sekali beri atau *One-Off* juga sebanyak RM500.00 kepada 2,123 pemandu bas atau van sekolah yang berdaftar. Sehingga kini ianya dimanfaatkan oleh seramai 1,832 penerima. Ketiga ialah pemberian *One-Off* juga sebanyak RM500.00 kepada peserta dalam e-Kasih dan telah memanfaatkan seramai 2,114 penerima. Keempat, pemberian bantuan sekali beri atau *One-Off* sebanyak RM500.00 juga kepada imam, bilal dan noja dan telah memanfaatkan seramai 4,518 penerima. Yang kelima pula ialah sumbangan, pemberian sumbangan *One-Off* sebanyak RM500.00 bagi golongan yang hilang pekerjaan kerana diberhentikan kerja dan ini telah dimanfaatkan oleh seramai 3,583 penerima. Inisiatif ini akan diteruskan sehingga 31 Disember 2020. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, Parit Yaani. Soalan tambahan.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih Yang Amat Berhormat kepada jawapan yang dikemukakan.

Apa yang kita lihat di sini bahawa oleh kerana RM500.00 kita berikan khususnya kepada tukang gunting dan juga yang mendapatkan hasil pekerjaan, yang sekarang ini, khususnya tukang gunting. Ia ditutup, ditutup sepanjang tempoh yang berkenaan sedangkan dia kena tanggung untuk bayar sewa, untuk keluarga dan sebagainya. Jadi, adakah kita sewajarnya boleh tambah lagi khususnya kepada golongan yang berkenaan, yang, sebab melibatkan sewa tempat dan juga sara hidup mereka. Jadi, itu antara perkara yang dikemukakan ramai. Sehingga ke pada hari ini pun masih belum buka kalau tak silap sayalah. Wallahualam, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Kalau boleh saya tambah, selain daripada senarai penerima yang saya sebutkan tadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Parit Yaani bahawa kita perlu melihat lebih daripada sektor yang dah kita kenal pasti. Sebab itu kerajaan bukan hanya melalui peruntukan Pejabat Menteri Besar ataupun peruntukan yang kita dah luluskan dalam Belanjawan 2021, agensi-agensi seperti Majlis Agama Islam turut membantu. Pelbagai sektor yang dibantu sama ada bantuan secara bulanan, bantuan melalui senarai e-Kasih dan ada senarai penerima-penerima daripada Majlis Agama Islam. Kemudian pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan juga turut membantu dengan memberi pengecualian sewa, pengurangan sewa dan sebagainya selain daripada program-program yang serupa dengan kerajaan negeri seperti bantuan bekalan makanan. GLC-GLC termasuklah Yayasan Sultan Ibrahim, Yayasan Raja Zarith semua turut membantu pelbagai sektor, pelbagai golongan. Dan, ini semua memperluaskan usaha-usaha membantu rakyat-rakyat yang terkesan oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan dan juga oleh kerana usaha kita untuk menguruskan Pandemik COVID-19 ini.

Jadi, bila Yang Berhormat melihat perlunya kita melihat atau membantu lebih ramai lagi so, di dalam keadaan ini saya percaya Wakil Rakyat-Wakil Rakyat semua adalah tempat permohonan bantuan. Saya menyedari perkara ini dan sebab itu Wakil-Wakil Rakyat juga telah membuat permohonan tambahan kepada peruntukan awal yang disediakan oleh kerajaan dan dalam usaha mereka untuk membantu rakyat yang terjejas. Jadi, hasil daripada keadaan yang sedemikian, mungkin sesuai Yang Berhormat Tuan Speaker untuk saya menyatakan bahawa kita telah bersetuju untuk memperuntukkan tambahan sebanyak RM150,000.00 kepada semua 56 Ahli Yang Berhormat dan tambahan juga kita berikan sebanyak RM100,000.00 untuk disalurkan kepada 27 orang Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Khas DUN. Jadi, saya berharap peruntukan tambahan ini dapat digunakan bagi tujuan kebajikan dan kemaslahatan rakyat di kawasan-kawasan DUN Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah kepada kerajaan negeri kerana kedudukan kewangan yang stabil. Kedudukan ekonomi sekarang jauh lebih tinggi dari kos pembelian vaksin. Bagi mengelakkan kerugian ekonomi semakin meluas, bukankah kita perlu beli vaksin Sinovac atau AZ atau beli dari *Singapore*? Demi pemulihan ekonomi, adakah dana *reserved* akan diguna untuk membantu para peniaga yang amat susah sekarang terutamanya SMI dan pembelian vaksin yang semakin banyak? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu. Dari awal sewaktu kerajaan merancang Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk tujuan pembelian vaksin. Pertama, atas kesedaran bahawa kadar vaksinasi di Johor adalah rendah. Bukan kerana kerajaan tidak menyusun gerak kerja, bukan kerana kerajaan tidak membuat unjuran keperluan vaksinasi tetapi bekalan. Kerana ini semua adalah di bawah bidang kuasa di peringkat Kementerian. Maka dalam keadaan kita menerima vaksin yang tidak menentu, hanya pada hujung bulan Julai sahaja barulah vaksin diterima sebagaimana jumlah yang kita sasarkan. Jadi, pusat-pusat pemberian vaksin kita yang mampu menyuntik sehingga 70,000 sehari tetapi bekalan vaksin yang masih berkurangan, maka usaha kerajaan ialah dengan membeli vaksin dan perkara ini pun telah dibuat di mana kerajaan negeri melalui J-Biotech Corporation dengan kerjasama KPJ, kita telah pun bersetuju supaya pembelian vaksin dengan pihak Pharmaniaga bagi jenis vaksin Sinovac telah pun bermula sejak hujung bulan Julai.

Dan, apabila vaksin itu kita beli dan kita sasarkan adalah untuk pihak industri, saya telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pihak industri di mana mereka telah menyatakan untuk membeli vaksin sekiranya mereka boleh beroperasi. Jadi, atas dasar itu kerajaan merasakan bahawa pembelian vaksin dapat membantu industri-industri termasuklah pihak industri kecil dan sederhana juga akan menerima manfaat daripada vaksin yang dibekalkan melalui secara pembelian.

Selain daripada kita membeli vaksin, kita juga tahu akan pentingnya kita menguruskan pandemik ini dengan sebaik-baik mungkin, maka *test kit* juga kita bekalkan. Kerajaan negeri telah pun membeli sebanyak 200,000 *test kit* RTK Antigen sama ada Saliva ataupun melalui *swab* dan dibekalkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri supaya lebih banyak lagi *testing* ataupun ujian dibuat di lapangan. PBT juga turut membeli *test kit-test kit* untuk dibekalkan. Jadi, ini adalah usaha-usaha kerajaan atas kesedaran betapa pentingnya kita beralih kepada fasa pemulihan seberapa segera yang mungkin supaya kita dapat kembali semula menggerakkan ekonomi dan membantu golongan isi rumah yang terkesan oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Apakah status terkini pelaksanaan Projek Perumahan Nelayan di Kg Punggai, Pengerang oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Surat, status awal kelulusan Kebenaran Merancang penuh bagi projek ini telah diperolehi pada 23 Julai 2019. Walau bagaimanapun, Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang telah memajukan surat kepada KEJORA pada 22 Disember 2019 memaklumkan terdapat pertindihan hak milik di atas sebahagian tapak projek yang telah dipersetujui untuk dikurniakan kepada KEJORA.

Rentetan daripada itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara pihak KEJORA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pihak kerajaan negeri bagi menentukan hala tuju pembangunan projek itu. Berdasarkan perbincangan yang telah diadakan semua pihak sepakat untuk meneruskan projek ini dengan membangunkan baki tanah yang berkeluasan lebih kurang 19 ekar. Ini semua dibuat adalah dalam urusan untuk merealisasikan hajat Yang Berhormat Tanjung Surat untuk rakyat setempat. Bagi tujuan tersebut, sebahagian perkara telah dinilai semula khususnya yang melibatkan peruntukan dan skop projek.

Mesyuarat berkaitan telah bersetuju agar pembangunan unit rumah dibangunkan terhad kepada 64 unit rumah sahaja, jenis berkembar setingkat dengan mengambil kira 63 penama ataupun nelayan yang telah dinamakan terdahulu di mana kos pembangunan ditanggung sepenuhnya oleh KPLB dengan anggaran kos sekitar RM21 juta.

Bagi maksud tersebut, kelulusan kenaikan kos siling projek dan juga perubahan skop telah diluluskan oleh EPU melalui suratnya pada 13 Julai 2021. Kertas kerja bagi tujuan pelantikan perunding telah disediakan dan dijangkakan akan diangkat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelantikan Perunding pada 1 Ogos 2021. Dan, pada masa yang sama pihak KEJORA juga sedang dalam usaha untuk menyelesaikan isu pemilikan pengurniaan tanah sebagaimana Ringkasan Mesyuarat 2147/2017 telah bersetuju mengurniakan tanah PTD 7204, PTD 7205 dan PTD 9379 kepada KEJORA dan beberapa syarat keputusan lain.

Perbincangan bersama PTG Johor pada 4 April 2021 telah mengesyorkan untuk pihak KEJORA membawa kertas mesyuarat melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah untuk mengesyorkan permohonan pindaan kelulusan terhadap Keputusan MMKN yang terdahulu dan kemudiannya dipanjangkan kepada pihak PTG. Kertas kerja berkaitan telah dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat ALP KEJORA Bil. 2/2021 pada 8 April 2021. Berdasarkan keputusan tersebut pihak KEJORA telah memanjangkan permohonan bagi pindaan kelulusan kepada pihak PTG pada 3 Mei 2021 untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih EXCO atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya, memandangkan projek ini agak lewat, sudah tu pula tanah yang, tapak tanah ada pasir yang telah dimiliki oleh orang lain. Jadi, saya ingin tahulah komitmen kerajaan selanjutnya untuk memastikan projek ini dapat dijalankan dengan selancar-lancarnya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Tuan Speaker, sepertimana saya maklumkan hajat kerajaan negeri melalui KEJORA adalah untuk menjayakan program, projek ini. insya-Allah setelah semua perkara-perkara yang berkaitan dengan hak milik tanah, premium dan kelulusan PBT telah dapat, insya-Allah ianya akan diteruskan agar hajat yang baik ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Maharani. Jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya nombor 8.

Sila nyatakan kadar vaksinasi para guru seluruh Johor dan persediaan kerajaan negeri bagi membantu pihak sekolah, guru, kakitangan sokongan sekolah, murid dan ibu bapa menghadapi pembukaan sekolah pada 1 September 2021 bagi memastikan keselamatan semua.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahirrahmaanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Sidang Dewan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Maharani. Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa menyokong usaha-usaha kerajaan negeri yang komited bagi untuk warga sekolah terutama

guru-guru telah divaksin bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka berjalan dengan lancar selain keselamatan terjamin.

Merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Ogos 2021 sesi pembukaan sekolah secara berperingkat akan bermula pada 03 Oktober 2021. Pemakluman awal akan dibuat sekiranya terdapat keperluan perubahan tarikh hasil penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara. Sehingga 19 Ogos 2021, kutipan data oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor iaitu bagi guru-guru, anggota kumpulan pelaksana dan juga staf sokongan operasi yang telah divaksin adalah seperti berikut :

Yang pertama golongan guru. Bilangan keseluruhan guru di negeri Johor, 48,008 orang. Yang dah divaksin dos pertama sejumlah 45,448 orang iaitu 96.26%. Bagi dos yang kedua 23,746 orang dan peratusnya 50.29%.

Bagi anggota Kumpulan pelaksana iaitu termasuklah pembantu pejabat, kerani dan sebagainya. Bilangan 7,152 orang. Vaksin dos pertama 6,539 iaitu 91.43% dan bagi dos yang kedua 2,816 sebanyak 39.37%.

Dan Staf sokongan operasi seramai 12,919. Vaksin dos pertama 9,236 iaitu 71.49% dan dos kedua 7,030 orang iaitu 54.42%.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor menyokong penuh kerjasama antara kerajaan negeri Johor dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor untuk memastikan program vaksinasi mencapai 100% melibatkan warga sekolah serta ibu bapa penjaga ketika pembukaan sesi persekolahan nanti. Terima kasih.

YB Speaker : Skudai, jemput

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan dengan vaksinasi, selalunya masalah yang berlaku adalah berkenaan dengan temu janji dan juga apa yang dijanjikan ataupun *target* sasaran kadangkala ada yang tercicir. Selalunya, berlakunya masalah ini akan, rakyat akan dinasihatkan untuk, apa itu, membuat aduan ataupun berurusan melalui MySejahtera tapi proses lambat dan kadang kala tiada respons. Jadi untuk memastikan bahawa golongan guru dan apa tu, staf-staf, kakitangan sokongan sekolah mendapat perlindungan yang sepenuhnya. Adakah kerajaan telah menyediakan satu saluran selain daripada MySejahtera bagi mereka yang tercicir, cikgu-cikgu ataupun staf-staf sokongan sekolah yang tercicir dalam program vaksinasi ini supaya mereka mendapat vaksin sebelum pembukaan sekolah?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya : Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya kita bukan mengharapkan peringkat untuk gunakan *apps* MySejahtera sahaja. Cikgu-cikgu ini diberikan *priority* selalunya kita mengadakan perbincangan dan juga mesyuarat antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan juga Jabatan Kesihatan Negeri. Dan kita memberi *priority* kepada guru-guru dan juga kakitangan sekolah untuk memastikan pencapaian ini mencapai *target* yang kita harapkan. Dan saya sendiri selaku EXCO yang bertanggungjawab sentiasa memantau angka-angka daripada minggu ke minggu dan baru ini pun saya *call* beberapa orang *District Officer* dengan izin iaitu Pegawai Daerah untuk bantu memastikan pencapaian ini jauh lebih baik dan dibandingkan peringkat nasional kita tidaklah terlalu kata orang ini tertinggal ke belakang. Kita berada di tengah-tengah di antara senarai yang dapat keutamaan vaksin. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya Maharani

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang memberikan jawapan. Jika sekiranya kadar vaksinasi sektor pendidikan selain daripada yang disebutkan tadi iaitu para guru dan juga staf sokongan. Sekiranya, maksud saya, termasuk pelajar-pelajar di semua peringkat belum mencapai 70% ke 80% yang mendapat vaksin adakah kerajaan negeri dengan kerjasama JKJAV dan juga CITS peringkat kerajaan persekutuan akan melaksanakan vaksinasi terus ke sekolah dan memudahkan vaksinasi secara *walk in* dan juga adakah proses dan SOP ini terpakai untuk semua guru-guru sekolah agama dan pelajar serta Sekolah Agama Negeri Johor, sekian.

YB Speaker : Jemput EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya : Setakat ini kita tiada perancangan untuk kita mengadakan vaksin program khas ke sekolah-sekolah sebab apa kita masih ada masa. Kalau tengok peratusan yang dos pertama kita dah mencapai 96.26% dan kebanyakan vaksin ini dalam masa tempoh 2 minggu. Jadi kalau kita bandingkan dos pertama dengan dos kedua memang nampak julat yang berbeza tapi insya-Allah. Kita faham majoriti kita punya vaksin iaitu Pfizer dan Sinovac dalam tempoh 2 minggu dan kami, dalam perancangan kami, kami amat yakin *1st week* bulan depan dengan izin kita akan mencapai sasaran hampir 100%. Cuma di sini kita ada masalah sedikit. Ada golongan juga, saya ingin berterus terang, ada golongan pendidik yang tidak, apa ini, menolak cadangan untuk vaksin seramai 700 lebih dan kita di peringkat JPN, kita mengambil inisiatif yang secara berhemah, kita panggil dan kita kaunseling sebahagiannya dah bermula kita panggil secara individu di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan kita minta bantuan daripada Jabatan Agama, pegawai-pegawai agama untuk membantu memberi penerangan kaunseling supaya akhirnya mereka akan turut serta dalam program vaksin kita. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Seterusnya yang Berhormat Machap. Jemput

YB Tuan Haji Abd Taip bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Nyatakan punca terdapat peningkatan ketara kadar kes COVID-19 yang berlaku di negeri Johor sejak kebelakangan ini?

YB Speaker : Stulang jemput

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

Berapakah kapasiti ICU yang diperuntukkan untuk pesakit COVID-19 di seluruh negeri Johor?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Machap dan Stulang secara bersekali.

Yang Berhormat Speaker, negeri Johor mendahului perang pandemik COVID-19 dengan kes pertama dilaporkan pada 25 Januari 2020 yang melibatkan warga asing daripada Wuhan, negara China. Setelah setahun lebih kita memerangi pandemik ini, kita masih lagi gigih menghadapi cabaran COVID-19 ini dengan situasi naik turun kejadian kes yang dilaporkan. Sekarang ini kita berada di dalam suasana peningkatan kes COVID-19 secara global. Sehingga 19 Ogos 2020 sebanyak 210.2 juta kes COVID-19 dengan 4.4 juta

kematian dilaporkan di seluruh dunia. Malaysia juga di dalam situasi peningkatan kes yang serius, di mana Malaysia menduduki tangga ke 25 negara tertinggi melaporkan kes dengan jumlah kes sebanyak 1.49 juta sehingga 19 Ogos 2021 dan 13,480 kematian akibat COVID-19. Johor pula melaporkan jumlah sebanyak 116,667 kes dengan 1,492 kematian setakat 19 Ogos 2021.

Dengan kadar insiden sebanyak 3,077 per 100,000 penduduk, negeri Johor merupakan negeri ketiga tertinggi melaporkan kes COVID-19 di Malaysia selepas negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Dari bilangan kes tersebut daerah Johor Bahru merupakan penyumbang utama kes sebanyak 43% diikuti daerah Muar sebanyak 12% dan daerah Kulai 11%. Lebih dari 95% kes COVID-19 di negeri Johor dilaporkan semasa gelombang ke 3 dan penyumbang utama adalah dari pihak industri, tahanan dan kluster komuniti. Sehingga 19 Ogos 2020, bilangan kluster aktif dan kebolehsangkitan di negeri Johor adalah sebanyak 212 kluster. Di mana daripada jumlah tersebut, 142 kluster atau 66% adalah penularan dalam industri, 24 kluster atau 12% di dalam komuniti, 32 kluster atau 16% di dalam institusi, 7 kluster atau 3% di pasar raya, 5 kluster ataupun 2% kluster tahanan, dan 2 kluster atau 1% kluster import. Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijangka akan dapat mengurangkan penularan kes di negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, apabila seseorang dikenal pasti sebagai positif COVID-19, ia perlu menjalani penilaian status kesihatan, sama ada secara maya atau *virtual* atau secara fizikal di Pusat Penilaian COVID-19 atau dipanggil CAC iaitu *COVID-19 Assessment Center*. Penilaian kesihatan akan dibuat bagi menentukan kategori pesakit. Pesakit yang berada di dalam kategori 1 atau 2 akan dirujuk ke pusat kuarantin dan rawatan atau dipanggil sebagai PKRC, untuk menjalani isolasi dan rawatan. Manakala bagi kategori 3, 4 dan 5 pula akan dirujuk ke hospital. Saya ingin terangkan apakah itu definisi kategori. Kalau kategori 1, ialah kes-kes yang tiada gejala. Kategori 2, mereka mempunyai gejala ringan. Kategori 3, mereka yang ada jangkitan paru-paru. Kategori 4, jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen. Kategori 5, kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator. Inilah yang dipanggil kategori 1 hingga 5.

Pada masa ini, semua pesakit positif COVID-19 perlu di isolasi tanpa mengira umur, termasuk kanak-kanak atau status vaksinasi memandangkan pesakit masih di dalam tempoh kebolehsangkitan. Bagi mereka yang menjalani Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah atau *Home Surveillance Order*, Jabatan Kesihatan menjalankan pemantauan harian iaitu *home monitoring* bagi mengetahui status kesihatan individu tersebut. *Trend* penggunaan katil hospital kerajaan dari Disember 2020 hingga 19 Ogos 2021, menunjukkan pertambahan bilangan hospital yang terlibat dan katil khusus COVID-19 berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa. Terkini, jumlah katil khusus COVID-19 adalah sebanyak 46% daripada jumlah keseluruhan katil hospital yang ada di negeri Johor. Ia sudah 46%. Pada 19 Ogos 2021, kadar penggunaan katil, wad di hospital kerajaan adalah 100.4.5% manakala kadar penggunaan katil ICU COVID-19 adalah 94.4%. Bagi hospital swasta di negeri Johor terdapat 15 hospital yang turut sama membantu dalam pengurusan COVID-19 dengan bilangan katil khusus COVID-19 sebanyak 123 katil wad biasa dan 14 katil ICU. Kes-kes COVID-19, kategori 4 dan 5 yang memerlukan bantuan oksigen dan alat pernafasan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Pada asalnya, perkhidmatan rawatan rapi di 6 buah hospital berpakar di negeri Johor hanya menyediakan sebanyak 85 buah katil ICU tetapi selaras dengan peningkatan kes yang memerlukan rawatan di ICU kapasiti bilangan katil di ICU ini telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui ubah suai ruang tertentu di hospital dengan tambahan 75 katil ICU, menjadikan jumlah keseluruhan 160 buah katil ICU dan daripada itu 108 buah katil ICU dikhususkan bagi rawatan kes COVID-19 termasuk 4 katil ICU di Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia di HSA, JB.

Selain daripada 108 katil ICU khusus COVID-19 di hospital kerajaan, terdapat 14 katil ICU bagi pesakit COVID-19 yang memilih untuk dirawat di 15 buah hospital swasta dalam negeri Johor. Terima kasih.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Terima kasih kepada EXCO yang telah memberikan jawapan kepada persoalan yang telah diberikan. Sekarang ini kita dapat lihat bahawa peningkatan kes COVID ini sering dikaitkan dengan kluster kilang ataupun industri. Jadi mohon penjelasan kenapa peningkatan terhadap kes COVID di kilang atau industri ini boleh berlaku dan mohon apakah peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah tersebut? Terima kasih.

YB Speaker : Ya, jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Machap bagi soalan tambahan. Yang Berhormat Speaker, kebelakangan ini seperti yang saya katakan tadi terdapat peningkatan kes secara mendadak yang dilaporkan di negeri Johor. Kenaikan ini selalunya akan menyusul peningkatan kes di mana-mana negeri lain di Malaysia. Gelombang kedua yang berlaku adalah ekor dari gelombang pertama kes daripada negeri Selangor dan gelombang ketiga susulan peningkatan kes daripada Sabah dan juga Selangor dan terkini kejadian puncak kedua yang tinggi semasa gelombang ketiga COVID-19 berkait rapat dengan peningkatan kes di *The Gateway Klang Valley*. Dengan kemasukan kes COVID-19 ke negeri ini beberapa faktor dalam mempermudah penularan di kalangan masyarakat tempatan termasuk penularan di kalangan sektor industri di mana 142 kluster dilaporkan, kluster industri dilaporkan masih lagi aktif.

Semenjak bulan Jun, pihak Jabatan Kesihatan mendapati pekerja industri yang merentas negeri ke lokasi zon merah membawa balik virus COVID-19 dan seterusnya menularkan jangkitan kepada rakan sekerja dan rakan serumah di kalangan pekerja yang tinggal di asrama pekerja. Sebagai negeri berlandaskan industri, infrastruktur industri sendiri menyumbang kepada kerentanan terhadap penularan penyakit berjangkit ini. Penempatan pekerja-pekerja industri khususnya warganegara asing berada di dalam persekitaran yang sempit dan sesak dan juga bas pekerja merupakan faktor utama yang perlu kita tangani bersama. Penganalisan *trend* kejadian COVID-19 di negeri Johor juga mendapati kenaikan kes berkait rapat dengan sesuatu peristiwa atau *event* sensitif. Kejadian kluster komuniti banyak disebabkan aktiviti ziarah menziarahi semasa musim perayaan atau upacara pengebumian. Aktiviti sosial juga masih berlaku walaupun di dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan. Ini menggambarkan sikap masyarakat yang masih *complacent* terhadap langkah-langkah pencegahan penularan, menyumbang secara terus kepada peningkatan kes di negeri Johor. Selain itu, terdapat juga kehadiran *variant of concern* di negeri Johor dan juga menyebabkan penularan yang pantas di kalangan warga industri.

Saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini, terdapat kes VOC melibatkan varian Delta di mana sehingga 19 Ogos 2021 sebanyak 16 kes dilaporkan di negeri Johor. Ini melibatkan kawasan seperti Tangkak, Segamat, Muar, Batu Pahat dan Pontian. Walau bagaimanapun, bilangan VOC yang dilaporkan adalah kecil dan masih lagi terkawal.

Yang Berhormat Speaker, kita sedia maklum bahawa kes COVID di negeri Johor antara puncanya adalah kluster industri. Jadi, kerajaan negeri Johor telah pun mengambil berbagai inisiatif, kita cukup pro-aktif untuk memastikan bahawa kita buat yang terbaik untuk memastikan bahawa kes-kes COVID khususnya di kalangan industri ini dapat dikurangkan. Dan, kalau kita lihat benda ini, *despair headed* oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri di mana beliau sendiri telah pun membuat lawatan ke beberapa kilang di dalam sektor industri untuk berjumpa dengan *stake holders* dan mencari jalan bagaimana boleh kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan pihak industri untuk kita mengurangkan kes-kes industri.

Kita mengadakan *engagement* dengan mereka supaya kita dapat membuat, menimbulkan keadaan *win-win situation* kita tidak mahu industri menganggap kerajaan menghukum industri hanya kerana kes-kes dan sebagainya. Kita mencari penyelesaian bagaimana kita

boleh bekerjasama untuk mengurangkan kes-kes di sini maka antara inisiatif yang telah pun kita lakukan ialah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor ialah *Johor Industrial Preparedness Plan*, JIPP dengan mengambil kira inisiatif *safe at work* untuk sektor perkilangan dan industri berkaitan yang dibuat oleh pihak MITI. Dan dengan cara ini, ia akan mengaktifkan semula ekonomi negeri Johor, memastikan kesihatan ekonomi, kesihatan ekonomi dan rakyat Johor sentiasa menjadi keutamaan, memastikan majikan mengutamakan konsep tanggung jawab bersama, *collective responsibility* di dalam mengerak dan memperkasakan warga kerja organisasi untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan agar bebas COVID-19. Memantapkan sistem kesiapsiagaan dan respons menangani wabak COVID-19 ini dan mengukuhkan kelestarian program persekitaran kerja yang selamat. Kerajaan negeri mengambil pendekatan JIPP ini bagi menyediakan industri untuk terus bekerja dalam suasana pandemik COVID-19.

Program JIPP ini menekankan tindakan yang perlu diambil oleh setiap industri melalui pemerksaan majikan dan warga kerja untuk memainkan peranan yang lebih giat sebagai *frontliners* ekonomi. Program ini akan di *compliment* dengan tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi berkaitan. Dan, adalah diharapkan dengan usaha industri ini akan dapat mempercepatkan pensijilan inisiatif *safe at work* yang disarankan oleh pihak MITI. Di bawah program ini mana-mana kilang atau institusi yang melaporkan kes positif akan dibuat penutupan sekurang-kurangnya selama 24 jam. Penutupan dibuat di bawah Akta 342 bagi membenarkan pasukan kesihatan menjalankan siasatan terperinci, mengenal pasti *contact*, mengenal pasti kawasan berisiko dan seterusnya menjalankan aktiviti disinfeksi dan dikontaminasi.

Berdasarkan penilaian risiko Pejabat Kesihatan Daerah akan menentukan sama ada penutupan selanjutnya diperlukan atau tidak terhadap fasiliti atau sebahagian fasiliti daripada industri tersebut. Beberapa siri pertemuan di antara wakil Jabatan Kesihatan dan kilang akan diadakan bagi membantu pihak kilang mewujudkan rangkaian kesinambungan perniagaan semasa wabak. Pekerja kilang akan disiasat untuk memastikan pendedahan terhadap jangkitan dan mereka yang dianggap *contact* rapat akan menjalani kuarantin selama 10 hari dengan 2 kali ujian akan dijalankan. Aktiviti pengurusan risiko dilaksanakan di kilang bagi memastikan persekitaran kilang selamat sebelum dibuka semula. Di antara aktiviti penambahbaikan SOP yang perlu diambil oleh pihak kilang ialah melakukan *give keeping* bagi setiap pekerja, bagi pemakluman gejala dan risiko, *card access* mereka akan disekat dan pekerja tersebut akan diarahkan untuk menjalani saringan, di kuarantin dan seterusnya pemakluman kepada PKD. SOP di lokasi umum seperti surau dan kantin di tempat kerja juga akan ditentukan. Amaran dan peringatan secara siar raya dan poster oleh pihak majikan dan boleh dilihat dan didengari pada setiap sudut pekerja juga perlu dilakukan oleh pihak majikan dan program vaksinasi pekerja kilang disegerakan bagi mengurangkan risiko penularan di bawah Program *Pre-cast*. Selain itu, pihak Pejabat Kesihatan juga perlu berusaha memastikan ahli keluarga mereka juga diberikan vaksinasi secepat mungkin. Pemantauan harian akan dijalankan oleh PKD ke atas operasi kilang bagi memastikan pemantauan SOP dikekalkan. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, masa telah tamat 10.32 pagi. Jadi, saya tutup untuk soalan lisan ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan dijalankan selama 4 hari mulai hari ini, 22 Ogos hingga 25 Ogos 2021. Pihak kerajaan akan menggulung perbahasan pada 25 Ogos 2021. Suka saya mengingatkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya menjaga adab dan tata tertib ketika berada dan berbahas di dalam Dewan ini selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 45.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan-kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi. Untuk pencadang rundingan, masa yang diberikan adalah 20 minit, penyokong diberi masa 20 minit, Ketua Pembangkang diberi masa 20 minit, manakala Ahli-Ahli Dewan yang lain diberi masa 10 minit sahaja ya. Bagi membolehkan lebih ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya memohon kerjasama semua agar dapat mematuhi masa yang diberikan ya, masa tu terlalu padat sangat, saya memang minta kerjasama daripada semua agar dapat mematuhi masa yang ditetapkan. Dijemput, Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kesempatan yang diberi oleh Yang Berhormat Tuan Speaker untuk saya selaku pencadang pada pagi ini bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pagi ini saya dimaklumkan ada beberapa rakan kita yang tidak dibenarkan untuk masuk ke Dewan. Saya difahamkan mereka telah dijalankan RTK sebelum kita masuk ke Dewan termasuk juga di kalangan rakan-rakan di pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Memang kita rasa sedih dengan apa yang berlaku dan kita doa sama-sama semoga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat diberi kesihatan yang baik. Alhamdulillah, kesedihan yang kita lalui mungkin sekejap sahaja. Tadi bila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bila menjawab soalan lisan, saya macam tak percaya juga. Tapi, saya bayangkan yang menepuk meja ni sebelah kerajaan aje. Bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi mengumumkan peruntukan tambahan RM150,000.00 untuk setiap Ahli Dewan Negeri Johor. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. (Dewan bertepuk). Saya tengok DUN Skudai tak ada tepuk meja tadi, tak suka ke, dengan DUN Paloh rakan saya. Saya harap dengan peruntukan tambahan daripada Yang Amat Berhormat...

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Dia terkejut tak habis lagi. Terkejut tak habis lagi.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Terkejut (ketawa). Kita harap dengan peruntukan tambahan yang diumumkan sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor...

YB Speaker : Itu Ahli Yang Berhormat tu bukan 56, 57 Ahli dia.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : 57?

YB Speaker : Speaker pun Ahli Yang Berhormat juga. (Dewan ketawa).

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Saya rasa Speaker lebih pakar untuk mohon peruntukan tambahan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya, seperti yang saya sebut tadi, saya merafak sembah menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, yang mana baginda Tuanku telah menzahirkan kekusaran baginda dan kebimbangan baginda tentang situasi terkini negeri Johor dalam menghadapi wabak COVID-19. Tiada yang perlu kita nafikan Yang Berhormat Speaker. Tiada yang perlu kita sembunyikan apa yang berlaku pada hari ini. Hari ini, kalau kata kita lihat rakyat adalah watak utama yang cukup-cukup terkesan dek wabak COVID-19. Watak yang perlu kita selamatkan, yang perlu kita sama-sama lihat dan kita renung bagaimana untuk menyelamatkan mereka. 3,926,600 jumlah rakyat negeri Johor yang memerlukan sentuhan ajaib atau sentuhan *magic* daripada kita semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sememangnya ujian ini amat besar. Satu-satunya ujian yang belum pernah kita lalui. Walaupun dunia pernah mengalami beberapa wabak seperti *Smallpox* atau *Spanish Flu*, hari ini kita diuji dengan wabak COVID-19 yang telah meragut jutaan nyawa seluruh dunia. Ada yang hilang keluarga, ada yang hilang rakan, ada yang hilang pasangan hidup, ada yang hilang kebergantungan hidup dan macam-macam lagi. Apa yang boleh saya kongsi, berdasarkan laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Johor, setakat ini sahaja di negeri Johor kita telah mencatatkan sejumlah 1,529 kes kematian, tarikh semalam 21 Ogos. Dan, kalau kita lihat di seluruh negara pada tarikh 21 Ogos seramai 13,936 kes kematian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan jumlah yang sebegini ramai, sesiapa pun, tak dia tak kita, akan merasa panik. Mereka akan rasa tidak selamat. Sesiapa pun akan cepat menuding jari mencari salah orang lain. Termasuklah mencari salah mereka yang mentadbir. Menjadi lumrah biasa sebagai seorang manusia, Yang Berhormat Tuan Speaker, bila mereka mula tertekan, mereka akan mula mempertikaikan apa juga perkara walaupun perkara itu baik pada pandangan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sekali lagi bersidang dalam keadaan yang luar daripada kebiasaan. Sebelum ini saya ingat kalau kita berucap tak perlu pakai *face mask*. YB Semerah eh, tak perlu *face mask*, tak perlu skrin kiri kanan, hampir terlanggar tadi Yang Berhormat daripada Tanjung Surat. Kali inilah di luar kebiasaan yang tak pernah kita lalui. Kita bersidang dalam keadaan yang tidak sama seperti dahulu.

Saya tahu banyak perkara yang hendak kita bincangkan, banyak perkara yang ingin kita debatkan, namun saya fikir eloklah bagi saya mulakan perbahasan saya dengan menyatakan beberapa realiti untuk difikirkan bersama. Pertama, keadaan pandemik di Malaysia yang masih belum reda, kadar vaksinasi Malaysia meskipun lebih cepat dan lebih banyak daripada negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Singapura, ianya hanya meliputi 50% jumlah keseluruhan populasi dewasa negara sehingga kini. Perkara yang kedua, keadaan ekonomi negara, meskipun dianggarkan mengembang pada kadar 3-4% pada tahun ini, ia masih lagi berhadapan dengan ketidakpercayaan pelabur. Dan, kadar pengangguran pada 4.5% iaitu seramai 724,000 orang. KDNK untuk PKS juga mencatatkan penurunan pada kadar -7.3% lebih rendah daripada KDNK peringkat nasional.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan perkara yang ketiga situasi politik negara sejak Pilihan Raya Umum yang ke-14 lalu yang sentiasa tidak menentu dan berubah-ubah menyebabkan setiap wacana terhadap dasar, polisi dan hal ehwal rakyat dipolitikkan dan dilihat dari kaca mata politik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyedari realiti-realiti di atas, eloklah saya mendasari ucapan saya dengan mengakui bahawa pengurusan pandemik, pemulihan ekonomi dan situasi politik semasa pada waktu dan saat ini tidaklah harus diasing-asingkan. Ketiga-tiga realiti ini di atas tidak harus di laksana berasingan dengan anggapan bahawa ekonomi itu akan pulih dengan sendiri tanpa bergantung kepada pemulihan pandemik. Ataupun politik pula tidak akan mempengaruhi momentum kita menguruskan pandemik dan memulihkan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesemua ini saling berkait rapat malah menjadi punca kepada kejayaan dan keberkesanan usaha yang dijalankan dalam kontak satu sama lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita perlu akui mengurus pandemik tidaklah mudah, memulihkan ekonomi pula memerlukan sumber dan kebijaksanaan pakar. Semua itu boleh dirancang, boleh diurus dan boleh dilaksanakan. Namun, untuk melakukan semua itu dalam konteks politik yang seperti sekarang ianya memerlukan satu pembawaan politik yang lebih praktikal, yang lebih mementingkan kesan-kesan sebenar kepada rakyat dan bukan kepada cita-cita golongan dan institusi tertentu. Ego manusia memang susah untuk kita jinakkan. Ego seorang yang bernama manusia untuk mengejar kuasa pula lebih sukar untuk kita

rasionalkan, apatah lagi pada waktu dan ketika ini. Oleh itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor mahu atau tidak harus melihat kepada pembawaan politiknya terlebih dahulu. Kita harus menyatukan hati dan menyatukan niat semua ahli politik negeri Johor. Kita harus memperlihatkan kepada mereka yang di luar sana bahawa Wakil-Wakil Rakyat di Johor ini boleh menyesuaikan cita-cita politik pembawaan dan ideologi politik dengan situasi semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, inilah yang kita amalkan selama ini. Inilah cara Johor. Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat pun tahu, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Hasni, kita tidak pernah menganggap blok sebelah sana sebagai musuh kita. Tanpa kesatuan hati kesemua Wakil Rakyat di negeri Johor sama ada dari blok kerajaan atau pun blok pembangkang mana mungkin rakyat akan menghormati kita lagi. Percayalah rakyat akan menjauhi kita dan akhirnya bila rakyat mula bosan dengan tingkah laku kita, mereka tidak akan mencari kita lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tidak mustahil situasi ini boleh menjadi lebih teruk lagi, bila mana situasi demokrasi tidak lagi dipercayai dan akan mula wujud watak-watak populis lain untuk mengancam demokrasi. Pada ketika itu, peranan Wakil Rakyat akan mula diperkecilkan dan hak rakyat untuk menentukan wakilnya dalam Dewan yang mulia ini akan dipertehehkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa makna bila Wakil Rakyat mula dipandang serong. Apa makna institusi demokrasi tidak lagi dipercayai maka pada ketika itulah akan berlaku seluruh sistem *governance* tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Krisis kepercayaan kepada cabang eksekutif dan legislatif akan wujud. Semua ini pastinya akan memberi kesan kepada usaha kita mengurus pandemik dan juga pemulihan ekonomi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara sedar atau tidak, Johor sebenarnya telah mendahului kerajaan persekutuan dalam agenda reformasi institusi demokrasi. Kita sudah lama memberi layanan yang cukup istimewa kepada rakan-rakan di sebelah sana. Rakan-rakan perlu akui. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua kerajaan telah menyalurkan peruntukan kewangan yang tidak pernah dilakukan oleh kepimpinan sebelum ini. Inilah cara kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hasni bin Mohammad.

YB Speaker : Habis yang sebelum ini tak bagus la eh Yang Berhormat?

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Sebelum ini dia bagi pada kerajaan aje kot. Kepimpinan yang terbuka, sentiasa membuka ruang untuk berdialog walaupun kita berlainan fahaman politik. Tidak boleh dinafikan. Saya tahu di kalangan rakan-rakan blok pembangkang pun hari ini boleh sentiasa dibuka ruang untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Pokoknya kita percaya jika demokrasi dan institusi ingin terus dilihat sebagai penting, serius dan terkehadapan, kita harus mendukung pembawaan politik yang lebih praktikal. Orang cakap *Johor is always number one*. Saya yakin Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam merekayasa erti politik yang segar, Johor telah lama mendahului mereka yang di luar sana, tidak perlu kita pertikaikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara umumnya pengurusan pandemik di negeri Johor tidaklah seteruk yang dianggap oleh setengah pihak seperti yang diwar-warkan oleh sebahagian netizen di luar. Saya ingin menjelaskan beberapa perkara di sini, pertamanya, menyentuh soal vaksin, tadi pun ada disebut oleh rakan-rakan EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Bekalan vaksin adalah dalam pertimbangan dan pengurusan kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri sentiasa tanpa lelah meminta kerajaan persekutuan melalui *COVID-19 Immunization Task Force (CITF)* pusat untuk memberikan bekalan vaksin ke Johor dengan tepat dan menepati jadual yang ditetapkan. Kedua, bidang kuasa kesihatan adalah di bawah tanggungjawab kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri hanya memainkan peranan *complimentary* atau melengkapi sahaja. Namun begitu, kerajaan

negeri Johor menyedari kita harus melakukan beberapa intervensi kepada usaha pengurusan akademik, pandemik, maaf Yang Berhormat Tuan Speaker. Pengurusan pandemik sama ada dalam aspek sokongan kewangan, sokongan sumber manusia dan nasihat ataupun pandangan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

Ketiga, Jabatan Kesihatan Negeri Johor sentiasa berusaha untuk meningkatkan kapasiti kesihatan awam negeri seperti wad ICU dan alat-alat perubatan lain seperti ventilator dan sebagainya. Dan juga, Jabatan Kesihatan Negeri Johor sedang menyiapkan diri untuk memperkasakan kapasiti bagi kehidupan pandemik COVID-19 di mana COVID-19 akan menjadi biasa seakan demam denggi.

Dan yang keempat Yang Berhormat Tuan Speaker, saya yakin Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan sentiasa terbuka untuk berdialog dan menerima pandangan bagi memberikan respons yang terbaik terhadap pengurusan pandemik ini. Tidak adil jika kita katakan bahawa hanya segelintir yang benar-benar faham atau tahu cara untuk menangani pandemik ini. Pendekatan *whole of society* termasuklah penglibatan Wakil-Wakil Rakyat amat diperlukan dalam kita mengajak masyarakat untuk membudayakan kehidupan norma baru.

Empat perkara ini Yang Berhormat Tuan Speaker, sudah cukup untuk kita simpulkan bahawa pengurusan pandemik ini adalah dinamik. Ia memerlukan penambahbaikan dan kerjasama semua pihak sesuai dengan sifat COVID-19 itu sendiri yang sentiasa berubah-ubah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menegaskan proses pemulihan ekonomi tidak akan dapat berlaku dengan sekelip mata. Kita perlu melihat perbezaan di antara krisis kewangan dan ekonomi yang berlaku sekitar tahun, akhir tahun 80-an dan juga akhir tahun 90-an dengan apa yang berlaku pada hari ini. Jika dahulu, walaupun kita menghadapi krisis, pergerakan manusia itu tidak dibatasi tetapi hari ini pergerakan manusia dihadkan wabak COVID-19. Secara asasnya Yang Berhormat Tuan Speaker, pemulihan ekonomi negeri pastinya akan mengambil kira kehendak rakyat dan merasai denyut nadi setiap rakyat di semua peringkat. Mendengar rintihan mereka yang hilang pekerjaan termasuk juga mereka yang hilang mata pencarian tidak dapat berniaga sepanjang kita melalui PKP 1 hingga PKP 3.0. Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : 3 minit Yang Berhormat.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Ya, 3 minit. Yang Berhormat Tuan Speaker, setiap agensi kerajaan dan jabatan kerajaan mempunyai peranan masing-masing tidak terkecuali Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh berperanan untuk mempercepatkan proses pemulihan ini. Contohnya, dengan memudahkan tatacara regulasi perniagaan dari soal memohon lesen hinggalah kepada peraturan-peraturan lain yang dilihat agak menyesakkan rakyat terutama sekali kepada peniaga kecil.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berusaha untuk memberi yang terbaik kepada rakyat negeri Johor. Kita sedar, setiap Pakej Rangsangan Ekonomi dari 1.0 hingga 3.0 yang berjumlah keseluruhan RM550.95 juta bukanlah penamat atau satu perkara yang pasti dapat memuaskan hati semua pihak. Insya-Allah kerajaan negeri Johor akan sentiasa berusaha memperbaiki serta meningkatkan capaian dan kualiti inisiatif-inisiatif perlindungan sosial negeri Johor. Sama ada ianya dalam bentuk pemberian wang tunai ataupun inisiatif-inisiatif lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara tuntasnya. Memulihkan ekonomi tidak akan menjadi satu usaha yang mudah. Kerajaan akui peluang untuk rakyat memajukan diri haruslah berterusan. Negeri Johor dari dulu lagi, terkenal sebagai lubuk kepada peluang rakyat. Sama ada di Johor dan negeri-negeri lain untuk mencari rezeki insya-Allah kita akan kekal menjadi seperti itu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seorang ahli falsafah barat pernah berkata untuk hidup dalam kebebasan manusia harus hidup dalam ketidak ketentuan, perubahan dan mara bahaya. Sudah 64 tahun kita merdeka. Bulan ini pun adalah bulan kemerdekaan, sudah lebih 6 dekad Malaysia hidup dalam kebebasan. Mengikut amatan ahli falsafah barat ini hidup dalam kebebasan ada resmi dan ujiannya yang tersendiri. Pada waktu ini, kita sedang diuji dengan ketidak ketentuan, perubahan dan mara bahaya. Maka kita harus memilih untuk menempuhi tempoh ujian ini dengan praktikal dan rasional.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Yang Ke 9 dan juga tidak lupa saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin atas jasa dan curah bakti kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada rakyat Johor Darul Ta'zim. Saya berharap semoga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin terus diberi kesihatan yang baik. Insya-Allah dengan berkat permuafakatan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Negeri Johor akan kembali makmur seperti sebelum ini dan juga Yang Berhormat Speaker, saya berharap dengan permuafakatan ini, Johor akan menjadi negeri yang lebih maju dan kita akan mendepani apa juga rintangan dan masalah secara bersama-sama. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana memberi ruang kepada Sri Medan sebagai pencadang perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sri Medan mohon mencadang.

YB Speaker : Terima kasih Sri Medan, telah menyampaikan ucapannya. Seterusnya saya mempersilakan Parit Raja, 20 minit.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja merakamkan penghargaan kerana diberi peluang berbahas untuk menyokong rundingan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Parit Raja merakamkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 ini. Patik serta seluruh warga Parit Raja dan seluruh rakyat Johor ingin juga merakamkan sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofea binti Almarhum Sultan Idris, Permaisuri Johor sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 14 Ogos 2021 yang lalu. Patik dan warga Parit Raja serta seluruh rakyat Johor mendoakan semoga Allah melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh keluarga DiRaja akan terus diberkati, dirahmati dalam menaungi negeri Johor dengan makmur dan harmoni.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Darul Ta'zim merupakan ketua negeri dan ketua agama Islam yang sentiasa memastikan negeri ini kekal makmur dan utuh serta payung dan puncak keadilan negeri. Parit Raja menjunjung kasih di atas Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dalam perenggan yang ke-7 yang telah bertitah kepada semua Ahli Dewan supaya menyusun pelan tindakan bagi menolong rakyat dan membangunkan semula negeri Johor. Sesungguhnya titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, mengingatkan patik dan seluruh Ahli Dewan bahawa tugas kerajaan negeri mengurus di saat dan ketika berhadapan dengan pandemik yang bahaya merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang berat dalam berhadapan dengan pelbagai situasi baru. Dan juga memerlukan kaedah penyelesaian yang baru.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam mendepani pandemik COVID-19 ini ialah memastikan rakyat khususnya di negeri Johor dapat mencapai tahap imuniti kelompok yang berupaya melindungi kelompok dari penularan

wabak. Imuniti kelompok ini dapat dicapai melalui liputan imunisasi vaksin dengan kadar yang tinggi dan merata. Taburan data situasi COVID-19 di negara menunjukkan *trend* peningkatan setiap hari. Begitu juga di negeri Johor. Satu-satunya harapan untuk kembali mengawal wabak adalah melalui program vaksinasi yang cekap ditadbir urus. Melalui imunisasi sahajalah kita dapat melindungi keluarga, individu, masyarakat dan negara.

Patik merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Mahkota Johor yang telah bertitah kepada golongan belia melalui penglibatan *Southern Volunteers* dan semua agensi kerajaan yang terlibat yang telah berjaya membantu bangsa Johor bagi pendaftaran suntikan vaksinasi. Melalui laman web rasmi vaksinocovid.my negeri Johor telah mencatatkan lebih 2 juta ataupun bersamaan dengan 97.4% populasi dewasa telah mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksinasi.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dilaksanakan adalah strategi pihak kerajaan untuk memberikan suntikan vaksinasi sebagai usaha membendung penularan wabak COVID-19 dan membentuk imuniti kelompok kepada rakyat tempatan dan juga bukan warganegara yang menetap di negeri ini meliputi beberapa fasa. Melalui badan bertindak imunisasi COVID -19 ataupun CITS sejak Mac 2021, Pusat Pemberian Vaksin telah dibuka di seluruh negeri Johor secara berperingkat. Sehingga kini terdapat 241 buah PPV dengan mensasarkan lebih 70,000 suntikan di seluruh negeri Johor. Dengan keupayaan ini, perancangan unjuran program vaksinasi, diharap sasaran penerima vaksin dos pertama dapat mencapai 80% pada penghujung September. Manakala yang lengkap 2 dos boleh mencapai imuniti kelompok insya-Allah di penghujung Oktober. Kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif pro aktif dengan menambah beberapa Pusat Pemberian Vaksin, namun kerjasama dari penerima-penerima vaksin untuk hadir pada tarikh yang ditetapkan juga adalah amat perlu dan penting.

Selain itu, komitmen Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam memastikan keseimbangan agihan vaksin kepada setiap negeri di mana dalam keadaan tertentu perubahan jumlah pengagihan vaksin diharap dapat dilakukan dengan mengambil kira jumlah populasi serta nilai ambang di bawah Pelan Pemulihan Negara. Terima kasih atas keprihatinan dan komitmen dari kerajaan pusat yang telah memperuntukkan bekalan vaksin sebanyak 2 juta untuk bulan Ogos 2021 kepada negeri Johor. Perhatian dan usaha ini mestilah menumpukan ke arah pencapaian 80% imuniti kelompok.

Di samping itu, kerajaan negeri diharap dan dicadangkan dapat menyediakan keperluan stok penimbal atau kecemasan bagi kumpulan masyarakat yang tercicir seperti warganegara asing yang tiada dokumen atau tiada majikan serta keperluan vaksin untuk golongan remaja berumur 17 tahun ke bawah. Sebagai contoh warganegara asing bukan industri sama ada dalam bidang pertanian atau buruh pembinaan, persendirian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi Pelan Pemulihan Negara dalam konteks negeri Johor iaitu memperkasakan fasiliti kesihatan dan pemulihan ekonomi negeri. CAC ataupun *COVID-19 Assessment Center* telah mula ditubuhkan pada 10 Januari 2021, kini terdapat 11 CAC yang telah diwujudkan di seluruh negeri Johor. CAC kita menjadi tumpuan rakyat dan keperluan utama dalam menangani penularan wabak COVID-19. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menilai akan keperluan dan keutamaan fasiliti di CAC agar dapat memberikan keselesaan bukan sahaja kepada rakyat dan juga kepada petugas barisan hadapan.

Penyertaan pihak swasta khususnya dalam tempoh pandemik ini adalah amat diperlukan bagi membantu dan memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan, tekanan kepada hospital kerajaan mungkin dapat dikurangkan apabila pesakit bukan COVID dapat diberikan perkhidmatan oleh hospital swasta. Khidmat seperti ini perlulah diperluaskan di setiap daerah agar semua warga Johor dapat perkhidmatan kesihatan yang baik sepanjang masa dan memberi ruang kepada hospital awam menumpukan sepenuh perhatian merawat kes-kes COVID-19. Jumlah kapasiti dan prasarana kesihatan juga sentiasa dinilai semula

mengikut keperluan semasa, di sesetengah klinik kesihatan kemampuan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik adalah agak terbatas. Malahan kita akui terpaksa memasang khemah tambahan untuk tempat menunggu giliran. Klinik kesihatan yang lengkap merupakan kumpulan sokongan yang penting dari berlakunya kesesakan di hospital. Namun kekurangan fasiliti dan ruang yang terhad ini sentiasa mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Bangunan-bangunan yang perlu dibaik pulih atau dinaik taraf juga diberikan keutamaan bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan keperluan yang penting buat masa ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada warga KKM dan seluruh, dari seluruh negara dan di Johor khususnya yang telah bertungkus lumus dalam mendepani pandemik di barisan paling hadapan. Terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah memperuntukkan pemberian wang tunai secara *One-Off* kepada *frontliners* bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka dalam agenda Johor Berkeadilan dalam Belanjawan 2021. Kerajaan negeri diharap dapat mengemukakan usul agar kerajaan pusat mempertimbangkan semula Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal atau pun BITK di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Sektor perubatan kini menjadi nadi utama kesejahteraan rakyat, pelantikan tetap bagi Doktor kontrak menjadi satu perkara yang mesti diambil perhatian dalam situasi terus berhadapan dengan pandemik yang belum tahu kesudahannya. Pendirian kerajaan negeri Johor ini pasti akan memberikan kelegaan dan suntikan semangat untuk pasukan ini terus berkhidmat kepada negara.

Yang Berhormat Speaker, ada beberapa perkara yang Parit Raja ingin bangkitkan pada Persidangan kali ini untuk kesejahteraan bagi masyarakat dalam negeri Johor agar terus terjamin dan mendapat perhatian dari pihak kerajaan yang sewajarnya, terutama terhadap keadaan ekonomi semasa khususnya bagi rakyat Johor dalam mendepani fasa pemulihan negara yang masih berdepan, kita berada pada fasa yang pertama. Di tengah suasana pandemik ini, akibat ekonomi bergerak, aktiviti ekonomi bergerak agak perlahan, projek pelaburan berasaskan kesihatan dilihat sebagai prospek baru dan berpotensi. Dengan dasar kerajaan negeri Johor yang mesra pelabur, penyediaan insentif dan infrastruktur yang terbaik, kerjasama antara agensi di harap dapat memberikan keyakinan kemasukan pelabur baru dan dapat memberi nilai tambah kepada kerajaan negeri. Perkembangan semasa di negeri Johor menunjukkan *trend* peningkatan dalam sektor pertanian. Belanjawan Negeri Johor 2021 yang memberi titik fokus kepada agenda tani merupakan pilihan masa yang tepat apabila berhadapan dengan pandemik COVID-19. Negeri Johor mesti berupaya menyediakan bekalan atau bank makanan sendiri, dan tidak terlalu bergantung kepada sumber luar.

Oleh yang demikian, pemerksaan dalam bidang industri asas tani perlu ditingkatkan agar negeri Johor berupaya menjadi pengeluar produk sama ada pertanian, perikanan dan industri ternakan daging dan ruminan. Contohnya industri ternakan ayam, pedaging halal, ini menjadi kitaran perniagaan yang agak meluas dan permintaan yang tinggi memandangkan wujudnya peniaga kecil yang menghasilkan inovasi makanan berasaskan daging ayam. Kerajaan negeri diharap dapat membuka peluang dan menyediakan lebih banyak inisiatif yang lebih luas kepada usahawan yang berminat untuk memulakan projek rintis. Bantuan peralatan kepada usahawan industri kecil dan sederhana dan juga bantuan khidmat nasihat kepada usahawan.

Yang Berhormat Speaker, Parit Raja ingin menekankan peningkatan pengangguran dan kehilangan pekerjaan dalam kalangan rakyat. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan kadar pengangguran 4.5% pada Mei 2021 merekodkan 728,100 orang penganggur. Di negeri Johor pula mencatatkan sebanyak 3.5% pengangguran sehingga tahun 2020. Sebilangan mereka yang terjejas ini mencuba nasib dengan menjalankan aktiviti menjaja produk, khususnya makanan dan minuman kini tumbuh bagai cendawan yang tidak dapat dikawal. Ada yang membuka khemah walaupun sekadar di depan rumah atau tepian jalan. Oleh yang demikian, kepayahan yang dialami dan perniagaan bermodalkan wang yang kecil ini tidak memungkinkan mereka untuk mendaftar penjaja, apatah lagi mendaftar perniagaan

di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Dalam statistik Tenaga Buruh Malaysia, pada bulan Jun dan suku tahun kedua 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan jumlah penduduk yang bekerja sendiri mengalami pertambahan sebanyak 4,100 orang dengan jumlah 2.5 juta orang menjelang Mei dan berpotensi bertambah setiap bulan. Golongan ini hendaklah di beri perhatian sewajarnya meskipun mereka hanyalah penjaja kecil, namun penggerak ekonomi bagi setiap pengeluar dan pengilang. Amatlah diharapkan golongan ini mendapat perhatian kerana mereka yang berstatus peniaga atau penjaja kecil tanpa lesen dapat memberikan keuntungan kepada pengeluar dan pengilang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, merujuk keratan akhbar Kosmo bertarikh 16 Ogos 2021, dipaparkan hasrat setengah juta golongan belia untuk memiliki lesen memandu yang sah telah tertangguh akibat penutupan institusi memandu. Bukan sahaja belia, malah kebanyakan tenaga pengajar dan agen institut pemandu turut terkesan akibat pandemik ini. Kita sedia maklum pematuhan SOP adalah bertujuan untuk mengekang wabak COVID-19, namun mereka adalah golongan yang terkesan kerana tidak dapat mencari pekerjaan dan keluar mencari rezeki. Peluang pekerjaan seperti penghantar makanan dan barangan bergantung kepada lesen memandu B2, D, GDL dan E yang sah. Kerajaan hendaklah menimbang semula pembukaan institusi memandu dengan prosedur operasi standard atau SOP bagi membendung jangkitan wabak COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan 2021 telah memberi fokus kepada 12 agenda kebajikan, keberdayaan, keberhasilan utama supaya dapat memacu ekonomi negeri Johor untuk terus berdaya tahan. Dengan tiga objektif utama, menjamin ketahanan dan kelangsungan ekonomi, memperkasa dan memberdaya tahan kebajikan rakyat dan menjamin kesejahteraan dan kemakmuran global. Rakyat Johor meletakkan kepercayaan bahawa kerajaan negeri Johor serta segala perancangan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan terus diberi ilham dan kebijaksanaan serta sentiasa dipermudahkan akan segala urusan. Pakej Rangsangan Ekonomi pula yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bermula sejak fasa PKP yang pertama, Pakej Rangsangan Ekonomi 1.0 dengan 52 inisiatif dengan peruntukan sebanyak RM163.32 juta. Pakej Rangsangan Ekonomi 2.0, peruntukan sebanyak RM117.64 juta dengan 18 inisiatif. Pakej Rangsangan Ekonomi 3.0, peruntukan RM209.79 juta dengan 33 inisiatif. Dengan situasi wabak pandemik yang masih berterusan, pendapatan ekonomi dalam sesebuah keluarga menjadi amat terhad dan terbatas. Pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi tersebut dapat memberi kelegaan langsung kepada rakyat. Skim pemberian air percuma kepada golongan B40 yang telah dibentangkan wajar diteruskan untuk tahun akan datang kerana ia memberi manfaat kepada isi rumah.

YB Speaker : Dua minit lagi Yang Berhormat.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Speaker, infrastruktur dan akses Internet merupakan platform utama bagi pelajar, peniaga dan semua keseluruhan rakyat Johor. Ia menjadi nadi untuk rakyat dari sudut pendidikan ekonomi dan industri. Ekonomi Johor kini dipacu oleh teknologi, inovasi dan pertumbuhan ekonomi digital, namun masih terdapat kawasan yang tidak mendapat akses Internet terutama dalam mengurus rutin harian dalam tempoh PKP. Pelan Jalinan Digital Negara yang menasaskan penambahan menara komunikasi baru dan penaiktarafan alat pemancar serta program Johor WiFi diharap dapat memberi manfaat benar-benar kepada rakyat khususnya dalam meluaskan capaian Internet di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja yakin segala usaha pihak kerajaan adalah untuk memastikan ekonomi, kesejahteraan, keselamatan rakyat Johor sedang giat digerakkan besar-besaran. Yang Berhormat Tuan Speaker, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah menyalurkan peruntukan kepada semua Ahli Dewan untuk membantu rakyat. Dengan prinsip terbuka, mengetepikan perbezaan fahaman serta memandang tugas Ahli Dewan selaku wakil rakyat itu adalah lebih berat dan utama ketika berhadapan dengan rakyat di

kawasan. Maka dengan berjiwa besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor meletakkan tangga harap agar pasukan ini dapat membawa keluar bangsa Johor dari kemelut pandemik COVID-19. Terima kasih sekali lagi Yang Amat Berhormat kerana telah mengumumkan tambahan peruntukan di saat untuk kita berhadapan suku terakhir tahun 2021 yang semakin mencabar ini.

Yang Berhormat Speaker, Parit Raja mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala khidmat jasa bakti dan pengorbanan *frontliners* yang telah berbakti dengan begitu baik dan cemerlang dalam tempoh mendepani COVID-19 sejak awal tahun 2020. Kegigihan barisan *frontliners* untuk memastikan kesejahteraan rakyat agar terus terjamin merupakan satu semangat yang luar biasa dan ia adalah satu pengorbanan yang besar buat negara. Begitu juga penghargaan dan terima kasih kepada seluruh agensi kerajaan yang berganding bahu membantu dalam segala aspek bagi memenuhi keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Yang Berhormat Speaker, bahawa apa juga dugaan di saat mendepani budaya kehidupan norma baharu yang tidak pernah terbayang dalam benak fikiran kita, betapa peri pentingnya kita bernaung dan menjunjung tinggi Institusi Diraja dan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Negeri Johor. Payung kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, telah membentuk dan mengikat keharmonian bangsa Johor. Sebagai rakyat, marilah kita terus menjunjung Perlembagaan dan meletakkan sepenuh taat setia kepada raja dan negara betapa Duli Yang Maha Mulia Tuanku meletakkan kepentingan rakyat sebagai perkara utama, maka sudah menjadi kewajiban bagi rakyat pula meletakkan sepenuh ketaatan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Yassin, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada rakyat dan negara. Semoga Allah sentiasa memberikan ganjaran kebaikan serta melimpahi kehidupan Yang Berhormat Tan Sri dengan rahmat dan keberkatan.

Yang Berhormat Speaker, sebagaimana negeri Johor dan negara kita berjaya melandaikan lekuk dalam menangani kes COVID-19 sejak melanda negara kita.

YB Speaker : Masa dah habis dah Yang Berhormat.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Rakyat negeri Johor pelbagai lapisan berganding bahu memutuskan rantaian COVID bagi merealisasikan Pelan Pemulihan Johor, marilah kita rakyat Johor bangkit untuk terus bersama berganding bahu memastikan bangsa Johor berjaya keluar dari pelbagai masalah yang wujud akibat pandemik ini. Johor dengan cara Johor, kebersamaan semua pihak berganding bahu mendepani pandemik ini satu perkara yang amat penting. Nikmatnya hidup bermuafakat akan membawa berkat. Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Parit Raja yakin rakyat Johor akan menjadi bangsa yang lebih bersedia, lebih berdaya tahan dan berupaya membina tamadun yang berjaya. Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Raja mohon menyokong rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sri Medan. Sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Parit Raja. Dia punya *landing* tu 5 minit. Saya ingat dah nak *landing* tadi. Ok tak apa, terima kasih. Seterusnya saya persilakan Parit Yaani 20 minit. Jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Doa) Segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada junjungan nabi kita Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat baginda, tabi'in dan para ulama serta pengikut baginda, semoga memperoleh ihsan Allah di hari pengadilan kelak. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih, dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim

Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tertarik dengan hujah ataupun apa yang dinyatakan oleh YB Zul, Sri Medan, kepimpinan jujur demi rakyat. Kepimpinan merupakan satu elemen terpenting di dalam memacu kesejahteraan rakyat dan negara. Lebih-lebih lagi dalam keadaan negara berperang dengan pandemik COVID-19. Pengalaman mengajar kita jangan sekali pemimpin atau kumpulan pemimpin membuat sesuatu tindakan di luar dari harapan sebahagian besar rakyat. Kebahagiaan sesebuah negara boleh diumpamakan dengan kehidupan sebuah rumah tangga yang harmoni. Jika ayah dan ibu saling bergaduh, semestinya rumah tangga berkenaan tidak boleh bertahan lama. Keadaan negara kita sekarang adalah seolah-olah seperti telah hilang keberkatan apabila pemimpin menjadi ketua melalui cara yang tidak betul. Membelakangi mandat rakyat yang sah melalui instrumen demokrasi selain pengkhianatan kepada kepercayaan rakan sendiri. Parit Yaani ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini, sesuai dengan titah baginda Sultan Johor supaya pemimpin menunjukkan tauladan yang baik, mendahulukan tanggungjawab kepada rakyat pada setiap masa kerana rakyat yang memilih kita sehingga kita berjaya duduk di dalam Dewan ini. Bukan memikirkan kepentingan peribadi, bukan untuk mengambil kesempatan mengumpul kekayaan dan tidak sekali-kali menyalahgunakan kuasa yang ada atas kepentingan puak atau kumpulan tertentu sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Yaani ingin mengingatkan kepada semua ADUN, kakitangan kerajaan dan rakyat di luar sana bahawa keharmonian keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara adalah bergantung kepada watak pemimpin ataupun kumpulan pemimpin yang memimpin negara berkenaan. Izinkan Parit Yaani merujuk kepada nama-nama pemimpin yang terkenal dan berjaya memimpin negara dan memimpin manusia di zamannya. Sebagai contoh Mahatma Gandhi di India, Mandela di Afrika Selatan, Nehru di Pakistan sebagai contoh pemimpin yang mempunyai wawasan, ketegasan dan keberanian membawa hasrat rakyat terbesar melawan penjajah.

Sebagai seorang Islam, ingin saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini antara sifat yang wajib ada pada seorang nabi adalah siddiq, amanah, tabliq dan fatanah yang sepatutnya menjadi ikutan setiap pemimpin yang beragama Islam. Supaya keperibadian pemimpin itu tidak menjadi alasan pihak yang tidak suka kepada pemimpin tersebut mengaitkannya dengan agama yang dianutnya. Inilah pemimpin yang mempunyai akhlak terpuji, walau apa jua pangkat dan jawatan yang kita diberikan tanggungjawab. Adakah kita bersedia untuk menjadi pemimpin dan tercatat di dalam sejarah? Sebagai pemimpin yang akan disebut-sebut sebagai pemimpin yang baik atau seperti pemimpin disebut-sebut di dalam al-Quran? Sebagai pemimpin yang jahat dan zalim kepada rakyat dan derhaka kepada Allah? Semua agama menyeru kepada kebaikan. Menggalakkan manusia hidup dalam keadaan aman dan saling hormat menghormati sesama insan. Apatah lagi Islam yang sangat mementingkan keperibadian pemimpin yang boleh membawa manusia kepada mentaati perintah tuhan.

Akhlak pemimpin yang mulia akan menjadikan negara kita dilihat oleh peringkat antarabangsa sebagai negara yang boleh diberikan kepercayaan untuk melabur, berniaga dan berurusan sebagaimana firman Allah (ayat al-Quran), tiada rasuah, tiada pecah amanah, tiada duit bawah meja, duit atas meja, tiada projek ini kau punya, projek ini aku punya dan tiada skim *offsting*.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cukuplah sejarah hitam yang tercatat di negara kita bagaimana sikap dan tindakan rakyat kepada kerajaan PN baru-baru ini sehingga PM ke-8 terpaksa meletakkan jawatan di atas kegagalan kabinetnya menguruskan pandemik COVID-19. Bukan semakin reda dan menghilang tetapi semakin menggila dan menakutkan kerana bukan sahaja bilangan pesakit semakin melonjak naik sehingga ke angka 20,000 sehari, malah angka kematian harian melebihi 200 seolah-olah sebuah kapal terbang Boeing 737 terhempas setiap hari.

Hatta pelbagai PKP, PKPP, PKPB sehingga diisytiharkan darurat tidak memperlihatkan perubahan ke arah kejayaan bahkan semakin meruncingkan keadaan di hospital serta klinik-klinik yang menguruskan isu pandemik COVID. Kalau kita nisbahkan jumlah pesakit COVID dengan rakyat Malaysia pada Ogos 2021 keseluruhan komuniti pesakit COVID adalah seramai 1,513,024 orang berbanding penduduk Malaysia seramai 34 juta. Bermakna secara purata, setiap 100 orang rakyat Malaysia, 4 orang adalah pesakit COVID. Bilangan kematian pula telah mencecah 13,713 orang. Pelbagai kaedah pendekatan dan cara yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan, semua strategi berkenaan belum berjaya mengekang penyebaran COVID sehingga hampir seluruh negara kini menjadi zon merah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, walau bagaimanapun Parit Yaani ingin mengucapkan terima kasih untuk kerajaan Johor yang telah memberikan peruntukan tambahan pada hari ini RM150,000.00 kepada semua ADUN PH dan juga kepada semua wakil rakyat dan penyelaras DUN masing-masing. Dalam daerah Batu Pahat sahaja sehingga 19 Ogos 2021 pesakit COVID berjumlah 8,142 orang akan tetapi mereka yang di kuarantin disebabkan menjadi kontak rapat sehingga menjejaskan sumber rezeki keluarga yang terjejas melebihi 3,000 keluarga di seluruh DUN Parit Yaani. Dengan ini saya merakamkan, Parit Yaani ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan seperti kakitangan KKM, Polis, tentera dan lain-lain yang tidak meninggalkan tanggungjawab mengurus pandemik COVID walaupun ramai di kalangan mereka tewas dan meninggal dunia kerana dijangkiti COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker, keadaan COVID di Johor dan saranan menerima dos pertama seluruh Malaysia telah mencapai 17 juta lebih sekitar 54%. Manakala dos kedua baru mencapai 11 juta lebih sekitar 36%. Negeri Johor menduduki kedudukan agak rendah dari segi peratusan penerima vaksin. Penerima dos satu baru 1, 724, 292 sekitar 45.6%, manakala dos kedua baru 870,777 lebih kurang 23%, sedangkan bilangan yang telah mendaftar vaksin adalah sekitar 2,611,821. Dari segi peratus penduduk, populasi dewasa hanya 33.5% rakyat Johor yang telah mendapat dos kedua. Peratusan ini adalah yang kedua terendah di Malaysia berbanding negeri-negeri lain kecuali Sabah.

Persoalannya, mengapa negeri Johor berada di kedudukan ini, dari segi penerima vaksin sedangkan PM ke-8 dan Menteri Kesihatan berasal daripada Johor. Pesakit COVID di Johor adalah seramai 117,990 berbanding penduduk negeri Johor sekitar 3,508,000. Di mana negeri Johor menduduki tempat ketiga selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini bermakna secara purata bagi setiap 100 orang penduduk Johor, 3 daripada mereka adalah pesakit COVID. Kadar kebolehjangkitan COVID Ro/Rt pada jangkaan mengikut kes harian pada 19 Ogos 2021 di Johor adalah 1.07, lebih tinggi dari kadar kebolehjangkitan negara iaitu 1.04. Selangor 1, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 0.95. Terdapat peningkatan kes *brought in dead* sebanyak 130% pada 2 minggu pertama bulan Ogos 2021 di seluruh negara. Peningkatan kes kematian juga berlaku di Johor dengan 376 kematian yakni 16%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkhidmatan penjagaan kesihatan, perlindungan sosial dan sistem tadbir urus keseluruhan merupakan tiga tunjang strategi untuk menentukan kejayaan kita mengatasi COVID-19. Kerajaan negeri disarankan untuk mempertingkatkan kerjasama dengan hospital-hospital swasta selain memperbanyakkan bilangan katil di hospital-hospital medan seluruh negeri untuk menampung peningkatan pesakit yang memerlukan rawatan di samping mengurangkan kes BID di Johor. Skim khidmat sukarelawan boleh juga diperkembangkan di hospital-hospital untuk menampung kekurangan kakitangan.

Kami mendapat banyak aduan tentang pesakit COVID dan ahli keluarga kontak rapat yang tidak dipakaikan gelang malah ada pesakit COVID-19 yang disahkan positif yang tidak dibawa atau lambat dibawa ke pusat kuarantin. Parit Yaani menyarankan agar pihak berwajib dapat melihat isu ini mencari punca dan menyelesaikannya segera. Kerana semua

perkara ini meningkat risiko jangkitan kepada ahli keluarga serumah dan orang-orang sekitarnya. Selain itu Parit Yaani juga menyarankan kerajaan disarankan memberi keutamaan vaksin kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam sektor-sektor perlu termasuk sektor pembuatan di pasar-pasar, peniaga-peniaga pasar, pasar-pasar raya dan penghantaran makanan. Kawalan SOP dan pemantauan yang lebih ketat perlu dibuat termasuk diadakan mengadakan pemeriksaan mengejut di premis-premis berkaitan. Ini boleh mengelakkan bilangan kematian dan jangkitan tertinggi seperti yang berlaku di kilang elektronik, pembuatan semi-konduktor di Tanjung Agas, Tangkak.

Liputan dan capaian Internet adalah amat penting supaya tiada penduduk di terutama yang berada di luar bandar dan kurang berkemampuan yang tertinggal dari segi capaian maklumat. Penggunaan aplikasi MySejahtera, pembelajaran anak-anak di zaman, di rumah ataupun menjalankan urusan niaga perniagaan secara atas talian perlu dipertingkatkan. Kerajaan negeri perlu menganalisis liputan Internet di seluruh negeri dan mempertingkatkan infrastruktur capaian Internet percuma kepada penduduk Johor. Kecepatan dan ketepatan tindak balas kita adalah sangat penting dalam perang menghadapi COVID. Kerajaan negeri perlu mengusahakan satu kaedah atau sistem di mana data mengenai bilangan, masa dan lokasi berkenaan kes baharu, penyebaran kes, kuarantin, penggunaan katil, ICU dan *ventilator* serta keadaan ekonomi dan penghidupan rakyat dapat diiktiraf dan di analisa dan digunakan secara hampir masa nyata ataupun *real-time* untuk diambil tindakan secara pantas oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Speaker, persediaan peralihan dari negeri pandemik kepada *endemic*. Parit Yaani mencadangkan supaya memberi perhatian tentang impak kepada ekonomi Johor. Pada akhir tahun 2020, laporan mencatatkan penurunan pendapatan peruncitan sebanyak 70% berbanding tahun sebelumnya. 5% hingga 10% SME di Johor terpaksa ditutup. Jumlah penginapan di hotel-hotel merosot melebihi 30% dengan penutupan 14 hotel terbesar termasuk Mutiara Johor Bahru yang telah beroperasi lebih 39 tahun. Golongan B40 paling terjejas terutama apabila perniagaan mikro tidak dibenarkan beroperasi. Pendapatan nelayan dan petani luar bandar juga terjejas. Kadar kemiskinan di Johor meningkat dari 13.9% pada tahun 2019 kepada hampir 8% pada tahun 2020. Manakala kadar kemiskinan tegar naik daripada 0.2 kepada pada tahun 2019 kepada 2.5% pada tahun 2020. Kesihatan mental di kalangan rakyat juga dilaporkan merosot dengan Johor mempunyai bilangan bunuh diri tertinggi di antara Mac hingga Oktober tahun lalu. Ini antara sebab-sebab antaranya adalah penutupan sempadan Johor – Singapura. Antara penyumbang besar kepada keadaan ekonomi Johor yang berkaitan dengan Singapura. Lebih 250,000 pekerja Singapura yang tinggal di Johor telah terkandas dan seramai 15,346 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang kebanyakan daripada mereka tinggal dan berasal daripada Johor telah kehilangan pekerjaan. Parit Yaani mencadangkan rantaian pembekalan makanan yang melibatkan Singapura perlu dihidupkan semula dengan mewujudkan saluran khas untuk memasarkan dan menjual produk dari Johor terus kepada pembeli di Singapura. Kerajaan Johor juga perlu mempertimbangkan untuk membenarkan pergerakan rentas antara Johor dan Singapura bagi rakyat Malaysia dan rakyat Singapura yang telah lengkap dua dos vaksin dengan disertai langkah-langkah kawalan yang sewajarnya.

Dan yang ketiga, libatkan libat sama dalam memerangi COVID-19 dalam Majlis Pemulihan Negeri semua pihak perlu dilibatkan dalam usaha kerajaan negeri memerangi COVID dan program pemulihan negeri dari bencana ini. Parit Yaani juga ingin menyarankan agar ADUN-ADUN selain diberikan peruntukan yang telah diumumkan tadi, libatkanlah dalam jawatankuasa-jawatankuasa strategik untuk menangani dan memulihkan ekonomi kerajaan negeri dari COVID-19.

Isu tempatan. Yang Berhormat Tuan Speaker, isu tempatan yang tidak boleh lari dari Parit Yaani adalah Bukit Payung. Sejak Bukit Payung digondolkan untuk dijadikan tapak pelupusan sampah, banjir lumpur, banjir kilat lumpur telah kerap berlaku di kampung sekitarnya. Parit Yaani mohon agar dibina sistem perparitan konkrit yang mencegah

kebanjiran lumpur ini daripada berlaku khususnya di Kampung Mohd Noor, Batu 5, Jalan Parit Sulong. Baru-baru ini lebih 10 buah rumah yang ditenggelami air lumpur menyebabkan kesukaran kepada penduduk.

Yang kedua, penyelenggaraan rumput di tepi-tepi jalan kampung di bawah seliaan Pejabat Daerah, juga didapati tidak dilaksanakan dengan alasan tiada peruntukan. Kami berharap perkara ini mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya dari pihak yang berkenaan.

YB Speaker : Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Yang Berhormat Tuan Speaker, ramai di kalangan kita yang kehilangan keluarga, ramai di kalangan kita yang kehilangan rakan, ramai di kalangan rakyat kita hari ini yang menjadi balu ataupun yang menjadi yatim piatu. Saya ingin merakamkan, mengambil kesempatan ini ucapan takziah kepada semua ahli keluarga mangsa-mangsa COVID yang telah mendahului kita. Di antara mereka yang menjadi korban COVID antaranya adalah Almarhum Saudara Shazni Munir, Ketua Pemuda AMANAH Malaysia merangkap Ketua Pemuda Pakatan Harapan Malaysia yang baharu berusia 34 tahun, Allahyarham Saudara Abdullah Idris, Ketua AMANAH Kawasan Pulai, Allahyarham Normah binti Hairan, isteri kepada Ustaz Ahmad Sani, Ketua AMANAH Kawasan Tanjung Piai dan dua orang setiausaha AMANAH dari kawasan Pasir Gudang dan kawasan Batu Pahat, iaitu Almarhum Haji Mahathir dan Haji Sarpin Haji Sirat dan Almarhum Haji Sidam bin Abdul Rashid, termasuk dua minggu lepas, abang kandung saya sendiri meninggal kerana COVID. Sama-sama kita berdoa agar Allah mengangkat wabak ini daripada negara kita dan Johor khasnya, dan kita boleh melaksanakan urusan harian seperti biasa tanpa wabak dan saya mohon kepada Dewan yang mulia ini, bagi yang beragama Islam kita sedekahkan fatihah kepada seluruh mereka yang meninggal dunia akibat COVID. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, al fatihah.

YB Speaker : Seterusnya, terima kasih kepada Parit Yaani yang telah mengemukakan ucapannya. Seterusnya saya persilakan Stulang. 10 minit.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker atas peluang diberikan. Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam era pandemik yang cukup menyeksa ini, musuh utama bersama kita adalah virus COVID dan cabaran kita dalam menyesuaikan diri dalam kehidupan norma baharu ini. Jadi bagaimana Wakil Rakyat sama ada kerajaan atau bukan kerajaan boleh berganding bahu bersama-sama dengan para pegawai kerajaan serta rakyat jelata dalam memerangi wabak COVID ini. Pesanan dalam Ucapan Bajet Dato' MB tahun lalu yang menekankan bahawa pembangkang di Johor merupakan rakan strategik dan pelengkap kepada kerajaan merupakan bentuk kerjasama yang patut kita usahakan saya rasa, supaya ia menjadi kenyataan di antara para Wakil Rakyat dalam apa jua struktur atau agensi kerajaan, seperti yang Sri Medan ada sebut juga mendukung budaya politik yang matang. Jadi pada hemat saya, konsep rakan strategik dan pelengkap kerajaan di kalangan Wakil Rakyat boleh diterjemahkan melalui cara-cara berikut.

Pertama, Wakil Rakyat pembangkang harus dilibatkan lakaran dasar peringkat jawatankuasa, pandangan atau idea semua Wakil Rakyat wajar dirujuk atau dipertimbangkan secara terperinci, taklimat dan data-data atau input awalan penting juga boleh dibekalkan terlebih dahulu sebagai bahan rujukan untuk percambahan fikiran gubahan dasar. Lebih-lebih lagi apabila berdepan ancaman COVID, Wakil-Wakil Rakyat pembangkang sebenarnya boleh membantu dalam pengurusan COVID, hal ehwal

pemberian vaksin, CITF, perihal kawalan pergerakan atau keselamatan, dasar-dasar SOP, pelan tindakan pemulihan ekonomi setempat dan Johor sama ada makro atau mikro, belanjawan negeri tahunan, pembukaan sempadan, perihal rentas sempadan dan sebagainya. Jadi, perlu ditekankan di sini adalah, kami adalah ikhlas apabila menyentuh tentang kemajuan Johor dan memerangi COVID. Ini boleh jelas dilihat di peringkat akar umbi apabila menyentuh tentang kebijakan atau kepentingan umum, kami akan menghulurkan apa jua bantuan tanpa mengira latar belakang politik, agama dan bangsa.

Kedua, membenarkan semua Wakil Rakyat agar boleh menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Penglibatan ini mustahak bagi mendapatkan pandangan-pandangan untuk menyelesaikan masalah rakyat bersama. Ini juga merupakan satu pentas perkongsian data-data penting bagi membolehkan para Wakil Rakyat bertindak berlandaskan keadaan sebenar dengan tepat tanpa membazirkan sebarang sumber. Yang penting adalah masalah rakyat selesai.

Selain itu, peruntukan kawasan untuk setiap Wakil Rakyat yang setara juga adalah penting. Ini bagi membolehkan setiap Wakil Rakyat menjalankan gerak kerja untuk manfaat rakyat. Ia juga penting bagi menghantar satu mesej bahawa semua Wakil Rakyat adalah bersama-sama berganding bahu dalam memerangi COVID. Terima kasih kepada Dato' MB kerana telah berkali-kali menyalurkan peruntukan *outreach* geran kepada pihak pembangkang juga.

Kemudian, kadang-kadang para pegawai kerajaan dalam keadaan dilema dan serba salah juga kerana mereka telah, sebenarnya telah bersungguh-sungguh dan berniat baik untuk membantu isu yang dibawa oleh Wakil Rakyat pembangkang bagi menyelesaikan masalah rakyat. Terima kasih diucapkan. Tetapi kadang kala ini nak bantu atau tak nak bantu ini ya, mereka serba salah kerana kadang-kadang bantu nanti takut risau kerajaan atau MB marah, kalau tak bantu, masalah tak *settle* pula, ini kadang-kadang berlaku. Jadi, dalam soal ini saya rasa, Dato' MB sebagai pemimpin memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan kerjasama erat ini dengan *chemistry* yang ideal. MB perlu saya rasa memandu, memerintah dengan jelas dalam bentuk mesej, arahan, hala tuju dan pendirian agar corak kerjasama dan hala tuju bersama ini jelas di kalangan Wakil Rakyat kerajaan, pembangkang dan para pelaksana. Kerana tidak boleh dinafikan adalah, Wakil Rakyat adalah penghubung, semua Wakil Rakyat adalah penghubung di antara kerajaan dan rakyat. Dan, semua ini akan diperkukuhkan dengan adanya para pelaksana yang menyampaikan perkhidmatan terbaik daripada kerajaan kepada rakyat.

Jadi, apabila masalah rakyat boleh diselesaikan tanpa mengira isu ini dibawa sama ada oleh pihak kerajaan atau pembangkang atau walaupun cadangan dasar penyelesaian dibawa oleh Wakil Rakyat bukan kerajaan, maka ini secara tidak langsung boleh dikatakan agensi kerajaan berserta dengan kerajaan, Wakil Rakyat telah menjalankan tugas penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Sekiranya masalah rakyat tidak diendahkan, kerana adanya perbezaan fahaman politik, maka masalah ini akhirnya sebenarnya akan dituju balik kepada kerajaan kerana belum selesai. Yang pastinya adalah rakyat menanggung semua kesengsaraan.

Sekarang pandemik ya, kita perlu bekerjasama dan diberi ruang untuk bekerjasama. Dalam politik, memang biasalah tidak kira apa parti pun, ya, kita berkempen semasa PRU untuk menang, ini biasa, ini biasa. Apabila kita dalam sepasukan dulu ya, kita berjuang menolong rakan-rakan kita dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Sebagai parti lawan, kami saling menghormati ya, langsung tidak pernah menyerang peribadi. Apabila kami menang, kami kongsi kegembiraan, kongsi hasil keringat dan tidak pernah berebut-rebut dengan kawan. Kami tidak menghina lawan, tidak pandang rendah lawan. Apabila kami kalah, apabila kami ditinggal kawan, kami akur, kami bersabar juga dan tidak pernah menyumpah jahat ya. Jadi dengan asas yang ada ini, demi rakyat, kita, kami, kita, kita, kami boleh duduk semeja berunding, bermuafakat. Saya rasa dengan cara bangsa Johor kita yang tersendiri, kita boleh mengharungi cabaran COVID yang cukup genting ini.

YB Speaker : Dua minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Speaker, Johor merupakan negeri yang menyumbang besar kepada ekonomi Malaysia. Kerancakan ekonomi banyak juga bergantung kepada ekonomi sempadan iaitu sempadan Johor – Singapura. Kebolehbukaan sempadan Malaysia – *Singapore* merupakan faktor utama yang akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi Johor Bahru setempat dan Johor. Walaupun pembukaan penuh sempadan seolah-olah sukar kerana *epoxy* Johor dan Malaysia yang masih tinggi ditambah pula dengan kadar vaksinasi yang belum mencapai sasaran imuniti kelompok ya. Maknanya, sekiranya kita gagal memerangi COVID dan lambat mencapai imuniti kelompok, maka kesan sampingan yang perlu ditanggung rakyat adalah berkesan rantaian sama ada kesihatan, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Jadi, saya rasa banyak yang akan dibangkitkan secara mendalam oleh rakan-rakan saya selepas ini. Isu tersebut termasuklah pusat vaksin, MySejahtera, SOP, kuarantin, pembukaan sekolah, rentas sempadan, pasport vaksin, bantuan-bantuan mereka yang memerlukan, masalah sosial, isu mata pencarian, pertanian, kilang tutup dan sebagainya. Jadi, besar harapan saya adalah kesemua isu dan cadangan yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini diberi perhatian dan dibincangkan secara terperinci bersama selepas sidang Dewan ini. Di kesimpulannya, bermula dari saat ini, pandang seriuslah kes positif sekarang, jangan mengharapkan keputusan yang berlainan dengan cara yang sama. Bersama-samalah kita menggembleng tenaga, kita mendukung politik matang yang baharu, kita lawan COVID, kita pulihkan ekonomi, kita sasarkan imuniti kelompok untuk kesejahteraan diri, keluarga dan negara. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya terima kasih Stulang. Seterusnya saya persilakan Bukit Pasir.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Bacaan selawat. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, patik merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas ucapan dan perasmian semasa Sidang Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Ucapan selamat turut patik panjangkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semoga Allah SWT memberi kurnia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kesihatan dan umur yang panjang, insya-Allah.

Alhamdulillah, ucapan tahniah dan selamat Bukit Pasir panjangkan kepada kerajaan negeri Johor atas inisiatif kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0 yang dikeluarkan pada tarikh 10 Jun 2021. Kerajaan negeri Johor kekal mengutamakan bantuan kebajikan kepada masyarakat serta ekonomi negeri terutama pada waktu pandemik ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Bukit Pasir juga ingin mengambil kesempatan untuk berterima kasih atas jasa besar yang ditaburkan oleh staf serta sukarelawan barisan hadapan bagi menghentikan penularan wabak COVID-19. Semoga segala budi yang ditaburkan menjadi benih yang dapat memberi manfaat kepada semua dan akan sentiasa dikenang masyarakat Malaysia. Tanpa melengah masa, Bukit Pasir membentangkan perbincangan kepada empat perkara terpenting iaitu situasi pandemik, pembangunan ekonomi negeri, sistem berpendidikan dan pengurusan pentadbiran di peringkat kemasyarakatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *point-point* di bawah situasi pandemik adalah berkenaan bantuan bulanan yang perlu dipertimbang oleh kerajaan negeri kepada ahli keluarga mangsa kematian COVID-19. Bantuan bulanan sama ada daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pun bantuan ilat dilihat amat penting apabila mereka kehilangan ahli keluarga yang menjadi punca nafkah keluarga yang ditinggalkan. Selain itu, akibat situasi pandemik, Bukit Pasir ingin mengetengahkan SOP sembelihan terutama semasa sambutan Hari Raya Korban tahun ini yang dilihat amat ketat dan membebankan penternak. Selain daripada wajib dijalankan di pusat sembelihan, kaedah yang perlu dicincang daging

mengakibatkan proses yang memakan masa terbeban serta penternak yang menanggung kerugian kerana dibatalkan pesanan lembu korban. Bukit Pasir ingin membahaskan bahawa SOP sembelihan ini perlu dikaji dengan lebih mendalam berkenaan kebaikan serta keburukan terutama kepada penternak yang terpaksa menanggung kesan dan akibat SOP yang terlalu ketat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Bukit Pasir terus kepada situasi pandemik yang seterusnya iaitu berkenaan kluster Persiaran Agas. Tempoh penutupan sepenuhnya kilang di Tanjung Agas yang dilengahkan walaupun telah tercatat kes positif pertama menyebabkan jumlah kluster di daerah Muar serta angka kematian meningkat dengan drastik. Menjadi persoalan daripada Bukit Pasir mengapa tiada tindakan yang diperketatkan kepada kilang yang masih dibenarkan beroperasi sedangkan ia berpotensi tinggi untuk mengakibatkan kluster yang membebankan rakyat. Maka DUN Bukit Pasir berharap dapat dibahaskan perkara ini serta kerajaan negeri dapat menyatakan data statistik kilang serta sektor pembuatan di negeri Johor yang telah berdaftar di bawah inisiatif Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam Swasta (PIKAS) serta jumlah pekerja yang telah divaksin.

Perkara seterusnya di bawah pembangunan ekonomi negeri, iaitu berkenaan inisiatif Bank Makanan Johor dengan izin, *Food Security* yang merupakan salah satu tujuh agenda utama Makmur Johor yang dibentangkan pada 24 November 2020, perbincangan daripada DUN Bukit Pasir adalah berkenaan Pusat Taman Kekal Pengeluaran Makanan (PTKPM) seperti di Lubuk Bakul, Hulu Bakri serta pusat tani di Pagoh menjadi lokasi berpotensi untuk kegiatan penternakan serta sektor pertanian. Adakah kerajaan negeri memiliki perancangan untuk membangunkan kawasan PTKPM ini agar agenda utama Makmur Johor dapat dicapai dan dimanfaatkan?

Yang Berhormat Tuan Speaker, Bukit Pasir beralih kepada perkara ketiga iaitu sistem berpendidikan. Bukit Pasir membawa fokus kepada madrasah serta tahfiz yang sering tercicir daripada menerima bantuan seperti bantuan sumbangan peranti daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Bantuan ini diharapkan dapat dipertimbangkan lagi terutama institusi pendidikan kini bergantung harap kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah, PdPR.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara keempat dan yang terakhir daripada Bukit Pasir adalah pengurusan pentadbiran di peringkat kemasyarakatan. Bukit Pasir dengan penuh pengharapan agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan dana peruntukan serta kadar bayaran kepada dua jabatan dan kakitangan yang akan diketengahkan oleh DUN Bukit Pasir, iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Askar-askar Wataniah, sumbangan serta pengorbanan yang dilaksanakan waktu pandemik ini banyak memberi cabaran. Justeru Bukit Pasir percaya dana peruntukan serta bayaran elaun tersebut perlu dipertimbang lagi agar dapat dimanfaatkan oleh jabatan tersebut serta anggota masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu, Bukit Pasir berharap agar kerajaan negeri dapat memberi pencerahan berkenaan elaun ketua kampung serta setiausaha yang tergendala sejak bulan Ogos 2020 terdahulu. Bukit Pasir juga berharap sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan dengan inisiatif daripada kerajaan dapat memperhalusi kerjasama serta mengambil berat akan kebajikan jawatankuasa yang ditubuhkan dengan, di bawah JPCK kampung agar peranan penting yang dijalankan oleh mereka seperti menyalur bantuan sumbangan barangan dapur mahupun memperolehi data statistik di kawasan masing-masing agar bertambah lancar dan dicemerlangkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *point* terakhir daripada DUN Bukit Pasir berkenaan pengurusan harta pusaka, ini teramat penting kerana didapati banyak bertindih-tindih terutama bagi keluarga yang telah meninggal. Berdasarkan peningkatan angka kematian di negeri Johor sahaja mencatat sejumlah 827 kematian. Laporan sumber Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 26 Julai 2021. Akibatnya proses pengurusan harta pusaka

oleh ahli keluarga mangsa kematian semakin bertambah, maka Bukit Pasir mencadangkan agar kemudahan untuk masyarakat luar bandar menguruskan pembahagian harta pusaka dapat dipercepatkan.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Kapt (B) Haji Najip bin Lep (Bukit Pasir) : Proses yang memakan masa serta kaedah urus tadbir berkenaan harta pusaka perlu diketengahkan ditambah baik, ketua kampung dan penghulu boleh memainkan peranan penting di peringkat masyarakat manakala industri pengurusan harta pusaka pula wajar diletakkan di bawah kategori penting sebagai salah satu inisiatif pemulihan negeri demi manfaat dan kesejahteraan rakyat. Alhamdulillah maka dengan itu Bukit Pasir menutup perbincangan ini dengan sedikit ucapan penghargaan kepada negara Malaysia serta masyarakat keseluruhannya yang terus bertarung demi membangunkan negara Malaysia tidak mengira kemelut dan cabaran yang ditempuhi. Bukit Pasir mengucapkan selamat menyambut bulan kemerdekaan kepada semua masyarakat khususnya DUN Bukit Pasir, semoga Allah SWT memberi kita perlindungan daripada musibah bala bencana serta seksaan azab api neraka di akhirat kelak, nauzubillahiminzalik. Akhir kata, sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya berpantun, barisan hadapan bekerja tekun, berkorban demi masa depan negara, Malaysia merdeka 64 tahun, semoga kedaulatan terus dipelihara.

Cabaran mendatang perlu ditempuh, bersama-sama bertambah teguh, salah dan silap maaf dipohon, segala kerja Bukit Pasir terus perkukuh.

Sidang Dewan selamat berlangsung, titah Sultan kan semua dijunjung, kebajikan rakyat terus di dukung, ekonomi negeri perlu di sokong.

Sekian wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Bukit Pasir. Seterusnya saya persilakan Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Terima kasih YB Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertamanya Endau ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana membenarkan Endau mengambil bahagian dalam sesi perbincangan pada kali ini. Sesungguhnya Persidangan pada kali ini penting bagi Endau bagi menyampaikan suara hati dan permasalahan yang dihadapi di kawasan Endau berikutan kita masih berperang dengan COVID-19 dan semoga apa juga Endau utarakan pada kali ini dapat diambil berat dan perhatian oleh pentadbiran kerajaan negeri.

Terlebih dahulu Endau ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas perkenan baginda mencemar duli merasmikan Persidangan ini dan Endau menjunjung titah pada tiap pandangan dan teguran oleh Tuanku. Ampun Tuanku. Patik dan seluruh warga Endau juga ingin merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris, Permaisuri Johor sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 14 Ogos 2021 yang lalu. Patik dan warga Endau serta seluruh rakyat Johor mendoakan semoga Allah melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh keluarga Diraja agar terus diberkati, dirahmati dan menaungi negeri Johor dengan makmur dan harmoni.

Di kesempatan ini Endau ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas keprihatinan dan kebertanggungjawaban beliau dengan membantu menyalurkan sejumlah peruntukan kepada semua wakil rakyat tidak kira pihak kerajaan mahupun pembangkang bagi membantu rakyat di kawasan masing-masing yang terjejas dengan pandemik ini. Ia sebagai wakil rakyat kawasan sudah pasti inilah tanggungjawab kita membantu sehabis baik anak buah di kawasan kita supaya

tidak terlalu terbeban dalam menghadapi ujian yang sungguh berat ini bagi kita semua. Sekali lagi terima kasih Yang Amat Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Endau juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor khususnya Yang Berhormat Tenang selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur di atas penambahan laluan bas di kawasan DUN Endau. Sesungguhnya dengan adanya tambahan laluan bas ini memberi manfaat kepada orang Endau dalam memudahkan urusan mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri, malahan ianya akan memberi manfaat kepada para pelajar sekolah yang boleh menggunakan perkhidmatan bas ini. Kredit juga Endau berikan kepada YB Rengit selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana kajian laluan perjalanan bas tambahan ini dilakukan oleh Jabatan Perancang Majlis Daerah Mersing dan ianya sering dibangkitkan dalam perbincangan malahan Endau sering bertanyakan perkembangan terkini mengenai laluan bas ini kepada pihak Majlis Daerah Mersing. Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan ini dan semoga ianya dapat disegerakan. Maka dalam kita berusaha menangani pandemik COVID-19 ini, Endau ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Johor yang sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan bangsa Johor. Hal ini termasuklah pemberian kepada insentif kepada bangsa Johor, malahan pelan vaksinasi di Johor juga telah diperhebatkan. Endau menjunjung tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor di atas keprihatinan Tuanku bagi program vaksinasi di dalam negeri Johor. Endau juga mengucapkan terima kasih kerana sebuah pusat pemberian vaksin telah dibuka di kawasan DUN Endau dan ianya akan lebih mempercepat dan memudahkan program vaksinasi di dalam negeri Johor khususnya di DUN Endau. Maka pada Allah jualah kita berserah di atas segala usaha kita membendung dan menangani wabak ini dan semoga ianya memberi sebaik-baik kebaikan kepada kita semua, Insya-Allah.

Yang Berhormat Speaker, ada beberapa perkara yang Endau ingin utarakan pada kali ini bagi menyampaikan suara hati masyarakat Endau. Pertama isu serangan gajah liar. Yang Berhormat Tuan Speaker, umum mengetahui bahawa serangan gajah liar menyebabkan kerosakan tanaman pertanian bukan sahaja berlaku di daerah Mersing, malahan berlaku juga di daerah-daerah lain terutamanya di daerah Kota Tinggi, Kulai dan Kluang. Bagi permasalahan ini Endau telah dimaklumkan oleh beberapa penduduk dalam kawasan seperti Air Papan, Tenglu, Semaloi, Penyabung bahawa kebun tanaman mereka telah diserang dan dimusnahkan oleh kumpulan gajah liar ini. Bertindak atas aduan ini, Endau telah mengadakan lawatan ke kebun yang terlibat dan mengadakan perbincangan bersama pekebun dan beberapa agensi seperti Jabatan PERHILITAN dan Malaysia Palm Oil Board (MPOB). Endau dimaklumkan oleh pihak PERHILITAN bahawa hampir 15 ekor gajah liar ini akan bergerak secara berkumpulan bermula dari Air Papan sehinggalah Labung yang mana akan mengambil masa sebulan atau satu pusingan perjalanan. Malangnya akibat kekurangan makanan di hutan, maka kitaran perjalanan dari Air Papan sehinggalah ke Labung hanya mengambil masa kurang 2 minggu. Endau melihat banyak pokok sawit telah dimusnahkan dan ianya telah memberi kerugian kepada para pekebun.

Endau juga telah menyalurkan sejumlah peruntukan secara *One-Off* sebagai pemberi semangat kepada hampir 13 pekebun kecil yang mengalami kerugian akibat serangan gajah liar itu. Maka Endau berpandangan perlu ada satu langkah atau tindakan jangka panjang oleh pihak atau agensi berkaitan mengenai pergerakan gajah liar ini. Kita risau jika hari ini haiwan itu hanya mungkin menyerang dan menduduki kawasan kebun, mungkin esok atau lusa kawasan kampung atau perumahan pula menjadi tempat persinggahan mereka untuk mencari makanan. Secara tindakan jangka masa pendek pula Endau juga telah membekalkan serta menyerahkan tiga buah meriam besi bagi kegunaan pekebun menghalau kumpulan gajah ini mendekati atau memasuki kawasan kebun mereka. Semoga usaha ini dapat mengurangkan kerugian berterusan kepada pekebun dan semoga satu pelan tindakan yang baik dapat dirangka oleh pihak kerajaan dan jabatan yang berkaitan untuk menangani masalah ini.

Kedua, aktiviti pelancongan daerah Mersing. Yang Berhormat Speaker, industri pelancongan merupakan antara sektor yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19. Negeri Johor tidak terkecuali dalam menghadapi situasi ini. Sektor pelancongan di daerah Mersing yang merupakan salah satu destinasi terkenal di negara ini turut terjejas ketika ini. Kementerian Pelancongan Seni dan budaya (MOTAC) mengunjurkan kerugian sektor ini mencecah RM100 bilion dan lebih ramai pekerja yang bekerja di sektor ini akan kehilangan pekerjaan. Dalam membantu sektor ini, kerajaan melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Pakej Pelindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) telah menyalurkan pelbagai bantuan. Antaranya melanjutkan pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan, membenarkan penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan, menyalurkan geran bantuan khas secara *One-Off* sebanyak RM3,000.00 kepada agensi pelancongan dan banyak lagi bantuan yang terus disalurkan kepada sektor ini.

Sebelum ini pihak kerajaan telah memperkenalkan Gelembung Pelancongan Bersasar di mana daerah atau negeri yang berada di zon hijau boleh melancong ke daerah atau negeri zon hijau lain melalui agensi pelancongan dan membuka sektor pelancongan mereka. Walau bagaimanapun akibat peningkatan mendadak penularan wabak COVID-19 ini, perkara ini telah ditangguhkan. Endau ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar Gelembung Pelancongan Bersasar atau Gelembung Pelancongan Hijau iaitu *Travel Bubble Green Zone* dibenarkan semula bagi merencanakan sektor pelancongan ini terutama di daerah Mersing yang dahulunya setiap minggu sebelum penularan wabak COVID-19 tidak sunyi dengan kehadiran ribuan pelancong berkunjung ke pulau-pulau dan tempat-tempat menarik di daerah Mersing. Oleh kerana kadar vaksinasi semakin meningkat, Endau berharap pihak kerajaan negeri dapat mencadangkan perkara ini kepada Majlis Keselamatan Negara. Perkara ini penting kerana pemegang taruh dan industri ini sangat terjejas teruk sejak tahun 2020 lagi dan ada di antara mereka terpaksa gulung tikar, ramai yang kehilangan sumber pendapatan. Dengan membenarkan semula aktiviti pelancongan, ia bukan sahaja memberikan kesan positif kepada penggiat industri ini tetapi juga dapat membantu industri hiliran seperti perusahaan kecil dan sederhana serta peniaga-peniaga kecil yang lain.

Ketiga ialah mengenai nelayan dan mata pencarian. Yang Berhormat Speaker ketika Endau mengikuti penyerahan bakul makanan peringkat Parlimen di kawasan Mersing, para nelayan telah membuat aduan di mana bot pukut tunda telah mengaut hasil laut di kawasan pantai.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Perkara ini adalah salah di sisi undang-undang kerana bot pukut tunda mempunyai had jarak nautika yang dibenarkan untuk mereka memungut hasil laut. Hal ini sedikit sebanyak telah membebaskan para nelayan pantai untuk memungut hasil laut kerana aktiviti pukut tunda telah mengurangkan hasil tangkapan mereka. Endau mencadangkan dengan pembinaan tukun tiruan di sekitar pantai ini sedikit sebanyak mampu mengekang aktiviti pukut tunda sekali gus membantu para nelayan tempatan untuk mendapatkan hasil laut dengan lebih banyak.

Yang keempatnya adalah mengenai Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bermula bulan Mac 2020 yang lalu apabila pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, sesi persekolahan secara bersemuka seluruh negara ditangguhkan dan PdPR telah diperkenalkan. Ini adalah norma baharu dalam dunia pendidikan Malaysia. Untuk makluman YB Speaker dan sidang Dewan tidak dinafikan PDPR di negara ini jika merujuk kepada manual pelajar yang dikeluarkan oleh pihak KPM adalah gabungan kaedah dalam dan luar talian, namun keciciran masih berlaku apabila disambung semula bermula 13 Jun yang lalu sehinggalah ke hari ini. Masyarakat khususnya ibu bapa mula rasa risau terhadap keciciran dan penguasaan pembelajaran anak-anak mereka.

Oleh yang demikian, Endau ingin mencadangkan beberapa perkara yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri dalam mengatasi isu PDPR terutama di negeri Johor. Pertama, mewujudkan pusat komputer di semua kawasan DUN di negeri Johor, walaupun pihak kerajaan persekutuan telah menubuhkan Pusat Internet Komuniti tetapi tidak semua kawasan mempunyai pusat tersebut. Oleh itu, Endau memohon pihak kerajaan negeri dapat mewujudkan pusat Internet negeri sebagai tambahan sebagai pusat Internet sedia ada dan pusat ini harus dibina di kawasan luar bandar kerana kawasan-kawasan ini sangat memerlukan ini dalam norma baharu pendidikan.

YB Speaker : Masa dah tamat Yang Berhormat.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Keduanya...

YB Speaker : Ringkaskan.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Sikit aje Tuan Yang Berhormat Pengerusi. Keduanya, capaian Internet dan jalur lebar, kita mengetahui pada salah satu cabaran dalam PDPR ini adalah capaian Internet khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Di kawasan Endau sendiri Yang Berhormat mempunyai beberapa kampung Orang Asli seperti Kampung Orang Asli Peta, Punan, Tanah Abang, Labung dan Tewowo. Oleh yang demikian, Endau sangat secara serius memohon pihak kerajaan dapat menimbangkan untuk memasang lebih banyak pencawang khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman. Dan, Endau juga mengharapkan Projek Johor *Wifi* diperluaskan di kawasan-kawasan luar bandar.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka saya sekali lagi yang nak saya maklumkan di sini adalah untuk makluman oleh kerana dalam keadaan COVID-19 ramai yang terkesan. Cuma saya nak memohon supaya pihak, nak di maklum dekat sini adalah memandangkan ramai yang terkesan banyak perkara yang berlaku di kawasan Endau sendiri iaitu pertamanya pejabat ADUN Endau sendiri telah pecah masuk dan rumah Wakil Rakyatnya sendiri pun di pecah masuk dan pada saya, saya berharaplah pada pihak Polis dapat melaksanakan lebih banyak lagi rondaan dan sebagainya di kawasan-kawasan yang dirasakan terjejas kerana COVID-19 ini. Jadi, saya sebagai pengakhirannya Endau menginsafi bahawa sebagai seorang Wakil Rakyat kita bertanggungjawab dan diamanahkan untuk berkhidmat di kawasan kita. Semoga Allah memberikan ihsan-Nya buat kita semua dan kekuatan untuk terus berkhidmat kepada bangsa Johor.

Sekali lagi terima kasih kerana memberi Endau pada kali ini dan semoga segala apa jua yang Endau utarakan pada hari ini dapat diberikan perhatian oleh pihak yang Endau nyatakan di setiap permasalahan diutarakan. Pada Allah jualah Endau berserah. Allah Peliharakan Sultan. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Endau. Seterusnya saya persilakan Jementah. 10 minit.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, patik terlebih dahulu ingin merafak sembah setinggi-tingginya ke hadrat menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat memberi titah sempena Pra Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Jementah juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua barisan *frontliners* khususnya penjawat-penjawat kesihatan awam yang berkhidmat tidak kepenatan bagi melindungi dan merawat rakyat jelata yang terjangkit COVID-19. Bagi mereka yang berkorban nyawa saya merakamkan salam takziah kepada ahli-ahli keluarga mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker, makin banyak rakyat, banyak nyawa telah terkorban dan kelangsungan hidup seharian rakyat juga amat terkesan akibat jangkitan virus COVID-19.

Banyak juga pengusaha-pengusaha yang terjejas dan terpaksa menggulung tikar kerana tiada perniagaan boleh dijalankan. Rakyat seolah-olah terhimpit dalam satu keadaan dilema di antara mengimbangkan kesihatan dan kelangsungan hidup. Dalam masa yang getir ini, bagi pihak rakyat kawasan Jementah ingin saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor kerana telah melaksanakan tiga Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM490 juta untuk membantu rakyat jelata di negeri Johor. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang memberikan peruntukan kepada Ahli-Ahli Dewan pembangkang supaya kita boleh membantu rakyat-rakyat setempat.

Yang Berhormat Speaker, rakyat-rakyat dan pengusaha-pengusaha tidak boleh bergantung semata-mata sahaja kepada bantuan-bantuan kerajaan yang kebanyakannya merupakan bantuan secara *One-Off*. Rakyat tidak boleh lagi kurung di rumah, sudah tiga bulan berlalu sejak pelaksanaan PKP 3.0. Dan banyak perusahaan juga memberi *lost power* mereka perlu menjalankan hidup dan menjalankan perniagaan mereka. Maka salah satu petunjuk yang sangat utama dalam kita mempertimbangkan untuk membuka, bagi peniaga untuk membuka semula adalah kadar vaksinasi di negeri Johor. Saya ingin membangkitkan perkara ini kerana kadar vaksinasi di negeri Johor seperti yang tadi pun ada disebut oleh Yang Berhormat Parit Yaani, tidak begitu memuaskan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor merupakan negeri penyumbang utama kepada ekonomi negara, selain daripada Pulau Pinang dan Selangor. Kira-kira 10% KDNK *national* dan kira-kira 23% pendapatan negara dalam sektor pembuatan adalah datang daripada negeri Johor. Akan tetapi kadar vaksinasi di Johor adalah jauh ke belakang berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Menurut data terkini yang dibekalkan oleh Jawatankuasa Jaminan Akses Kepada Vaksinasi setakat 20 Ogos, Johor menduduki tangga ke-9 dan kadar vaksinasi dos pertama dengan kadar 65.9% dan tangga yang ke-12 kadar vaksinasi lengkap iaitu dos kedua dengan 35% sahaja bagi populasi dewasa. Saya berpendapat bahawa kerajaan negeri Johor boleh berusaha lagi supaya berbincang dengan pihak kerajaan persekutuan untuk menambahkan lagi banyak bekalan vaksin kepada negeri Johor, supaya kadar vaksin, vaksinasi negeri Johor dapat dipertingkatkan dan vaksinasi juga dapat dipercepatkan di negeri Johor. Supaya aktiviti-aktiviti ekonomi dapat dibuka dalam masa yang terdekat ini walaupun kita perlu mematuhi kepada ketetapan-ketetapan yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan. Ini adalah satu perkara yang sangat penting dan saya berharap kerajaan negeri Johor berusaha dalam bidang ini supaya peniaga-peniaga boleh cepat apa ni, membuka atau menjalankan perniagaan mereka semula lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita sedang mengharung satu *unprecedented crisis*. Titah Tuanku Sultan juga menyatakan semua Ahli-Ahli Dewan perlu bekerjasama dan bersatu padu untuk kita memerangi wabak COVID-19. Jementah ingin membangkitkan perkara tentang penubuhan pelbagai Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas Dewan Negeri yang merangkumi Ahli-Ahli Dewan kedua-dua pihak dan juga melibatkan Ahli-Ahli Dewan pembangkang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah (JKTD).

Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah menyatakan bahawa pihak pembangkang merupakan rakan strategik dan juga pelengkap kepada kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat adalah seorang pemimpin yang sentiasa sedia terbuka untuk mendengar, menerima maklum balas, pandangan dan kritikan yang membina daripada pihak sebelah sini. Walau bagaimanapun, setelah 8 bulan berlalu, pelaksanaan berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas Dewan Negeri dan juga penglibatan Ahli-Ahli Pembangkang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah belum nampak ada sebarang kemajuan.

Tuan Speaker, kedua-dua perkara ini saya bangkitkan sebab ia merupakan pentas yang penting untuk juga pihak sebelah sini ni, sebelah sini, pihak Ahli-Ahli pembangkang untuk menyumbangkan idea-idea kita atau memberikan pandangan kita kepada pihak kerajaan untuk menyempurnakan lagi apa-apakah kekurangan di sebelah pihak kerajaan. Maka, saya pohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya menggalas tanggungjawab dan

berusaha untuk menubuhkan apa ni, Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas Dewan Negeri dan juga melibatkan Ahli-Ahli Dewan pembangkang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.

YB Speaker : Dua minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Seterusnya, saya ingin membuat beberapa pertanyaan kepada pihak kerajaan berkenaan dengan kadar peratusan mengenai kes-kes *sporadic* positif COVID-19, iaitu kes-kes yang tidak dapat dikesan punca jangkitannya di negeri Johor. Apakah kadar peratusannya sebab kita mendapati bahawa kes-kes kategori pertama iaitu yang tanpa bergejala meliputi lebih kurang 50% daripada kes-kes positif. Adakah ini disebabkan oleh kerana kes-kes yang apa ni yang *sporadic*, yang kita tidak dapat cari punca dia yang, memberi jangkitan kepada orang lain. Adakah dia daripada kategori yang pertama ini, tanpa bergejala. So, ingin saya tahu apakah keadaan yang sebenarnya di negeri Johor, sebab kita tengok data-data yang diumumkan oleh KKM setiap hari memang banyak kes yang tanpa bergejala, lebih kurang 50%. So, saya ingin tahu apakah keadaan yang sebenarnya di negeri Johor.

Dan yang kedua, apakah kadar peratusan *positivity* bagi negeri Johor untuk COVID-19 ini. Kita tak tahu sehingga kini, kita tak ada maklumat, apakah kadar *positivity* di negeri Johor, berapakah ujian saringan sebenarnya dijalankan, telah dijalankan di negeri Johor, kita pun tak ada maklumat. Kita ada maklumat daripada kerajaan persekutuan tapi negeri Johor kita tak ada. Maka, satu lagi soalan, memandangkan wabak COVID-19 tidak akan berakhir dalam masa terdekat ini, saya ingin tahu apakah matlamat utama sebenarnya kerajaan negeri Johor yang ingin dicapai oleh kerajaan negeri Johor dalam usaha memerangi COVID-19 sehingga akhir tahun ini? Dalam berapa bulan ini, apakah matlamat sebenarnya kerajaan negeri Johor untuk memerangi COVID-19, adakah kita dapat menurunkan jumlah kes-kes di negeri Johor? Separuh, 50% atau macam mana? Kita mesti ada satu matlamat, kita tidak boleh tak ada hala tuju dalam kita memerangi COVID-19 ini. So, ingin saya tahu, apakah sebenarnya objektif ini.

YB Speaker : Masa dah tamat Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Kalau ada daripada pihak kerajaan.

YB Speaker : Masa dah tamat Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan apa ni ucapan saya dalam perbahasan ini. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Ya terima kasih kepada Jementah. Seterusnya, saya persilakan Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Tuan Speaker. Skudai ingin merakamkan setinggi-tinggi, ucapan setinggi-tinggi junjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor atas Titah Ucapan Tuanku pada 12 Ogos yang lalu sempena Perasmian Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Pertama sekali Skudai ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai barisan hadapan atas usaha dan pengorbanan mereka dalam memerangi pandemik COVID-19 sejak tercetusnya pandemik ini di negara kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam keadaan penularan pandemik COVID-19 yang semakin serius sehingga satu tahap Speaker, kerajaan perlu menyusun semula strategi dan menggembelng tenaga untuk memerangi pandemik COVID ini bagi mencapai keputusan yang optimum. Selama ini kita melihat barisan hadapan bertungkus lumus untuk memerangi dan mencegah penularan COVID-19. Kerja-kerja pencegahan seolah-olah hanya terletak

atas bahu sesetengah jabatan atau agensi sahaja. Sebagai contoh, Jabatan Kesihatan, BOMBA, Polis, Angkatan Pertahanan Awam dan sebagainya sehingga boleh dikatakan setengah jabatan ini telah pun *overloaded*, dengan izin. Sementara sesetengah daripada tugas-tugas atau tanggungjawab jabatan-jabatan ini boleh dipikul bersama oleh agensi atau pihak yang lain.

Sebagai contoh, Jabatan Kesihatan terpaksa menjalankan ujian saringan, penguatkuasaan ke atas aktiviti kuarantin, rawatan dan pemantauan pesakit, serta pemberian vaksin dan pengendalian program vaksinasi. Bagaimanakah kita boleh melibatkan jabatan atau agensi atau pihak yang lain sebahagian daripada tugas-tugas ini? Adakah tugas-tugas seperti sanitasi tempat awam boleh dijalankan oleh pihak lain selain daripada BOMBA, adakah suntikan vaksin, ujian saringan, pemantauan aktiviti kuarantin, ia wajib dijalankan oleh pegawai KKM tetapi tidak boleh dilaksanakan pihak yang lain? Soal sekarang, bukannya adakah kita boleh, tetapi bagaimanakah kita boleh melaksanakan ini? Jika kita mengikut kerangka sedia ada, sudah tentu adanya kekangan atau limitasi dari segi peraturan ataupun garis panduan yang diamalkan sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Cabaran di hadapan kita sekarang adalah bagaimana kita meminda peraturan ataupun garis panduan yang kita pakai sekarang, guna pakai sekarang bagi mengoptimalkan usaha pencegahan COVID-19. Sebagai contoh Tuan Speaker, bagaimana kita boleh melibatkan penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kerja-kerja pengesanan kontak rapat dan pemantauan aktiviti kuarantin terutamanya kuarantin di rumah? Bagaimanakah kita boleh melibatkan para jururawat ataupun doktor atau pengamal perubatan terlatih yang telah bersara dalam program pemberian vaksin supaya kita boleh mempercepatkan Program Vaksinasi Nasional dan juga pada masa yang sama mereka juga boleh membantu dalam menjalankan ujian saringan? Contoh lain, bagaimanakah kita boleh melatih lebih ramai anggota sukarelawan bagi menjalankan sanitasi di tempat-tempat berisiko tinggi bagi mengurangkan beban yang terletak atas pasukan BOMBA dan menjalankan lebih banyak sanitasi bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19. Semuanya di atasnya nampak mustahil tapi saya yakin di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Dengan adanya pemindaan kepada peraturan, latihan profesional yang teratur dan juga garis panduan yang jelas dan teliti kepada jabatan lain ataupun pihak lain yang mempunyai peranan, tugas atau tanggungjawab yang hampir serupa, semua ni boleh dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *find, test, trace, isolate and support with vaccine*, dengan izin, FTTIS+V *Strategy* ataupun kenal pasti (*find*), ujian (*test*), kesan (*trace*), kuarantin (*isolate*), sokongan dengan vaksin iaitu *support with vaccine* merupakan 6 langkah penting dalam pencegahan penularan COVID-19. Bagaimanapun, kita dapati FTTIS tidak diberikan penekanan yang sepatutnya walaupun ini sebenarnya boleh dijalankan dengan memanfaatkan teknologi maklumat. Padahal kita sedia maklum bahawa semua rakyat Malaysia diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera, tetapi penggunaannya masih belum dioptimumkan. Maka, bukanlah mustahil sebab untuk kita mengesan kontak rapat dan mengenal pasti kluster dengan efektif, pada masa yang sama kita memutuskan rantai penularan penyakit ini. Berdasarkan data daripada KKM, kadar positif COVID-19 telah lebih daripada 5% yang ditetapkan oleh WHO. Namun, jumlah ujian saringan yang rendah mungkin antara sebabnya yang menyebabkan kadar positif selalu pada tahap yang tinggi iaitu lebih daripada 10%. Tambahan pula, kadar transmisi varian Delta yang tinggi juga memperingatkan kita tentang perlunya mempertingkatkan lagi strategi FTTIS+V ini bagi menurunkan kadar kebolehhangkitan COVID-19.

Di samping itu, saya juga menerima aduan daripada pesakit COVID bahawa mereka tidak dapat memasuki pusat kuarantin dan rawatan COVID yang telah pun penuh, dan justeru memerlukan tempat kuarantin bagi mengurangkan risiko jangkitan kepada ahli keluarga. Saya memohon supaya kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan lebih banyak hotel dan jika boleh mungkin rumah tumpangan ataupun bajet hotel dan mengeluarkan senarai hotel

yang bekerjasama dengan kerajaan supaya kontak rapat seperti kategori A, B dan C boleh dibenarkan dikuarantin di hotel dengan menyediakan bantuan perubatan kecemasan, perubatan

YB Speaker : 1 minit lagi.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Bagi menjayakan elemen kuarantin.

YB Speaker : 1 minit lagi.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Minta sikit lagi. Ke mana dah, bagi menjayakan elemen kuarantin dalam strategi FTTIS ini dan juga membantu pengusaha hotel ini untuk mengharungi cabaran dalam zaman COVID.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hampir semua jabatan ataupun agensi kerajaan mengamalkan konsep Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*) semasa pelaksanaan PKP ini. Kaedah ini terpaksa dilaksanakan untuk mengurangkan risiko penularan pandemik ini. Namun, apakah strategi atau KPI kerajaan dan juga PBT untuk membantu dan memantau pegawai-pegawai supaya mereka dapat memastikan keberkesanan pentadbiran di jalankan dengan lancar dan efektif. Saya terima maklum balas daripada orang awam bahawa urusan mereka dengan jabatan-jabatan dan pihak berkuasa tergendala untuk tempoh yang lama. Kerana pegawai yang bertanggungjawab terpaksa bekerja dari rumah dan mereka tidak dapat menyusul perkembangan terbaharu urusan mereka dengan jabatan. Saya berharap kerajaan dan juga PBT dapat merangka satu mekanisme penyusuran yang berkesan bagi membolehkan orang awam, boleh berhubung terus dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk urusan-urusan mereka itu supaya komunikasi yang lebih berkesan dan juga kerja susulan boleh dijalankan apabila pengamalan Bekerja Dari Rumah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekarang merupakan...

YB Speaker : Masa dah tamat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Sekarang merupakan tempoh menyediakan belanjawan untuk tahun hadapan tahun 2022. Saya ingin menarik perhatian kerajaan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan supaya teliti merangka belanjawan bagi memastikan setiap sen yang dibelanjakan itu membawa manfaat kepada rakyat. Saya bagi satu contoh, pada bulan Jun yang lalu, pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah menjalankan penurapan semula di Jalan Sejahtera 16, Taman Desa Skudai. Ini baik, kerana penyelenggaraan berkala perlu untuk memastikan jalan kita dalam keadaan yang baik. Bagaimana pun, kebetulan beberapa hari sebelum penurapan itu, saya lalu di jalan tersebut mendapati bahawa jalan itu cantik, rata, tiada lubang, padahal lebih baik daripada banyak lagi jalan-jalan yang lain yang perlukan tindakan segera daripada pihak Majlis. Jadi, apakah *standard*? Apakah pertimbangan yang membuatkan Majlis menurap jalan yang rata cantik ini tetapi tiada sebarang kerja-kerja penurapan dijalankan ataupun kerja pembaikan dijalankan kepada jalan-jalan yang teruk. Jadi, ini menunjukkan bahawa ada kelemahan dari segi apabila merangka belanjawan itu. Jadi, saya harap kerajaan negeri dan juga PBT mengurus bajet dengan bijak terutamanya memberi fokus dalam projek-projek yang memberikan manfaat kepada rakyat dalam kehidupan seharian.

YB Speaker : Simpulkan Yang Berhormat.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya berasa syukur dalam pergolakan politik yang tidak menentu pada peringkat persekutuan, Persidangan kali ini dapat berlangsung dengan lancar dan tenang seperti yang dikatakan oleh Sri Medan tadi, kita bukan lawan, kita saling melengkapi, kita saling membantu, berkhidmat untuk rakyat. Marilah sama-sama kita berhentikan kerja-kerja politik yang tidak membawa manfaat

kepada rakyat. Marilah sama-sama kita tunaikan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat dan buatlah yang terbaik untuk seluruh bangsa Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih, Skudai. Seterusnya saya persilakan Penawar. Jemput Penawar.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum warahmataullahi wabarakatuh. Salam muafakat bangsa Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, EXCO-EXCO serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas membawa suara rakyat DUN Penawar. Saya memanjatkan ke hadratnya bersama ingatan yang Maha Esa, maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini untuk membincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat Johor. Terutama dalam keadaan hari ini yang amat menggerunkan. Takut sangat, walaupun dah lengkap dua dos tapi masih boleh lagi diserangi oleh penyakit COVID ini.

Penawar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena Majlis Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor.

Di kesempatan ini, Penawar merafakkan sembah menjunjung kasih dan mengucapkan selamat keputerian kepada Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor, patik dan seluruh rakyat Penawar mendoakan semoga Allah SWT melanjutkan usia tuanku dan sentiasa berada di bawah lindungan rahmat keberkatan Allah SWT serta dianugerahkan kesihatan yang baik kepada Tuanku serta keseluruhan kerabat Di Raja. Patik mewakili rakyat Penawar merafak sembah dan menjunjung kasih juga kepada Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Mahkota Johor yang mencetuskan idea bagi membantu menyegerakan pendaftaran suntikan vaksin kepada Johor melalui *Southern Volunteers*.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-9, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di doakan semoga Yang Amat Berhormat akan dapat mentadbir negara ini dengan lebih maju dan sentiasa mendapat keredaan Allah SWT. Penawar ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Perdana Menteri yang ke-8 di atas segala khidmat bakti semasa menerajui pemerintahan negara. Penawar juga merakamkan sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Tan Sri atas usaha berterusan memerangi wabak ini.

Penawar mulai dengan ingatan Allah SWT yang bermaksud, sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan menyeru kamu, menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan yang adil.

Yang Berhormat Speaker, kita telah melalui hari-hari yang di luar normal biasa hampir 2 tahun. Laporan pertama yang diterima oleh Pusat Kesiapsiagaan Dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan adalah pada 23 Januari 2020 semasa negara ini dipimpin oleh kerajaan Pakatan Harapan. Pada 10 Mac 2020, Allah telah memberikan petunjuk kepada negara kita dengan memberikan pemerintahan ini kepada kerajaan Perikatan Nasional. 10 hari selepas Tan Sri Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri yang ke-8, jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 129 kes dan kadar kes meningkat sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu mengumumkan PKP selama 14 hari bermula 18 Mac hingga 31 Mac.

Saya menceritakan kronologi ini adalah kerana untuk mengingatkan Yang Berhormat DUN untuk sama-sama kita menggembeng segala usaha bersama untuk membantu kerajaan yang akan memerangi wabak pembunuh ini tidak kira parti mana yang kita wakili. Kerajaan

Perikatan Nasional, yang amat bertanggungjawab bagi menentukan rakyat Johor sentiasa terbela dan terpelihara. Maka kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah memberikan peruntukan tambahan bantuan COVID-19 kepada semua ADUN tidak kira daripada parti mana yang penting bagi kerajaan Perikatan Nasional rakyat mesti didahulukan. Orang seberang, jangan lupa ucap terima kasih kepada Menteri Besar kita. Dengan peruntukan itu jelas nampak ADUN-ADUN bergaya turun ke lapangan, bantu rakyat kawasan masing-masing.

Dalam keadaan luar jangkaan dan membimbangkan kini saya amat terkesan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, di mana baginda Tuanku melahirkan rasa terkilannya terhadap kadar vaksin di negeri Johor yang perlahan. Saya mengamati semula kenyataan daripada Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa kira-kira 90% penduduk negeri Johor dijangka melengkapinya vaksin mereka pada bulan September ini, susulan daripada penambahan jumlah vaksin yang akan dihantar ke negeri Johor.

Apa yang membimbangkan sehingga kini hanya 29.3% sahaja dewasa yang mendapat 2 dos lengkap suntikan vaksin. Manakala tidak lebih 50% rakyat negeri Johor yang telah menerima dos vaksin pertama. Dengan jumlah peratus penerimaan vaksin lengkap dan hanya menerima dos yang pertama di bawah 50% beberapa perkara harus dihalusi. Penawar menyeru agar kerajaan persekutuan mempercepatkan proses penghantaran vaksin ke negeri Harimau Selatan yang masih rendah di bawah 50% bagi kedua-dua kategori. Kita semua ambil maklum bahawa bekalan vaksin ini perlu melalui proses prosedur kerajaan persekutuan sebelum diagihkan kepada kerajaan negeri. Harapan Penawar supaya Yang Berhormat Menteri mesti peka dan memberi keutamaan kepada negeri yang mempunyai kadar jangkitan tinggi. Jelaslah di sini bahawa sekiranya negeri Johor ingin mencapai rekod sifar jangkitan kes, kita perlulah mencapai *target* yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi memastikan kadar kejangkitan dapat dibendung.

Yang Berhormat Speaker, berkenaan pelaksanaan program vaksinasi yang terpakai di seluruh negeri Johor, apa yang cuba Penawar tekankan pada hari ini adalah *outreach program* vaksinasi ini. *Outreach program* ini perlu menyeluruh dan dicadangkan penglibatan semua pihak kerajaan dan swasta. Tidak ada yang tertinggal termasuk juga golongan minoriti iaitu masyarakat yang tinggal di kampung kawasan pedalaman, kampung Orang Asli. Apa yang menggembirakan program ini mendapat sambutan yang sangat menggalak daripada masyarakat.

Bagi merealisasikan hasrat mempercepatkan proses vaksinasi Penawar suka mencadangkan *Outreach Program* Vaksinasi Negeri Johor atau Jelajah Vaksin Menemui Anda bagi mempercepatkan imuniti berkelompok iaitu memperbanyakkan pusat-pusat PPV di kawasan-kawasan khususnya di setiap FELDA. Kita jangan ambil mengikut gugusan, gugusan ini meliputi tiga FELDA jadi bila pencapaian itu akan lambat. Kalau kita pergi ke seluruh setiap FELDA insya-Allah masyarakat FELDA akan dapat menerima vaksin ini dengan lebih cepat lagi. Memperbanyakkan jelajah vaksin ke kampung-kampung ladang dan memasuki secara menyeluruh semua kawasan-kawasan dalam negeri Johor. Rakyat dah tak sabar nak menerima vaksin. Dalam masa yang sama tentukan penguasaan Internet itu laju di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan.

Mobilisasi Vaksin Team ataupun MOVAC pengupayaan sukarelawan negeri Johor melalui SV dan lain-lain NGO dan klinik hospital swasta dengan pemantauan pusat kesihatan daerah di kawasan kampung dan pedalaman. Mensyaratkan wajib kepada pengusaha-pengusaha kilang dan swasta memberikan suntikan vaksin kepada pekerja-pekerja, kepada pekerja-pekerja mereka di bawah inisiatif SAVS suntikan vaksin swasta melalui Bio-tech. Tahniah kepada kerajaan yang telah melantik Bio-tech menguruskan vaksin sektor kilang dan sebagainya.

Di kesempatan ini Penawar ingin merakamkan terima kasih kepada KKM negeri Johor dan khasnya Pegawai Daerah dan Kesihatan Kota Tinggi yang telah memperbanyakkan program *outreach* dengan secara yang amat tersasar. Alhamdulillah, dengan kerjasama KKM, Jabatan Perpaduan, Pejabat Daerah, agensi kerajaan, NGO dan masyarakat setempat melalui program jelajah *outreach* ini telah dapat mevaksinkan seluruh penduduk kampung secara serentak.

YB Speaker : 1 minit lagi Yang Berhormat.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Itu yang berebut nak bercakap Yang Berhormat Speaker. Melalui program ini Penawar telah dapat membantu hampir keseluruhan kampung-kampung yang dimasuki melalui *outreach* lebih daripada 95% penduduk telah dapat vaksinkan di kampung-kampung yang berkenaan.

Bagaimana dicantas nafsu serakah, SOP disanggah disiplin ditempelak, kerana sikap tidak berubah COVID-19 meningkat dan terus merebak.

Seperkara lagi berkenaan bantuan. Bukan niat Penawar menyalahkan mana-mana pihak. Terima kasih kepada kerajaan negeri, persekutuan, NGO, orang perseorangan yang telah bermurah hati memberi pelbagai bantuan khasnya pesakit COVID-19, keluarga yang di kuarantin, rakyat yang kehilangan pekerjaan dan sebagainya. Pelaksanaan ini tapi masih lagi perlu diperbaiki. Penawar ingin mencadangkan supaya permuafakatan dalam agihan ini bagi membolehkan rakyat keseluruhan dapat menerima dan menikmati masih ada lagi pertindihan dalam pembahagian bantuan ini. Ada orang dapat satu, ada yang dapat dua, malahan ada juga yang dapat lebih daripada lima. Penawar mencadangkan supaya setiap agensi kerajaan diberikan kawasan penjagaan umpamanya peniaga haruslah ditadbirkan oleh PBT, FELDA berikan kuasa kepada ADUN untuk mengagihkan, kampung Orang Asli JAKOA yang akan bertanggungjawab, kampung tradisi, Pejabat Daerah harus bertanggungjawab, taman kawasan perumahan berilah peluang pada Ahli Parlimen untuk bertanggungjawab.

Tuan Speaker dan sidang Dewan sekalian, menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang menyeru agar Johor dapat menarik lebih ramai pelabur luar agar banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan keperluan kerajaan negeri Johor untuk membuat dasar baru yang mesra pelabur. Saya merasakan ini perkara yang harus dititikberatkan di dalam Dewan ini. Hauslah Tuan Speaker, kecap ya minum.

YB Speaker : Masanya dah tamat Yang Berhormat. Simpulkan Yang Berhormat. Simpulkan.

YB Dato' Sharifah Azizah binti Syed Dato' Syed Zain (Penawar) : Simpulkan. Ok, ok, saya tinggal ekonomi.

Tuan Speaker, Penawar ingin mencadangkan mekanisme lain yang pada hemat Penawar boleh diguna pakai dalam membangunkan lagi pelaburan negeri Johor akan tidak terus menguncup. Mekanisme tersebut adalah memperkasakan semula semua perancangan yang telah dirancang dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2030.

Penawar percaya jika sekiranya kita terus berusaha meningkatkan kadar suntikan vaksin maka secara langsung Pelan Pembangunan Mampan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai akhir kalam, izinkan saya memohon untuk kita bersama-sama membantu tanpa diskriminasi politik malah menjadikan kesihatan rakyat perkara utama kita. *Hashtag* Politik Bahagia.

Cantik tersemat si bunga raya, cantik suntikan di dara sunti, politik bahagia kasih rakyatnya,

ADUN Johor sentiasa harmoni.

Letak memelam di raga biru, di bawa dara ke hujung kota, siang malam sibuk selalu, ADUN Johor tiada sengketa.

Terima kasih kepada orang belah sana kerana sentiasa memberikan kerjasama yang baik, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana terus memikirkan kami ADUN-ADUN untuk berkhidmat dengan lebih baik dan lebih lancar di kawasan kami. Terima kasih *frontliners* yang banyak berkorban demi negara tercinta. Dengan itu, Penawar mematuhi arahan Tuan Speaker bahawa masa 10 minit ini kalau digunakan pasti berguna. Jadi dengan itu Penawar dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pada Allah kita berserah.

YB Speaker : Terima kasih Penawar. Tudung dah cantik dah tu, warna oren. Ok, jemput seterusnya Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Keempat.

Ucapan saya termasuk cadangan terhadap Dewan, ekonomi, vaksinasi, pandemik *reform*. Dewan Negeri adalah platform untuk suara rakyat telah ditutup sejak Disember tahun lepas. Dewan perlu dibuka kerana Dewan Undangan yang bebas adalah *check and balance* kepada kerajaan. Bebas bersuara untuk rakyat dan juga memperolehi informasi perkembangan negeri melalui soalan-soalan Dewan. Sekarang kes COVID terlalu banyak tetapi vaksin terlalu sedikit. Rakyat keliru tidak mengetahui apa berlaku. Mana perkara kita YB pun tak tahu. Bergantung kepada agensi kerajaan untuk maklumat, untuk kita membantu. Kita sebagai Wakil Rakyat memberi pendapat, menulis surat, *Whatsapp*. Kalau pegawai kerajaan tidak menjawab, kami tersepit. Sekiranya Dewan dibuka, masalah ini tidak berlaku. Apakah *remedy*? Pandemik akan berterusan, maka kita perlu meminda Peraturan Mesyuarat supaya Persidangan secara hibrid dapat diaturkan pada masa depan. Kepentingan pindaan ini telah terbukti dalam sidang Parlimen yang terhenti dan juga terbukti prinsipal melalui Mesyuarat Khas COVID-19 YB-YB Johor secara *online* yang diadakan bawah titah Tuanku pada 27 Mei 2021. Mesyuarat sebegini atau satu COVID-19 *Select Committee* harus dipanggil atau ditubuhkan lebih kerap demi kepentingan rakyat dan cepat respons.

Cadangan ekonomi. Situasi pandemik negeri Johor amat kritikal. Ekonomi lagi kritikal. Banyak perniagaan gulung tikar, ramai rakyat hilang kerja, ramai keluarga menangis. Demi usaha pemulihan ekonomi negeri Johor, Mengkibol mencadangkan tindakan-tindakan berikut :

1. Polisi. Semua ADUN diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam :
 - a) Pasukan CITF negeri dan Pasukan CITF Daerah.
 - b) Majlis Tindakan Ekonomi Negeri atau *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC)
 - c) Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri
 - d) Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya 57 Ahli Dewan Negeri termasuk Tuan Speaker dapat bekerjasama memulihkan ekonomi tanpa mengira perbezaan latar belakang politik.
2. Perniagaan. Pihak Berkuasa Tempatan harus prihatin dan memudahkan urusan perniagaan dan kurangkan beban peniaga kecil dengan :
 - a) Pengecualian lesen perniagaan untuk tahun ini dan tahun depan. Kita semua terima penyata kewangan PBT. Mengkibol sudah menyemak semua kedudukan dan *cash in hand* untuk semua PBT. Kalau kita tengok contohnya Kluang. Kluang

ada hampir RM87 juta *cash in hand*. Kalau kita tengok kutipan lesen, contohnya Kluang, kutipan lesen tahun 2019 hampir RM8 juta *about* 10%. Bila semua PBT sebenarnya ada kewangan yang kukuh untuk berikan pengecualian lesen perniagaan.

- b) Rebet cukai tanah 50% untuk tahun ini dan tahun depan.
 - c) Menubuhkan satu panel penasihat SOP yang terdiri daripada wakil industri dan perniagaan sebagai *stake holder* demi menyumbang pandangan yang praktikal.
 - d) Membekukan penguatkuasaan Akta 446 iaitu Penginapan Pekerja semasa menunggu penggubalan garis panduan yang baru.
 - e) Membatalkan semua kompaun PBT terhadap perniagaan yang sudah amat susah.
3. Pertanian. Demi memulihkan ekonomi dan mengurangkan pengangguran, tanah terbiar kerajaan Johor adalah seluas 18,000 ekar. Harus dibuka untuk permohonan dengan syarat :
- a) Melibatkan orang muda.
 - b) Usaha sendiri
 - c) Penggunaan teknologi moden

Cadangan vaksinasi Yang Berhormat Speaker, pada 4 Ogos 2021, Tuanku bertitah menzahirkan kekecewaan atas kadar vaksinasi negeri Johor yang rendah. Johor merupakan salah satu negeri yang paling lambat dalam vaksinasi. Saya minta penjelasan pihak kerajaan negeri, kenapa negeri Johor ketinggalan begitu banyak?. Setakat 20 Ogos 2021 hanya 34.2% penduduk dewasa Johor selesai terima dua dos vaksin. Jauh lagi untuk mencapai 50%. Ini telah mengakibatkan negeri Johor masih ketinggalan dalam Fasa 1 PPN dan mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerugian ekonomi yang begitu besar. Dalam satu minggu yang lepas, 262 orang mati di Johor.

Di bawah Program JBIP yang baru dilancarkan oleh kerajaan Johor untuk industri bekerjasama dengan J-Biotech dan KPJ, dua dos suntikan bayarannya RM350.00. Kenapa kerajaan tidak membayar dan menggunakan kos, menanggung kos vaksin ini?. Sedangkan kita mempunyai dana simpanan yang *surplus* dan lebih daripada RM3 bilion. Mana vaksin beli dengan *Singapore*? *Singapore* telah derma 100,000 dos kepada Brunei, diumumkan pada semalam. Kerugian ekonomi adalah jauh lebih tinggi daripada kos pembelian vaksin.

Tuan Speaker, demi mempercepatkan kadar vaksinasi negeri Johor, tindakan lonjakan vaksinasi harus diambil dengan segera.

Yang pertama, memberi vaksin dengan dana simpanan kerajaan negeri Johor yang melebihi RM3 bilion untuk program JBIP sebanyak RM350.00 dan mana-mana pihak swasta yang ingin membantu proses vaksinasi. Ini kerana swasta beli daripada Pharmaniaga adalah jauh lebih tinggi. Kalau kita beli untuk mereka harga jauh lebih rendah. Kononnya satu dos Pharmaniaga adalah RM70.00 dan kerajaan pusat telah meluluskan untuk menjual 14 juta dos kepada pihak swasta. Kalau 14 juta x RM70.00 untung, *this is profit*. Sebanyak hampir RM1 bilion *profit* Pharmaniaga.

Yang kedua, pada 7 Mei 2021, Mengkibol sudah mencadangkan supaya semua klinik kesihatan juga memberi vaksin. Kita mempunyai 2,838 klinik kesihatan di seluruh Malaysia.

Yang ketiga, meningkatkan bekalan vaksin kepada semua PPV/*Private Integration* dan membenarkan pusat tersebut beroperasi sampai waktu malam. Mereka nak bekerja sampai waktu malam tetapi tak ada bekalan. Kerajaan tidak *approve*.

Yang keempat, mendirikan lebih PPV di bandar-bandar besar dan kawasan perindustrian negeri Johor.

Dan yang kelima, meluluskan permohonan-permohonan PPV swasta yang begitu banyak dengan bekalan vaksin yang mencukupi dan menanggung kos utiliti. Sini saya ada satu surat permohonan PPV baru dan saya akan hantar ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar selepas bersidang.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, bagi bulan Julai ini, daerah Kluang merupakan daerah ketiga tinggi jumlah kes baru itu 12% tetapi kita cuma terima 7.56% dan tidak sampai 7% warga Kluang terima dua dos vaksin. Ini tidak setara dengan dua kriteria yang diumumkan oleh YB Khairy iaitu kadar kes positif tinggi dan kadar vaksinasi rendah akan diagihkan vaksin yang lebih.

Cadangan pandemik, semua ADUN harus dijemput dalam mesyuarat Pasukan CITF sama ada peringkat negeri atau daerah secara automatik sebagai satu cara penyelesaian. Sebab ramai ADUN yang berpengalaman dan *exposure* yang luas, kita dapat menyumbang pandangan yang bernas, efektif, konstruktif.

Tuan Speaker, kelangsungan pencegahan wabak, kelangsungan ekonomi sama penting. Untuk mencapai kedua-dua objektif ini, kita harus :

1. Sistem *person in charge* untuk kawalan wabak termasuk agensi kerajaan, termasuk kilang.
2. Kita harus melantik penyelaras yang berkesan di setiap daerah sebab bukan semua Pegawai Kesihatan berpengalaman, berupaya.
3. Guna *big data* untuk analisa kaedah penularan virus.
4. Pergerakan *point to point* untuk pekerja asing supaya tidak menyebar ke komuniti.
5. Memperbetulkan polisi yang salah di mana tidak menguji kontak rapat yang tanpa gejala kerana sekarang ramai *silent carrier*.
6. Tambahkan makmal PCR COVID. Setakat ini hanya dua makmal kesihatan awam di Johor.
7. Menubuhkan PKRC di semua daerah, tambah yang baru jika sudah melebihi kapasiti.

Cadangan *reform*. Pertama, usul undi tidak percaya harus diberi keutamaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat jika ada. Kedua, Enakmen Kebebasan Maklumat dan Enakmen Anti *Hopping Law* harus digubal dan diluluskan oleh Dewan untuk kepentingan awam. Oleh demikian dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan, sekiranya ada usul tidak, undi tidak percaya harus diutamakan dalam senarai. Didahulukan bacaan usul, dibahas undi. Di Selangor dan Pulau Pinang, gerak sudah menggubalkan Enakmen Kebebasan Maklumat dan sudah diwartakan pada tahun 2011, 2012.

YB Speaker : Masa dah tamat Yang Berhormat, simpulkan.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Akhir sekali, kalau kita tengok penyata kewangan YPJ, nota 47A. YPJ *spend* RM20 juta untuk beli satu subsidiari yang *subsidiary net asset* dia RM9.8 *million* sahaja. Dan, *revenue subsidiary* RM912,000.00 dengan kerugian tahun itu RM2.43 juta. Apakah sebab, apakah *information* dan *justification*? Mana yang tidak dapat dalam penyata kewangan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih daripada Mengkibol. Seterusnya saya persilakan Bekok.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam sejahtera dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian berbahas usul menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Bekok mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pemberian sumbangan tambahan. Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk menghadapi wabak ini, golongan risiko tinggi mesti divaksinasi terlebih dahulu seperti pekerja kilang dan juga penduduk-penduduk yang berkepadatan tinggi. Satu golongan iaitu pekerja asing berisiko tinggi perlu divaksin awal tapi di Johor saya dengar belum mula lagi. Di Selangor pekerja asing sedang dapat dos yang kedua sekarang. Vaksinasi adalah nadi dan kunci untuk mengawal wabak ini. Pekerja asing dengan izin dan tanpa izin mesti dikenal pasti untuk vaksin. Vaksinasi di Johor hanya lebih kurang 27% dapat dua dos. Kadar vaksinasi telah pun ditingkatkan sekarang tetapi pembangkitan ialah lambat sedikit. Harap tidak lagi dilembutkan, mesti dicepatkan lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *lock down* atau MCO telah menyebabkan rakyat mengalami banyak kerugian ekonomi. Hilang pekerjaan, tutup perniagaan khususnya PKS. Enam kali *lock down* dalam 18 bulan. *Lock down* berpanjangan tidak dapat menghapuskan virus ini hingga sekarang. Tempoh *lock down* ialah untuk aturkan atau sediakan SOP-SOP yang kena ikut bila menjalankan perniagaan atau pengurusan. *Lock down* berpanjangan seperti di Malaysia satu langkah yang tidak patut, tidak tepat dan membawa akibat yang lebih teruk. Harap rakyat boleh ikut SOP-SOP dan kita boleh balik ke kehidupan normal. Pekerja-pekerja yang kerja dengan rapat atau jarak dekat adalah golongan berisiko tinggi. Pelanggan di kedai makanan, pejabat mesti ikut SOP.

YB Speaker : Azan Yang Berhormat.

(Berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Tetapi.

YB Speaker : Yang Berhormat sambung ada 7 minit lagi.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak kerajaan mesti galakkan SOP-SOP tetapi penutupan ekonomi, itu yang satu langkah yang tidak begitu tepat. Banyak negara di barat tidak tutup ekonomi, tidak ada *lock down* tetapi mereka tekan untuk mengikutkan SOP Yang Berhormat Tuan Speaker, *lock down* akan meruntuhkan ekonomi. Semua sektor adalah penting. Perniagaan menjadi pembekal kepada sektor-sektor utama dan menjadi sebahagian daripada rantai bekalan. Tiada lagi sektor tiada penting kerana semua sektor bergantung kepada satu sama lain. Kerajaan mesti ada rundingan dengan industri, perusahaan-perusahaan kecil, PKS adalah tunjang ekonomi negara. 38% KDN ialah daripada PKS. 66% pekerjaan daripada PKS. Jadi, sangat penting tapi sekarang sudah begitu lama *lock down* saya rasa golongan ini PKS sangat-sangat susah dan berapa syarikat boleh mula balik. Itu satu persoalan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita mesti ikut pendekatan bersasaran bukan pendekatan keseluruhan. Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan pada oleh Perdana Menteri pada 15 Jun bahawa sekatan semasa hanya akan dikurangkan apabila kes seharian COVID menurun ke 4,000 tetapi kes pula naik ke lebih daripada 20,000. Ini sudah jelas bahawa strategi MCO bagi mengurangkan kes COVID tidak lagi berfungsi walaupun sudah sekian lama MCO diteruskan namun semakin banyak masalah rakyat yang wujud dan semakin besar kerugian ekonomi yang dialami. Kita perlu ada peralihan yang segera dari strategi MCO untuk merawat COVID seperti penyakit berjangkitan yang lain seperti yang lain dulu. Dulu kita ada banyak lagi wabak-wabak tapi wabak itu masih ada tetapi banyak

dikurangkan, kita tidak boleh hapuskan. Jadi, kita kena ikut satu pendekatan bahawa kita hidup bersama dengan wabak tetapi kurangkan wabak bukan bersasaran untuk hapuskan. Itu tidak boleh jadi. Yang Berhormat Tuan Speaker, ada satu pepatah *no life without livelihood* tidak boleh hidup tanpa rezeki. Jadi ekonomi sangat penting. Kita tidak boleh tutup berpanjangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Internet. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang digunakan untuk penggantian, pengajaran di kelas adalah salah satu kaedah yang paling selamat untuk menggunakan dalam masa MCO. Namun sebilangan pelajar menghadapi masalah untuk mengakses Internet. Ada juga banyak kawasan luar bandar tidak ada talian Internet. Seperti ini kawasan saya Bekok pun talian Internet sangat lemah. Ramai orang *complaint*. Bank pun *complaint* sebab tidak ada talian yang baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga membawa satu perkara ke perhatian Dewan ini iaitu kampung Orang Asli. Dulu EXCO pun datang bersama saya untuk melawat kampung Orang Asli. Kampung orang asli yang jauh ialah Kampung Selai dan Kampung Kemidah. Mereka tidak ada talian, mereka datang ke satu kampung di depan, Kampung Tambuk untuk menubuhkan khemah untuk pelajar murid-murid. Tetapi sekarang, ada juga kes COVID di Kampung Selai. Jadi, murid-murid di Kampung Kemidah enggan datang ke Kampung Tambuk untuk belajar. Jadi, ini masalah sekarang. Jadi, apa saya minta di sini ialah kita perlu tubuhkan telekom *tower* atau pun kabel untuk dapat talian Internet secepat mungkin. Itu yang saya mohon kepada kerajaan negeri untuk mempercepatkan perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita mesti galakkan ujian sendiri. Kita tidak boleh tunggu kepada ujian oleh kerajaan. Jadi, kita perlu jual ataupun membenarkan farmasi-farmasi jualkan itu kit ujian yang sekarang sudah ada beberapa jenis di pasaran. Tetapi saya rasa belum digalakkan oleh pihak pemerintah untuk jualkan kit-kit ujian ini tapi kita mesti mempercepatkan. Galakkan syarikat-syarikat, pejabat-pejabat, kilang-kilang buat ujian sendiri. Ini yang sangat-sangat penting.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pembukaan Tambak Johor Singapura. Ini sangat penting. Seperti yang diucapkan oleh ADUN-ADUN yang lain bahawa kita secepat mungkin mesti buka Tambak Johor – Singapura. Dan, saya juga minta kerajaan negeri Johor berusaha untuk membuka jalan Tambak ini. Ini sangat penting. Kerajaan negeri mesti buat apa sahajalah untuk memenangi keyakinan Singapura untuk buka tambak ini.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) : Yang Berhormat Tuan Speaker, *point* yang akhir sekali ialah, kita perlu pelaburan. Pelaburan besar-besaran di negeri Johor. Baru-baru ada 2 pembuat vaksin yang dari Eropah datang ke kawasan ini tetapi mereka pergi ke Singapura untuk membuat, menubuhkan kilang. Kenapa negeri Johor tidak berjaya menarik mereka ke Johor. Kalau kita ada satu pembuat vaksin di Malaysia, sangat baik. Kita boleh dapat vaksin dengan cepat. Jadi, kenapa IRDA tidak berjaya menarik mereka ke Johor dan tidak pergi ke Singapura. Harap mereka boleh jawab.

Baru-baru banyak syarikat daripada China keluar dari China pergi ke negara-negara lain. Berapa daripada syarikat-syarikat ini. Adakah kita menarik di Johor. Harap kita boleh dapat satu jawapan. Yang Berhormat Tuan Speaker, itulah *point-point* saya. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih daripada Bekok. Seterusnya saya persilakan Semerah.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, terutamanya patik merafak sembah menjunjung kasih setinggi-tinggi tahniah diatas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Mencemar duli merasmikan

sidang Dewan Negeri Johor bagi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-14 pada 12 Ogos 2021.

Pertama, Semerah mengucapkan penghargaan kepada barisan hadapan yang terus berjuang tanpa penat lelah walaupun sudah hampir dua tahun negara kita diselubungi dengan pandemik COVID-19. Ucapan terima kasih Semerah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah menyalurkan peruntukan tambahan kepada semua Wakil Rakyat bagi membolehkan Wakil Rakyat menyalurkan bantuan kepada seluruh bangsa Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha kita berperang dengan wabak COVID-19, kita telah diberitahu bahawa pemberian vaksin merupakan senjata utama dalam memerangi penyakit ini. Alhamdulillah, dengan bertambahnya jumlah Pusat Pemberian Vaksin atau PPV di setiap daerah, saya yakin kita akan mencapai imuniti kelompok tidak lama lagi. Contohnya di daerah Batu Pahat, kita mempunyai PPV Awam di Dewan Jubli Intan Batu Pahat dan juga Dewan Orang Ramai Parit Raja yang mana di Batu Pahat 1,400 dos manakala di Parit Raja 1,200 dos. Di UTHM ataupun PPV Integrasi menyediakan 3,000 dos manakala di PPV Integrasi Yong Peng sebanyak 2,000 dos. Walau bagaimanapun, pada minggu-minggu sebelum ini kita lihat ada berlaku penutupan sementara beberapa pusat vaksin, pemberian vaksin seperti di Dewan Jubli, Batu Pahat. Jadi, saya di sini saya berharap isu berkenaan dengan kekurangan dos vaksin ini kita dapat selesaikan dengan segera. Kerana kita maklum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada maklumkan bahawa pada bulan Ogos ini, kita akan terima 2 juta dos. Kapasiti menyuntik vaksin sebanyak 70,000 suntikan sehari, selain daripada *ImmuPlan* Johor bermula pada 29 Julai 2021 dan juga pada 6 Ogos *Johor Vaccine Immunization Program* telah bermula, jadi kita, Semerah ingin tahu berapakah jumlah dos yang telah kita terima setakat hari ini? Dan juga berapa yang telah diberikan kepada mereka-mereka yang memerlukan vaksin?

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada PPV saya juga berharap program *outreach* dapat diperbanyakkan kerana saya ucapkan terima kasih selepas saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyuarakan tentang PPV ini di kawasan Parlimen Parit Sulong, di DUN Semerah kita telah dapat membuat program *outreach* minggu lepas dan juga insya-Allah pada minggu ini ada dua tempat lagi di MRSM untuk kita jalankan program *outreach* terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan berkenaan dengan penggunaan fasiliti kesihatan, contohnya klinik kesihatan ataupun klinik desa. Kita mempunyai banyak klinik desa di setiap daerah di mana kalau kita lihat penggunaan setiap klinik desa itu, kapasitinya sehari ialah lebih kurang 10, 15 dan kadang-kadang ada klinik desa ini hanya menerima 2% hingga 3 orang iaitu klinik ibu dan anak. Yang dulu memang pada zaman-zaman dulu klinik ibu dan anak ini memang popular. Tetapi sekarang semua orang muda semua ke bandar, maka klinik desa ini kekurangan mereka yang mendapat rawatan. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri, kita gunakan sepenuhnya klinik kesihatan yang ada ini bagi memastikan bahawa kita dapat mencapai imuniti kelompok. Sebab kita boleh gunakan kakitangan perubatan dan juga jururawat-jururawat daripada klinik-klinik kesihatan yang ada di setiap daerah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin jelaskan di sini juga setakat 21 Ogos 2021, Johor hanya 36.1% yang mendapat dos kedua berbanding pada 20 hari bulan kita mendapat 35.1% maksudnya pencapaian kita sehari ialah 1.1% jadi saya harap, kerja-kerja kita untuk memastikan kita mencapai imuniti kelompok ini kita dapat dipercepatkan. Sebab kalau kita dapat bergerak 2% atau 3% sehari insya-Allah, awal bulan 9 kita dapat mencapai imuniti kelompok.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu kita tahu selain daripada CITF, Kesihatan juga memainkan peranan yang penting. Saya lihat sebelum ini Jabatan Kesihatan ada memaklumkan bahawa penambahan pakar psikiatri kerana kita tahu bahawa dalam musim pandemik ini pakar psikiatri di hospital amat diperlukan. Yang mana pada

jawapan EXCO Kesihatan pada pembentangan bajet yang lepas memaklumkan bahawa pada tahun 2021 terdapat perancangan pertambahan pakar bagi daerah Johor Bahru, Muar dan Segamat. Jadi saya hendak tahu apakah perkembangannya? Selain daripada itu, kita tahu bahawa negeri Johor telah mendapat beberapa peruntukan untuk kesihatan seperti fasiliti hospital, klinik kesihatan, klinik desa, klinik pergigian, kuarters dan juga makmal penyediaan *wellness hub*. So, jadi saya ingin mendapat makluman perkembangan terkini daripada Yang Berhormat EXCO Kesihatan apa yang telah kita terima dan apakah perkara-perkara yang di bawa ke hadapan?

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tahu kita menghadapi masalah ambulans yang kita tahu ambulans ini pun diuruskan oleh pihak Medivest juga tak silap saya, ada sebahagian. Begitu juga dengan fasiliti-fasiliti alat-alat di klinik kesihatan juga di baik pulih oleh pihak swasta. Saya ambil contoh *Fundus Camera*, *fundus camera* di Poliklinik Batu Pahat rosak, bila rosak dia suruh pergi ke Parit Raja dan juga Semerah, eh maaf, ke Senggarang. Rosak dah berapa bulan. Jadi, saya harap Yang Berhormat EXCO dapat ambil perhatian mengenai fasiliti-fasiliti kesihatan yang rosak di hospital-hospital dan juga di klinik-klinik kesihatan. Kerana kita faham mereka yang mendapat rawatan di hospital selepas itu mereka akan mendapatkan rawatan susulan di klinik kesihatan atau poliklinik tetapi kalau poliklinik ataupun klinik kesihatan fasilitinya pun ada masalah, bagaimana kita hendak mencapai rakyat kita yang sihat. Jadi,

YB Speaker : Yang Berhormat, 1 minit Yang Berhormat.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : 10 minit tak cukup ini sebenarnya.

YB Speaker : Yang Berhormat, 1 minit Yang Berhormat.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Saya hendak mohon juga kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian kita ada masalah dari segi, hari itu saya ada bincang dengan Datuk Samsul, Dato' Speaker, maaf Datuk EXCO Pertanian, berkenaan jambatan MTB tapi, sebelum saya ke Dewan ini ada aduan menyatakan bahawa jambatan, ada sebahagian jambatan MTB ini perlu dinaik taraf kerana apa? Kalau dulu masa zaman Johor Barat, jambatan ini hanya digunakan oleh kenderaan-kenderaan kecil dan tiada rumah di kawasan tersebut. Tetapi saya ambil contoh di kawasan Sungai Kajang, dalam kawasan itu ada 66 buah rumah tetapi jambatan MTB, jambatan MTB yang asal bila ada berlaku kebakaran, jentera Bomba tidak boleh masuk. Jadi, saya harap Yang Berhormat EXCO dapat lihat mana-mana jambatan MTB ini di bawah seliaan JPS dapat dinaik taraf bagi memastikan bahawa tidak akan berlaku di mana kebakaran-kebakaran ini kita tidak dapat selamatkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada itu saya mohon juga kepada Yang Berhormat EXCO Luar Bandar berkenaan dengan lampu jalan kampung. Sebab sebelum ini maksimum satu kampung hanya boleh dapat 50 tiang lampu, ataupun lampu LED. Tetapi saya harap pihak KPLB melalui EXCO Luar Bandar dapat meningkatkan daripada 50 kepada 70 bagi memastikan banyak kawasan-kawasan di pedalaman dapat diterangi oleh cahaya lampu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, itu sahaja daripada saya selain daripada itu saya hendak maklumkan juga kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dengan Jambatan Parit Dobi. Kerana Parit Dobi ini terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat dan ianya diseliah oleh JPS. Kerana sekarang ini tembok, tembok Parit Dobi itu dah retak jadi bila air pasang besar dan juga hujan, air keluar melalui tembok yang retak. So, saya harap pihak JPS dan juga pihak Majlis Perbandaran melalui EXCO Kerajaan Tempatan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera dan begitu juga berkenaan dengan *autogate* di Batu Pahat ada 2 *autogate*, 1 di Parit Bakau Chondong dan 1 lagi di Parit Shahbandar yang mana *autogate* ini juga bila bermasalah maka bandar Batu Pahat dia akan mengalami banjir kilat seperti yang kita alami sebelum ini.

Dan, yang terakhir ialah saya harap pihak Yang Berhormat EXCO Pertanian dapat memanjangkan kepada pihak persekutuan berkenaan dengan mendalamkan Sungai Batu Pahat yang telah tohor. Kerana saya dimaklumkan yang terakhir kerja-kerja mengorek ataupun mendalamkan Sungai Batu Pahat ialah pada tahun 2008. Kalau kita dapat selesaikan masalah itu, maka kita dapat selesaikan masalah-masalah banjir yang berlaku di daerah Batu Pahat. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Semerah ya, yang sebahagiannya boleh dibincang dalam Majlis Tindakan Daerah ya Yang Berhormat. Itu mungkin perlunya semua ADUN-ADUN ini berada dalam Majlis Tindakan Daerah. Jadi saya tamatkan Persidangan untuk hari ini sehingga ke saat ini dan Persidangan saya tangguhkan sehingga hari esok, Isnin 23 Ogos 2021 jam 9.30 pagi. Insyaa-Allah.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.30 petang.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KETIGA

ISNIN, 23 OGOS 2021

BIL. 11 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Haji Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya

Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Sallehuddin bin Haji Hassan., DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

TIDAK HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Imam Besar Johor membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. (Bacaan selawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz, mantan Speaker Dewan Negeri Johor mulai 20 Jun 2013 hingga 27 Jun 2018, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai 21 Oktober 1990 hingga 4 Mei 1995 dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri kawasan Parit Yaani mulai 24 Julai 1986 hingga 5 Oktober 1990 telah kembali ke rahmatullah pada 24 Disember 2020 yang lalu. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam membaca Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur selama satu minit. Al-Fatihah. Terima kasih.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Mohon dinyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal harga barang keperluan asas sewaktu pandemik COVID-19 melanda.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Antara langkah yang sudah diambil kerajaan untuk mengawal harga barangan termasuk memperketatkan penguatkuasaan.

1. Kita, di Johor kita ada 200 penguatkuasaan yang menjalankan tugas setiap hari untuk memastikan harga pasaran stabil dan berpatutan.
2. Kerajaan juga mengawal harga tetap untuk barangan asas yang, harga yang sudah ditetapkan, harga subsidi iaitu termasuk gula, tepung dan minyak masak.
3. Kerajaan juga ada melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan untuk semua perayaan utama.
4. KPNDHEP mempunyai satu aplikasi ya, satu *apps* nama dia *Price Catcher* di mana dia membolehkan pengguna untuk membuat perbandingan harga. Kita, usaha mengawal harga bukan sahaja pada kerajaan. Kita nak *consumer* ataupun pengguna juga menjadi *smart consumer*.

Itulah empat-empat langkah yang sudah diambil oleh kerajaan untuk mengawal harga barang-barang asas. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Soalan tambahan Yang Berhormat Speaker. Terima kasih di atas jawapan daripada YB EXCO. Namun, kalau dapat saya mohon penjelasan mengenai kenaikan harga minyak masak yang berlaku walaupun minyak masak ini termasuk dalam kategori barangan kawalan dan adakah pemeriksaan-pemeriksaan dijalankan di premis perniagaan? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Berkenaan dengan minyak masak, di pasaran kita ada minyak masak subsidi dalam polibeg 1 kilogram, harga tu RM2.50. Selama ini, ini sudah lama. Tapi baru-baru ini kita mendapati harga CPO ya, yang minyak mentah sawit tu dia melambung tinggi dan dia menyebabkan minyak yang tidak terkawal dia melambung tinggi sama-sama. Untuk mengatasi masalah tu, kerajaan sudah letak harga siling mulai daripada 1 Ogos tahun ini di mana harga siling untuk minyak tulen sawit, minyak tulen sahaja kerana ada minyak yang sudah campur, minyak tulen sawit dia ada 1 kilogram, 2 kilogram, 3 kilogram dengan 5 kilogram. Harga siling untuk 1 kilogram tu RM6.20, yang 5 kilogram tu harga siling adalah tidak melebihi RM50.00. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Panti, jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta nyatakan perkembangan terkini tentang bantuan peranti kepada seluruh sekolah di negeri Johor yang diumumkan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0, serta apakah kerajaan negeri berhasrat untuk memperluaskannya?

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Soalan saya nombor 3.

Apakah status inisiatif 8,000 sumbangan peranti kepada sekolah di negeri ini bagi pelaksanaan program Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR)?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Panti dan Yang Berhormat Parit Yaani.

Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor telah diumumkan oleh YAB Menteri Besar pada 10 Jun 2021 yang lalu. Kerajaan Johor memperuntukkan sebanyak RM126.86 juta bagi rakyat negeri ini yang terjejas dengan pandemik COVID-19 termasuk golongan M40 secara bersasar. Antara inisiatif yang akan dilaksana adalah bantuan sumbangan peranti kepada sekolah seluruh negeri Johor. Peranti ini akan dijadikan aset sekolah dan kemudahan ini akan dipinjamkan kepada seramai 8,000 pelajar yang kurang berkemampuan. Inisiatif ini termasuk membekalkan 8,000 pocket *wifi*, dengan izin, dengan talian Internet *Broadband* khas untuk kegunaan pelajar yang bakal menduduki SPM tahun 2022 yang juga diserahkan kepada pihak sekolah.

Pihak kerajaan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif ini. Di awal pelaksanaan program ini, satu penyelarasan telah dibuat bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi menetapkan spesifikasi yang sesuai untuk digunakan oleh pelajar-pelajar berkenaan. Selanjutnya, pihak kerajaan telah melaksanakan kajian pasaran bagi mendapat

nilai terbaik, *value for money dengan izin*, pelaksanaan ini sebelum membuat perolehan melalui tatacara proses perolehan yang berkuat kuasa.

Proses perolehan telah dilaksanakan pada bulan Julai 2021 dengan jumlah kos RM25 juta bagi 8,000 peranti baharu. Bekalan peranti akan mula diedarkan kepada pihak sekolah pada awal bulan September ini dan dijangkakan selesai sepenuhnya pada November 2021. Cabaran mendapatkan bekalan peranti yang disebabkan oleh kekurangan bekalan *global shortage*, dengan izin dan gangguan pada rantaian bekalan telah menyebabkan anjakan masa jadual bekalan peranti. Pada masa ini, pihak kerajaan mendapat kerjasama secara terus dengan pengeluar peranti tanpa melalui pihak ketiga bagi meminimumkan gangguan tersebut.

Di samping itu juga, Jabatan Pendidikan Negeri juga sedia maklum berkaitan sumbangan komputer riba, tablet dan data Internet pelbagai pihak yang melibatkan Yayasan Raja Zarith Sofiah, Ahli-Ahli Parlimen, ADUN-ADUN, NGO, Yayasan-yayasan PBT, syarikat-syarikat dan individu bagi meringankan beban ibu bapa/penjaga bagi melaksanakan PdPR. Jabatan mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha pelbagai pihak yang sentiasa prihatin membantu penyelesaian isu peranti dan defisit pembelajaran.

Insya-Allah kami akan cadangkan untuk dimasukkan di dalam Belanjawan 2022, sekurang-kurangnya jika tidak dapat menambah kuantiti peranti, kita dapatlah sambung bayaran sewa talian *wifi* kepada pelajar-pelajar yang terpilih akan datang. Ini semua bergantung kepada unjuran kemampuan kewangan kerajaan negeri pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan tersebut. Tadi Yang Berhormat EXCO ada nyatakan bahawa antara cabaran ialah, cabarannya ialah bekalan peranti itu sendiri. Saya cuma nak tahu, kita pun tahu bahawa teknologi ini sentiasa berubah dengan cepat. Maknanya kalau telefon kita tu kadang dalam setahun, dua tahun dia *upgrade*. Bagaimana perancangan kerajaan negeri kalau hendak pastikan peranti ni sentiasa *up to date*, dengan izin. Maksudnya, kalau digunakan oleh, sebab peranti itu adalah pinjaman. Kalau digunakan oleh pelajar yang berikutnya ia masih relevan lagi pada waktu itu. Dan kedua, bagaimanakah kaedah pemilihan pelajar? Berapa peratuskah pelajar SPM yang dapat peranti itu berbanding jumlah pelajar yang menduduki SPM? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya menjawab dulu kriteria pemilihan murid yang dipinjamkan adalah murid tingkatan 5 dalam golongan terpinggir, B40 terutamanya daripada keluarga ibu tunggal. Murid yang mempunyai potensi untuk belajar dalam PdPR. Makna yang mereka beri, pasti mereka ini tidak akan mengabaikan kemudahan yang diberikan. Seterusnya murid yang masih belum menerima sumbangan peranti dari agensi-agensi lain. Kalau dia dapat daripada Wakil Rakyat, kita ada data dan sebagainya, kita tak bagi lagilah. Dan, seterusnya tidak mempunyai akses terhadap pembelajaran dalam talian dan komputer ini kita *install* sekali *software*. Kalau yang tak ada *wifi* pun kita boleh gunakan macam contohnya soalan, soalan-soalan ini dia boleh masukkan *software* dan dia boleh tengok dalam sistem tersebut.

Dan, macam mana dia nak ni, sebenarnya komputer ini diserahkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor, dia ada unit dia sendiri, Bahagian ICT yang akan memantau dan sentiasa bertanggungjawab untuk membuat penyelenggaraan dan juga apa yang berlaku tentang teknologi, bahagian ini yang bertanggungjawab. Dan, sebenarnya peranti komputer ini dijadikan dipanggil Aset Alih Kerajaan. Bila dia serah kepada kerajaan negeri dipanggil Aset Alih Kerajaan di mana mereka merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM2.0 dan aset ini hendaklah sentiasa disimpan dengan selamat dan sentiasa di bawah kawalan yang dipertanggungjawab. Dan di peringkat sekolah pula, di sekolah-sekolah

menengah ni, yang kita bagi ni semua sekolah menengah, ada memang guru yang berkelayakan dipanggil Guru ICT yang sentiasa memantau bukan setakat dari segi *software* nya, komputernya dan juga dipantau supaya pelajar ini jangan salah guna, menggunakan komputer tersebut. Termasuk menekan masuk apa, *install* suka-suka, *install software* lain dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya, Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan daripada Parit Yaani. Pertama sekali berapa buah sekolah kawasan luar bandar yang terima kalau tadi bilangan kriteria, yang saya nak tanya bilangan sekolah di luar bandar? Yang kedua, apakah langkah kerajaan untuk memastikan peranti yang diberi itu boleh digunakan oleh pelajar berkenaan kerana pelajar ini kadang-kadang duduk di rumah kalau nak pakai. Dalam suasana hari ini dia tak ke sekolah, dia kat rumah. Kalau dia nak gunakan pembelajaran itu, PdPR, kawasan ni tak ada Internet, luar bandar. Jadi, apa langkah kerajaan nak dapatkan supaya pelajar ini boleh guna, tambahan kepada, selain daripada peranti dia dapat, tapi Internet itu sendiri, capaian Internet. Bagaimana langkah kerajaan?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, menjawab soalan tambahan. Saya tidak ada pecahan dari segi data sekolah luar bandar dan sekolah bandar tapi data yang saya dapat adalah jumlah mengikut daerah. Dan, kita bagi komputer ni anggaran dia 27 atau 28 set setiap sekolah menengah dan saya bacakan sedikit rekod daerah. Daerah Batu Pahat, 32 sekolah; daerah Johor Bahru, 47 ni 32 sekolah. Saya ulang daerah Batu Pahat 32 sekolah melibatkan bilangan 866; daerah Johor Bahru 47, 1,316; daerah Kluang 29 sekolah, 812; daerah Kota Tinggi 23, 644; daerah Kulai 19 sekolah, 532; daerah Mersing 10, 280; daerah Muar 26, 728 buah; Pasir Gudang 38 sekolah, 1,064; Pontian 18, 504; Segamat 25 sekolah, 700 buah; Tangkak 16, 444 sekolah. Keseluruhannya 283 dan ada baki 76 yang kita dalam simpanan yang belum kita buat keputusan. Dan, komputer ni merujuk kepada soalnya sebab itulah kita ada kerjasama dengan *Microsoft* dan komputer ni dia akan masukkan *software* sekali mana kawasan yang tidak ada Internet *software-software* tersebut macam kuiz soalan-soalan latihan, kuiz dan juga video-video ni dia video-video kaedah pengajaran dimasukkan, di *load* kan dalam sistem tersebut. Sebab tu dipilih kita kali ini kita tak pilih tablet, kita pilih komputer supaya memori dia lebih besar dan kita boleh *install* dia punya *software*. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Bukit Pasir, jemput.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 4.

SOP sembelihan korban yang diluluskan semasa sambutan hari raya korban tahun ini dilihat terlalu ketat dan memberi kesan yang besar kepada penternak. Adakah SOP tersebut telah dikaji secara menyeluruh tentang pelaksanaan dan kesannya kepada semua pihak yang terlibat?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada sahabat kita Bukit Pasir, SOP ibadah korban bagi tahun 1442 Hijrah telah dilaksanakan setelah mengambil kira situasi wabak COVID-19 di negeri Johor pada ketika ini serta juga pandangan-pandangan daripada Jabatan

Kesihatan Negeri, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri juga berkenan daripada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Pada tahun ini proses pelaksanaan ibadah korban dilaksanakan sepenuhnya di 164 pusat penyembelihan yang berdaftar di bawah Jabatan Veterinar. Ianya meliputi proses sembelihan, melapah, memotong daging dan membungkus. Jawatankuasa masjid dan surau atau penganjur ibadah korban di pusat-pusat sembelih terus mengedarkan daging-daging yang berkenaan kepada mereka yang telah menempah sembelihan korban tersebut. Bagi memastikan SOP ini dengan berjalan dengan baik dan lancar, satu mesyuarat antara Jabatan Veterinar Negeri dan Jabatan Agama Negeri dan semua pelesen-pelesen telah diadakan pada 20 Jun 2021, yang telah dihadiri oleh 85 pelesen di seluruh negeri Johor bagi mengatur dan mengambil persefahaman bersama tentang SOP ibadah korban pada tahun ini.

Dalam tempoh wabak COVID-19 ini Yang Berhormat Tuan Speaker, semua sektor adalah terjejas seperti pelancongan, perhotelan, perindustrian termasuk penternakan. Namun begitu, korban pada tahun ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, masih dapat dilaksanakan dengan jayanya di pusat-pusat sembelih dengan jumlah haiwan ibadah korban pada tahun ini sebanyak 6,037 ekor telah disembelih pada tahun ini. Bagi memastikan pusat sembelih patuh dengan SOP korban Jabatan Agama Islam, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pihak Polis dan pihak RELA turut bersama-sama memantau keadaan. Bagi memastikan ianya betul-betul berjalan lancar, saya sendiri bersama dengan Jabatan Veterinar, Pengarah, Timbalan Pengarah telah turun padang dan memeriksa sebanyak 21 pusat-pusat sembelih malahan pada ketiga-tiga hari Tasyrik.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, kami juga turun padang melihat secara dekat pusat-pusat sembelihan pada tahun ini, alhamdulillah dengan kerjasama semua pihak seperti mana yang dikehendaki oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, jangan sampai ada kluster ibadah korban, alhamdulillah Yang Berhormat Tuan Speaker, tahun ini Johor tidak ada kluster ibadah korban. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya, Yang Berhormat Mengkibol, jemput.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Berapakah kutipan bayaran lesen perniagaan di setiap PBT untuk tahun 2020 dan 2021?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Mengkibol atas soalan yang berkaitan dengan kutipan bayaran lesen perniagaan bagi negeri Johor tahun 2020 dan 2021. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tahun 2020 dan 2021 adalah tahun yang mencabar, tahun perniagaan yang sukar, tahun PKP, tahun yang sekejap kedai buka, sekejap kedai tutup dan tahun-tahun yang begitu menyukarkan peniaga-peniaga.

Untuk makluman Dewan yang mulia, ada sejumlah 50 jenis lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan bersesuaian mengikut PBT masing-masinglah contoh MBBJ ada 51 jenis lesen contohnya ialah lesen pasar raya, lesen kedai makan, lesen pejabat dan macam-macam lagi lesen. Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat 21 Julai 2021, jumlah lesen yang berdaftar di negeri Johor sebanyak 147,135 pemegang lesen. Hasil lesen menyumbangkan sebanyak 30% hingga 35% kepada Hasil Bukan Cukai mengikut PBT masing-masing. Pada tahun 2020, jumlah kutipan hasil lesen bagi 16 PBT di seluruh Johor sebanyak RM64.029 juta. Bagi tahun 2021 sehingga 31 Julai 2021, kutipan hasil lesen sebanyak RM32.9 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, berlaku penurunan kutipan hasil lesen disebabkan kita mengecualikan lesen penjaja, lesen PKS mikro dan juga pengusaha pelancongan, hotel dan syarikat-syarikat pelancongan. Dan, di bawah inisiatif ini pengecualian di bawah agenda Johor Niaga dan Belanjawan 2021 seramai 36,700 penjaja PKS dan hotel yang kehilangan hasilnya berjumlah RM6.011 juta. Jadi, untuk makluman saya rasa tidak perlu saya bacakan *details* nya satu-satu Yang Berhormat ia akan mengambil masa yang panjang. Cuma untuk makluman Dewan yang mulia ini, kalau untuk Kluang jumlah pemegang lesen adalah sebanyak 9,534, kutipan hasil 2020, RM3.5 juta dan sehingga 31 Julai RM3.2 juta. *Detail* nya saya akan serah kepada Mengkibol lah, Yang Berhormat. Jadi, kita faham keadaan yang sukar bagi tahun 2020 dan 2021.

Semua pihak PBT tak mengenakan kompaun dan denda lewat kita faham keadaan ini, dan saya telah kecuai Majlis Daerah Tangkak, dia telah mengenakan denda lewat bagi bayaran lesen selepas 31 Julai 2021. Itu akan saya bincang balik dengan pihak Majlis. Tapi 15 PBT lain tidak akan mengenakan kompaun dan denda lewat bagi mereka yang lewat memperbaharui lesen ataupun membuat bayaran untuk makluman Yang Berhormat. Itu sahaja Yang Berhormat jawapan yang boleh saya sampaikan.

YB Speaker : Ya, Mengkibol, jemput.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Kalau kita tengok ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, kedudukan kewangan yang stabil, hasil kerajaan negeri melebihi RM1 bilion setakat ini dan kita tengok penyata kewangan *audited*, penyata kewangan tahun 2019 yang kita semua terlibat hampir semua PBT mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan kalau kita tengok hasil contohnya kalau Kluang jumlah tunai dalam bank RM87 juta, Batu Pahat RM94 juta, Muar, RM86 juta. Hasil cukai jumlah katakan Kluang RM8 juta cuma 90%, Batu Pahat 6.75%, Muar, 6.47% kalau Kulai lagi kurang 3%. Jadi, sebagai kerajaan prihatin adakah kemungkinan untuk kerajaan memberi pengecualian lesen perniagaan, PBT terutamanya kepada mereka yang tidak dibenarkan beroperasi dalam MCO contoh kedai gunting rambut, kedai persolekan dan sebagainya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat, pendekatan pihak PBT bagi tahun 2021, kita cukup berjaga-jaga dari segi perbelanjaan Yang Berhormat tapi Yang Berhormat nampak ada *surplus* sebab banyak perbelanjaan-perbelanjaan mengurus yang tidak dapat dibelanjakan contohnya pembelian harta modal dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berpesan supaya beberapa PBT yang dulunya defisit diambil kira supaya kita dapat berbelanja hemah dan alhamdulillah untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada 16 PBT satu sahaja yang mengalami defisit yang cukup tak membimbangkan boleh kita bantu iaitu Majlis Daerah Labis iaitu defisit dalam RM3 juta. 15 PBT yang lain alhamdulillah Yang Berhormat, kita dapat kedudukan kewangannya yang kukuh.

Saya fahamlah maksudnya kenapa ada lebihan tapi kalau Yang Berhormat melihat kawasan Kluang, kawasan Batu Pahat, Majlis Johor Bahru memang lesen ni tak berapa sangat kesannya kepada Hasil Bukan Cukai tapi bagi daerah Tangkak, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam, *contribution* bayaran lesen besar walaupun mereka tidak boleh niaga contohnya salon, kedai gunting rambut, kerajaan negeri melalui PRE 3.0 ni memberi peruntukan inisiatif bantuan *One-Off* kepada gunting RM500.00, salon pun RM500.00. Itu tak, kita fahamlah, keadaannya tidaklah boleh membantu tapi sekurang-kurangnya itulah agenda kerajaan dalam membantu meringankan beban semua peniaga. Itu yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Seterusnya Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah perancangan dan pelan tindakan kerajaan negeri untuk mengurangkan kadar pengangguran khususnya di kalangan graduan dan penganggur pasif?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram yang mengutarakan satu soalan yang baik.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Unit Strategik Modal Insan iaitu SMI telah merangka pelan perancangan dan tindakan pro-aktif bagi menangani isu modal insan terutamanya isu pengangguran. Kerajaan negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melancarkan pelbagai inisiatif antaranya Ikhtiar Makmur Johor selain meletakkan sektor Modal Insan antara fokus utama kerajaan negeri dalam Belanjawan Johor 2021 di bawah Agenda Modal Insan Johor.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri di bawah Agenda Modal Insan Johor adalah seperti berikut :

Pertama, Program Gerak Kerjaya Johor. Ia adalah sesebuah program yang berperanan menyediakan platform atau peluang pencarian pekerjaan bagi golongan penganggur dan yang mencari pekerjaan. Program ini adalah hasil usaha sama strategik Unit Modal Insan Johor bersama agensi-agensi berkaitan mahupun para majikan. Apa yang kita lakukan dalam program ini, kita menyediakan satu platform dan pemohon-pemohon yang memohon kerja akan disediakan secara *online* untuk berinteraksi dengan majikan-majikan yang memerlukan mereka. Jadi, program ini berjaya telah kita lakukan daripada tahun lepas dan tahun ini juga kita juga bergerak daripada daerah ke daerah cuma kita hanya mampu melakukan pada siri yang kedua setelah kekangan PKP diadakan. Jadi, kita akan teruskan, sebab apa kita rasa ramai yang manfaat di dalam program ini.

Kedua, Program Latihan Kemahiran iaitu MAHIR JOHOR. Satu sebuah inisiatif yang melibatkan dua gerak kerja iaitu Program Peningkatan Kemahiran dan Program Pemahiran Semula. Di bawah Program ini, Unit SMI menawarkan pelbagai kursus latihan peningkatan kemahiran dan program pemahiran sepertimana yang dijalankan dengan kerjasama beberapa institut penyediaan latihan yang diiktiraf. Ini yang dimaksudkan *upskilling* dan *re-skilling* yang mana kita sedia maklum ia ada juga kursus ataupun latihan yang memerlukan latihan secara fizikal untuk melayakkan seseorang itu diiktirafkan sebagai layak untuk menjawat jawatan-jawatan yang dipohon. Jadi juga dengan kekangan PKP, sesi latihan secara fizikal kita terhenti dan akan diteruskan apabila kelonggaran dibuka kelak.

Ketiga, Program Pensijilan Tenaga Mahir. Program ini adalah kerjasama di antara Unit SMI dan Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Program ini juga dilaksanakan bagi membantu pekerja yang berpengalaman terutamanya pekerja yang diberhentikan untuk mendapat Sijil Kemahiran Tahap 2 atau 3 bagi peningkatan kerjaya dan pekerjaan mereka. Kerajaan juga turut giat menjalinkan kerjasama strategik mahupun usaha sama pintar bersama agensi-agensi serta institusi-institusi yang berkaitan antaranya IRDA, IIB, Educity, Johor Petroleum Development Corporation, Johor Skill Government Centre, Akademi Binaan Malaysia dan beberapa lagi institusi pengajian tinggi dan awam mahupun swasta bagi tujuan yang berkenaan. Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan hasil usaha sama ini adalah Program *Upskilling* dan *Re-skilling*

bersama IRDA, IIB, Johor Skill. Dan program perantis Iskandar bersama Educuity, program peningkatan kemahiran dalam sektor minyak dan gas bersama JPDC serta lain-lain agensi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri menerusi Unit SMI aktif mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak bagi mendapatkan input-input serta informasi yang berkaitan. Antara pihak yang terbabit dalam sesi ini yang diadakan secara fizikal dan *virtual*, itu adalah pihak majikan juga pemain utama industri, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, jabatan-jabatan, agensi-agensi, organisasi serta pertubuhan yang berkaitan. Selain daripada usaha tersebut, kerajaan negeri juga telah pun dalam tindakan menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor.

Bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta melahirkan lebih ramai modal insan yang mahir dan yang berdaya saing pasca COVID-19, kerajaan turut merancang bagi penumpuan sektor industri baru yang lebih relevan dan lebih praktikal buat masa ini. Antara sektor industri baru yang akan diterokai adalah industri yang berteraskan *Future Emerging Technology*, *Internet of Things* dan juga industri kreatif yang mana tenaga mahir yang dilahirkan dari sektor-sektor berkenaan tidak akan bergantung penuh kepada peluang-peluang pekerjaan atau majikan. Mereka akan mampu mempunyai pilihan alternatif iaitu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dari sebuah syarikat atau perniagaan yang ditubuhkan ianya akan mewujudkan lebih dari satu peluang pekerjaan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Tiram jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang memberi satu penjelasan begitu panjang. Soalan tambahan saya ialah, sektor-sektor bolehkah *list* kan sektor-sektor manakah yang masih kekurangan pekerja jawatan kosong, boleh diisi oleh pekerja terutama keperluan graduan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Ini satu lagi soalan yang baik untuk kita berkongsi. Merujuk kepada laporan yang dah dikeluarkan oleh PERKESO dan yang mana ianya kita boleh capai dengan melayari laman sesawang *myfuturejob*. Setakat Jumaat 13 Ogos 2021, jumlah jawatan kosong di seluruh negeri Johor yang ditawarkan adalah sebanyak 15,575. Bagi jumlah jawatan kosong yang belum diisi mengikut pecahan sektor yang mana ditanya oleh YB Tiram, dia merangkumi perpuluhan sektor. Jika saya nak sebutkan di sini pun, saya rasa tidak mampu dan masa pun tidak bersama saya, jadi saya boleh bagi dalam 10 sektor yang teratas. Sektor profesional, jumlah kekosongan merangkumi tiga ribu lebih dalam anggaran 3,700. Pembuatan pengilangan di tahap nombor 2, sebanyak 2,700. Sektor penginapan, mencecah 2,500. Sektor kewangan dan insurans anggaran 1,621 dan lain-lain perkhidmatan 928 dan pendidikan 600, yang lain-lain itu semua bawah pada 1,000. Jadi, inilah yang kita rasa kenapa kekosongan tidak diisikan. Mungkin, saya...

YB Speaker : Pertanian, tak ada ya Yang Berhormat, Sektor Pertanian?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Pertanian 380. Semua jawatan dalam sektor-sektor yang saya sebutkan tadi itu, dinyatakan adalah terbuka kepada semua warga negeri Johor dan ia termasuk kepada golongan penganggur, golongan mereka yang telah hilang pekerjaan dan mahu juga graduan. Jadi, kita akan bertanya kenapa jawatan ini tidak diisi? Ini juga saya nak berkongsi berbagai *effort*, usaha yang telah kita lakukan. Ini juga sikap memilih kerja dan juga setelah hebahan yang kita telah buat, kurang mengambil peka dan kurang meng~~effort~~ untuk melayari laman-laman *web* yang dah kita sediakan dan juga faktor gaji dan juga faktor logistik. Jadi saya mengambil kesempatan di sini hubungi kami, hubungi pihak

PERKESO, hubungi pihak Unit SMI, banyak peluang pekerjaan yang ada dan pada ketika ini kita jangan nak memilih kerja. Sekian, terima kasih.

YB Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Ini soalan berkenaan dengan pengangguran dan kita dapati bahawa di negeri Johor untuk tahun 2020 kalau berbanding dengan tahun yang sebelumnya 2019, di negeri Johor kita dapati bahawa pengangguran telah bertambah sebanyak 17.6% dan juga daripada perangkaan yang dikemukakan oleh DOSM, *Department Of Statistics Malaysia*, bukan sahaja pengangguran bertambah tetapi juga pendapatan *min salary* untuk *degree holder*, untuk *diploma holder*, untuk mereka yang *skill*, *semi skill* semua turun. *Min salary* pun turun, bermaksud dia akan menjejaskan pendapatan. Sudah sebab *salary* sudah turun kan, dia akan menjejaskan kehidupan pekerja-pekerja. Maka, saya ingin tahu apakah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mempertingkatkan lagi mungkin dari segi *skill* atau dari segi macam mana kita nak memastikan bahawa pendapatan dia tidak berkurang. Sebab dari *inflation* kalau pendapatan pun berkurang bermaksud dia punya *purchasing power* pun kurang, so dia akan ada impak pada kehidupan dan kepada ekonomi negara kita. So, saya pun apakah yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan?

YB Speaker : Ok, jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih. Saya rasa soalan ini Yang Berhormat sendiri pun tahu jawapan dia. Kadang-kadang kita gunakan peluang masa sekarang ini kita bertanya sesuatu informasi yang kita tak tahu. Inilah masanya kita dapat informasi ini. Kalau kita bertanya soalan yang kita dah tahu jawapan, rasa saya ataupun kita buang masa di sini.

Untuk makluman, bila kita cerita pengangguran, bila kita nak buat satu *comparison* dengan *previous year of course*, *increment*, kenaikan akan menaik. Kita tahu keadaan COVID apa yang berlaku sekarang dan di mana operasi-operasi syarikat dihentikan, *cost production* dihentikan, syarikat-syarikat terikat dengan pesanan-pesanan untuk dihantar ke luar negara dan syarikat-syarikat ini kena saman ganti rugi kerana *breach contract*, *non compliance of business contract*. Jadi ini kita lalui ini semua. Jadi, di sinilah berlakunya bila aliran wang tunai syarikat, *income* syarikat terjejas, macam mana *downsizing of employee* tak berlaku. Di mana-mana merata-rata kita tengok *cut cost*, *downsizing*. Ini semuanya berlaku. Benda ini kita tak dapat elakkan lagi. Kita boleh cakap 70,000 penganggur, *yes how we are going to address this issue?* Bila kita buka kilang, timbul kluster kilang dan kita mempunyai antara persimpangan untuk menyelamatkan ekonomi dan nak menyelamatkan rakyat.

Jadi, sebab itu saya mengucapkan terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak membantu saya di bawah Portfolio saya, yang mana kita turun padang, kita jumpa syarikat-syarikat yang besar yang mana tertekan mengalami kerugian yang amat besar beratus juta hanya hingga boleh cerita *plan to exit from here*. Dah *start* perbandingan dengan negara lain yang mempunyai kelonggaran dalam SOP mereka, insentif-insentif yang lebih baik dari kerajaan kita. Inilah hasil kami dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama dengan JETCO, bersama dengan Unit SMI, kita turun, kita mendengar keluhan dan rintihan mereka dan di sini kita dengan agensi-agensi MITI juga terlibat, *Local Council* terlibat, kita buat rayuan untuk memberi sedikit kelonggaran untuk membantu mereka agar pengangguran dapat kita kurangkan. Jadi, sebab itu banyak program yang kita usahakan untuk menurunkan kadar pengangguran. Setelah saya sebut tadi, yang kita buat *upskilling*, *re-skilling*, gerak kerjaya *reach out*. Ini semua adalah untuk menempatkan mereka untuk kerja tetapi kita kena pastikan ada industri-industri *player* yang berminat untuk mengambil mereka dan mampu untuk mengambil mereka. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Seterusnya, Yang Berhormat Bukit Naning jemput.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 7.

Adakah Program Cari Orang Memerlukan Bantuan (COMB) telah mencapai sasaran pada tahun 2021 dan berapakah penerima di kawasan DUN Bukit Naning.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Naning atas soalan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah melaksanakan Program Cari Orang Memerlukan Bantuan (COMB) yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Agenda Johor Berkebijakan menerusi Belanjawan Johor 2021 bagi menyantuni rakyat yang terkesan dengan mensasarkan 10,000 orang yang akan dapat manfaat.

Program ini juga melibatkan semua agensi di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) dan juga Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diberi tanggungjawab bagi menyelaraskan COMB dan telah menerima sebanyak 18,619 permohonan dari seluruh Johor bermula 1 Februari 2021 hingga 28 Februari 2021. Dari jumlah tersebut, sebanyak 6,265 permohonan telah dipertimbangkan untuk kelulusan, 2,471 sedang dalam proses siasatan manakala 9,883 pemohon tidak melepasi syarat kelayakan pertimbangan kelulusan.

Untuk makluman Yang Berhormat sebanyak 102 permohonan COMB telah diterima dari kawasan DUN Bukit Naning dan 82 permohonan layak untuk kelulusan sementara 18 permohonan masih dalam proses siasatan manakala 2 permohonan tidak memenuhi syarat kelayakan pertimbangan kelulusan. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 8.

Bagaimanakah usaha pihak kerajaan melibatkan pengangkutan awam seperti teksi, perkhidmatan *e-Hailing*, bas awam, bas sekolah, bas kilang, van sekolah, van kilang dalam usaha meringankan beban pihak berkuasa dalam melawan pandemik COVID-19?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur: Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Perling di atas soalan yang diajukan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Sejak dari PKP 1, pihak kerajaan melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) telah terlibat secara langsung dalam membantu penyediaan pengangkutan semasa pandemik. PAJ bertindak sebagai perantara dan jabatan sokongan bagi memenuhi perkhidmatan pengangkutan sewaktu pandemik. Walau yang demikian, sejajar dengan pematuhan SOP dan pihak Majlis

Keselamatan Negara hanya mod pengangkutan bas, teksi dan *e-Hailing* sahaja yang mempunyai akses berkapasiti 50%.

Justeru itu, antara usaha membantu pihak berkuasa dalam menangani pandemik dengan menggunakan pengangkutan awam adalah pihak PAJ telah mengurus keseluruhan *Person Under Surveillance* yang tiba dari luar negara khususnya dari Singapura dan dihantar ke pusat-pusat kuarantin menggunakan perkhidmatan awam iaitu bas di dalam daerah Johor Bahru dan sebahagian di luar daerah Johor Bahru iaitu Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi dan Kulai.

Kerajaan negeri juga telah mengarahkan PAJ untuk membantu menyediakan perkhidmatan pengangkutan menggunakan bas awam untuk pejalan kaki yang merentasi sempadan negara antara Malaysia dan Singapura iaitu di Tambak Johor di bawah skim Hijau Timbal Balik (RGL) dan skim Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA). Dan, perkhidmatan ini melibatkan perkhidmatan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura di kawasan Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) ke CIQ Woodlands dan sebaliknya.

Sehingga kini terdapat lagi bantuan-bantuan pengangkutan yang melibatkan pengangkutan awam untuk membawa pesakit COVID-19 ke hospital serta bantuan pengangkutan ke pusat-pusat vaksin di seluruh Johor. Permintaan pengangkutan untuk tujuan COVID juga disempurnakan melalui bas awam dan PAJ sentiasa memberi sokongan melalui keperluan-keperluan yang dimohon oleh pihak-pihak tertentu di daerah bagi membantu pengangkutan ke pusat-pusat vaksin. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, jemput Perling, soalan tambahan.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Ya, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Cuma, soalan tambahan saya begini. Tadi Yang Berhormat EXCO menyatakan ada pengangkutan pesakit COVID-19 ke, terutamanya ke CAC. Jadi, adakah pengusaha-pengusaha seperti teksi atau *e-Hailing* ni dia perlu buat latihan ataupun berdaftar dengan PAJ untuk tujuan khas sebegini. Sebab kita melihat ambulan sekarang ni dia memang, mungkin dia tak cukup, tapi bila dia terdesak tu kita boleh cari alternatif lain seperti dekat *e-Hailing* ataupun teksi ataupun pengangkutan awam yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Penyediaan pengangkutan itu memang memenuhi SOP. Mereka memenuhi peraturan-peraturan yang dikenakan dan kerajaan negeri juga mengadakan satu program iaitu Pengangkutan Teksi. Saya, tapi itu bukan di bawah PAJ lah, di bawah satu NGO. Dan, nampaknya sambutan agak baik dan kita memang mear-warkan perkhidmatan itu kepada mereka yang mengalami masalah untuk dapat pengangkutan di daerah-daerah. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Tiram, jemput.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan nombor 9.

Pusat Pemberian Vaksin (PPV) perlu di tambah, adakah rancangan untuk mendirikan PPV ke setiap kawasan DUN atau Parlimen?

YB Speaker : Yang Berhormat Yong Peng, jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 10.

Mengapakah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Che Ann Khor, Yong Peng tidak beroperasi sehingga waktu malam?

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas, jemput. Pekan Nanas, jemput.

YB Tan Chen Choon (Jementah) bagi pihak YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas): Ha, soalan nombor 11.

Banyak penduduk dijadualkan vaksinasi di PPV yang terletak jauh dari tempat kediaman mereka, walaupun terletak PPV yang terletak berhampiran rumah mereka. Mengapa keadaan yang menyusahkan rakyat sering berlaku dan apakah tindakan penyelesaian?

YB Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Dato' Sharifah Azizah Binti Dato' Syed Zain (Penawar) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, soalan saya nombor 12.

Adakah kerajaan negeri bersedia untuk membuka Mini PPV di kawasan luar bandar untuk memudahkan lagi pemberian vaksin kepada rakyat negeri Johor ?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO. Ada 6 minit lagi. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Izinkan saya untuk menjawab soalan-soalan ini secara bersekali.

Yang Berhormat Speaker, pada masa kini terdapat beberapa jenis PPV di negeri Johor seperti PPV Awam, *Special* PPV khususnya di hospital kerajaan, PPV *General Practitioner* yang dikendalikan oleh klinik-klinik swasta, PPV *Mobile* yang dikendalikan oleh Pasukan Kesihatan menerusi program-program *Outreach*, PPV mega dan integrasi, PPV Industri. Dan, di negeri Johor pada hari ini terdapat sebanyak 241 PPV keseluruhannya daripada semua kategori.

Sesuatu kawasan dipilih sebagai PPV berdasarkan kepada cadangan oleh pihak CITF daerah yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Pegawai Kesihatan Daerah dan agensi-agensinya di peringkat daerah. Mereka akan mencadangkan lokasi dan jenis PPV berdasarkan keperluan dan populasi setempat ke pihak CITF negeri untuk pertimbangan pembukaan PPV yang baru dan seterusnya cadangan akan dimajukan ke pihak Jawatankuasa Pembukaan PPV CITF Persekutuan bagi persetujuan memulakan pengoperasian PPV. Sebagai contoh PPV Dewan Chee Ann Khor. Ia merupakan sebuah PPV integrasi dan mula beroperasi pada 18 Julai 2021. Kapasiti PPV ini adalah mampu memberi suntikan vaksin sebanyak 2,000 dos sehari. Dan berkaitan dengan isu yang dibangkitkan mengenai masa PPV ini beroperasi, PPV Integrasi masanya ditentukan oleh pihak CITF Persekutuan.

Yang Berhormat Speaker, semasa peringkat awal program PICK, pengagihan vaksin di negeri Johor rendah dan bilangan PPV yang dibuka semasa Fasa 1 hanyalah 14 PPV di dewan besar. Sebaik sahaja permulaan Fasa 2 dengan bilangan penduduk yang tinggi disasarkan, pembukaan PPV mega ditambah bagi menampung kapasiti pelanggan yang lebih ramai. Pengagihan vaksin secara mingguan dan tidak sekata seperti yang sering kali dibangkitkan kadang kala menyebabkan PPV Awam yang lebih rendah kapasiti ditutup bagi memberi laluan kepada pelaksanaan PPV Mega yang lebih licin dan berterusan. Perkara ini, bagi memudahkan tumpuan yang lebih berkesan di satu-satu lokasi di bandar khususnya kawasan yang mempunyai populasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, petugas kesihatan mengambil peluang masa tersebut untuk menyediakan PPV bergerak menerusi Program *Outreach* ke kawasan pedalaman dan kampung-kampung yang jauh dari PPV supaya penduduk di situ terutama yang terlantar dapat turut sama menikmati perkhidmatan PICK di luar bandar. Sebenarnya penutupan PPV tidak menjejaskan temu janji penduduk di PPV

yang berkaitan. Kini dengan pengagihan vaksin yang lebih dan menentu, kita tiada keperluan untuk PPV ditutup dan diharap situasi ini akan terus berkekalan.

Penjadualan vaksinasi penduduk di PPV adalah bergantung kepada temu janji yang diberi melalui aplikasi MySejahtera. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang masalah seperti jauh dari tempat kediaman, masalah ini boleh dikemukakan dalam *helpdesk* di aplikasi MySejahtera dan di lokasi PPV yang dikehendaki boleh dikemukakan. Pemberian vaksin COVID-19 kepada penduduk di kawasan luar bandar, pedalaman dan pulau dijalankan secara *outreach* bagi memudahkan lagi pemberian vaksin kepada rakyat di negeri Johor ini. *Outreach* ini dilaksanakan oleh pasukan *mobile* di setiap daerah secara berjadual bagi memastikan program berjalan dengan lancar dan berkesan. PPV *outreach* dilaksanakan oleh PPV *mobile* bagi pemberian vaksin kepada penduduk seperti saya katakan tadi, di kawasan pedalaman yang jauh dari pusat pemberian vaksin, institusi warga emas dan juga penduduk di pulau-pulau. Terima kasih.

YB Speaker : Masa dah menunjukkan 10.29, jadi saya tamatkan soalan lisan ini. Sekiranya ada soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Sambungan perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Saya persilakan, Panti. 10 minit. Jemput.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Panti merafak sembah, menjunjung kasih dan setinggi tahniah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas keprihatinan yang ditunjukkan kepada rakyat dari dulu hingga kini. Tahniah juga kepada kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hasni Mohammad, Menteri Besar Johor ke-18 yang saban hari tidak putus-putus memikirkan kaedah untuk kebajikan rakyat khususnya dalam era dan cabaran mendepani wabak COVID-19 pada hari ini.

Terima kasih atas peruntukan tambahan yang diumumkan semalam dan ternyata akan banyak membantu khususnya untuk warga Panti. Tidak lupa kepada barisan kakitangan kerajaan negeri di bawah teraju Yang Berhormat Dato' Azmi Rohani yang memberikan sepenuhnya bagi memastikan segala dasar dan inisiatif kerajaan negeri dapat dilaksanakan dengan baik sekali. Dan, yang paling utama adalah kepada semua anggota barisan hadapan yang tidak putus-putus berusaha bukan sahaja dengan kudrat dan masa malahan dengan menggadai nyawa sendiri untuk melaksanakan tanggungjawab serta memastikan akhirnya negeri kita dan negara berupaya membendung wabak COVID-19 ketika ini. Bagi menghargai mereka Panti menyeru agar pihak kerajaan boleh memberi keutamaan kepada pasangan setiap anggota barisan hadapan ini untuk mendapat vaksin lengkap dengan seberapa segera.

Yang Berhormat Speaker, Panti yakin ramai antara kita pada hari ini amat terkesan dengan wabak yang melanda negara dan dunia. Ramai yang kehilangan pekerjaan, punca pendapatan, nilai sosial yang sudah semakin hari semakin lenyap dan yang paling menyedihkan ramai kehilangan rakan-rakan serta saudara mara terdekat. Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah SWT mengampunkan dosa-dosa mereka walaupun mereka sudah tiada tetapi semangat yang mereka tunjukkan semasa melawan sakit ini wajar kita jadikan pegangan bersama.

Yang Berhormat Speaker, hari ini Panti ingin mulakan dengan menyentuh isu berkaitan pendidikan yang kita tahu akan menyiapkan generasi akan datang untuk mengambil alih dan

menerajui negeri tercinta ini. Kajian Bank Dunia mendapati bahawa penutupan sekolah disebabkan COVID-19 berisiko menyebabkan 72 juta murid sekolah di seluruh dunia berdepan ancaman kemiskinan pembelajaran, yang bermakna mereka tidak boleh membaca dan memahami teks mudah pada usia 10 tahun.

Kita tahu dengan penutupan sekolah, kerajaan mewujudkan sesi alternatif iaitu secara pengajaran dan pembelajaran di rumah, PdPR secara maya namun merujuk kepada sistem laporan PdPR negeri Johor pada bulan Julai 2021 hanya 51.47% murid mengikuti PdPR secara atas talian ini. Dengan peratusan rendah ini, isu kemiskinan pembelajaran perlu diambil berat oleh pihak kerajaan khususnya bagaimana mengatasi masalah-masalah asas yang dikenal pasti menyebabkan perkara ini antaranya ialah masalah kemudahan peranti itu sendiri, capaian Internet dan pengurusan aset sekolah yang perlu diselesaikan. Terima kasih atas inisiatif sebelum ini iaitu bantuan sumbangan peranti di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Ianya satu inisiatif yang baik namun perlu diperluaskan lagi. Maka, Panti ingin mencadangkan beberapa pendekatan yang Panti kira mampu serba sedikit memperbaiki sistem sedia ada.

Pertama, kerajaan negeri perlu mengadakan libat urus dengan syarikat-syarikat telekomunikasi agar bantuan Internet percuma boleh diberikan kepada semua pelajar khususnya yang tidak berkemampuan atau pelajar yang sedang bersedia menghadapi peperiksaan-peperiksaan besar. Bantuan Internet percuma ini kita sedia maklum ada disediakan sekarang di bawah inisiatif kerajaan persekutuan tetapi Panti rasa hanya cukup sekadar untuk komunikasi melalui *Whatsapp* sahaja. Bagi mengikuti kelas atas talian apa yang disediakan tidak mampu untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik jika bukan percuma pun mungkin bantuan Internet bersubsidi boleh dipertimbangkan.

Kedua, ialah memperluaskan bantuan sumbangan peranti seperti yang dilaksanakan sebelum ini mungkin boleh diperkembangkan dan mewujudkan skim pinjaman peranti sekolah iaitu satu skim yang lebih kurang sama seperti mana skim pinjaman buku teks yang diamalkan ketika ini. Perkara ini boleh dimulakan di negeri Johor bagi melihat keberkesanan perlaksanaannya.

Ketiga, bagi mengatasi masalah peranti ini seperti yang pernah saya cadangkan ialah dengan kerjasama syarikat pengeluar peranti itu sendiri. Saya menyeru kerajaan negeri untuk mengadakan perbincangan bagaimana satu skim pembelian bersubsidi dan secara ansuran dengan kelulusan mudah dapat dilaksanakan.

Selain itu pendekatan keempat yang mungkin boleh difikirkan pelaksanaannya bagaimana kemudahan makmal komputer di sekolah dapat dimanfaatkan oleh mereka yang benar-benar susah dan tidak berkemampuan. Mereka ini walaupun ada kemudahan Internet subsidi atau kemudahan pembelian peranti masih tidak mampu untuk memilikinya. Maka kemudahan makmal komputer sedia ada di sekolah perlu dibuka kepada mereka. Sudah tentu segala SOP perlu dipatuhi bagi menjayakan pendekatan ini. Kini ianya lebih mudah dengan adanya COVID-19, *Antigen Detection Kit* dengan izin, menggunakan *saliva* memudahkan pihak sekolah bagi pelaksanaan pembukaan sekolah untuk tujuan tadi atau tujuan pembukaan sekolah itu sendiri kepada semua pelajar.

Yang Berhormat Speaker, isu seterusnya ialah bagaimana kita membangun semula ekonomi negeri waktu COVID-19 ketika ini. Panti yakin penyertaan rakyat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dijangka dapat meningkatkan keyakinan perniagaan, kerancangan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dalam negara selain menarik minat pelabur asing.

Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas usaha meningkatkan access kepada vaksin untuk rakyat Johor dengan pelbagai sumber dan kaedah. Panti percaya pemerkasaan perancangan usaha serta libat urus pihak berkepentingan menerusi

entiti yang dicadangkan oleh kerajaan sendiri seperti IGAC, JETCO, *SIGORY Coast Triangle* mampu melonjakkan kembali ekonomi negeri Johor. Tambahan lagi usaha tidak berhenti kerajaan negeri bagi memastikan sempadan dapat dibuka seberapa segera.

Yang Berhormat Speaker, negeri Johor mencatatkan sebanyak 3.5% kadar pengangguran pada tahun 2020. Berlaku juga peningkatan sebanyak 13% graduan menganggur akibat pandemik COVID-19 ini. Panti mencadangkan 4 pendekatan bagi meningkatkan keberhasilan sektor pekerjaan dan keusahawanan.

1. Jabatan Kerja, Jabatan Tenaga Kerja dan Jawatankuasa berkaitan pekerjaan di bawah Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia perlu menjayakan pendekatan lebih komprehensif. Banyak kaedah dari serata dunia yang boleh diambil dan dikemas kini untuk disesuaikan dengan cara di Johor khususnya contoh di United Kingdom wujud di setiap *Local Council*, premis *job centre* biasanya di tengah-tengah bandar *Council* tersebut. Pekerjaan bersifat setempat atau secara sambilan banyak ditawarkan. Kalau kita lihat sekarang selain dari banyak rakyat kehilangan pekerjaan ada juga yang terpaksa bercuti tanpa gaji kerana syarikat tidak mampu meneruskan aktiviti perniagaan atas sebab sekatan semasa wabak ini. Maka pekerjaan bersifat sementara atau sambilan ini amat bersesuaian. Perlu diingat tidak semua mampu atau ada *access* kepada sistem atas talian khususnya orang yang sangat susah, tidak berkemampuan dan mungkin berada di kawasan-kawasan pedalaman.
2. Program pembangunan setempat seperti penyediaan modal, peralatan dan latihan dengan sasaran golongan petani, nelayan dan PKS perlu dipertingkatkan dan dinaikkan peruntukan daripada RM2 juta pada tahun 2021 kepada satu jumlah yang lebih besar.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Speaker, sebelum Panti menamatkan perbahasan pada kali ini, Panti ingin menyuarakan beberapa isu kawasan untuk pertimbangan dan tindakan pihak-pihak berkaitan.

1. Perkara yang timbul pasca banjir khususnya di Panti dapat disegerakan. Panti ambil maklum akan proses yang perlu dilalui tetapi beberapa perkara yang melibatkan keselamatan amatlah tidak wajar jika dibiarkan tanpa tindakan segera. Banjir yang melanda pada awal tahun hingga kini seperti infrastruktur jalan, sungai dan kemudahan lain masih tidak dibaiki.
2. Isu gajah liar, isu gajah liar di sekitar daerah Kota Tinggi khususnya di Panti. Isu ini merupakan isu yang saban kali dibangkitkan bukan sahaja oleh Panti malah oleh rakan-rakan lain. Apa yang Panti mohon adalah campur tangan kerajaan negeri dalam memastikan pelaksanaan sistem pagar elektrik yang telah ditangguhkan beberapa kali sejak 2019 atas pelbagai sebab. Panti yakin usaha ini boleh mengurangkan kemasukan gajah ke kawasan kampung dan mengurangkan kerugian tanaman, kerugian kediaman, hasil kemasukan gajah ini dan ataupun risiko kehilangan nyawa dan sebagainya.
3. lalah tentang sistem pembedungan dan loji rawatan kumbahan di Bandar Tenggara. Panti berpendapat sistem pembedungan, pembedungan ini perlu dinaik taraf bagi memastikan isu ini tidak berulang. Campur tangan kerajaan di peringkat negeri amatlah Panti harapkan, kawasan Bandar Tenggara melibatkan 5 taman perumahan yang agak luas, saban minggu pasti berlaku insiden tidak diingini hingga berlaku pencemaran bau dan sebagainya. Terlebih dahulu Panti mengucapkan terima kasih kepada pihak MDKT dan KEJORA yang sentiasa membantu untuk melakukan kerja-kerja pembersihan secara berkala.

Sebelum Panti mengakhiri perbahasan, Panti sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua khususnya barisan hadapan yang tanpa henti melakukan yang terbaik, tanpa mereka keadaan pasti akan lebih buruk lagi. Semoga usaha mereka mendapat balasan yang baik di dunia dan akhirat kelak. Insya-Allah. Sekian, wabilahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Panti. Seterusnya saya persilakan Johor Lama, jemput.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, atas peluang yang diberikan.

Terlebih dahulu, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Speaker, untuk membenarkan saya untuk hadir di dalam Persidangan pada kali ini dan saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat khasnya Kementerian Kesihatan, Dato' Noh, Speaker sendiri, Jurutulis, yang memastikan keabsahan saya untuk hadir dalam mesyuarat pada hari ini. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dalam keadaan trauma dan rasa cukup terkejut apabila malam tadi beberapa TV telah menyiarkan dan hari ini banyak surat khabar menyiarkan saya dikuarantin dan dia menimbulkan rasa tak puas hati di kalangan bukan sahaja rakan-rakan saya di sini dan rakan-rakan saya di sebelah sana, sebab semalam kita semua mesra berbual, bersembang, masing-masing pagi tadi terperanjat bila saya hadir dan saban malam tadi ramai pengundi dan keluarga sibuk menelefon saya, tanya keadaan saya, adakah saya positif? Sebab sebelum dari hari itu saya bersama dengan masyarakat.

YB Speaker : Ramai yang sayang YB tu, maksudnya tu.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Ramai yang minta saya kekal lagi di DUN Johor Lama tu Tuan Pengerusi. Jadi, risau, kerisauan mereka Tuan Pengerusi. Jadi, alhamdulillah hari ini saya disahkan negatif, *test* yang kedua semalam pukul 2 diisytiharkan negatif, pukul 3 pagi diisytiharkan negatif, hari ini dicucuk hidung lagi diisytiharkan negatif. Alhamdulillah Tuan Pengerusi. Jadi, Tuan Pengerusi hari ini saya merasa bersyukur pada hari ini saya dapat berucap. Kalau Tuan Pengerusi pernah mendengar satu istilah lama, gajah lalu, ranting tak patah. Tapi hari ini Tuan Pengerusi, di tempat saya gajah lalu habis pokok kelapa sawit musnah Tuan Pengerusi dan dia telah merosakkan beribu-ribu, berekar-ekar Tuan Pengerusi di ladang-ladang kelapa sawit di dalam kawasan saya di Johor Lama.

YB Speaker : Tuan Speaker Yang Berhormat bukan mesyuarat Tuan Pengerusi.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Tuan Pengerusi, Tuan Speaker. Jadi, saya nak maklumkan Tuan Speaker, saya rasa agak dukacita dengan peranan yang dimainkan oleh pihak PERHILITAN, yang selama ini ambil langkah sambil lewa walaupun sebelum ini saya dengan Pejabat Daerah dan Puan Pegawai Daerah telah mengadakan *VC Meeting* antara saya, Pengarah PERHILITAN Johor dan Pengarah, Tuan DO. Kita berbincang berbagai-bagai isu, cara mengatasi tetapi malangnya tak sampai seminggu Pengarah PERHILITAN bertukar dan hari ni tak ada berita langsung soal-soal bagaimana nak mengatasi isu gajah, bagaimana juga yang berbangkit pada DUN Panti.

Saya nak maklumkan Tuan Pengetua, saya nak ambil contoh kawasan-kawasan yang terlibat di kawasan saya di sekeliling Empangan Seluyut, di mana empangan ini telah diberikan kepada RAPID untuk membuat empangan tapi dalam masa yang sama mereka telah memusnahkan habitat gajah di sekeliling kawasan empangan ini. Saya bacakan Tuan Pengetua, Tuan Yang DiPertua...

YB Speaker : Speaker, Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Tuan Speaker, Lok Heng Timur, keluasan ladang yang terlibat ialah 76 ekar, Lok Heng Barat 277 ekar, FELDA Easter 383 ekar, FELDA Pasak 110 ekar manakala jumlah pokok yang rosak di FELDA Lok Heng Timur 4,564 pokok, di Lok Heng Barat 16,406 pokok, di FELDA Easter 23,400 pokok dan di FELDA Pasak 5,984 pokok. Manakala peneroka-peneroka yang terjejas di FELDA Lok Heng Timur 7 keluarga, di FELDA Long Heng Barat 36 keluarga, di FELDA Easter 46 keluarga dan di FELDA Pasak 28 peneroka.

Tuan Yang DiPertua, Tuan Speaker, jadi Tuan Speaker, FELDA dah memainkan peranan Tuan Speaker, saya dapati pihak FELDA telah memainkan peranan, saya kecewa apakah peranan yang dimainkan oleh PERHILITAN. Saya ambil kira perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh pihak FELDA di Lok Heng Timur, mereka telah membina parit sepanjang 11,000 meter, di Lok Heng Barat pagar elektrik RM165,000.00, Parit Gajah RM130,000.00, di FELDA Easter pagar elektrik RM152,000.00 dan parit gajah RM160,000.00 manakala di FELDA Pasak pagar RM60,000.00 dan parit RM30,000.00, Tuan Yang DiPertua.

Dan Tuan Yang DiPertua, Tuan Speaker, selepas sahaja empangan ini diserahkan kepada RAPID pada 2014, bermulalah gajah-gajah ini berkeliaran dan telah menjadi mangsa seramai 3 orang Tuan Speaker. Tahun 2016, 2017, 2019 telah berlaku kematian akibat gajah menyerang masyarakat. Adakah kita nak tunggu sehingga 2021, satu lagi 2022, 2023 sehingga kita tak terkawal kehidupan gajah ini. Baru-baru lepas Tuan Yang DiPertua, gajah-gajah ini berkeliaran di taman-taman perumahan di kawasan-kawasan kampung, di FELDA Pasak, di Kampung Lukut, di Kampung Bukit Samsu, merosakkan tanaman di sebelah rumah, menimbulkan ketakutan dan kerisauan masyarakat. Jadi, apakah tindakan PERHILITAN pada hari ini, itu persoalan saya Tuan Yang DiPertua, Tuan Speaker. Jadi, saya mencadangkan Tuan Speaker, santuari gajah yang dibina dengan nilai RM8.9 juta apakah kesannya, apakah kegunaan dia kepada masyarakat hanya dibuat kompleks untuk pegawai-pegawai dan kakitangan? Dan saya difahamkan kompleks gajah ini hanya dibina, digunakan untuk membaik pulih gajah, kalau dia degil, kalau dia luka. Adakah itu perbelanjaan yang besar kita gunakan untuk seperti ini, Tuan Speaker? Sedangkan rumput *napier* yang ditanam begitu luas, masih lagi tak dapat digunakan, buluh dan tebu, pisang masih lagi tidak ditanam, Tuan Speaker. Jadi, saya pada Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan...

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Ya?

YB Speaker : Satu minit lagi.

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) : Tuan Speaker. Saya nak mencadangkan supaya pihak RAPID dapat memberikan pampasan kepada semua keluarga-keluarga yang terlibat ini kepada FELDA-FELDA yang rosak ini Tuan Speaker, beri pampasan. Sekarang ini harga sawit tengah tinggi Tuan Speaker. Hari ini rumah depan ini dapat RM5,000.00, RM6,000.00 tetapi kepada mangsa-mangsa gajah ini mereka bukan dapat gaji Tuan Speaker, malah terhutang. Ada yang dipotong elektrik, ada yang dipotong air. Takkan kita nak tengok perkara ini berlaku lagi. Jadi saya mencadangkan, pihak RAPID berilah pampasan yang sewajarnya kerana telah mengambil alih habitat gajah dan menjadikan gajah ini tak ada tempat tinggal yang tetap.

Yang kedua, saya nak mencadangkan supaya PERHILITAN ini diswastakan supaya ada pihak yang betul-betul bertanggungjawab kepada hidupan liar. Kalau kita katakan gajah ini sebagai binatang yang perlu diberikan kehidupan, kenalah jaga, beri makan, carikan tempat tinggal. Jangan dia tinggal bersama dengan kita di kampung, carikan tempat tinggal. Jadi, kalau ada pihak yang menjalankan urusan penjagaan binatang-binatang ini, saya amat yakin kita mempunyai kepakaran. Kalau kita tak ada kepakaran di sini kita boleh import daripada Thailand ataupun India. Jagalah gajah ini, bukannya kita nak bunuh dia tetapi selamatkanlah dia daripada dia merosakkan tanaman dan menjejaskan ekonomi rakyat pada hari ini.

Jadi, itu sahaja Tuan Speaker, saya ucap terima kasih banyak. Jadi inilah harapan daripada peneroka-peneroka kawasan saya supaya inilah sebenarnya yang menjejaskan pendapatan mereka pada hari ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Johor Lama, mengulas panjang berkenaan dengan gajah tadi. Seterusnya saya persilakan Pasir Raja. Jemput.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia dan salam kemerdekaan. Terlebih dahulu patik mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi kasih atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar khas Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Keempat Dewan Johor Yang Ke-14 pada 12 Ogos yang lalu. Juga patik mewakili warga Pasir Raja ingin merafak sembah dan menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari kelahiran Tuanku yang ke-62 pada 16 Ogos yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang kepada Pasir Raja untuk mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti yang kita sedia maklum, negara sedang berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 dan sehingga kini kita masih berusaha untuk menyekat penularan wabak ini. Ditambah dengan kehadiran varian COVID -19 baharu yang lebih mudah berjangkit dan cepat merebak sehingga meragut nyawa membuatkan keadaan menjadi semakin membimbangkan. Saban hari kes kematian dilaporkan terus berlaku dan setakat pada tarikh 22 Ogos 2021, jumlah kes sudah melonjak ke angka 19,807 kes baharu dengan jumlah kematian keseluruhan sebanyak 14,168 orang. Keadaan ini semakin memberi tekanan hebat kepada sistem kesihatan negara sekali gus menjejaskan ekonomi negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, melalui Pakej Rangsangan Ihsan Johor Tahun 2021 pelbagai bantuan disediakan untuk sama-sama membantu rakyat dan masyarakat yang terkesan dengan pandemik ini. Ribuan terima kasih Pasir Raja ucapkan. Namun di samping usaha memberi vaksin dan sebagainya bagi memastikan kesihatan rakyat terjamin usaha bagi meneruskan kelangsungan hidup juga harus diambil kira. Justeru itu, Pasir Raja mohon supaya sekiranya JKM telah mengeluarkan bantuan bakul makanan, pihak MAIJ juga diminta turut sama menyampaikan bantuan tunai bagi membeli keperluan lain seperti lampin pakai buang dan susu bagi bayi dan orang dewasa yang berpenyakit kronik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pemberian vaksin kepada semua rakyat amat menggalakkan. Terima kasih kepada pihak KKM yang bekerja keras tanpa mengira masa, hari, penat lelah mahupun risiko yang dihadapi. Namun, suka Pasir Raja mencadangkan

agar keutamaan penerimaan vaksin harus juga diberikan kepada isteri atau suami para petugas barisan hadapan seperti isteri-isteri Polis, RELA, anggota KKM kerana mereka juga berpotensi besar dalam mendapat jangkitan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk DUN Pasir Raja program vaksin ini giat dijalankan dengan kerjasama dari Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Daerah Kota Tinggi. Setakat hari ini, hanya tinggal beberapa kawasan sahaja lagi yang masih belum diberikan vaksin melalui Program PPV *Outreach* dan juga MOVAC.

Yang Berhormat Tuan Speaker, umum mengetahui sektor pelancongan merupakan sektor yang paling terkesan dan terjejas dengan penularan pandemik COVID-19 dan dijangka menjadi sektor yang paling lambat dan mengambil masa yang panjang untuk dipulihkan. Di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan pada Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama yang lalu, menyatakan bahawa kerajaan negeri perlu bekerja keras membangunkan semula ekonomi Johor termasuk membantu peniaga selain menarik pelaburan luar supaya banyak memberi peluang pekerjaan untuk diwujudkan. Kerajaan negeri perlu membuat dasar baharu yang mesra pelabur dengan insentif yang lebih menarik agar pelabur-pelabur tertarik untuk datang ke Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam usaha kerajaan negeri menjadikan sektor pertanian sebagai di antara sumber hasil terbesar negeri Johor pada masa hadapan dan bagi menyahut Titah Baginda Sultan, Pasir Raja ingin berkongsi pandangan dan cadangan tentang apa yang sedang dilakukan di dalam DUN Pasir Raja. Di dalam keadaan pandemik yang semakin membimbangkan dan pergerakan yang harus mengikut SOP yang telah ditetapkan, pembangunan setempat harus juga diteruskan demi kelangsungan ekonomi setempat. Dan di dalam keadaan yang terbatas ini, Projek Agro Pelancongan dengan 6 Titik Fokus utama untuk semua komuniti telah dirangka oleh pengurusan FELDA Pasir Raja dengan kerjasama Pejabat ADUN Pasir Raja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, fokus utama pelaksanaan Projek Agro Pelancongan ini adalah :

1. Industri Kecil dan Sederhana, (IKS). Membangunkan projek peserta iaitu makanan sejuk beku, kerepek, pembuatan kek dan roti dan sebagainya yang melibatkan bilangan peserta seramai 54 orang.
2. Sukan dan rekreasi melibatkan aktiviti ATV, kayak, memanah, *club house*, berbasikal, *flying fox* serta renang.
3. Fertigasi dan tanaman kontan. Bagi tanaman kontan, tumpuan diberikan kepada tanaman seperti tebu, jagung, keledak dan ubi kayu dengan penglibatan seramai 15 orang peserta. Bagi fertigasi yang dibantu oleh Jabatan pertanian pula, bilangan peserta sedia ada ialah seramai 70 orang.
4. *Homestay* dan penginapan agro yang melibatkan 10 peserta.
5. Dusun buah-buahan seperti durian, manggis, langsung, duku dan lain-lain.
6. Ternakan seperti anab, kelulut, burung walet serta ternakan ikan. Pasir Raja mempunyai 12 kolam ikan yang berteknologi tinggi dalam projek ini.

Kesemua peserta yang terlibat di dalam Projek Agro Pelancongan ini terdiri daripada komuniti setempat seperti JPW, KAF, Belia dan lain-lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pasir Raja sangat komited dengan Projek Agro Pelancongan ini dan ingin menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar serta EXCO

Pelancongan, Belia dan Sukan untuk datang melihat sendiri projek ini. Diharapkan Projek Agro Pelancongan ini dapat dilaksanakan dengan baik, semoga dengan pelaksanaan projek ini sedikit sebanyak ianya dapat membantu rakyat dan masyarakat Pasir Raja untuk menjana pendapatan yang terjejas akibat penularan COVID-19 yang kita sendiri tidak tahu bila ianya akan berakhir.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di dalam usaha kita untuk membangunkan kawasan terdapat juga beberapa faktor yang harus dititikberatkan. Di sini, Pasir Raja ingin memohon kepada kerajaan negeri untuk membaiki jalan raya yang rosak sepanjang 7 kilometer yang bermula dari jalan utama simpang masuk ke FELDA Sungai Sayong jalan utama ke Projek Agro Pelancongan Pasir Raja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhir kata Pasir Raja ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9 dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin di atas jasa bakti beliau sepanjang menerajui negara. Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada petugas barisan hadapan di atas segala jasa dan pengorbanan bagi menangani penularan wabak COVID-19. Diharapkan apa yang disuarakan Pasir Raja ini mampu memberikan manfaat dan memberikan yang terbaik buat Johor dan juga masyarakat.

Sekian, wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Pasir Raja yang telah menyampaikan ucapannya itu.

Jurutulis Dewan telah diarahkan kuarantin kerana kontak rapat individu yang positif COVID. Jadi, mengikut Jadual Kelapan Fasal 27(A) Bagi Bahagian Kedua, Kebebasan-Kebebasan Dan Kuasa-Kuasa Dewan Negeri, Pegawai Dewan dan Pegawai', bermakna Jurutulis Dewan Negeri dan sebarang orang yang diisytiharkan oleh Speaker menjadi seorang Pegawai Dewan. Maka, saya dengan itu dengan kuasa yang ada ini, saya mengisytiharkan Cik Hajah Shubannah untuk menjadi Jurutulis. (Dewan bertepuk). Sila ambil tempat. Seterusnya, saya persilakan Pekan Nanas, 10 minit.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pertama sekali Pekan Nanas mengambil ketetapan merafak sembah setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini pada 12 Ogos yang lalu dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-14. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejak akhir-akhir ini kes COVID-19 melambung tinggi. Pekan Nanas mendapat banyak rayuan di mana pesakit COVID-19 terpaksa kuarantin di rumah, penuh. Mereka berasa amat risau di mana COVID-19 akan menjangkit ahli keluarga lain apabila mereka diarah kuarantin di rumah.

Di samping itu, terdapat juga segelintir rakyat yang tidak dapat mematuhi arahan kuarantin di rumah walau pun telah memakai gelang. Mereka masih berkeliaran di luar. Dasar kuarantin di rumah tidak dapat memastikan kepatuhan orang awam yang berisiko tinggi dan dikhuatiri akan menyebabkan pandemik COVID-19 bertambah serius. PKRC yang mencukupi dapat mengawal pergerakan pesakit COVID-19 dan kontak rapat. Mereka juga boleh mendapat penjagaan yang lebih rapi di PKRC berbanding dengan kuarantin di rumah dan membuat *assessment* di Pusat Penilaian COVID (CAC). Disebabkan kekurangan PKRC, setiap hari terdapat pesakit COVID-19 positif dan juga kontak rapat terpaksa beratur panjang di Pusat Penilaian COVID-19. Untuk mengelakkan COVID-19 merebak melalui pesakit COVID-19 dan kontak rapat, setiap pergerakan mereka perlu dikawal dengan ketat. Kumpulan yang berisiko tinggi berkumpul, beratur untuk membuat penilaian. Adakah ia akan

meningkatkan kebarangkalian *cross infection*? Adakah cara ini bersesuaian? Kerajaan tidak boleh membuka sebarang cara yang memungkinan COVID-19 berpeluang merebak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh itu Pekan Nanas menyeru kerajaan menubuhkan PKRC yang mencukupi sedaya upaya. Bilangan PKRC perlu sekurang-kurangnya setiap daerah satu untuk memudahkan pengurusan dan pengawalan pandemik COVID-19. Pekan Nanas faham, memang bukan senang untuk menubuhkan PKRC untuk mengawal keadaan sekarang kerana ia akan melibatkan ruang yang besar dan sumber tenaga yang tinggi. Pekan Nanas bercadang agar kerajaan menggunakan sepenuhnya, segala kelengkapan kemudahan dan fasiliti yang ada di sekolah berasrama memandangkan keadaan pandemik masih berleluasa dan pembelajaran secara bersemuka adalah tidak sesuai setakat ini. Sekolah berasrama boleh di sanitasi selepas fungsi sebagai pusat kuarantin selesai. Ia merupakan suatu fasiliti sedia ada yang boleh digunakan serta-merta dan berada di merata-rata tempat dan juga menjimatkan kos pentadbiran. Saya juga bercadang, kerajaan untuk menggunakan sumber tenaga yang ada dan mengatur pihak tentera untuk mengawal PKRC mengangkut pesakit COVID-19 dan kontak rapat PKRC serta menjejak kontak rapat. Tindakan yang tersebut akan memastikan pergerakan golongan berisiko tinggi terkawal dan juga meringankan beban pegawai KKM.

Untuk memastikan segala usaha memerangi pandemik COVID-19 berjaya, kita tidak boleh hanya bergantung kepada tindakan *lock down* yang akan menyebabkan aktiviti ekonomi dan orang awam tersekat. Keputusan *lock down* tidak semestinya berkesan sekiranya usaha menjejak kontak rapat, membuat saringan dan juga kerja kuarantin golongan berisiko tinggi tidak dikawal secara cepat, ketat dan sistematik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita telah menyaksikan betapa dahsyat gelombang varian Delta yang melanda Lembah Klang sejak akhir-akhir ini. Pakar perubatan dan doktor-doktor amatur juga meramal bahawa varian Delta yang berkesan lebih teruk dan mudah merebak akan merebak ke beberapa negeri lain termasuk negeri Johor. Disebabkan pengambilan vaksin masih rendah, kedatangan Delta ini dijangka mungkin membawa kemudaratan yang lebih serius, berbanding apa yang telah berlaku di Lembah Klang. Apakah persediaan kerajaan Johor untuk menghadapi cabaran ini? Adakah fasiliti kita adalah mencukupi? Rakyat sedia maklum dengan maklumat varian Delta yang memberi kesan yang lebih kuat dan cepat merebak berbanding virus COVID-19 biasa.

Oleh itu, pihak kerajaan perlu menyalurkan maklumat yang tepat kepada rakyat dengan mengumumkan taburan kawasan yang mempunyai kes varian tersebut secara terperinci dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kesedaran dalam diri mereka.

Pekan Nanas juga faham, pembukaan semula ekonomi adalah suatu perkara yang perlu dijalankan. Tapi, adakah sesuai kerajaan membuat keputusan untuk membenarkan *dine-in* pada masa yang kritikal ini? Walaupun orang yang dibenarkan *dine-in* adalah orang yang telah mengambil vaksin, tetapi pengambilan vaksin bukan seratus peratus *immune* terhadap virus COVID-19. Khususnya, apabila *dine-in*, orang tersebut terpaksa menanggalkan *mask* dan hilang perlindungan melalui *mask*. Saya amat risau dasar ini akan mengundang risiko perebakan COVID-19 dan berharap kerajaan boleh mengkaji semula.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut kajian yang dibuat Pfizer & Bio&Tech, keberkesanan vaksin akan menurun selepas setengah tahun. Memandangkan sesetengah negara telah merancang vaksin dos ketiga untuk menghadapi cabaran COVID-19, khususnya terdapat ancaman pelbagai varian baru seperti, Delta, Delta Plus dan sebagainya, apakah perancangan untuk menjalankan pemberian vaksin dos ketiga di negara kita? Negara kita memulakan penyuntikan vaksin mulai bulan Februari 2021 sebanyak, banyaknya kepada *frontliner* khususnya kesihatan mula menerima vaksin pada masa tersebut. Hari ini, pengambilan vaksin untuk *frontliner* sudah hampir enam bulan. Insiden 21 kes positif COVID-19 yang membabitkan petugas kesihatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, HSA menunjukkan bahawa *frontliner* dari Jabatan Kesihatan selalu terdedah kepada risiko tinggi walau pun pelbagai tindakan keselamatan telah diambil. Adakah kerajaan telah memberi

priority kepada *frontliner* untuk menerima vaksin dos ketiga untuk menjamin keselamatan dan kesihatan mereka apabila mereka menjalankan tugas demi negara dan bangsa?

Yang Berhormat Puan Speaker, pasukan kesihatan negara kita merupakan benteng yang terpenting dalam usaha membanteras COVID-19. Golongan ini amat memerlukan perlindungan yang mencukupi untuk menjalankan tugas yang berisiko tinggi setiap hari. Adalah amat penting untuk memastikan pasukan keselamatan kita boleh mendapat vaksin dos ketiga secepat mungkin untuk meningkatkan perlindungan mereka apabila mereka menjalani tugas harian mereka. Pekan Nanas bercadang agar peruntukan kerajaan Johor sebanyak RM40 juta untuk pemberian vaksin boleh disalurkan kepada *frontliner* yang berisiko tinggi di Johor seperti doktor, jururawat dan pegawai kesihatan jika kerajaan persekutuan masih tidak ada sebarang keputusan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hari ini kita menghadapi satu peperangan yang dahsyat. Kita berperang dengan virus yang tidak dapat dilihat mata. Sebagai kerajaan, sebagai pemimpin, kita perlu dan kita patut buat apa yang lebih banyak berbanding dengan sekarang. Sebagai Wakil Rakyat, kita selalu bersedia berkhidmat untuk masyarakat, oleh itu saya menyokong usul Mengkibol supaya mesyuarat Dewan Undangan Johor boleh dijalankan secara *online* supaya kita berpeluang kongsi pandangan dan pendapat...

YB Timbalan Speaker : Pekan Nanas..

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Tanpa gangguan..

YB Timbalan Speaker : Pekan Nanas..

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Risiko berjangkit COVID-19..

YB Timbalan Speaker : Masa sudah nak tamat.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Ha.. boleh, sudah, sudah nak gulung. Pada masa yang akan datang. Selain itu, pembangkang yang kononnya diiktiraf sebagai *strategy partner* seharusnya boleh menyertai platform lain seperti Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk menyumbang pandangan dan tenaga waktu pandemik. Janganlah sampai *partner strategy* ini tidak ada kunci tidak apa, tapi janganlah sampai tiada pintu untuk masuk, pintu pun tiada. Kita panggil dia *strategy partner*, ini tidak betullah. Kita perlu bersatu padu dan menggembelng semua tenaga untuk menghadapi cabaran COVID-19 pada masa kritikal ini. Apa-apa maklumat, apa-apa yang boleh kita buat, apa yang boleh kita bantu, kita ada bersedia untuk menghulurkan bantuan pada masa kritikal ini. Saya berharap, mulai hari ini kita boleh bersama-sama berbincang mencari langkah untuk negara dan bangsa yang kita cintai ini.

Akhir kata, saya berharap, esok kita berpeluang jumpa di Mesyuarat Tindakan Daerah. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : YB Bentayan, silakan.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Selamat pagi dan salam sejahtera. Bentayan ingin mengambil perhatian untuk membahas usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Bentayan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, kes COVID-19 yang pertama di Malaysia telah melanda negara pada 25 hari bulan Januari 2020. Dan kini, satu setengah tahun kemudian, Malaysia nampaknya masih belum dapat memerangi sepenuhnya pandemik COVID-19. Dalam tempoh satu setengah tahun ini juga, kerajaan telah melaksanakan PKP sebanyak tiga kali. Namun, nampaknya masih tiada lagi tanda-tanda yang menunjukkan keadaan akan menjadi

bertambah baik. Adakah ini menunjukkan bahawa segala tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah tidak berkesan?

Yang Berhormat Puan Speaker, pada hari ini Bentayan ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa Johor Utara telah menunjukkan kes kematian yang tinggi sejak dua bulan yang lepas. Keadaan wabak COVID-19 telah menjadi semakin tenat di daerah-daerah di utara Johor dengan bilangan nyawa yang terkorban semakin meningkat dengan mendadak. Sepanjang bulan Julai yang lalu, kes kematian di daerah Muar, Tangkak dan Segamat adalah berjumlah 168 orang. Di mana, 106 kes daripada daerah Muar sahaja. Kini, Muar merupakan daerah tertinggi dari segi kadar kematian akibat COVID-19. *Trend* peningkatan yang mendadak ini amat membimbangkan. Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri Johor, kumulatif kes kematian akibat COVID-19 di Johor Utara sehingga bulan Mei 2021 masih lagi pada tahap yang rendah dan terkawal. Namun daripada Mei hingga Julai, *trend* kematian meningkat dengan begitu mendadak dengan 173 kes kematian di Muar, 107 kes di Tangkak dan 40 kes di Segamat. Pada bulan Mei dan Jun yang lalu, bilangan kes kematian COVID-19, di Muar masing-masing mencatat angka sebanyak 19 orang dan 46 orang. Ini bermakna dalam tempoh tiga bulan, purata kes kematian sehari telah meningkat daripada 0.6 kes sehingga 1.5 kes pada bulan Jun, 3.4 kes pada bulan Julai dan seterusnya mencecah 4.4 kes pada 15 hari pertama bulan Ogos. Manakala rekod tertinggi pula dicatatkan pada 6 hari bulan Ogos dengan 11 kes kematian sehari.

Yang Berhormat Puan Speaker, persoalannya, mengapa bilangan dan kadar kematian begitu tinggi di kawasan Johor Utara khususnya daerah Muar sejak bulan Jun 2021? Adakah terdapat varian baru antara kluster-kluster jangkitan yang melibatkan kilang di kawasan ini, atau pun masalah kekurangan doktor dan bekalan ubat-ubatan mengakibatkan pesakit lambat menerima rawatan dan menyebabkan nyawa tidak dapat diselamatkan?

Yang Berhormat Puan Speaker, kami percaya bahawa virus yang telah bermutasi seperti virus Delta ini sudah pun berada dalam kalangan komuniti. Varian Delta menyebabkan kadar jangkitan virus menjadi lebih cepat, agresif dan kurang menunjukkan respons terhadap rawatan yang diterima. Jadi saya meminta pihak kerajaan menyemak semula keadaan daerah utara Johor dan mengambil tindakan yang sewajarnya sebelum bilangan kes wabak COVID-19 di negeri Johor menjadi seperti negeri Selangor.

Yang Berhormat Puan Speaker, vaksin adalah salah satu cara yang paling berkesan untuk keluar daripada peperangan menentang COVID-19 di negara ini. Sehubungan dengan ini, kita perlu mempercepatkan lagi kadar pemberian vaksin di negeri Johor. Jadi negeri Johor perlu mensasarkan untuk mencapai imuniti kelompok menjelang Oktober. Maka angka minimum untuk jumlah suntikan dos vaksin pada bulan Ogos dan September adalah sekurang-kurangnya 4 juta dos iaitu 2 juta dos setiap bulan.

Yang Berhormat Puan Speaker, pada tahun lepas negeri Johor telah menyumbang sebanyak 9.5% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara. Manakala populasi negeri Johor merangkumi 11.6% daripada populasi negara. Dan Johor menduduki tempat ketiga tertinggi dari segi angka kes positif COVID-19. Tapi malangnya kadar vaksinasi populasi dewasa negeri Johor berada di tempat kedua rendah di seluruh negara. Maka kerajaan negeri Johor perlu berunding dengan kerajaan persekutuan supaya bekalan vaksin ke negeri Johor setaraf dengan populasi dan keadaan pandemik COVID-19 yang kita alami sekarang. Sehubungan dengan ini, itu, kerajaan pusat juga harus menjaga prinsip keturasan dan sentiasa memberikan penjelasan kepada orang ramai mengenai kaedah edaran dan agihan mengikut jenis vaksin. Termasuk program PIKAS, supaya orang ramai dapat memantau perkembangan program vaksinasi ini. Bentayan juga mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas bekalan vaksin peringkat negeri ditubuhkan dan ahli-ahlinya turut merangkumi ADUN-ADUN pembangkang untuk membincang masalah dan memantau perkembangan program vaksinasi di negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah memberi impak kepada PKS. Terutamanya usahawan mikro yang dijangka akan gulung tikar jika tempoh PKP dilanjutkan lagi untuk tempoh yang lebih lama. Berdasarkan kajian selidik yang dilakukan oleh *SME Corporation Malaysia* didapati 81% daripada responden yang mengambil bahagian telah memberi maklum balas yang mana aliran tunai mereka hanya cukup untuk meneruskan operasi jika keadaan berlarutan kurang dari 3 bulan dan kurang dari 1% sahaja yang mampu bertahan lebih dari setahun. Ini menunjukkan bahawa sekira PPN Fasa 1 masih berterusan majoriti usahawan termasuk usahawan mikro tidak akan dapat terus beroperasi, mereka terpaksa gulung tikar dan ini akan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran juga.

Yang Berhormat Puan Speaker, di samping mengawal pandemik COVID-19 dan ekonomi negara pihak kerajaan juga perlu memikirkan cara yang membantu usahawan PKS ini. Walaupun kerajaan telah membenarkan semua aktiviti tidak perlu dalam sektor-sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian beroperasi bermula 16 Ogos 2021 di negeri Johor. Namun kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja. Tetapi kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja sektor-sektor tersebut, sektor-sektor tidak perlu masih rendah. Maka kerajaan harus membuat penambah baik dalam program PIKAS supaya bilangan vaksin yang diberikan...

YB Timbalan Speaker : YB Bentayan sila gulung.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Untuk mempercepatkan kadar vaksinasi. Di samping itu, ada 11 kemudahan sektor perdagangan dan pengedaran telah dibenarkan beroperasi dengan mematuhi syarat vaksinasi lengkap berkuat kuasa pada 21 Ogos 2021 di negeri Johor. Tapi, masih banyak kemudahan yang tidak dibenarkan beroperasi, kemudahan-kemudahan lain sebenarnya boleh dibenarkan beroperasi sekira pekerja-pekerja mereka telah mematuhi vaksinasi lengkap dan tidak perlu menunggu sehingga PPN Fasa ke-2 dan seterusnya.

Yang Berhormat Puan Speaker, tindakan mewajibkan setiap pekerja mengambil ujian *RTK Antigen* ke atas pekerja setiap minggu, setiap 2 minggu bagi sektor pembuatan memang akan menambahkan kos operasi. Jadi, kerajaan harus menyelaraskan Kit Ujian Kendiri COVID-19 sebagai barangan harga terkawal, atau memberi subsidi supaya meringankan bebanan kos operasi sementara ini. Sektor PKS...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung, masa sudah tamat.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Ada sikit lagi. Sektor PKS telah menyumbang 40% kepada KDNK negara setahun dan bilangan pekerjanya membabitkan 7.5 juta atau lebih 50%. Jadi, impaknya kepada ekonomi negara adalah untuk jangka masa panjang. Jadi, kerajaan negeri Johor harus membantu pengusaha PKS ini menjadikan satu alternatif baharu.

Yang Berhormat Puan Speaker, Bentayan sangat memahami bahawa salah satu kluster yang terbanyak adalah punca daripada industri pembuatan. Jadi, pihak penguat kuasa sering menjalankan operasi di kilang-kilang untuk memastikan SOP sentiasa dipatuhi. Tapi kami menerima maklum balas daripada pengusaha-pengusaha yang berkenaan tindakan penguat kuasa yang agak ketat dan mereka juga sering di saman serta-merta tanpa diberi penerangan akan kaedah yang sepatutnya, dan keadaan pandemik yang terus sekarang pengusaha-pengusaha sangat terkesan. Bentayan mencadangkan bahawa sekiranya kesalahan yang dilakukan adalah buat kali pertama, pengusaha ini harus diberikan penerangan ataupun amaran. Bentayan sangat menyokong sekira hukuman yang berat ini diberi jika kesalahan sama sering berulang.

YB Timbalan Speaker : Bentayan, masa sudah tamat.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Ok. Yang Berhormat Puan Speaker, untuk menangani pandemik COVID-19, kami bersedia mengetepikan segala fahaman politik dan bekerjasama dengan kerajaan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi ruang untuk Bukit Naning mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung titah Tuanku. Bukit Naning merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam keadaan kita masih berhadapan dengan pandemik COVID-19 pada hari ini, apakah indikator yang kita ambil dalam menetapkan penetapan SOP? Ramai rakyat keliru dengan SOP dari kerajaan hari ini. Kalau kita lihat Yang Berhormat Puan Speaker, data dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada bulan Jun 2021 mereka yang dijangkiti positif COVID-19 harian adalah dalam lingkungan 600 lebih sehari. Mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Mohd Yassin telah menyatakan bahawa Johor berada dalam Fasa 1, Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) *lockdown* seawal bulan Jun 2021. Maka SOP ataupun Prosedur Operasi Standard diperketatkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di negeri Johor. *Dine-in* tidak dibenarkan, hanya bungkus makanan dan di bawa pulang ke rumah. Aktiviti riadah, mendaki gunung, berkelah, bersuka tidak dibenarkan. Malah, kedai cuci kereta, kedai gunting rambut, pasar tani, pasar pagi, pasar awam, pasar malam tidak dibenarkan beroperasi. Ini data bulan Jun 2021 Puan Speaker.

Pada hari ini Puan Speaker, mereka yang dijangkiti positif COVID-19 harian di negeri Johor adalah dalam lingkungan 1,300 ke atas. Semalam juga kita mencatatkan 1,391 kes positif harian, dan pernah sehingga 1,700 sehari. Malah, kalau kita lihat melalui indikator jangkitan harian mengikut mukim-mukim di seluruh negeri Johor, hampir semua mukim-mukim di negeri Johor berwarna merah Yang Berhormat Puan Speaker. Maksud warna merah adalah orang yang dijangkiti lebih 41 orang ke atas di mukim tersebut. Namun di Johor, masih lagi dalam Fasa 1, Perintah Kawalan Pergerakan, *lockdown* Pelan Pemulihan Negara. Soalnya, SOP pula dilonggarkan, *dine-in* dibenarkan dengan syarat mereka telah lengkap vaksin namun, pasangan yang telah lengkap vaksin dua dos boleh membawa anak berumur 17 tahun ke bawah yang belum ada sejarah vaksin. Pasar malam dibuka, pasar pagi, pasar tani boleh beroperasi, begitu juga dengan kedai cuci kereta, kedai gunting rambut boleh di buka, aktiviti riadah mendaki, berkelah, berbasikal, memancing dan bersukan juga dibenarkan. Bermain badminton boleh Yang Berhormat Puan Speaker, tapi *single*, *double* tak boleh, ya.

Yang Berhormat Puan Speaker, kalau ikutkan semalam Semerah telah memberitahu kepada kita bahawa Johor belum mencapai vaksin lengkap 50% lagi, baru di bawah kadar 36%. Waktu 600 positif harian kita tutup semua, tapi apabila waktu 1,300 ke atas harian positif, kita buka semua. Jadi, apakah indikator yang dibenarkan untuk memandu SOP ini supaya lebih jelas Yang Berhormat Puan Speaker? Itu yang pertama. Yang keduanya Puan Speaker, Bukit Naning ingin membangkitkan isu hasil pertanian yang tidak berjaya di pasaran. Di Bukit Naning Yang Berhormat Puan Speaker, hampir 60% masyarakatnya bergantung dengan pertanian. Petani, pekebun kecil ini kebanyakan bergantung kepada hasil tanaman nanas, namun dalam waktu pandemik COVID-19 ini nanas tidak dapat dipasarkan. Ramai pengusaha nanas mengalami kerugian bukan sahaja hilang pendapatan, tetapi menanggung beban. Modal awal kos benih, kos racun, kos baja, kos merumput dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Puan Speaker, ada pengusaha tanaman nanas menanam lebih 30,000 nanas, lalu dibiarkan membusuk di ladang nanas. Ini kerana tiada peraih yang mahu

mengambil nanas untuk dipasarkan dan oleh kerana kekangan PKP dan COVID-19 ditambah pula dengan musim durian baru-baru ini Yang Berhormat Puan Speaker. Durian ini buah kayangan Yang Berhormat Puan Speaker. Sedap sehingga mengganggu pemasaran nanas. Dalam masa yang sama durian ini kebal PKP dan COVID-19 Yang Berhormat Puan Speaker, sampai ada yang boleh buat berkenduri durian dalam musim PKP. Jenis nanas yang terkesan adalah nanas Morris yang selalu digunakan untuk kenduri kahwin dan kenduri-kendara. Bila waktu COVID, PKP maka tiada kenduri kahwin dan tiada kenduriendara maka berlakulah longgokan hasil. Saya mengharapkan supaya Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, saya fikir Pengerusi Lembaga Nanas ada di sini tapi tidak ada mungkin sibuk, mana tahu esok naik pangkat jadi Menteri.

YB Timbalan Speaker : YB sedang membantu *promote*. Boleh belajar dengan Mengkibol atau Pekan Nanas.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Jadi saya mengharapkan supaya LPNM strukturkan kembali pemberian subsidi benih nanas. Waktu tidak boleh jangka seperti ketika ini untuk lebih beralih arah, beralih arah kepada jenis yang tiada masalah pemasaran nanas DMU. Saya rasa masalah longgokan nanas ini bukan hanya di Bukit Naning sahaja, saya lihat sahabat saya Sungai Balang juga membeli nanas dari pengusaha tanaman nanas di kawasan Sungai Balang untuk disumbangkan kepada masyarakat demi ingin membantu pengusaha nanas ini bangkit kembali. Saya juga berbuat demikian Yang Berhormat Tuan Speaker, demi untuk membantu pengusaha nanas tapi apakan daya saya, nak membantu semua saya tidak mampu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bukit Pasir yang turut membantu membeli nanas daripada perusahaan pengusaha tanaman nanas di kawasan Bukit Naning untuk disumbangkan di kawasan DUN Bukit Pasir. Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin memohon supaya pengusaha tanaman nanas sewaktu pandemik COVID-19 ini dibela dan dibantu Yang Berhormat Tuan Speaker.

Seterusnya, sepuluh minit hampir ke penghujung dan di waktu kecederaan ini saya membangkitkan, ingin membangkitkan isu talian Internet di kawasan pedalaman. Waktu PKP sesi persekolahan bersemuka tidak dapat dijalankan. Kerajaan melaksanakan PdPR guru dan murid menggunakan kaedah belajar dalam talian. Ibu bapa berkorban berkongsi telefon pintar dengan anak-anak malah ada yang turut meluangkan masa membantu mengajar anak-anak di rumah apabila anak-anak kurang faham dalam pembelajaran. Ramai ibu bapa mengadu menyatakan *stress* Yang Berhormat Tuan Speaker, apa ada juga yang dah jadi *tarzan* dekat rumah. Yalah apa tidaknya biasanya semua anak-anak kita serahkan kepada guru-guru di sekolah untuk mengajar tapi bila di rumah itu ibu bapa juga turut mengajar. Walau bagaimanapun, ia bukan sahaja malah *stress* melibatkan mereka mengajar tapi ianya juga *stress* apabila talian Internet tidak ada. Masalah talian Internet ini biasa kita dengar dalam Dewan ini Yang Berhormat Tuan Speaker, mungkin dalam rumah itu tidak ada talian, dia berpusing-pusing dia keluar ke rumah baru ada talian. Jadi masalah ini telah banyak kali dibangkitkan oleh Wakil-Wakil Rakyat dalam Dewan ini Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengharapkan supaya masalah ini ada jalan penyelesaiannya.

Jadi akhirnya, akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, Bukit Naning bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Medan dalam keadaan luar biasa pada hari ini yang tak pernah terjadi dalam sejarah, kita perlu menginsafi diri ramai yang susah, ramai yang perlu dibantu. Kalau kita lihat pada hari ini ramai yang kehilangan keluarga, ibu bapa, ada yang anak-anak kehilangan ibu bapa menjadi anak yatim Yang Berhormat Puan Speaker. Kalau semalam kita dengar Parit Yaani kehilangan abang tercinta dan Keadilan juga, Keadilan Negeri Johor juga kehilangan sahabat antara Allahyarham Nazri Ismail, mantan Ketua Angkatan Muda Keadilan Johor yang telah meninggal dunia. Ianya bukan mudah Yang Berhormat Puan Speaker. Jadi ramai yang gulung tikar dalam perniagaan, ramai juga yang hilang pekerjaan, hilang pendapatan. Jadi saya menyambut baik dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pemberian peruntukan tambahan kepada semua ADUN dan penyelaras sebanyak RM150,000.00. Semoga kerajaan pada hari ini tidak tahu saya nak sebut kerajaan apa yang ada pada hari ini.

YB Timbalan Speaker : Masa sudah tamat. Jadi sila gulung.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Kerajaan Perikatan Nasional ke, kerajaan Barisan Nasional saya tak tahu nak sebut. Tapi apa pun nama, namanya Yang Berhormat Puan Speaker, saya mengharapkan supaya kita mengeneipkan dahulu masalah politik yang membelenggu tanah air kita dan fokus untuk menyelesaikan masalah COVID dan juga ekonomi. Jadi itu sahaja daripada Bukit Naning Yang Berhormat Puan Speaker. Sekian wabilahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Permas.

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnianya pada pagi ini kita dapat bersama-sama bersidang dalam Dewan yang mulia ini. Permas menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim agar Penggal Persidangan Keempat akan menjadi persidangan yang membuatkan hasil serta menjamin kepada kestabilan dan kesejahteraan hidup rakyat di negeri ini. Permas juga menzahirkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas segala peringatan serta nasihat yang diberikan bagi menjaga kemakmuran kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebagai ADUN yang berkhidmat dalam di bawah pemerintahan negeri Johor, Permas mengangkat segala peringatan serta nasihat yang dititahkan agar amanah yang diberi serta kepercayaan yang disandarkan oleh rakyat terus didakap erat demi memastikan kemakmuran negeri Johor. Sebagai mana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semua pemimpin perlulah jujur dan amanah dalam memikul tanggungjawab yang diberikan dengan mengutamakan kepentingan rakyat. Pemimpin usahlah mementingkan diri sendiri sehingga mengganggu gugat kestabilan politik. Maka perkara yang membawa kepada kepentingan parti dan peribadi yang sempit haruslah dihentikan.

Yang Berhormat Puan Speaker, di kesempatan ini Permas ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, *frontliner*, NGO serta seluruh rakyat negeri ini yang berkorban jiwa dan raga kerana membantu menangani krisis pandemik wabak COVID-19. Permas juga ingin menzahirkan rasa salam takzim kepada keluarga mangsa yang terkorban akibat jangkitan COVID-19. Tidak lupa juga ucapan salam takziah kepada *frontliner-frontliner* yang terkorban akibat jangkitan wabak ini semasa mereka sedang bertugas.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan Permas menyampaikan serangkap pantun. Asyik melompat macam kera, menyalak sumbang entah kenapa, mandat rakyat disuruh bekerja, sibukkan pangkat gila kuasa

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas tersentuh dengan keadaan kemelut politik yang melanda di negeri ini dengan keadaan rakyat yang susah. Ada yang hilang sumber pendapatan, ada yang merempat kerana tidak mampu membayar sewa rumah. Ada yang kelaparan dan ada juga yang sanggup untuk membunuh diri kerana tidak mampu menanggung segala hutang-hutang dan bebanan kehidupan harian. Yang Berhormat Puan Speaker, seharusnya kita sebagai pemimpin perlu bersama-sama dalam membantu menyelesaikan kemelut yang melanda rakyat ketika ini. Hentikanlah seketika perbezaan politik kerana kemelut politik bukan menjadi vaksin dalam menyelesaikan masalah-masalah yang melanda negeri ini. Ingat kita masih belum menang. Kita masih belum merdeka dalam menangani wabak ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, rakyat sudah bosan, kecewa, marah melihat gelagat ahli politik yang seolah-olah lebih mengutamakan kuasa dan kedudukan daripada kepentingan rakyat bergantung harap kepada kebijaksanaan pemimpin mereka. Oleh hal yang demikian, kemelut politik yang berlaku akan menzahirkan kebimbangan dan keresahan rakyat terutama di ketika ini yang semuanya dalam keadaan yang kesempitan. Yang Berhormat Puan Speaker, Permas menyeru seluruh Dewan Negeri Johor untuk bersama-sama melaksanakan amanah yang diberikan sebaik-baiknya. Permas ingin memetik sabda Rasulullah SAW, "Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin". Hadis Riwayat Muslim.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas ingin menyentuh berkenaan kadar pemberian vaksin di negeri Johor. Kadar peratusan pendaftaran vaksin adalah di tahap yang memberangsangkan namun tidak dilihat pada kadar yang telah menerima vaksin masih belum mencapai tahap populasi rakyat di negeri ini. Yang Berhormat Puan Speaker, Permas sering mendengar rintihan dari rakyat yang mereka masih ternanti-nanti untuk mendapatkan vaksin. Kita perlu ambil contoh di negeri Sarawak. Bagaimana mereka menguruskan pemberian vaksin kepada rakyatnya sehingga setiap pelosok pedalaman dan didiami rakyatnya diberikan vaksin walaupun menghadapi kesukaran dalam pengangkutan.

Seterusnya Permas ingin menyentuh berkenaan dengan pengurusan PKRC di Stadium Perbandaran Pasir Gudang, dukacita untuk dihabarkan pengurusan PKRC di Stadium Pasir Gudang berada dalam keadaan yang membimbangkan. Ini bukan satu kenyataan yang tidak berasas. Permas hadir sendiri melihat serta meninjau kawasan, Permas amat simpati pesakit-pesakit yang menjalani ujian penilaian COVID di sana. Mereka terpaksa menunggu terlalu lama sehingga ada yang sanggup bermalam di dalam kereta semata-mata untuk beratur menunggu giliran. Permas melihat perkara ini dengan serius dan perlu ditangani dengan segera.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas ingin mengutarakan beberapa perkara berkenaan isu berbangkit yang menjadikan permasalahan semasa. Isu pertama berkenaan dengan masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan di DUN Permas akibat hujan lebat. Di kala rakyat kesusahan menghadapi liku-liku kesengsaraan akibat COVID-19 ditimpa pula dengan bencana kilat bak kata pepatah sudah jatuh ditimpa tangga. Yang Berhormat Puan Speaker, Permas ingin bertanya terutama berkenaan dengan masalah banjir kilat di dalam jajahan Bandaraya Pasir Gudang, MBPG. Apakah tindakan pihak yang berkenaan dalam menangani isu ini. Adakah cukup sekadar bersiap sedia dengan menyediakan pusat pemindahan banjir?

Yang Berhormat Puan Speaker, atas kelalaian pihak yang berkenaan dalam melaksanakan perancangan yang tidak teliti, rakyat mendapat duka lara berganda. Perkara ini dilihat mendatangkan masalah mangsa banjir terutama dalam keadaan mereka hilang punca pendapatan. Banyak harta benda mereka yang rosak dan ini menyebabkan penduduk mengalami kerugian setiap tahun. Bilakah masalah ini, berlarutan.

Yang Berhormat Puan Speaker, isu berbangkit seterusnya Permas ingin menyentuh berkenaan jalan raya di Lebuhraya Pasir Gudang yang kerap kali berlubang. Perkara ini bukanlah satu yang asing bagi rakyat setempat. Terdapat beberapa siri kemalangan maut yang sering berlaku. Sebagai peringatan pada November tahun lalu, seorang ibu tunggal yang meninggalkan tiga anak setelah maut kemalangan di Lebuhraya Pasir Gudang kerana motosikal di boncengnya melanggar lubang dan menyebabkan beliau cedera parah di muka serta lalu meninggal dunia di tempat kejadian.

Yang Berhormat Puan Speaker, Permas juga berharap agar pihak yang berkenaan membuat pemantauan dan pemeriksaan berkala supaya kejadian meragut nyawa rakyat diatasi. Jangan bazirkan wang rakyat dengan kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak sempurna.

Puan Speaker, seperti yang diketahui umum bencana toksik Sungai Kim-Kim yang pernah melanda Pasir Gudang telah membuka mata dan minda kepada masyarakat tentang kepentingannya dan keutamaan penjagaan pemuliharaan alam sekitar di negeri Johor. Oleh yang demikian, Permas..

YB Timbalan Speaker : YB Permas, tinggal seminit lagi.

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Puan Speaker, bagi Permas menghabiskan ucapan ini, terima kasih. Oleh yang demikian, Permas berharap pihak Jabatan Alam Sekitar sentiasa peka dengan keadaan semasa sungai-sungai di Pasir Gudang khususnya agar peristiwa hitam ini tidak berulang. Pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu, mengenal pasti sektor-sektor perkilangan yang membuang sisa di dalam sungai yang berdekatan agar mengambil tindakan yang sewajarnya. Permas juga berharap agar Pihak Berkuasa Tempatan dapat mengesan kilang-kilang haram yang beroperasi di sekitar kawasan Pasir Gudang.

Puan Speaker, justeru itu Permas mencadangkan agar Perbadanan Alam Sekitar Negeri Johor dapat ditubuhkan demi untuk merealisasikan impian rakyat Johor untuk menikmati alam sekitar yang lebih sempurna. Diharapkan pihak kerajaan negeri Johor dapat menyokong dalam pelaksanaan ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, di kesempatan ini Permas selaku Pengerusi KEJORA ingin memaklumkan bahawa bulan Julai yang lalu, pihak Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah menyumbang sebanyak RM500,000.00 kepada Tabung Bencana Negeri Johor dalam menghadapi isu pandemik COVID-19 ini. KEJORA berharap dengan sumbangan ini dapat membantu memanfaatkan kepada rakyat negeri Johor. Selain itu, KEJORA bertanggungjawab dalam Misi Bencana Mangsa Ribut di Tanjung Sedili tempoh hari. KEJORA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.3 juta bagi kerja-kerja baik pulih 100 buah rumah yang rosak dalam kejadian tersebut. Ini menunjukkan KEJORA prihatin, peka membantu rakyat di wilayahnya. Puan Speaker..

YB Timbalan Speaker : Sila gulung..

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : KEJORA juga..

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Akan terus memajukan serta membangun kawasan luar bandar bagi merancakkan perkembangan ekonomi negeri Johor. KEJORA sentiasa berusaha untuk membantu mencari peluang-peluang pelaburan luar bandar meneraju ekonomi di kawasan KEJORA. Oleh itu, diharap kerajaan negeri Johor dapat memperluaskan lagi kawasan luar bandar untuk ditadbir oleh KEJORA.

Permas amat berterima kasih kepada mantan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin atas kesudian beliau menyumbangkan dana peruntukan berjumlah sebanyak RM3 juta bagi membina masjid di Bandar Penawar. Kos pembinaan masjid itu dianggarkan sebanyak RM9 juta. Kos pembinaan masjid itu telah mendapat perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencadangkan agar masjid tersebut dinamakan Masjid Sultan Ismail. Oleh yang demikian..

YB Timbalan Speaker : Sila gulung, masa sudah tamat.

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Dua minit. Permas berharap, pihak EXCO Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Negeri Johor serta Pejabat Tanah Kota Tinggi melihat dan meneliti proses kelulusan ini agar pembinaan masjid ini dapat disegerakan demi menjamin kesejahteraan rakyat negeri Johor. Harap YB EXCO mengambil berat tentang perkara ini supaya disegerakan pembinaan Masjid Sultan Ismail dilaksanakan.

Yang Berhormat Puan Speaker, di kesempatan ini Permas mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Haji Hasni bin Mohammad kerana telah memberikan peruntukan sebanyak RM150,000.00 kepada seluruh Wakil Rakyat sama ada dari kerajaan mahu pun pembangkang. Permas cukup terharu dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana denyut jantung nadi dapat dirasakan kesusahan Wakil Rakyat dalam membantu menghadapi bebanan rakyat ketika ini. Semoga Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus beristiqamah dalam pentadbiran negerinya. Bagi dua orang kat.. ini

YB Timbalan Speaker : Boleh, nanti semua..

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Gunung Jerai terus...

YB Timbalan Speaker : ADUN.. Sudah, dua minit lagi, dua minit lagi.

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Gunung Jerai...

YB Timbalan Speaker : Sampai bila, kita boleh tamat?

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Siapa sangka dilanda bencana, mengapa sanggup berpaling tadah,

YB Timbalan Speaker : YB, sila...

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Banyak rakyat..

YB Timbalan Speaker : Sila tamatkan, perbahasan..

YB Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh (Permas) : Ok, pada Allah kita berserah. Yang baik datang dariNya. Segala kekurangan datang dari Permas sendiri. Semoga rakyat di negeri ini dihindari dari segala wabak bencana dan penyakit. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Puan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Yang Berhormat Buluh Kasap.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, patik merafakkan sembah dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan berterima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas ucapan dan perasmian semasa sidang Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kerana Buluh Kasap diberikan ruang dan peluang mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap rundingan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dan, dalam masa sesingkat 10 minit ini saya cuba untuk menyatakan secara ringkas mesej dan perkara-perkara yang difikirkan wajar untuk diutarakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, di awal bicara ini mewakili penduduk dan pengundi Buluh Kasap, saya ingin menyampaikan rasa bangga dan berterima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kepada masalah rakyat di saat mereka terkesan dan terhimpit kerana pandemik COVID-19. Dalam tempoh hampir dua tahun ini, rakyat Johor sangat diberi perhatian terutama dari segi keperluan-keperluan dan kebajikan. Buktinya, jarang sekali kita mendengar sebarang rungutan dan suara-surat sumbang termasuk *complaint-complaint* dari rakyat Johor berkaitan bantuan-bantuan bekalan makanan dan sebagainya. Cuma, yang mungkin kedengaran adalah berkaitan beberapa proses dan

prosedur yang sesuatu permohonan dan bantuan termasuk dokumentasi yang agak menyulitkan pemohon yang boleh ditambah baik dari masa ke semasa. Termasuk mungkin boleh mengurangkan kekerapan mengisi borang dan sebagainya.

Dalam tempoh dua tahun ini Puan Speaker, lebih RM500 juta atau RM0.5 bilion telah dan sedang disalurkan kerajaan Johor pada rakyat Johor. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 1.0, 2.0 dan 3.0 telah dan sedang dinikmati oleh hampir seluruh lapisan rakyat Johor. Jumlah besar ini sebagai bukti bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sangat prihatin dan memahami tekanan dan himpitan kehidupan rakyat waktu ini. Walau bagaimanapun, apa yang terkandung dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor ini, rata-rata adalah bantuan yang berbentuk *One-Off* yang membantu rakyat di waktu dan ketika ini sahaja. Dalam masa negeri telah berusaha mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat, kerajaan negeri seharusnya bersiap dengan pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang untuk membantu rakyat termasuk memacu semula ekonomi Johor.

Untuk itu, Yang Berhormat Puan Speaker, bolehkah Dewan yang mulia ini dimaklumkan perancangan-perancangan kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil di masa akan datang? Waktu ini, peniaga-peniaga kecil memang mendapat pelbagai bantuan kerajaan dan bantuan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor. Ia termasuk juga sektor-sektor lain yang rasanya memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan untuk menggerakkan semula perniagaan mereka. Maksud saya, apa pula perancangan untuk jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk bantu rakyat Johor bagi mengembangkan semula perniagaan pasca COVID-19? Begitu juga, perancangan-perancangan jangka panjang kerajaan untuk membantu rakyat selepas pandemik COVID-19 ini mampu kita tangani.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh berkaitan capaian Internet dan bantuan alat peranti kepada pelajar-pelajar sekolah. Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Johor kerana mengambil tindakan menyalurkan alat peranti kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Johor. Mengikut jawapan lisan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat EXCO pagi tadi, daripada 8,000 alat peranti melibatkan 283 buah sekolah, daerah Segamat akan menerima 700 buah melibatkan 25 buah sekolah. Harapan kami, pihak Jabatan Pelajaran dan Pejabat Pendidikan Daerah akan memilih sekolah-sekolah yang sesuai dan pentadbiran sekolah pula akan memilih pelajar-pelajar yang cukup layak untuk menerima peranti ini.

Berkaitan capaian Internet pula Puan Speaker, seperti yang telah saya bangkitkan dalam sidang Dewan yang lalu, saya mohon kerajaan melihat capaian Internet di kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Saya mengambil contoh di kawasan Buluh Kasap misalnya, hampir semua kawasan kami adalah kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Kalau boleh saya katakan di sini tempat-tempat seperti perumahan Ladang Plantation Palong Timur, Kampung Balai Badang dan beberapa penempatan lain terlalu rendah capaian Internetnya. Malah, Kampung Gelang Cincin yang terletak lebih kurang hanya 5 ke 6 kilometer dari bandar Segamat juga boleh dikatakan tidak mempunyai capaian Internet langsung. Ia bukan sahaja menyukarkan pelajar, malah guru-guru juga terpaksa keluar dari kampung untuk menggunakan Internet. Justeru, saya fikir dalam keadaan keperluan seperti mesyuarat-mesyuarat secara maya, pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dalam usaha serius kerajaan termasuk menyediakan 8,000 alat peranti, maka sewajarnya juga kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi memastikan masalah Internet seluruh Johor diberikan perhatian serius dan diatasi terutama kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Yang Berhormat Puan Speaker, berkaitan perkara vaksinasi di Johor, kami merakamkan rasa bangga dan berterima kasih apabila Yang Berhormat Menteri Besar Johor minggu lalu dipetik mengatakan, "Johor mampu mencapai kadar vaksinasi sebanyak 100% bagi dua dos lengkap melibatkan populasi dewasa menjelang Oktober 2021". Ia suatu yang menggembirakan rakyat Johor. Ia juga Yang Berhormat Puan Speaker, mampu memadamkan rekod buruk Johor sebelum ini apabila Johor diletakkan berada di kategori

terendah berbanding negeri-negeri lain termasuk Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Namun, untuk mencapai ke tahap itu, Johor perlu melipat gandakan segala usaha termasuk jumlah vaksin dan PPV sedia ada. Justeru, saya ingin mencadangkan perbincangan lebih terperinci dengan Kementerian berkaitan bagi memastikan bekalan vaksin mencukupi. Kita tidak hendak berlaku lagi insiden di mana PPV terpaksa ditutup sementara kerana tidak cukup vaksin. Kerajaan juga menggunakan kemudahan klinik desa bagi membantu menambah PPV sedia ada.

Dalam pada itu, Buluh Kasap fikir kita juga harus berterima kasih kepada *Southern Volunteers* yang telah banyak membantu bukan sahaja melancarkan perjalanan proses vaksinasi di PPV tetapi juga telah membantu dalam program pendaftaran vaksin di kalangan masyarakat. Kegigihan para sukarelawan ini tidak boleh dinafikan. Saya melihat sendiri bagaimana mereka bergerak, dari taman-taman perumahan dan kampung ke kampung, semata-mata untuk berjumpa terus dengan masyarakat untuk didaftarkan. Untuk rekod, saya difahamkan sejak *Southern Volunteers* ini digerakkan bermula Jun 2021 hingga 22 Ogos 2021, kadar pendaftaran vaksinasi negeri berjaya dilonjakkan sehingga mencapai ke tahap 97.4%. Tahniah *Southern Volunteers* Johor, tahniah Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan, tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tahniah dan terima kasih juga Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana *Southern Volunteers* ini juga penyumbang kepada peningkatan kepada pendaftaran vaksin di kalangan masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi daerah Segamat sehingga 22 Ogos 2021 kami difahamkan penerima dos pertama telah mencapai 52%, manakala penerima dos kedua pula telah mencapai 35%. Baki yang belum disuntik adalah lebih kurang 76,000 orang daripada anggaran atau sasaran daerah 133,000 bagi individu berumur 18 tahun ke atas. Kami difahamkan jika tiada lagi insiden kekurangan vaksin maka 3 PPV sedia ada di Segamat mampu menyelesaikan 76,000 orang yang belum menerima vaksin ini. Justeru, Yang Amat Berhormat menyokong apa sahaja usaha kerajaan negeri bagi mendapatkan vaksin.

YB Timbalan Speaker : YB Buluh Kasap sila gulung.

YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap) : Bagi mendapatkan vaksin secukupnya. Bagi mencapai sasaran ditetapkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebelum mengakhiri perbincangan ini Buluh Kasap mengambil peluang merakamkan ucapan terima kasih kepada barisan hadapan negara walau di mana mereka berada. Kerja kuat penuh dedikasi tuan-tuan semua sangat bermakna kepada kami semua. Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, walaupun ada banyak lagi. Akhirnya Puan Speaker, sekali lagi mewakili penduduk-penduduk Buluh Kasap saya merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana dirasakan terlalu dekat dan hampir dengan rakyat Johor. Peruntukan demi peruntukan diberikan kepada kami Wakil-Wakil Rakyat sangat membantu dan bermakna tanpa mengira fahaman politik sama ada kerajaan mahupun pembangkang. Pengumuman terbaru RM150,000.00 semalam dalam Dewan yang mulia ini adalah sangat besar maknanya dan insya-Allah kami akan gunakan sehabis baik untuk rakyat Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun yang ditulis khas oleh seorang pesara guru untuk disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Berdiri segak nampak bergaya, cabaran dan ujian jadi kenangan, teruskan usaha hingga berjaya membawa Johor ke mercu kecemerlangan. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Yong Peng. Sila.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Puan Speaker. Salam sejahtera. Yong Peng menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yong Peng ingin memulakan ucapan saya ini dengan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan yang terlibat bagi menangani penularan wabak COVID-19. Terima kasih juga kepada semua petugas dan sukarelawan yang menjayakan program vaksinasi dan warga Kementerian KKM yang menggembleng tenaga merawat pesakit COVID-19. Tidak lupa ucapan takziah kepada semua ahli keluarga yang telah kehilangan orang tersayang akibat COVID-19. Anak-anak kecil yang kehilangan ibu bapa, suami isteri yang kehilangan pasangan, ibu bapa yang kehilangan anak dan semua yang hilang tempat bergantung. Saya berdoa dan berharap agar semua petugas barisan hadapan terus tabah bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara sekali gus dapat keluar dari wabak COVID-19 secepat mungkin.

Yang Berhormat Puan Speaker, berikutan dengan peningkatan kes COVID di negeri Johor saya ingin menggesa pihak kerajaan negeri untuk mewujudkan Pusat Kuarantin Dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di setiap daerah. Kita semua sedia maklum PKRC sedia ada di Stadium Tertutup Pasir Gudang hanya dapat menampung 1,200 orang pesakit pada satu-satu masa sedangkan jumlah pesakit setiap hari melebihi 1,000 orang di negeri ini. Hal ini menyebabkan keresahan di kalangan rakyat yang mana pesakit terpaksa menjalani kuarantin di rumah sementara menunggu giliran untuk dihantar ke PKRC. Mereka bimbang akan menjangkiti ahli keluarga lain yang negatif. Oleh itu, saya memohon kerajaan negeri memandang serius dan mengambil langkah segera dengan menambah PKRC agar dapat mengekang virus daripada menular ke dalam komuniti.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh tentang program vaksinasi. Untuk makluman, PPV Yong Peng telah dibuka pada 18 Julai namun saya menerima banyak aduan daripada rakyat yang terpaksa mengambil vaksin di luar kawasan Yong Peng. Seperti di JB, Kulai, Segamat, Batu Pahat dan di Parit Raja. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon agar perkara ini diambil perhatian serius agar proses vaksinasi dapat dijalankan dengan cepat, selamat dan tidak membebankan rakyat. Bagi mencapai imuniti kelompok dengan segera saya juga ingin mencadangkan PPV di Yong Peng ini dibuka sehingga waktu malam supaya lebih ramai rakyat dapat di vaksin secepat mungkin. Lebih baik rakyat diizinkan *walk-in* ke PPV untuk dapatkan vaksin.

Yang Berhormat Puan Speaker, seterusnya saya ingin membangkitkan isu masalah banjir di Taman Damai Jaya dan Taman Desa, Yong Peng. Masalah ini sudah saya banyak kali bawa, ini kerana ini menjadi semakin memburuk kerana apabila hujan bukan sahaja banjir malah hakisan tanah juga berlaku. Perkara ini menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan penduduk setiap kali hujan lebat. Mohon pihak MDYP dan JPS mengambil langkah segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, sering kita dengar berita kemalangan jalan raya disebabkan oleh kecuaiannya pemandu, namun ada banyak faktor terjadinya kemalangan. Iaitu keadaan jalan raya juga satu faktor. Saya ingin membangkitkan masalah permukaan jalan yang tidak rata dan beralun dari Yong Peng ke Ayer Hitam. Keadaan jalan seperti ini boleh menyebabkan kenderaan hilang kawalan dan terbabas. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib untuk menyelenggara jalan berkenaan secepat mungkin. Demi menjamin keselamatan rakyat dan mengurangkan kadar kemalangan.

Yang Berhormat Puan Speaker, sampai di sini ucapan saya. Saya dengan rendah hati berharap apa yang saya bangkitkan dapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab. Bersama kita menangani pandemik COVID-19 dan menjaga kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya. Jemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, atas peluang yang diberi untuk bahas dalam Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, pandemik COVID-19 yang menular sejak tahun 2020 telah menjejaskan kehidupan rakyat jelata. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut mengakibatkan rakyat hidup dalam keadaan sengsara, kehilangan kerja, *business* tidak dapat dibuka dan sebagainya. Kadangkala kita fikir apa tujuan sebenarnya bagi PKP? Adakah untuk menangani wabak COVID-19? Sekiranya ya, adakah PKP berkesan? Cuba kita lihat balik apabila PKP kali pertama dilaksanakan pada 18 Mac 2020, kes positif harian pada masa itu adalah 117 orang pesakit. Selepas itu, PKP 2.0 dilaksanakan ke atas 6 negeri termasuk negeri Johor pada 13 Januari tahun ini dengan kes keseluruhan negara 2,985 orang pada masa itu. Kemudian, PKP 3.0 atau dikatakan *total lockdown* dilaksanakan pada 1 Jun tahun ini kes positif harian adalah 7,105 kes dan sehingga kini kes positif harian adalah 19,807 kes. Ini kadangkala melebihi 20,000 kes harian. Memang jelas kita lihat kes semakin meningkat selama ini. Bolehkah kita kata rakyat yang tidak mematuhi SOP yang mengakibatkan kes meningkat setiap hari. Atau rakyat yang suka ziarah-menziarahi mengakibatkan kes menular atau salahkan kilang yang masih buka. Kita harus tanya dengan diri, adakah PKP ini berkesan? Sudah lebih 2 bulan rakyat tidak dapat bekerja, *business* pun tidak dapat buka, pelajar tidak dapat kembali ke sekolah tetapi kes COVID ini masih tinggi lagi. Apa yang menyedihkan lagi adalah ekonomi merosot dan rakyat menghadapi masalah kehidupan harian. Tidak dapat bekerja, tidak dapat duit makan, tidak dapat bayar sewa, ada yang juga tidak dapat pam petrol dan tidak dapat bayar bil elektrik. Saya anggap ini bukannya hanya berlaku di Johor Jaya sahaja.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya telah menjalankan Program Makanan Harapan Percuma, iaitu edarkan *pack* makanan kepada golongan yang memerlukan. Program ini telah dilaksanakan sejak 5 Julai hingga 15 Ogos. Setiap hari lebih kurang 100 hingga 200 orang penduduk tempatan yang mengambil *pack* makanan tersebut untuk diri atau ahli keluarga mereka. Bukannya lauk yang sedap yang saya agihkan cuma makanan yang *simple* sahaja. Apa yang mengagumi saya sendiri adalah sepanjang program ini 28,899 *pack* makanan telah saya edarkan sepanjang tempoh ini. Johor Jaya cuma hendak *highlight* kan dalam Dewan yang mulia 28,899 *pack* makanan ini menunjukkan betapa ramai penduduk yang menghadapi masalah makanan harian. Sebab mereka tidak boleh bekerja. Kalau PKP sahaja, tanpa strategi yang berkesan memang tidak akan berjaya menurunkan kes. Dengan ini Johor Jaya bercadang saringan RTK secara besar-besaran harus dijalankan di seluruh negeri. Kini, RTK *saliva test kit* pun sudah ada. Pihak kerajaan haruslah memberikan *test kit* secara percuma kepada rakyat Johor khususnya kepada golongan B40.

Yang Berhormat Puan Speaker, isu vaksin merupakan satu lagi isu yang hangat ditanya. Setiap hari pejabat saya memang menerima penduduk yang bertanya, yang tanya berkenaan dengan vaksin. Setakat 20 Ogos jumlah pendaftaran di negeri Johor adalah 97.7% negeri kelima selepas negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan. Namun, dari segi vaksinasi dos pertama di Johor hanya 49% iaitu kedudukan ke-10 dalam negara. Mengapa kadar vaksinasi di Johor begitu rendah? Khususnya di Johor Bahru, beberapa masalah berkenaan vaksin yang ingin saya bangkitkan.

1. Ada golongan muda yang sudah vaksin. Warga emas pula yang masih belum dapat *appointment* lagi. Apakah penilaian bagi menentukan antara warga emas dan OKU yang dikatakan akan diutamakan?

2. Bila atau bolehkah warga emas, OKU atau ibu mengandung di Johor di beri vaksin secara *walk-in* seperti negeri lain?
3. Bilakah vaksin bergerak seperti yang telah dilaksanakan di daerah lain akan dilaksanakan di daerah Johor Bahru, bagi mereka yang OKU atau pesakit terlantar?
4. Pusat vaksin PPV yang jauh. Penduduk di Johor Jaya dihantar vaksin di Taman Universiti, Nusantara. Di mana dalam Pasir Gudang memang ada PPV Dewan Mawar yang dekat juga ada PPV Adda. Warg emas terpaksa pergi jauh lebih kurang 30 hingga 40 kilometer untuk suntikan vaksin. Ini memang menyusahkan penduduk di Johor Jaya.

Yang Berhormat Puan Speaker, memang ramai warganegara yang bekerja di Singapura dan oleh sebab kekangan yang dihadapi apabila ingin pulang ke negara, iaitu perlu kuarantin di Malaysia dan kemudian masuk ke *Singapore* pun perlu kuarantin. Sudah lama warganegara kita tidak pulang ke tanah air. Dengan ini, berita baik kita lihat bagi mereka yang sudah lengkap dua dos vaksin di Singapura dapat kuarantin di rumah. Namun, sejak pengumuman ini timbul lagi masalah, kebanyakan mereka yang mohon melalui e-mel tidak dapat balasan e-mel. Saya anggap trafik untuk permohonan ini memang tinggi. Bolehkah wujud satu sistem untuk memudahkan proses bagi mereka yang memenuhi syarat yang ditetapkan? Ini akan mengurangkan kerja-kerja pegawai semasa menilaikan kebenaran dan juga turut akan mempercepatkan proses permohonan.

Yang Berhormat Puan Speaker, terdapat tiga pusat kuarantin rawatan COVID iaitu PKRC di negeri Johor iaitu di Stadium Tertutup Pasir Gudang, PKRC swasta pula di DB Kompleks Iskandar Puteri dan juga PKRC Olive B, iaitu Hospital Permai. Sejak kebelakangan ini lonjakan kes COVID yang mendadak turut mengakibatkan ketiga-tiga PKRC ini mencapai kegunaan katil sebanyak 90%. Johor Jaya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu mengambil langkah dan persiapan awal untuk menampung keperluan yang semakin meningkat.

Menurut Majlis Keselamatan Negara, kes positif COVID-19 kategori 1 dan kategori 2 di setuju untuk di isolasi di rumah, tempat kediaman, hotel atau pusat kuarantin dan rawatan risiko rendah iaitu PKRC atau hospital mengikut kesesuaian tempat kediaman kes. Kadang kala kita menerima permohonan bantuan daripada kalangan rakyat sebagai contoh senario 1. Apabila salah seorang ahli keluarga menjangkiti COVID, rumahnya tidak sesuai untuk asingkan pesakit COVID dengan ahli keluarga yang negatif. Sama ada bilik tak cukup, tandas tak cukup atau pada masa yang sama, PKRC pula katil-katil yang tidak cukup. Senario 2, ibu bapa yang menjangkiti COVID, namun tidak dapat meninggalkan anak-anak kecil di rumah atau mereka risau akan turut mendedahkan risiko kepada anak-anak mereka. Banyak lagi senario. Rakyat selalu tanya dengan kita, ke mana harus mereka pergi apabila katil tidak cukup. Ke mana mereka harus pergi, ini bermaksud dua kategori iaitu pesakit yang positif yang perlu dikuarantin atau kontak rapat yang perlu di kuarantin.

Saya fahami bahawa pihak kerajaan mengambil kira keluasan bilik atau bilangan bilik untuk menjadi PKRC. Memandangkan sektor pelancongan antara sektor yang paling terjejas, Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat menimbangkan atau memberi kelonggaran dalam garis panduan supaya bajet hotel turut memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah dihadapi. Dan menjadi salah satu tempat bagi mereka menjalankan kuarantin terutamanya bagi mereka yang kontak rapat atau PUS yang negatif. Pihak kerajaan harus memberi sokongan dan memberi kursus kepada mereka dan kerjasama menguruskan kontak rapat dengan satu hala tuju atau satu *green light* yang jelas, saya yakin mereka dapat, pertama, membantu menyelesaikan masalah kekurangan katil di PKRC. Kedua, dapat membantu dan memulihkan sektor pelancongan khususnya bajet hotel tempatan kerana kos kuarantin yang lebih murah di bajet hotel berbanding dengan hotel-hotel besar. Ini turut akan

mengurangkan beban pihak yang terlibat. Ketiga, iaitu isolasi yang lebih berkesan supaya mengurangkan penularan jangkitan COVID-19 di kalangan ahli keluarga pesakit COVID-19.

Akhir kata Yang Berhormat Puan Speaker, Johor Jaya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua anggota barisan hadapan, *frontliner* yang terus berkorban untuk kita. Tidak kira sama ada kerajaan atau pembangkang, sama-sama kita memerangi pandemik COVID. Memulihkan ekonomi demi kebaikan negara dan rakyat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Salam sejahtera kepada Dewan yang mulia ini. Dan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Dewan mulia ini. Terlebih dahulu, Perling ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, mengikut satu rencana daripada *Code Blue* salah satu media perubatan yang ditulis oleh Datuk Dr. Amar Singh pada 4 Ogos yang lalu menyatakan kemungkinan krisis COVID-19 di beberapa negeri akan lebih teruk daripada Lembah Klang antara negeri yang disebut beliau adalah negeri Johor dan rencana pada 19 Ogos oleh penulis yang sama telah menyatakan keadaan COVID di negeri-negeri yang disebutkan termasuk negeri Johor menjadi semakin teruk. Jadi pada waktu yang sama, beberapa minggu ini jumlah kes-kes baru COVID-19 di negeri Johor melepasi angka 1,000 kes. Walaupun kita ada menerima, kita tahu kita menerima jumlah vaksin yang banyak pada waktu yang terdekat ini, tetapi dalam fahaman Perling, dengan adanya bekalan vaksin yang mencukupi untuk mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah populasi negeri untuk mendapat vaksinasi 2 dos tambahan dengan 14 hari untuk mendapatkan hasil vaksinasi yang sempurna pada setiap individu yang divaksinakan dijangkakan kita mungkin memerlukan masa sekurang-kurangnya sebulan. Tapi dalam *Code Blue* dia cakap 2 bulan. Jadi saya ingin tahu apakah persediaan kerajaan dari segi kaedah ataupun peralatan untuk mengharungi sebulan ataupun dua bulan ini sebelum kita mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada populasi negeri mencapai vaksinasi sempurna.

Yang Berhormat Puan Speaker, ramai yang rasa kita dengan vaksin sahaja kita sebenarnya boleh membendung penularan wabak COVID-19 ini. Kalau kita fikir begitu, diibaratkan meletak semua telur dalam satu bakul. Jadi dalam hal ini kerana banyak lagi yang tidak, ketidakpastian terhadap virus COVID-19 ini, terutamanya wujudnya mutasi virus yang dikatakan vaksin kini tidak dapat membendungnya dengan berkesan seperti varian Delta yang kadar penyebarannya yang lebih besar. Dan sudah ada sebilangan pesakit COVID-19 yang meninggal dunia walaupun telah di vaksin di negeri kita.

Jadi, saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Skudai semalam dan kita perlu perhatian lebih kepada kaedah FTTIS+V yang merupakan asas kepada pengendalian wabak berjangkitan iaitu kenal pasti ujian kesan kuarantin dan sokong berserta dengan vaksinasi. Jadi antara lanjutan daripada kaedah yang disebutkan tadi adalah saringan sama ada PCR ataupun RTK secara besar-besaran dan secara berkala dari masa ke semasa. Jadi terutamanya untuk di tempat-tempat kerja, inilah yang kita sampaikan. Jadi, kita pun faham kerajaan negeri telah menerima sebilangan, memperolehi sebilangan besar RTK bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Jadi, Perling ingin tahu golongan manakah yang diberi keutamaan untuk ujian RTK di bawah pakej ini. Jadi, kita sekarang menghadapi dilema buka atau tutup sektor ekonomi.

Jadi, pandangan Perling adalah kita boleh bekerjasama dengan sektor penguasa-penguasa sektor swasta yang mempunyai bilangan pekerja tertentu untuk membuat saringan sama ada PCR atau RTK secara besar-besaran dan secara berkala dari semasa ke semasa dan melaporkan secara berkala kepada pihak berkuasa terutamanya kepada KKM. Kerana hal

ini kita berpendapat dengan kerjasama begini, kita boleh mengenal pasti, sebab saringan besar-besaran ini kita nak kenal pasti siapa yang kena COVID dahulu dalam situasi ini lebih cepat dan mengambil langkah yang boleh kita boleh mengambil langkah untuk membendung wabak terus merebak. Sekurang-kurangnya tidak menjadi kluster COVID-19. Pada waktu yang sama kita boleh, sektor ekonomi kita boleh terus beroperasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, memandangkan pada saat-saat ini keperluan saringan dan pengendalian prosedur kuarantin meningkat terutamanya di daerah Johor Bahru yang penduduknya padat. Dalam pengamatan saya kita ada dua CAC iaitu *COVID Assessment Centre*, dengan izin dalam daerah Johor Bahru iaitu di Bukit Indah dengan di Pasir Gudang. Tapi kita sering menerima aduan kesesakan lalu lintas dan lebih membimbangkan sebenarnya adalah ramai yang berkumpul untuk menunggu giliran dia untuk ujian. Jadi, wujud kebimbangan di mana jangkitan COVID-19 daripada orang yang berkumpul ini.

Selain itu, adakah mereka-mereka yang balik daripada Singapura juga menguruskan prosedur kuarantin mereka dekat CAC yang sama. Jika ya, ia akan menimbulkan satu kebimbangan jangkitan COVID-19 kalangan yang tidak bersakit. Jadi seterusnya, kita akan, saya ingin tanyakan apakah langkah-langkah kerajaan yang buat untuk mengatasi keadaan yang di atas. Saya, Perling berpendapat kita boleh menambah lebih CAC yang berskala kecil atau bergerak ditempatkan berasingan di merata daerah ataupun di merata kawasan untuk memudahkan penduduk berdekatan untuk menjalani ujian *swab test*, jika keperluan perkhidmatan CAC sebegini atau bergerak sebegini berkurang, kita baru tumpu baliklah kepada CAC yang asal. Hal ini kita boleh kurangkan pergerakan manusia ataupun berkumpul kalau kita meletakkan tempat-tempat berasing.

Begitu juga dengan PPV. Pusat Penerimaan Vaksin. Kita, saya, Perling berpendapat sebenarnya di Johor Bahru ini kita perlukan lebih banyak yang skala kecil. Baik kita buat dekat klinik awam, klinik swasta sebab dia berasingan dan merata tempat untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan lebih penting mengelakkan orang ramai berkumpul, seterusnya mengurangkan jangkitan COVID-19 berlaku. Hal ini sebab sudah ada jangkitan COVID-19 berlaku dari PPV sendiri. Jadi pada waktu yang sama, sebenarnya Perling ingin tahu sama ada peringkat negeri, kerajaan negeri ataupun ada tak membantu mengendalikan aturan dalam MySejahtera. Sebab saya menyebut sedemikian sebab, penerima vaksin sepatutnya menerima vaksin di PPV yang berdekatan dengan poskod yang didaftarkan. Bukannya sering berlaku ialah orang yang daripada Gelang Patah dia terpaksa pergi ke Pasir Gudang atau sebaliknya untuk menerima vaksin. Walaupun dekat daerah yang sama, tetapi ini telah menyebabkan pergerakan manusia lebih dan menambahkan risiko penyebaran COVID-19.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam zaman maklumat ini sebenarnya penyampaian info-info melalui apa jua media memainkan peranan yang penting dalam membendung wabak COVID-19 ini. Apa yang saya bincangkan bukannya ketepatan maklumat yang disampaikan, maklumat yang disampaikan memang tepat. Tetapi, adakah kita ingin bincangkan pasal keberkesanan penyampaian maklumat kepada orang ramai. Sebab hal ini ramai lagi yang tidak tahu apa yang buat, bila dia tidak bernasib baik dijangkiti COVID-19. Ada yang masih berkeliaran di luar rumah walaupun disahkan dijangkiti COVID kerana dalam pengetahuan mereka cuma bila di gelang oleh KKM, mereka digelang oleh KKM baru perlu tinggal dalam rumah. Ini juga akan menambahkan risiko jangkitan COVID. Saya rasa kita semua akan menggunakan bahasa yang kita tahu untuk menyampaikan maklumat yang tepat pada penduduk untuk membantu membentuk, mencegah jangkitan COVID-19. Tapi kita tetap dapat berkomunikasi dengan baik dengan berkesan jika berhadapan dengan warga negara asing yang tidak fasih dengan bahasa.

Sehubungan dengan itu, Perling berpendapat selain maklumat yang tepat, keberkesanan penyampaian maklumat berkenaan wabak juga perlu diambil kira. Mungkin dengan cara penyampaian maklumat yang lebih menarik, mencuit hati ataupun penyebaran yang lebih luas dan kemungkinan kita perlukan beberapa bahasa untuk keberkesanan berkomunikasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, sebenarnya tadi..

YB Timbalan Speaker : YB Perling sila gulung.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat EXCO telah menyatakan bukan dengan pengangkutan awam yang terlibat dalam, pengangkutan awam yang terlibat dalam pengendalian COVID tadi. Dan saya menyebut hal ini sebab kita melihat kekurangan ataupun keperluan ambulans yang semakin meningkat terutamanya membawa pesakit ke CAC. Jadi saya di sini mencadangkan supaya kemungkinan kita berikan latihan kepada pihak berkenaan dan membantu mengendalikannya ini satu sedikit sebanyak kita boleh berikan nafkah kepada golongan ini dan sedikit sebanyak kita membantu situasi ini.

Jadi sebelum saya berakhir ucapan saya, sebenarnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *frontliner* yang bertungkus lumus di barisan hadapan dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan pihak Pejabat Jurutulis yang menyediakan papan halangan ini dan menjaminkan mesyuarat kita boleh dijalankan dengan selamat dan ambil kesempatan ini sebab seminggu dua ini kita dah nak menjelang hari kemerdekaan, saya, hari kebangsaan kita, saya mengucapkan selamat menyambut hari kebangsaan. Sekian sahaja daripada Perling.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum dan salam makmur Johor. Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Tanjung Surat untuk berucap walaupun 10 minit sahaja. Yang utamanya, Tanjung Surat ingin merakamkan sembah menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, di atas keberangkatan baginda merasmikan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-14 pada hari Khamis, 12 Ogos 2021 yang lalu. Baginda bertitah mengenai kebimbangan baginda kerana negeri Johor masih mencatatkan bilangan kes dan kematian dari COVID-19 yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan tahun lalu.

Baginda juga mahu kerajaan terus merancang dan mengambil tindakan bagi membantu rakyat yang terkesan dari segi ekonomi. Kadar vaksin hendaklah ditingkatkan segera agar imuniti kelompok dapat dicapai seawal mungkin. Dengan 2 juta dos vaksin dikatakan dapat dalam bulan Ogos ini, negeri Johor insya-Allah, akan dapat mempertingkatkan lagi kadar vaksinasi. Dari *figure* yang saya ada bertarikh 16 Ogos, setakat ini Johor nak dos pertama 60.2%, dos kedua, 28.3%, ini 16 Ogos ya, mungkin sekarang dah jauh lebih tinggi. Pemulihan ekonomi untuk memulihkan ekonomi rakyat yang terjejas, hendaklah di perhebatkan lagi. Sektor-sektor ekonomi yang kurang risiko jangkitan hendaklah dibuka segera. Bantuan-bantuan kerajaan kepada rakyat hendaklah dihulurkan secepat mungkin. Pemantauan kepada pematuhan SOP hendaklah diketatkan secara berterusan. Kita tidak mahu dalam usaha kita memulihkan ekonomi, kes jangkitan COVID-19 terus bertambah.

Pandemik COVID-19 Puan Speaker adalah *unprecedented*, dengan izin, lain dari yang lain dan memerlukan respons yang luar biasa. Alhamdulillah, program vaksinasi di kawasan DUN Tanjung Surat berjalan lancar. Hampir semua kampung-kampung utama dan kampung-kampung rangkaian sekeliling kampung-kampung utama ini, telah mendapat vaksin dan kepada penduduk-penduduknya. Dan, saya yakin sikit masa lagi kawasan saya boleh katakan 80% telah divaksin. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Kesihatan Daerah Kota Tinggi dan pasukannya, juga terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat, para sukarelawan, pemimpin-pemimpin masyarakat di atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dalam menjayakan program vaksinasi ini.

Puan Speaker, saya ingin menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan kawasan saya selanjutnya. Di kawasan saya ada satu projek PPR, atau disebut singkatan PPR kepada Projek Perumahan Rakyat, ini adalah sebuah projek Jabatan Perumahan Negara. 300 unit rumah bertingkat, kontraktor yang melaksana sekarang ini adalah kontraktor yang kedua, kerana kontraktor yang pertama telah gagal menyiapkan projek ini. Saya harap kontraktor yang sekarang dapat menyiapkan, dijangka tarikh terbaru diberi oleh Yang Berhormat EXCO pada 12 Julai 2022. Ini pun saya risau tak mungkin tercapai dengan *lockdown* atau PKP ini kerana kerja-kerja *construction* banyak tiada kegiatan *construction*, tak ada pembinaan buat masa ini, di bawah PKP. Jadi sementara menunggu bangunan siap, saya ingin mengajak supaya kita dapat melihat perkara ini. Ini adalah satu perumahan di kawasan DUN saya yang bertingkat yang pertama.

Yang pertama maknanya orang kampung saya ni dulu daripada 7 kampung berpindah ke kawasan Taman Bayu Damai dan lain-lain kampung, semua orang kampung yang tidak pernah bayar cukai pintu, tidak pernah bayar *maintenance fee*, yuran penyenggaraan, jadi saya yakin dengan bangunan bertingkat ini, mereka terpaksa membayar kedua-duanya. Jadi, saya tahu saya akan menghadapi dengan masalah bahawa mereka akan merasa beratlah untuk membayar kedua-dua ini. Tapi mungkin pihak kerajaan dapat membantu sekurang-kurangnya pada awalnya, macam mana nak kurangkan beban mereka apabila mereka berjaya mendapat sebagai pembeli pada unit-unit dalam rumah ini. Keutamaan hendaklah diberi kepada 126 orang penghuni rumah transit. Rumah transit ini adalah untuk orang-orang yang tiada pampasan, bila kampung mereka dipindah, mereka dipindahkan di rumah sementara yang sederet itu ada beberapa deret, jadi ada lebih kurang 126 yang layak untuk ditempatkan di rumah PPR ini, namanya ada dalam BPEN, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri. Jadi berharap, khususnya Yang Berhormat EXCO, pastikan yang 126 ni dapat, dan selepas 126 ni hendaklah penduduk-penduduk tempatan di kawasan saya. Tolong jangan bagi orang luar, penat ADUN kena hentam. Orang yang tak ada mengena dengan Pengerang pun boleh dapat nanti. Saya harap perkara-perkara macam ni jangan berlaku. Saya berharap betul supaya mereka-mereka yang layak, walaupun dalam kawasan saya, ada juga yang cuba-cuba dapat walaupun dah ada rumah. Ada yang ada 2 rumah pun hendak juga cuba dapat ni. Saya tahu ya, kita harap pihak Bahagian Perumahan dapat memastikan orang-orang yang benar-benar layak dapat menduduki rumah ini.

Saya ingin menyentuh juga mengenai perkara yang kita kena tengok ialah bila rumah ni siap ada 300 unit. Kalau kita cakap 1 rumah aje ada 1 orang aje murid sekolah, sekolah rendahlah contohnya, 300 murid akan bertambah di Kampung Pungai. Sekolah Kampung Pungai ada dalam 110 murid sahaja. Nak tambah 300, adakah sekolah tu mampu untuk menampung 300 tambahan ini? Ni saya cerita 1 rumah seorang sahaja. Kalau lebih macam mana? Jadi, saya harap jabatan agensi yang berkenaan dapat tengok perkara ini ya. Jangan nanti bila siap rumah ni orang dah duduk, tak boleh nak di, tak dapat sekolah, kena hantar sekolah jauh lah, yang jauh daripada tempat tinggal. Dah pindah kat situ ingat dapat sekolah di kampung tu, tapi tak dapat. Jadi saya harap, begitu juga sekolah agama. Mana nak letak murid-murid ni yang 300 ni. Adakah Sekolah Agama Pungai dah siap, dah *ready*, atau pun dah bersedia, dah memikirkan? Jadi saya harap perkara ini dapat dilihat secepat mungkin kerana bangunan ini akan siap tak lama lagi.

Saya juga ingin menyentuh satu lagi kerana masa tak mengizinkan. Alhamdulillah, saya diberitahu oleh pihak JKR, Masjid Taman Bayu Damai akan ditender bulan September, kata JKR lah. Saya harap benar-benarlah dan dapat dilaksanakan orang kampung, orang kampung yang 7 kampung pindah ni, menunggu masjid ni begitu lama, sekarang dia pakai sebuah surau dijadikan tempat sembahyang Jumaat. Jadi masjid ini pula akan menampung, boleh menampung sampai 2,000 jemaah, rasa saya masjid terbesar di kawasan saya. Jadi saya harap masjid ini dirancang oleh Jabatan Agama ke siapa pihak berkuasa supaya biar masjid ini digunakan sepenuhnya, maknanya kalau ada taman-taman baru yang akan dibina berhampiran, jangan benarkan dia buat masjid, suruh dia buat surau. Jadi untuk

YB Timbalan Speaker : Sila gulung...

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Ok, Untuk sembahyang Jumaat dan kegiatan-kegiatan yang besar, majlis-majlis keagamaan dapat diadakan di masjid ini. Yang saya bangga sekali kerana penglibatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam projek ini. Insya-Allah, dengan restu baginda projek ini akan berjalan dengan baik dan manfaat kepada 7 kampung yang pindah, orang apa, orang muhajirin ya, yang berpindah, dapat menggunakan masjid ini untuk kegiatan agama mereka. Jadi tidak lebih masa, saya dari Tanjung Surat menyokong usul. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Machap.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, pertamanya Machap ingin merakamkan ucapan berbilang terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor dalam Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, meneliti dan memperhalusi titah Tuanku akan memperlihatkan harapan baginda kepada isu pandemik COVID-19 yang berlaku pada ketika ini agar berlalu segera dan isu ini dapat ditangani dengan sebaik mungkin. Isu yang telah mengakibatkan rakyat kehilangan sumber pendapatan, atau pendapatan terjejas sama ada rakyat tidak dapat bekerja ekoran terpaksa tutup perniagaan, dicitikan kerana kerja mereka tidak tergolong dalam sektor penting, ada yang dibuang kerja yang menjurus kepada rakyat tidak ada pendapatan untuk menyara kehidupan mereka, untuk keperluan pembelian makanan, susu dan lampin anak, gagal membayar sewa rumah, gagal membayar hutang kenderaan dan lain-lain. Yang bekerja juga terpaksa menanggung risiko, ada yang terjangkit di tempat kerja, pemikiran mereka sentiasa diselubungi takut-takut kalau mereka dijangkiti penyakit yang digambarkan tersangat azab dan perit yang dialami sekiranya terkena jangkitan COVID dan kesedihan apabila diakhiri dengan kematian pada pesakit. Bertambah lagi kesedihan apabila jenazah ahli keluarga tidak dapat diberikan penghormatan terakhir sebagaimana biasa, kerana pengurusannya diuruskan mengikut SOP pengebumian COVID. Dan kita lihat pada ketika ini, jangkitan COVID ini cukup mengganas apabila adanya varian-varian baru yang menyerang kepada manusia pada ketika ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, angka menunjukkan peningkatan yang agak merisaukan negeri Johor. Contohnya, pada 19 Ogos sebanyak 1,526 kes, 20 Ogos, 1,323 kes, 21 Ogos 1,558 kes dan 22 Ogos, 1,391 kes. Maknanya, kes ini tidak berkurangan, mencecah kepada 1,000 kes tapi sebaliknya berada pada tahap 1,000 lebih kes. Sementara di DUN Machap sendiri terdapat sebanyak 172 kes pada 16 Ogos, 24 kes pada 17 Ogos, 39 kes pada 18 Ogos, 76 kes pada 19 Ogos, 29 kes pada 20 Ogos dan 23 kes pada 21 Ogos. Kes ini berlaku sama ada yang melibatkan saringan bergejala, saringan tempat kerja, saringan kontak rapat, saringan kluster tertentu yang sebahagiannya berlaku di taman-taman, di kampung-kampung juga di kawasan bandar.

Yang Berhormat Puan Speaker, ada pesakit COVID yang dirawat di hospital, ada yang di kuarantin di rumah, tidak boleh keluar membeli keperluan makanan, mereka juga tidak dibantu oleh Wakil Rakyat kerana maklumat tidak diperolehi sehingga kadang kala mereka terputus bekalan dan diviralkan dalam FB, baru pihak tertentu memberikan bantuan. Memanglah kita faham bahawa menjadi kerahsiaan, kerahsiaan tentang maklumat pesakit untuk dihebahkan kepada orang yang tidak berkenaan oleh KKM. Tetapi dalam hal ini saya berpendapat wajar sekiranya pihak Wakil Rakyat diberitahu sekurang-kurangnya apabila kita cepat tahu perkara ini, maka bantuan yang sewajarnya dapat kita salurkan kepada mangsa. Saya bacakan satu viral dalam FB, begini bunyinya "Assalamualaikum, buat pertama kali saya memohon di sini kakak saya baru disahkan COVID-19 semalam. Dan kami seramai 13 orang, 6 dewasa, 7 kanak-kanak kena kuarantin di rumah sementara tunggu KKM datang untuk buat *swab test*. Doakan kami yang lain negatif dan doakan kesembuhan buat kakak

saya. Di sini jika boleh saya ingin memohon barang asas dan barang basah sebab kami dah kehabisan. Jadi tidak keberatan saya juga ingin memohon sedikit *sanitizer* dan vitamin C untuk kanak-kanak, harap ada yang sudi membantu. Dah *try call* DUN, Wakil Rakyat area sini tapi tak dapat". Oleh kerana viral tu di Machap, seolah-olah DUN tu saya lah. Jadi saya pun bukalah telefon saya tengok-tengok kalau ada nombor itu membuat panggilan, tapi setakat ini langsung tak ada.

Apa yang cuba saya nak beritahu di sini ialah maklumat ini saya peroleh daripada kawan yang hantar pada saya. Dia hantar pada hari Ahad, hantar pada saya hari Ahad yang diviralkan tapi alhamdulillah Sabtu kita dah hantar bantuan kepada yang hantar mesej ini. Hebatnya YB Machap ya. Ahad diviralkan tapi Sabtu kita sudah hantar bantuan kepada penerima. Apa yang saya nak tegaskan di sini ialah kalau boleh supaya maklumat yang berkaitan dengan kes-kes COVID ini dapatlah pihak-pihak tertentu menyalurkan maklumat supaya kita dapat ambil tindakan segera. Jadi bila disebut aduan telah dibuat kepada ADUN maknanya pengharapan rakyat masih tetap ada kepada Wakil Rakyat untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Yang Berhormat Puan Speaker, untuk pemulihan ekonomi kita kena kawal COVID. Justeru, pemberian vaksin kepada rakyat Johor perlu disegerakan untuk mencapai imuniti kelompok apatah lagi Johor hanya mencatat unjuran 36.1% setakat 21 hari bulan yang lepas yang menerima dua dos suntikan. Sementara dos yang pertama sebanyak 45%, sementara yang mendaftar pula ialah 2,611,821. Kita berharap agar kesegeraan pemberian vaksin dapat diusahakan di negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, demi kelangsungan hidup rakyat kita, kita kena bantu di saat getir begini. Justeru Belanjawan Johor 2021 dengan Johor Berkebakikan telah memberikan perhatian khusus kepada bentuk bantuan yang difikirkan wajar untuk disalurkan. Sebagai contoh pemberian RM500.00 kepada 5,205 pemilik teksi dan teksi lapangan terbang dengan jumlah peruntukan RM2.6 juta. Dan, saya lihat sekarang ini memang cukup terkesan COVID ini kepada pendapatan pemandu teksi terutamanya. Kadang kala bila kita lihat, kita lalu di hentian teksi, ramai pemandu teksi yang katanya menganggur, tidak beroperasi sebab tidak ada penumpang yang hendak membawa mereka ke destinasi tertentu. Bila bantuan ini diberikan, memanglah mereka cukup menghargai. Kemudian pemberian RM100.00 *One-Off* kepada 20,000 pemandu *e-Hailing* dan penghantar makanan dengan jumlah RM2 juta. Dan kita melihat sekarang ini semasa COVID memanglah ini adalah satu-satunya peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan kepada anak-anak muda terutamanya dalam menambah pendapatan mereka atau memperoleh pendapatan mereka sempena COVID ini.

Seterusnya melalui Pakej Rangsangan Ekonomi, PRE Ihsan Johor 1, PRE Ihsan Johor 2, PRE Ihsan Johor 3 dengan bantuan RM8 juta gerobok makanan hampir kepada 1,000 rakyat yang terkesan menerimanya. Di sini di DUN Machap, di mukim Machap, mukim Ulu Benut, sebahagian di mukim Renggam, sebahagian di mukim Kluang telah menerima hampir 1,900 beras dan set keperluan makanan yang diberikan. Machap mengucapkan terima kasih di atas bantuan ini.

Dan dalam memperkasa peranan Wakil Rakyat sebanyak RM7.05 juta telah diberikan peruntukan khas COVID kepada semua Wakil Rakyat di negeri Johor. Dan kalau sebelum ini Wakil Rakyat menerima peruntukan sebanyak RM50,000.00 setiap orang, kalau kerajaan negeri membelanjakan sebanyak RM550.95 *million* dalam ketiga-tiga PRE dan dibahagikan dengan 3,296,600 penduduk di negeri Johor akan mendapat RM141.00 setiap orang. Tetapi bila berikan peruntukan sebanyak RM50,000.00, sekiranya dibelanjakan dengan kadar RM30.00 untuk pembelian barangan, maka seramai 1,700 orang penerima yang akan dapat bantuan dalam bentuk barangan. Dan kita juga berasa berbesar hati dan sangat bersyukur di atas kepedulian dan keprihatinan mendalam pihak Menteri Besar untuk membantu rakyat Johor dengan pemberian sebanyak RM150,000.00 kepada setiap Ahli Dewan Undangan

Negeri Johor yang memperlihatkan kematangan dan tidak memilih kasih dalam pemberian peruntukan ini.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Puan Speaker, kita tidak pasti bila COVID akan berlalu, setahun, dua tahun, tiga tahun sukar untuk dinyatakan. Dan sewajarnya langkah-langkah bantuan yang perlu diberikan harus berbentuk sama ada jangka pendek dan jangka panjang, harus kita fikirkan dari semasa ke semasa. Penghargaan diberikan kepada *frontliner* yang bertungkus lumus bertugas semasa COVID yang melanda di negara kita, yang tidak pernah kenal erti putus asa dan penat lelah. Dan sekalung tahniah juga kepada *Southern Volunteers* Simpang Renggam yang telah membantu di DUN Machap yang mendaftarkan seberapa ramai orang untuk di vaksin dan membantu kerja-kerja kebajikan di PPV Simpang Renggam. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Serom.

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker di atas peluang yang diberikan kepada Serom untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom mohon izin untuk memulakan ucapan perbahasan ini dengan kita bersama merenung sejenak kepada maksud sepotong ayat al-Quran, dari surah an-Nisa', ayat yang ke-58 yang bermaksud, "Dan menyuruh apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil". Sifat adil penguasa terhadap dalam apa bidang sekalipun dengan tidak membezakan antara satu dengan yang, lain di dalam pelaksanaan undang-undang akan menjadi amalan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Ir. Haji Hasni Mohammad, begitu juga pimpinan baharu kerajaan persekutuan yang dipimpin Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia yang ke-9.

Negeri dan negara telah menyaksikan pelbagai insiden yang melibatkan pelbagai pertikaian pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang berbeza di kalangan rakyat negara ini khususnya melibatkan ahli-ahli politik dan pimpinan kerajaan ia suatu yang sangat menyedihkan di kala para Wakil Rakyat yang menggubal undang-undang tapi golongan yang sama pula yang terpalit dengan ketidakpatuhan kepada undang-undang yang diluluskan. Serom ingin menyarankan kita dilihat menjadi golongan yang paling patuh kepada undang-undang yang menjadi contoh rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua *frontliner* yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam usaha kita mengawal pandemik COVID-19 dan menyantuni rakyat keseluruhan yang terkesan dengan pandemik ini, begitu juga pelaksanaan siri-siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang begitu menyeksakan ini. Umumnya kita semua masih belum nampak apa-apa tanda yang jelas bilakah pandemik akan berakhir dengan data-data semasa menyaksikan jumlah yang dijangkiti secara konsisten bagi negeri Johor sahaja sebanyak 1,391 semalam dan 19,807 kes harian seluruh negara dan jumlah yang hampir sama bagi tempoh beberapa minggu yang lalu. Harapan kita bergantung kepada kejayaan program vaksinasi dengan harapan mencapai imuniti kelompok seawal Oktober akan datang. Namun kewujudan varian Delta yang sangat bahaya hatta kepada warga yang telah lengkap di vaksin amat-amat membimbangkan. Persediaan dan perancangan khususnya penglibatan aktif dan bermakna semua pihak termasuk Ahli-Ahli Dewan Negeri di pelbagai

peringkat pentadbiran baik di kampung-kampung daerah mahupun negeri untuk menghadapi situasi yang lebih getir perlu dibenarkan sebagai persediaan negeri dan negara keseluruhannya. Ini selari dengan apa yang telah disarankan oleh YB Sri Medan, Parit Yaani, Stulang maka Serom ingin menegaskan sekali lagi agar permintaan ikhlas untuk secara aktif terlibat di dalam pelbagai mesyuarat agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah dan negeri dapat dipertimbangkan secara serius. Jika tiada negeri yang lain yang laksanakan, maka Johor mulakan. Memang Johor dah lama mulakan malah lebih awal dari kerajaan persekutuan khususnya dalam memberikan peruntukan kepada semua Wakil Rakyat. Maka inilah cara Johor, pinjam daripada YB Sri Medan tadi.

Serom mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas peruntukan tambahan yang diberikan kesediaan pihak kerajaan memberikan peruntukan tambahan sebagai sebahagian pengiktirafan sumbangan rakan-rakan sebelah sini sebagai rakan-rakan strategik perlu dan boleh ditambah baik lagi dengan penglibatan aktif Wakil-Wakil Rakyat pelbagai peringkat untuk kebaikan rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom hari ini satu-satunya Wakil Rakyat daripada daerah Tangkak yang dapat hadir dan berbahas di Dewan yang mulia ini. Serom terlebih dahulu ingin membangkitkan isu jangkitan COVID-19 yang berlaku di daerah ini, kadar jangkitan yang sangat tinggi di daerah ini dengan jumlah keseluruhan kes sebanyak 5,475 kes sehingga 22 hari bulan Ogos dengan kematian yang sangat tinggi iaitu 137 kematian. Data-data kes positif yang dicatatkan menampakkan ia berselerakan hampir di seluruh pelosok daerah. Apa lagi yang membimbangkan kewujudan varian Delta di daerah ini, untuk makluman semua Ahli Dewan jumlah kes positif dan kematian ini sangat rendah malah lebih rendah berbanding dengan daerah-daerah di Johor yang lain pada peringkat awal pandemik namun telah meningkat secara mendadak khususnya dalam pelaksanaan PKP 3.0 dan pengisytiharan darurat tempoh hari. Situasi ini sangat membimbangkan seluruh warga Serom khususnya dan Tangkak amnya. Semakan dan aduan yang bertali arus yang diterima Serom menunjukkan kluster kilang yang wujud di kawasan perindustrian Tanjung Agas dan Tangkak menjadi antara penyebab utama kepada situasi ini. Maka Serom ingin menyeru semua pihak yang terlibat untuk menginsafi apa yang berlaku dan memberi keutamaan kepada keselamatan kesihatan rakyat keseluruhannya berbanding dengan keuntungan yang sementara.

Yang Berhormat Puan Speaker, Serom juga ingin membawa ke pengetahuan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini mengenai keadaan rakyat keseluruhan khususnya golongan B40 dengan izin, yang sangat terkesan dengan pelaksanaan PKP yang masih terus berjalan dan tiada kepastian ia tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang. Kesan langsung yang ditanggung golongan ini bukan sahaja dari segi ekonomi, malah lebih teruk daripada itu ialah isu-isu pendidikan yang akhirnya menjejaskan prestasi pembelajaran anak-anak bagi jangka panjang. Masalah-masalah ini berkaitan perkara ini seperti tiada penyelesaian bagi mereka dengan masa yang berlalu. Keperluan utama pembelajaran melalui PdPR ialah capaian Internet yang sangat rendah khususnya, kawasan Belemang, Kampung Kolam, Paya Kepong dan seumpamanya dan ketiadaan peranti yang bersesuaian perlu diperbaiki dalam masa yang terdekat. Mohon pihak kerajaan hari ini memberikan perhatian serius kepada penyelesaian kepada isu ini.

Yang Berhormat Puan Speaker, pandemik COVID-19 yang berlaku ini telah dan akan menyebabkan kadar kemiskinan bandar dan luar bandar akan kembali meningkat dengan sangat ketara dalam masa terdekat ini. Ini disumbangkan kesan daripada pengangguran, bilangan pekerjaan dan pendapatan yang berlaku. Suatu mekanisme yang bijak serta kreatif oleh kerajaan negeri perlu disediakan dibangunkan untuk mengambil, untuk mereka kembali mampu berdikari bagi meneruskan kelangsungan hidup dan keluarga. Untuk itu, pelbagai sumber dan kekuatan baru perlu dikemas kini dan dimanfaatkan dengan lebih bijaksana dan kreatif untuk kebaikan rakyat keseluruhannya. Kerajaan perlu mencari dan mengenal pasti mekanisme yang sesuai untuk usaha ini. Serom mencadangkan agar

sebuah jawatankuasa khas diwujudkan oleh kerajaan negeri bagi usaha ini dengan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Yang Berhormat Puan Speaker, akhir kata Serom ingin menyuarakan kebimbangan sebahagian rakyat kepada tindakan kerajaan membuka 11 sektor ekonomi baru-baru ini dengan semua menyedari bahawa kadar positif yang masih terlalu tinggi khususnya di Johor berbanding kes-kes ketika PKP 3.0 mula dilaksanakan tempoh hari. Semoga pandemik COVID-19 ini segera berakhir dan rakyat Johor kembali bangkit dengan lebih cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan sehingga hari esok, Selasa 24 Ogos 2021, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KEEMPAT

ISNIN, 6 SEPTEMBER 2021

BIL. 11 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Haji Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya

Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Sallehuddin bin Haji Hassan., DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh selamat pagi, salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, hari ini kita akan menyambung Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 bagi hari yang keempat.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Bentayan, jemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Nyatakan jumlah vaksin dan jadual yang akan diterima dan telah dibeli oleh Kerajaan Negeri Johor dari Pharmaniaga?

YB Speaker : Yang Berhormat Yong Peng, jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Berapakah jumlah vaksin Sinovac yang akan dan telah dibeli oleh Kerajaan Negeri Johor dari Pharmaniaga?

YB Speaker : Yang Berhormat Kota Iskandar, jemput.

YB Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Kerajaan Johor mensasarkan akhir Oktober untuk mencapai imuniti Kelompok. Berapakah jumlah vaksin yang telah dibeli oleh kerajaan bagi membantu bekalan vaksin dari KKM bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai termasuk melalui peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0?

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Bahan kerja Jabatan Kesihatan semakin berat pada masa pandemik Covid-19. Apakah usaha kerajaan negeri untuk bersama-sama memikul beban kerja Jabatan Kesihatan untuk memastikan kerja membanteras Covid-19 boleh dijalankan dengan lebih lancar?

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Sila nyatakan berapa dos vaksin Sinovac yang telah dibeli oleh Kerajaan Johor daripada Pharmaniaga dan kos terlibat?

YB Speaker : Yang Berhormat Bekok, jemput.

YB Tuan Dr. Ramakrishnan A/L Suppiah (Bekok) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Berapakah kos perbelanjaan pembelian vaksin bagi rakyat negeri Johor dan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada rakyat Johor?.

YB Speaker : Yang Berhormat Jementah, jemput.

YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Apakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk membeli vaksin Covid-19? Sekiranya ya, berapakah peruntukan akan disediakan dan jumlah dos dan adakah kerajaan negeri akan menambahkan lagi jumlah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Johor?

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah perkembangan pembelian vaksin kerajaan Johor dengan peruntukan RM40 juta.

YB Speaker : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 9.

Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM40 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor 3.0 untuk pembelian vaksin bagi Bangsa Johor. Apakah status terkini pembelian vaksin tersebut dan golongan yang disasarkan di dalam pakej ini?

YB Speaker : Yang Berhormat Pulai Sebatang, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) bagi pihak YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 10.

Adakah kerajaan negeri berhasrat membeli vaksin untuk digunakan kepada golongan sasaran seperti pengusaha kecil sederhana dan peniaga bagi merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi negeri?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pertama, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Yong Peng, Bentayan, Kota Iskandar, Pekan Nanas, Jementah, Bukit Batu, Bekok, Penggaram dan Pulai Sebatang atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Izinkan saya menjawab soalan berkaitan pertama, jumlah vaksin dan jumlah penerimaannya. Yang kedua, berkenaan dengan inisiatif kerajaan negeri terhadap

pembelian vaksin dan yang ketiga usaha untuk meringankan beban kerja Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Saya mohon untuk menjawab secara bersekali.

Yang Berhormat Tuan Speaker, vaksin merupakan komponen utama kepada *Exit Strategy* untuk pulih daripada pandemik ini. Oleh itu, kerajaan negeri telah menetapkan sasaran seramai 100% populasi dewasa berusia 18 tahun ke atas untuk menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada 16 September 2021 dan lengkap 2 dos menjelang minggu ketiga Oktober 2021. Sehingga 4 September 2021, seramai 83.08% bersamaan dengan 2,253,168 penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin. Manakala 52.61% atau bersamaan 1,426,866 telah lengkap 2 dos. Untuk rekod, jumlah vaksin yang telah diterima oleh negeri Johor di bawah Program Imunisasi COVID Kebangsaan bermula tarikh permulaan vaksinasi di negeri Johor dalam tempoh 1 Mac 2021 hingga 5 September 2021 adalah sebanyak 4,713,800 dos. Vaksin yang diterima ini merangkumi vaksin *Pfizer* dengan jumlah sebanyak 2,460,510 dos, vaksin *Sinovac* sebanyak 1,842,540 dos dan *Astra Zeneca* sebanyak 410,750 dos.

Pada masa yang sama, sebagai tanda persahabatan yang erat di antara negeri Johor dan negara Singapura, pemerintah Singapura telah menyumbang sebanyak 20,000 dos vaksin *Sinovac* pada 29 Julai 2021 yang lalu. Pada masa terdekat ini pula, pemerintah Singapura akan menyumbang sebanyak 100,640 dos vaksin *Pfizer* kepada kerajaan negeri Johor. Tambahan lagi kerajaan negeri juga menerima 300,000 dos vaksin *Sinopharm* hasil sumbangan daripada Kerajaan Emiriyah Arab Bersatu.

Sehubungan itu, dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada Mantan Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein atas usaha untuk mendapatkan dan memudah cara proses penerimaan vaksin tersebut ke Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri berhasrat untuk mempercepatkan kadar vaksinasi dalam kalangan penduduk sama ada warga negara dan bukan warga negara yang berada di Johor khususnya bagi sektor industri. Oleh itu, kerajaan negeri telah menjalankan kerjasama strategik bersama pembekal-pembekal vaksin untuk menjual bekalan vaksin mereka ke Johor. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri telah melantik *Johor Bio Technology* dan *Bio Diversity Corporation, (J-Biotech)* untuk menyelaras bekalan vaksin yang diperolehi melalui pembelian. Setakat ini *J-Biotech* telah menjalankan kerjasama dengan Pharmaniaga melalui Syarikat *Seaview Health Tech Sdn Bhd* bagi bekalan vaksin *Sinovac*. Sejumlah 1 juta dos vaksin telah diperuntukkan untuk diberikan di negeri Johor di bawah inisiatif sama.

Selain daripada itu, *JBioTech* sedang dalam proses untuk menjalinkan kerjasama dengan *Duopharma Biotech* Berhad bagi bekalan vaksin *Sinopharm* dan *Solution Biologics* untuk vaksin *Cansino*. Usaha ini bertujuan untuk memastikan bekalan vaksin di Johor sentiasa mencukupi termasuklah jika ada keperluan untuk memberikan *booster jab* pada masa akan datang. Seajar dengan hasrat di atas, pada 6 Ogos yang lepas, kerajaan negeri telah melancarkan *Johor Vaccine Immunisation Plan (J-VIP)* dengan kerjasama *JBioTech* yang mewakili kerajaan negeri dan KPJ Health Care Berhad sebagai pengendali kesihatan. *Immune Plan Johor* pula berperanan sebagai platform tunggal untuk menyelaras proses pendaftaran, pembayaran dan juga pengeluaran sijil vaksin digital di aplikasi MySejahtera.

Impak daripada program ini, adalah pertama, pekerja-pekerja dalam pelbagai sektor industri dapat di vaksin secepat mungkin. *J-VIP* memberi pilihan kepada majikan untuk menyuntik vaksin kepada pekerja-pekerja mereka dengan harga RM350.00 setiap individu. Sebanyak 530 syarikat telah berdaftar untuk program *J-VIP* dan 3,899 orang telah di vaksin sejak program ini dibuka pada 6 Ogos 2021.

Impak yang kedua, program ini memudahkan perancangan pihak industri dan sektor swasta untuk membuka semula perniagaan mereka yang terkesan akibat COVID-19 dengan selamat dan tersusun.

Sementara impak yang ketiga kepada program ini, pihak kerajaan pula secara langsung dapat memberi fokus untuk mengoptimalkan peruntukan vaksin di bawah Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJABV) ataupun yang diperolehi melalui sumbangan pihak tertentu kepada rakyat awam yang mendaftar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan meringankan beban kerja Jabatan Kesihatan pula, berbagai inisiatif dan langkah strategik telah diambil oleh pelbagai agensi di setiap peringkat pelaksanaan bagi memikul beban kerja Jabatan Kesihatan Negeri sebagai contoh Kementerian Kesihatan di peringkat pusat, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Pasukan RELA, RELAWAN Rakyat, Jabatan Pertahanan, *Southern Volunteers*, merupakan salah satu daripada sukarelawan yang digerakkan dan juga telah mengadakan berbagai program, kempen yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang saya sebutkan tadi. Tidak lupa juga akan peranan Pejabat Daerah, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung serta Jabatan Perpaduan di peringkat daerah-daerah. Dalam aspek pematuhan kepada SOP dan pembudayaan norma baru pula, peranan pemimpin masyarakat telah diperkasakan menerusi Program Inisiatif Pemimpin Advokasi COVID atau IPAC. Melalui program ini sedikit sebanyak ia telah meringankan beban kerja Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi penguatkuasaan dalam memastikan kepatuhan dan pembudayaan norma baru diikuti oleh rakyat Johor secara umumnya.

Pada masa yang sama, Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga melancarkan inisiatif *Virtual Covid Assessment Centre (VCAC)* yang bertujuan untuk memudah cara pengurusan pesakit positif COVID-19 dan pencarian kontak rapat selain dapat mengurangkan keberadaan fizikal individu di ke semua 11 pusat pemberian, Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) yang beroperasi di negeri Johor. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Ya, Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut kajian daripada *Pfizer* dan *Biontech* keberkesanan vaksin menurut selepas suntikan vaksin selepas setengah tahun, adakah kerajaan merancang untuk menyalurkan vaksin yang diberi oleh kerajaan melalui peruntukan RM40 juta untuk melancarkan penyuntikan vaksin dos ketiga kepada *frontliners* yang terdiri dari pegawai kesihatan, doktor dan jururawat untuk meningkatkan perlindungan mereka untuk menghadapi risiko yang tinggi sepanjang masa mereka menjalankan tugas harian. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, kenapa kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi memperuntukkan sebanyak RM40 juta bagi tujuan pembelian vaksin, Pertama, kita semua sedia maklum bahawa pada satu peringkat sebelum tibanya bulan Ogos kita dapati bahawa kadar vaksinasi di Johor adalah amat rendah. Maka itu, kita sewaktu merancang Pakej Rangsangan Ekonomi merasakan bahawa kerajaan perlulah mengambil langkah pro-aktif dengan membeli vaksin. Walau bagaimanapun, kaedah pembelian vaksin itu setelah kita bincang dengan pembekal-pembekal seperti Pharmaniaga, seperti *Duopharma*, seperti *Solution Biologics* kita dapati bahawa kerjasama antara pembekal-pembekal swasta yang dilantik oleh Pharmaniaga atau *Duopharma* ataupun *Solution Biologics* adalah kaedah yang lebih munasabah. Maka, dalam suasana bulan April, Mei, Jun, Julai di mana vaksin yang begitu rendah dibekalkan kepada negeri Johor, kita mengambil langkah tersebut.

Selain daripada kita menjangkakan perlunya kita membeli vaksin ini untuk membantu industri dan juga pihak swasta kita juga mengambil langkah-langkah menjalankan lebih

banyak lagi ujian di lapangan dengan kerajaan membeli *Test Kit*, *RTK Antigen* atau *RTK Saliva* bagi memperkukuhkan lagi urusan kita menjalankan konteks vaksin. Selain daripada kita menjalankan dalam usaha untuk membuat *testing*, kita tambah baik dari segi kita menjalankan *contact tracing*, pusat-pusat seperti mana saya katakan tadi, *assessment centre* juga kita tambah baik. Kerajaan mengakui bahawa berlakunya kesesakan di pusat-pusat *assessment centre*, maka dengan itu kita telah mengambil langkah untuk melaksanakan secara *virtual*, secara digital bagi meringankan beban *contact tracing* ini. Ini adalah usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan berkaitan dengan hal kita menguruskan vaksin dalam keadaan bekalan yang amat sedikit. Itu yang saya faham soalan Yang Berhormat, ya. *That is what I understand. So, macam...*

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker sebenar soalan saya lebih fokus kepada pemberian vaksin ketiga kepada *frontliners* kita kerana kita dah ambil vaksin dalam masa yang agak lama dan menurut kajian yang dijalankan iaitu keberkesanan vaksin akan menurun selepas setengah tahun pengambilan vaksin. Sebab itu, adakah kerajaan bersedia menggunakan peruntukan yang memberi vaksin tersebut untuk salur kepada *frontliners*? Sebab itu ada sedikit tercicir. Yang penting adakah vaksin yang kita beli boleh dirancang untuk salur kepada *frontliners* kerana risiko mereka agak tinggi.

YB Speaker : Ok, jemput Yang Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Sesungguhnya wajar sekiranya keperluan untuk vaksinasi ketiga atau *booster jab* diperlukan. Saya percaya bahawa kerajaan pusat akan membentuk satu dasar berkenaan dengan meningkatkan antibodi ataupun meningkatkan daya ketahanan diri bagi mereka yang telah, *frontliners* khususnya, yang telah menerima dos lengkap. Walau bagaimanapun, kita akan mengikuti dengan rapat perkembangan-perkembangan atau dasar-dasar di peringkat kerajaan pusat.

Sementara itu, sekiranya kita memerlukan bukan hanya untuk dos ketiga ataupun *booster jab* ini yang lebih penting ialah yang bawah 18 tahun. Pelajar-pelajar, golongan mahasiswa, belia yang berada di bawah 18 tahun, kita harapkan kerajaan pusat akan dapat menyegerakan dasar bagi suntikan di bawah 18 tahun. Kerana, saya amat yakin dan percaya seperti yang saya katakan tadi bahawa kita akan mencapai kadar vaksinasi yang tinggi pada 5 hari bulan sahaja, semalam Johor di peringkat populasi dewasa, kita telah pun mencapai 83.1% bagi dos pertama dan 52.6% bagi dos lengkap. Maka, kalau kita sasarkan kesemua ini, yang boleh kita capai pada penghujung atau minggu ketiga bulan Oktober, saya yakin selepas daripada itu, kita boleh memulakan atau mungkin lebih awal bagi mereka di bawah umur 18 tahun. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kota Iskandar.

YB Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Daripada angka-angka disebutkan yang saya boleh simpulkan tadi, bahawa Johor yang telah *confirm* kita ada vaksin ialah sebanyak 5,035,440. Sedangkan yang kita perlukan untuk dewasa lebih daripada 18 tahun negeri Johor berjumlah 2.8 juta dikalikan dua dos adalah 5.6 juta. Makna masih berlaku kekurangan di sana. Dan, soalan saya apakah jaminan bahawa proses pembelian daripada Pharmaniaga tadi iaitu vaksin Sinovac boleh sampai pada jumlah dan masa ditetapkan?

Unjuran daripada itu juga, saya rasa kerajaan negeri tidak boleh menunggu kerajaan pusat membuat tindakan ataupun polisi yang baru. Kerajaan negeri perlu proaktif untuk *approach* kerajaan pusat supaya pemberian peruntukan vaksin itu ditambah selari dengan ucapan Menteri Kesihatan yang baru bahawa dia akan memberikan vaksin kepada 5 negeri yang agak *severe cases* nya melibatkan juga salah satu negerinya adalah Johor.

Sedikit pembedaan yang saya nak sebut, maaf Yang Berhormat Speaker sekiranya pandangan saya ini tidak tepat. Secara matematik disebut tadi bahawa vaksin untuk satu dos pertama berjumlah 83.1%. Secara matematik, saya mengikuti apa yang laporan yang dibuat itu. Sebenarnya laporan itu adalah *accumulate* ya. Dia tambah, setiap hari dia tambah, setiap hari dia tambah, dia tidak berkurangan. Secara matematik dia adalah salah, sebab dos yang kedua kalau katalah semalam kita dos 50 untuk *second dose*, 50 orang ini bukannya baru. 50 orang ni datangnya daripada yang telah menerima 1 dos pertama. Sepatutnya jumlah 1 dos ini mesti berkurangan bila mana vaksin untuk dua dos ditingkatkan. Sekian, Yang Berhormat.

YB Speaker : Jemput, Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar. Yang Berhormat Tuan Speaker, kaedah kita menguruskan pemberian vaksin ataupun kita memberi suntikan vaksin ini, didapati bahawa ianya semua berbentuk kumulatif, termasuklah apabila kita melaporkan kes COVID yang berlaku macam komuniti hari ini mencecah pada kadar 63.7% adalah merupakan sumber positifiti yang berlaku dalam kita membuat laporan. Sementara industri hanya 33.2%, berbeza dengan peringkat kebangsaan di mana kes industri itu lebih tinggi. Tapi, kita di Johor kes dalam komuniti terlebih tinggi sehingga 63.7% daripada keseluruhan kes yang kita dapati.

Jadi Yang Berhormat, itu adalah kaedah yang digunapakai oleh Kementerian Kesihatan dalam pelaporan mereka. Kalau kita secara mudahnya adalah yang dos pertama sebaiknya kita capai 100% dalam masa yang secepat mungkin. Jadi, sebab itu walaupun kita ada vaksin, tetapi sekiranya daerah tidak dapat menampilkan ataupun mereka tidak mendaftar dengan MySejahtera untuk dos pertama, kita tak boleh nak gunakan vaksin yang ada itu untuk menyuntik ataupun untuk meningkatkan ini apa nama, dos pertama. Jadi, kita perlu jumlah vaksin yang cukup, yang telah disusun oleh Jabatan Kesihatan Negeri supaya kita *ramp up*, kita capai 100% dos pertama supaya kita boleh mulakan. Sebab itu kita menjangkakan pada minggu ketiga Oktober, kita akan capai lengkap. Kerana, pada pertengahan bulan September ini, kita menjangkakan kita boleh capai 100% dos pertama. 21 hari daripada situ barulah boleh disuntik dos kedua. Ianya tidak boleh berlaku sebaik sahaja selesai dos pertama mulakan dos kedua. Kita ada dia punya tempohnya.

Jadi, sebab itu, cara dan kaedah pengurusan ini, pelaporan ini maksud saya sebegitu rupa dan kita percaya kerana mereka pakar dan mereka ada kaedah yang saya amat yakin dan percaya menjadi amalan secara profesional *practice* ataupun secara globalnya begitulah kaedah yang dibuat dalam setiap pelaporan-pelaporan berkaitan dengan suntikan dos pertama dan juga suntikan dos kedua. Jadi, pelaporannya begitu Yang Berhormat. Dan, kita mudah nak faham kenapa dos kedua masih jauh rendah adalah kerana ianya ada tempoh masa, tempoh tertentu sebelum vaksin kedua atau dos kedua itu dapat diberikan. Terima kasih.

YB Speaker : Saya bagi dua jelah soalan eh. Seterusnya Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 11.

Berapa ramaikah sukarelawan *Southern Volunteers* yang berdaftar di dalam DUN Pasir Raja?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, menjunjung kasih ke atas Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah

menitahkan supaya *Southern Volunteers* digerakkan secara besar-besaran membantu kerajaan negeri menjayakan Program Imunisasi COVID-19 dan membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Syukur Alhamdulillah, berkat semangat Muafakat Johor, kepimpinan negeri yang diterajui Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dibantu, didokong dan disokong oleh ADUN-ADUN, agensi-agensi kerajaan negeri dan pusat, pegawai-pegawai daerah, Datuk-Datuk Bandar, Ahli-Ahli Yang Dipertua, Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan terutamanya anak-anak muda yang kita sayangi, *Southern Volunteers* dapat digerakkan secara efektif dan berkesan membantu Bangsa Johor sehingga ke peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Speaker, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 Ogos 2021, itulah kelebihan Johor. Semua pihak berganding bahu untuk matlamat yang sama iaitu Johor dan kebajikan rakyatnya. Raja, pemimpin dan rakyat berpisah tiada. Muafakat itu berkat. Menjawab soalan Pasir Raja, sehingga terkini seramai 19,116 orang telah didaftarkan sebagai *Southern Volunteers* di seluruh negeri Johor. Daripada bilangan tersebut seramai 188 orang telah didaftarkan sebagai ahli *Southern Volunteers* di DUN Pasir Raja. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan, Pasir Raja jemput. Soalan tambahan.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah menitahkan supaya *Southern Volunteers* digerakkan membantu rakyat Johor dalam menangani pandemik COVID-19. Soalan tambahan saya, apakah peranan yang dimainkan oleh *Southern Volunteers* semasa pandemik ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Pasir Raja. Yang Berhormat Speaker, semasa pandemik ini, gerak kerja *Southern Volunteers* dibahagikan kepada 3 Fasa. Fasa pertama, *Southern Volunteers* ataupun lebih dikenali sebagai SV dengan kerjasama MIVEC telah digerakkan bagi membantu di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negeri Johor. Yang terbaru SV bergerak membantu di PPV OKU Khas di Pusat Akuatik Arena, Larkin. Bagi meringankan beban barisan hadapan, SV diberikan tanggungjawab di 3 kaunter di PPV, selain itu membantu warga emas yang memerlukan bantuan, membuat panggilan telefon untuk mengingatkan rakyat tentang temu janji mereka di PPV masing-masing. Di kesempatan ini, Layang-Layang ingin menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah mengurniakan sumbangan kepada setiap PBT dan PPV di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, untuk fasa kedua pula, SV digerakkan bagi membantu rakyat dari segi pendaftaran vaksin. Seperti yang dikongsi oleh Yang Berhormat Buluh Kasap tempoh hari, sebelum ini pada bulan Mei 2021, kadar pendaftaran vaksin adalah pada tahap 53.4%. Kerajaan negeri sedia maklum bagi mencapai imuniti kelompok selain daripada bekalan vaksin yang mencukupi, sekurang-kurangnya 80% rakyat Johor perlu didaftarkan dari segi pendaftaran vaksin. Lantaran itu, syukur Alhamdulillah Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.4 juta untuk menggerakkan *Southern Volunteers* bagi tujuan ini. Anak-anak muda *Southern Volunteers* telah digerakkan ke setiap pelosok negeri Johor, bergerak rumah ke rumah ke setiap kampung dan taman perumahan bagi tujuan pendaftaran vaksin.

Dan alhamdulillah hari ini, sebanyak 98% bersamaan 2.6 juta bangsa Johor telah membuat pendaftaran vaksin. Bagi fasa ketiga pula dan terakhir setakat ini, *Southern Volunteers* digerakkan untuk membantu DO-DO dan PBT-PBT menghulurkan bantuan kepada rakyat Johor yang berada dalam keadaan kesempitan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan bahawa beliau tidak mahu satu rumah pun mengibarkan bendera putih di negeri Johor ini. Kita semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bantuan sebanyak RM8 juta bagi tujuan Gobok Makanan. *Southern Volunteers* menjadi

sukarelawan bertugas di Pusat-Pusat Gobok Makanan ini. Lantaran itu Yang Berhormat Speaker, sebagai Pengerusi Jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas Southern Volunteers, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada anak-anak muda kita di negeri Johor yang tampil ke hadapan untuk menyumbangkan tenaga dan masa untuk kita sama-sama menangani pandemik COVID-19 ini. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Terima kasih Speaker.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

Sila nyatakan pelaksanaan PdPR bagi sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Agama Islam Johor sepanjang tempoh PKP sejak tahun 2020 dan sejauh mana keberkesanan proses pembelajaran ini kepada murid, bantuan akses teknologi kepada guru dan murid, dan penambahbaikan yang diperlukan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Berselawat) Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Maharani, sejak negara dilanda COVID-19, bermula daripada bulan April 2020 semua sekolah agama tidak dibenarkan hadir ke sekolah sebagaimana arahan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Walaupun sekolah ada dibuka dalam tempoh beberapa bulan, sekolah kembali dilarang mengadakan pembelajaran bersemuka bagi mengekang penularan wabak COVID-19 ini.

Bagi meneruskan sesi persekolahan Yang Berhormat Tuan Speaker, langkah-langkah berikut telah pun diambil. Yang pertamanya, arahan PdPR telah pun dikeluarkan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor kepada PPID untuk dipanjangkan kepada sekolah dan guru-guru. BPI juga telah mengeluarkan arahan berkaitan PdPR ini, pembinaan jadual yang sesuai oleh pihak sekolah bagi menentukan pembelajaran sekolah langkah agihan selama 3 hari bagi tahap 2 dan 2 hari bagi tahap 1 serta agihan masa bagi setiap guru dan kelas-kelas. Guru-guru dan pihak sekolah juga diarahkan untuk membuat laporan pelaksanaan PdPR secara *online* dan juga *offline* kepada PPID. PPID pula akan membuat laporan kepada pihak Bahagian Pelajaran Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Antara kaedah yang dilaksanakan dalam proses PdPR ialah secara *online* dan *offline* sebahagian guru melaksanakan secara kertas pada murid-murid dan juga dipulangkan kepada guru selanjutnya arahan diberikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk ini supaya guru-guru mengajar cara *online* bagi tahun 2021, 110 buah sekolah menggunakan Platform AI-Bayen-UTM sepertinya *google classroom*, dengan izin, *google form*, *google meet* dan lain-lain aplikasi seperti telegram, *Quizzz*, *Quizalize*, *Trigger* dan sebagainya. Yang melibatkan *classroom* bagi *google classroom* seramai 103 buah sekolah. *Google form* sebanyak 287 sekolah dan *google meet* sebanyak 603 sekolah. PdPR juga telah dilaksanakan, dapat dilaksanakan walaupun terdapat kekangan-kekangan dalam melaksanakan PdPR ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Kemelah, jemput.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 13.

Bantuan bakul makanan telah disediakan oleh pelbagai pihak. Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan penyelarasan berlaku dengan baik agar golongan yang benar terkesan tidak ketinggalan dalam menerima bantuan yang mencukupi?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ketika ini terdapat pelbagai pihak turut menjalankan Program Bakul Makanan seperti Ahli-Ahli Parlimen, ADUN-ADUN, NGO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Sultan Ibrahim, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Pejabat-Pejabat Daerah melalui Program Gobok Makanan dan juga Ahli-Ahli Majlis.

Bagi program yang dijalankan melalui agensi-agensi bawah kerajaan negeri, penyelarasan dan pemantauan dapat dijalankan dengan sebaiknya iaitu termasuk program yang dijalankan oleh Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN. Tapi bagi Program Bantuan Bakul Makanan yang dijalankan bukan melalui Pejabat-Pejabat Daerah, penyelarasan dan pemantauan tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya. Justeru itu, adalah dicadangkan agar penyampaian bantuan dapat diselaraskan dengan Pejabat Pegawai-Pegawai Daerah bagi memastikan tiada pertindihan penerima bantuan berlaku. Sehingga kini seramai 123,942 penerima telah menerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 14.

Apakah perkembangan terkini untuk *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit*?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang mulia terutama Yang Berhormat Perling. Seperti yang kita sedia maklum, *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit* (IMBRT), merupakan sistem BRT komprehensif yang pertama di Malaysia bahkan menjadi tulang belakang kepada pengangkutan awam di Iskandar Malaysia apabila perkhidmatan kereta api, perkhidmatan bas itu akan disambung dengan beberapa sistem pengangkutan yang lain seperti sistem RTS, Lapangan Terbang Senai, Larkin Sentral, kawasan-kawasan yang disambung dengan landasan berkembar kereta api dan juga perkhidmatan feri dari Stulang Laut dan Iskandar Puteri.

Saya ingin kongsi perkembangan terkini sehingga Jun 2021. Status pelaksanaan projek IMBRT berada di tahap 21.57%. Perkhidmatan IMBRT dijangka bermula boleh digunakan pada suku keempat tahun 2023. IRDA telah membelanjakan sejumlah RM151 juta setakat April 2021 untuk memuktamadkan reka bentuk kejuruteraan infrastruktur, menilai reka bentuk, keperluan operasi dan kewangan, kerja-kerja penyiasatan serta pengambilan balik tanah. Reka bentuk terperinci bagi Jajaran Iskandar Puteri telah siap sepenuhnya dan akan dibentangkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dalam masa terdekat. Reka bentuk terperinci bagi Jajaran Skudai dan Tebrau akan dimuktamadkan setelah mengambil kira maklum balas terhadap Jajaran Iskandar Puteri. Dalam masa yang sama, Program Ujian Rintis BRT (*Bus Pilot Testing*) telah dilancarkan pada 8 April 2021 yang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Puteri Harbour, Iskandar Puteri.

Objektif program tersebut adalah untuk mempamerkan bas teknologi hijau yang sedia ada, untuk mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Kelulusan Jenis Kenderaan atau WTA, Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai mengenai *vehicle road worthiness* dan untuk mendapat maklum balas daripada pengguna dan agensi yang berkaitan.

Satu kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah diangkat kepada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor pada Julai 2021, bertujuan untuk mendapatkan kelulusan berhubung pelaksanaan projek IMBRT. IRDA juga telah mengadakan sesi pembentangan dan libat urus laluan perkhidmatan IMBRT bersama agensi-agensi

berkepentingan seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan 6 PBT iaitu MBBJ, MBIP, MBPG, MPKu, MPPn dan MDKT bagi menyemak laluan dan mendapat sokongan dari setiap PBT. Walau bagaimanapun, *team* BRT secara berkala sentiasa melaporkan perkembangan terkini projek ini kepada saya. Sekiranya ada halangan di peringkat negeri atau ada penyelarasan yang perlu dilakukan, saya sebagai EXCO Pengangkutan sentiasa akan membantu memberi kerjasama menyelesaikan isu-isu yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Perling jemput, soalan tambahan.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Jadi, IMBRT ini dikatakan menjadi tulang belakang. Jadi adakah dia mengambil kira cadangan setiap stesen itu tempat-tempat letak kenderaan, memandangkan kalau kita jadikan ini sebagai satu tulang belakang, pengangkutan awam di dekat kawasan Iskandar, dia menjadikan stesen-stesen itu adakah ia ada tempat letak kereta diambil kira untuk tujuan berkenaan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih kepada soalan tambahan. Ia memang dalam kajian pihak IMBRT setiap lokasi terutama stesen akan dihubungkan dengan kawasan sekitarnya dengan perkhidmatan bas-bas *feeder*. Di situlah nanti kawasan atau taman-taman di situ akan mempunyai perkhidmatan bas lain yang juga sebagai pakej kepada bas perkhidmatan IMBRT untuk mengangkut penumpang di sekitarnya dan dibawa ke stesen. Begitu juga yang turun dari stesen untuk pulang ke rumah masing-masing dan itu memang ada dalam perancangan kita sekiranya dapat dilaksanakan sebab itu ia suatu konsep yang atau perkhidmatan yang komprehensif di mana boleh merangkum banyak tempat dan dijangka bila dilaksanakan kelak akan menyelesaikan banyak masalah mengenai pengangkutan awam. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya, Yang Berhormat Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 15.

Berapakah hasil kerajaan untuk setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2020, 2021 (unjuran) dan 2022 (unjuran) serta langkah-langkah diambil untuk meringankan beban pembayar cukai M40 dan B40 dalam menghadapi kegawatan ekonomi akibat COVID-19.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih pada Yang Berhormat Skudai atas soalan yang dikemukakan. Soalan yang berkaitan dengan hasil kerajaan untuk setiap PBT bagi 2020, 2021 unjuran dan tahun 2022, maknanya tahun depan dari segi unjurannya. Juga soalan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil bagi meringankan beban pembayar cukai B40 dan juga M40.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam keterbatasan masa ini izinkan saya menjawab bagi 16 buah PBT keseluruhan. Tahun 2020, 2021, tahun 2022 adalah tahun yang cukup mencabar. Tahun yang tidak pernah kita jangka dalam perancangan kita dan tahun-tahun Coronalah orang panggil tahun, 3 tahun ini. Dia mempengaruhi kutipan hasil negeri Johor. Saya rasa bukan negeri Johor saja terkesan malah di seluruh negara, bahkan di seluruh dunia. Alhamdulillah dengan slogan Berdaya Tahan Demi Kemakmuran, kita berdoa dan berharap dan kita yakin mampu mengharungi cabaran ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan penyata kewangan yang belum diaudit bagi tahun 2020, kutipan hasil 16 PBT Johor ialah bagi tahun 2020, RM1.39 bilion atau dari segi pencapaiannya peratusannya 89.21% unjuran yang kita buat ialah RM1.56 bilion. Maksudnya pencapaiannya lebih kurang 89.21%. Ringkasnya, Yang Berhormat Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tuan Speaker sasar RM1.56 dicapai RM1.39, peratus pencapaian ialah 89.21% itu berdasarkan akaun yang belum diaudit bagi tahun 2020. Bagi tahun 2021, unjuran kita ialah RM1.58 sehingga 31 Julai kita baru dapat kutip RM849.56 juta atau pencapaiannya ialah dari segi peratus 53.78%. Kalau dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2020, iaitu 56% tahun lepas, tahun ini kita cuma dapat 53.78 maknanya berlaku penurunan sebanyak 2.3% di tahun kedua corona ini Yang Berhormat Tuan Speaker.

Bagi unjuran tahun 2022, tahun hadapan, tahun yang kita jangka tahun pemulihan, tahun yang juga kita tak jelas apa cabaran dia, unjuran yang dibuat ialah RM1.61 bilion sebab pemegang taruh kita bertambah dan sebab kita letakkan RM1.61 bilion tetapi tertakluk kepada pemeriksaan pegawai kewangan di setiap PBT dalam Pra Bajet dan tertakluk kepada juga *finalnya* oleh pihak kerajaan negeri atas inisiatif dan cadangan Bajet bagi 2022, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya maklumkan secara ringkas sahaja, Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, mungkin hendak diketahui oleh semua Ahli Dewan, bagi tahun 2020 ada 4 buah PBT yang hasil kutipannya mencapai RM100 juta ke atas MBBB RM403; MBIP RM271; MB Bandaraya Pasir Gudang RM174; dan MP Kulai RM111 juta.

Bagi 4 buah PBT yang mencapai kutipan lebih RM50 juta, Majlis Perbandaran Muar RM71 juta; Majlis Perbandaran Batu Pahat RM67 juta; Majlis Perbandaran Kluang RM58 juta; Majlis Perbandaran Pengerang RM50 juta. 4 buah PBT lagi yang mencapai kutipan hasil lebih RM20 juta, Majlis Perbandaran Pontian baru ni RM43 juta; Segamat RM31 juta; Majlis Daerah Tangkak RM25 juta; Majlis Daerah Kota Tinggi RM23 juta. 4 buah lagi majlis daerah yang bawah RM20 juta, Majlis Daerah Yong Peng RM18 juta; Majlis Daerah Simpang Renggam RM13 juta; Majlis Daerah Labis RM12 juta dan Majlis Daerah Mersing hampir RM12 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai apakah langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu meringankan beban pembayar cukai B40 dan juga M40. Seperti kita sedia maklum, Dewan mulia maklum, kerajaan negeri di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ada 3 PRE, Ehsan Johor yang bernilai RM490 juta iaitu juga memberi kaitan kepada M40 dan juga B40 di negeri Johor. Selain daripada itu, inisiatif di peringkat pusat pula ada program yang berkaitan dengan PEMERKASA, PEMULIH dan PENJANA yang banyak membantu golongan M40 dan B40.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara spesifik untuk pihak kerajaan tempatan yang berkaitan dengan apa usaha yang dibuat untuk membantu mengurangkan beban pembayar cukai ni, kita tidak mengenakan denda bayar lewat kepada pembayar cukai tidak ada, kalau ada bagi tahu kita insya-Allah kita akan rebatkan pada tahun hadapan.

Yang kedua, tidak ada sebarang operasi, tindakan operasi sitaan dan rampasan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan cukai harta di 16 kawasan PBT.

Yang ketiga, walaupun ada kelulusan baru, daripada kelulusan baru atas penilaian taksiran cukai ni tahun 2019, tapi kita tak laksanakan, kita tak kuatkuasakan cuma *exercise* penilaian itu dibuat kecuali Kulai, MP Kulai telah laksanakan lebih awal. Kemudian kita buat pengecualian bayaran lesen. Yang Berhormat Tuan Speaker, peniaga mikro, peniaga pasar malam melibatkan 23,700 peniaga dengan kehilangan hasil RM5.1 juta, pengecualian bayaran sewa premis melibatkan 45,567 penyewa, kehilangan hasil RM15 juta, Bantuan *One-Off* kepada 19,000 peniaga mikro dalam agenda berkebajikan dalam Bajet 2021. Selain daripada itu juga, Bantuan *One-Off* kepada 19,000 peniaga mikro dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor 3.0. Bantuan *One-Off* RM500.00 juga kepada 4,200 pemegang lesen premis gunting rambut dan salon.

Selain daripada itu, yang saya sebutkan tadi, adalah beberapa agenda yang kita buat ialah hasil daripada 1% cukai dan hasil bukan cukai ni bernilai hampir RM10 juta kita buat untuk program bantuan makanan, gerobok makanan, bantuan keperluan asas, kursus kemahiran, bantuan persekolahan. Dan, di bawah perkhidmatan sosial hampir RM3 juta kita bantu untuk meringankan beban.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker juga, di bawah kawasan PBT semua PPR dan juga RSK dikecualikan bayaran sewa sebanyak hampir 13,000 unit rumah yang dikecualikan. Dan 3 buah PBT, 3 buah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Pasir Gudang, menyumbang 60,000 *COVID Test Kit* bernilai RM980,000.00.

Selain daripada itu, kerja-kerja disinfeksi di 5,589 lokasi dengan nilai RM1.4 juta dan Yang Berhormat Tuan Speaker, ke agenda, perkara lain yang kita buat ialah pengurangan kompaun letak kereta di MBBJ 80% kita bagi kompaun dan di MBIP kita bagi kompaun lebih 50 hingga 70%, yang ini kita buat untuk 2 tempat Yang Berhormat. Dan dalam masa yang sama, cabaran kita hadapi 3 tahun ini, kita menggalakkan kejiranan komuniti atau taman untuk melaksanakan kebun komuniti kita bagi bajet RM800,000.00 di pihak kerajaan negeri yang mana PBT kukuh dia membelanjakan duit sendiri untuk menggerakkan pengeluaran barang makanan.

Selain daripada itu, *PlanMalaysia* dan juga pihak PBT kita akan memastikan, kita tengah gerakkan agar tanah-tanah terbiar di kawasan PBT digerakkan sebagai kebun bandar dan insya-Allah dalam bulan 9 ni kita akan lancarkan 2 tempat di Johor Bahru satu dan juga di Batu Pahat.

Akhir sekali, Yang Berhormat kita benarkan semua yang terjejas, terkesan akibat COVID-19 ni boleh berniaga di mana-mana kawasan PBT walaupun tidak ada lesen dengan syarat dia tidak mengganggu lalu lintas, dia tak menjejaskan *parking* dan juga keselamatan, terpenting sekali dia menjaga soal kebersihan. Dan, insya-Allah Yang Berhormat dalam Bajet 2022, kita akan jemput semua ADUN ya untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam penyediaan Bajet setiap PBT di seluruh 16 buah PBT di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan berbekalkan simpanan sebanyak RM2 bilion ini, Yang Berhormat, di kawasan 16 PBT ni dan rizab yang ada lebih kurang RM800 juta insya-Allah PBT, 16 PBT akan berusaha merencanakan tahun 2022 ni dengan pendekatan yang lebih berhemah, lebih cermat untuk membolehkan pemegang taruh di kawasan 16 buah PBT ni lebih kondusif. Jadi, kita berharap, mudah-mudahan tahun 2022 menampakkan cahaya yang lebih besar, lebih terang di semua 16 buah PBT. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua PBT kerana pencapaian yang tinggi, agak tinggilah dalam tahun COVID ni. Cuma Yang Berhormat Tuan Speaker, kita perlu faham bahawa peranan kerajaan ni bukan untuk cari *surplus* dalam keadaan kritikal ini kita sebenarnya perlu ada persediaan pada tahun itu kadang kala defisit, tahun defisit jadi adakah kerajaan yakni PBT telah bersedia untuk mungkin menggunakan sebahagian daripada rizab ataupun simpanan supaya kita menanggung sebahagian daripada kehilangan hasil misal kata kita bagi potongan ataupun rebat dari segi cukai harta dari segi cukai taksiran ni, supaya pada satu tahap meringankan tanggungan atau bebanan pembayar cukai. Ini spesifik iaitu adakah PBT ada kebersediaan untuk memberi rebat ataupun potongan ataupun mungkin pengecualian pembayaran cukai taksiran kepada pembayar cukai terutamanya rumah kos sederhana rendah, flat kos rendah dan juga mungkin harta pertama, pemegang harta golongan M40.

YB Speaker : Jemput YB EXCO, 2 minit sahaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Skudai tadi tentang rebat, tentang cukai terutama di kawasan rumah kos rendah, pangsapuri. Dia banyak perkara yang harus kita lihat Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tidak boleh melihat berdasarkan jumlah keseluruhan rizab yang ada peringkat negeri juga simpanan kalau kita lihat simpanan itu nampak besar RM1.9 bilion dan rizab ada RM8 bilion jumlah dia besar tapi kalau Yang Berhormat tengok dari segi rekod kewangan, status kedudukan kewangan ia bergantung kepada 4 PBT, yang 4 ini Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi ialah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan juga Kulai.

Bagi Majlis lain Yang Berhormat Tuan Speaker, ia berada dalam keadaan yang macam ada setengah Majlis Perbandaran macam yoyo, saya ingat Yang Berhormat Skudai tahu, dia tahu kedudukan kewangan dulu dia pernah duduk sebagai Pengerusi Kerajaan Tempatan, setengah MP tu, Majlis Perbandaran ni tak kukuh kedudukannya, kalau kita nak laksanakan program rebat ni Yang Berhormat, kita tak boleh gunakan satu tempat, Yang Berhormat dia mesti menyeluruh di seluruh kawasan negeri Johor. Jadi, itu ada kekangan dia Yang Berhormat. Jadi apa pun kita lihat nanti dalam Bajet 2022 kat mana insentif kepada mereka yang di, apa ni, rumah pangsa, kos rumah kos rendah yang boleh kita bantukan, kita fokus bukan setakat rebat dalam cukai harta dan sebagainya, sebagaimana perkhidmatan langsung ataupun bantuan langsung yang boleh kita kemukakan pada mereka Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Jadi, saya tamatkan soalan lisan setakat ini sahaja. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat hari ini adalah hari yang terakhir untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berbahas atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Esok kita akan mendengar penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Perbahasan ini disambung sekarang. Saya jemput, Tiram. 10 minit Tiram.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker atas peluang diberikan. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Tidak bukan tidak lagi, kita, Tiram kena berbincang mengenai wabak COVID. Wabak COVID adalah malapetaka besar di seluruh dunia. Masyarakat dunia kini telah hilang kehidupan biasa seperti mana sebelum COVID-19 melanda. Berjuta-juta rakyat telah terkorban akibat virus COVID-19 yang merebak dan membunuh orang. Hampir seluruh negara-negara dunia terjejas dari segi ekonomi, sosial bahkan politik sendiri. Beberapa kerajaan jatuh sebabkan krisis COVID-19, rakyat dunia hilang pekerjaan. Kebanyakan industri-industri telah terjejas dan terpaksa tutup. Institusi pendidikan ditutup dan mereka belajar secara maya, terjejasnya mutu pendidikan. Ini adalah suatu malapetaka yang bersejarah, rasa tidak pernah belaku dalam dunia. Keadaan ini lebih teruk dibandingkan dengan Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Setiap negara sedang amalkan beberapa langkah untuk membendung virus ini daripada merebak. Ada beberapa negara

telah berjaya membendung virus ini dan mereka sedang hidup seperti biasa, negara-negara seperti China, Amerika, New Zealand, England, Australia dan sebagainya.

Pandemik COVID-19 sudah mula merebak ke negara kita awal tahun 2019. Pakatan Harapan hilang kerajaan kerana beberapa lompatan dari PH ke PN. Mereka mendirikan kerajaan dengan sokongan BN, BN menjadi PN, sekarang sudah balik semula BN. Sejak itu PN yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah COVID, pada awalnya PKP, PKPB, PKPD dan beberapa jenis PKP. Pada ketika ini kes COVID-19 berkurang sedikit tetapi selepas Pilihanraya negeri Sabah, kes COVID-19 melonjak tinggi. Di situ juga beberapa kesilapan dilakukan oleh kerajaan PN untuk mengawal virus ini. Kemudian diadakan darurat kononnya untuk mengawal COVID-19 tetapi kami tidak berkesan langsung. Kami berharap kesnya akan turun tetapi ia melonjak ke langit. Kes COVID-19 sebelum darurat 11 Januari 2021, kes baru 2,232; 4 sahaja kematian baru. Selepas tamatnya darurat, 1 Ogos 2021, kes baru ialah 17,150 kes baru. Kes kematian pada ketika itu ialah 160. Jadi bandingkanlah selepas dan sebelum darurat, apakah kesannya? Kita berjaya ataupun tidak. Apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang telah diambil oleh KKM ataupun kerajaan PN untuk membendung COVID-19 ataupun mengawal keadaan selain daripada mengurung manusia, apakah tindakan lain? Tindakan kurungan bukan keseluruhannya. Bandingkan dengan negara-negara lain yang mengamalkan beberapa tindakan yang berguna dan berjaya.

COVID-19 bermula dari Wuhan, China. Pada awalnya ramai terkorban di Wuhan. Kini mereka boleh mengawal keadaan. Tindakan mereka memang berhasil tetapi apakah tindakan kita, aktiviti-aktiviti? *The only, dengan izinnya, the only weapon we attack COVID is vaccine, rather than vaccine, what is our activity?* Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain seperti China ada banyak aktiviti. Penutupan seluruh bandar, China telah melakukan kerja-kerja pembendungan terbaik dengan mengisytiharkan darurat ketat pada 23 Januari lalu di Wuhan serta 15 bandar lain di Wilayah Hubei bagi menekankan wabak itu daripada terus menular. Seramai 56 juta penduduk terkesan dengan pengisytiharan itu di mana-mana pintu pengangkutan awam, bas, keretapi, penerbangan, feri, premis perniagaan, kilang-kilang, pejabat semuanya telah ditutup rapat. Penguatkuasaan ketat China juga turut memperketat sistem pengangkut penguatkuasaan tentera dan polisnya dengan menahan serta mengurung individu yang melanggar kesalahan di kala penularan wabak tersebut.

Pesanan khidmat masyarakat bagi langkah pencegahan. Pesanan khidmat masyarakat juga sering disebar luas kepada orang awam dengan menggalakkan mereka mencuci tangan dengan lebih kerap dan mengurangkan perjalanan agar tidak membebankan penguatkuasa kesihatan. Mereka mengawal rapi. Pergerakan dipantau. Selain itu, seluruh kejiranan turut dikawal oleh Penguatkuasa yang melakukan rondaan serta pemeriksaan keluar masuk terhadap pelawat yang berkunjung ke semua kawasan perumahan, contohnya taman-taman, kampung-kampung, segala-galanya. Apakah kita di Malaysia? Mendirikan pondok *sanitize* di setiap orang berkumpul, sejenis teknologi yang paling tinggi, sesiapa yang melawat ke kawasan yang ramai berkumpul, mereka boleh masuk keluar pondok tersebut untuk sanitasi.

Proses nyahkuman yang kerap berlaku di sana. Setiap jalan dan bangunan turut dibersihkan dengan penyemburan cecair pembasmi kuman dan lakukan dengan kekerapan dan sampai maksimum. Penggunaan cahaya UV, firma pengangkutan awam, mengubah kabuk pembersihan bas henti-hentinya kepada kabuk cahaya UV untuk tujuan nyahkuman pada rangkaian basnya. Proses yang sebelum ini mengambil masa 40 minit untuk mereka ditambah baik dengan hanya menggunakan tempoh 5 minit bagi setiap bas. Malah petugas-petugas kesihatan turut dikerahkan dari seluruh China hanya untuk membantu merawat pesakit yang dijangkit virus pembunuh itu.

Pembinaan hospital, dalam dua hari sahaja, dua minggu sahaja menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat setiap hari. Pada kesimpulannya, Tiram memohon lebihkan aktiviti

yang boleh hapuskan Corona Virus selain daripada mengurung manusia dan *weapon our vaccine* sahaja.

YB Speaker : 3 minit lagi Yang Berhormat.

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam (Tiram) : Tiram mengharap kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah yang komprehensif bagi membendung penularan COVID-19. Tuan Speaker, beralih pada satu isu tempatan. Stadium Pasir Gudang yang kini merawat pesakit COVID-19, apa yang risau dan sedihnya adalah pesakit ataupun yang ingin membuat *swab test* terpaksa beratur ataupun berbaris 2 hingga 5 km, *long queue* dalam kereta. Mereka mengambil masa dua hingga tiga jam untuk *swab test* sahaja. Mereka terseksa dalam kereta, ketahanan sakit ataupun lima atau enam orang dalam satu kereta, apakah nasib mereka?

Tiram bercadang pada pihak bertanggungjawab sila mencari jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah ini. Kita sekarang PKP, gagal; PKPB, gagal; PKPD, gagal; yang akhirnya darurat pun gagal. Akhirnya PM sendiri gagal kekalkan kerajaannya. Walaupun banyak kegagalan, yang menyejukkan hati adalah kerajaan Johor dapat satu MB yang penuh prihatin. Membantu Wakil-Wakil Rakyat, ADUN peruntukan RM150,000.00, sekurang-kurangnya kita berjaya berjumpa dengan rakyat bukan dengan tangan kosong. Saya nak ucapkan ribuan terima kasih.

Dan, beralih kepada satu apa, perkara khas untuk kaum India. Peruntukan khas masyarakat India Johor. Pada baru-baru ini ada satu tawaran daripada peruntukan khas daripada MB Johor iaitu RM4 juta daripada itu akan bagi kepada B40 yang ada kesusahan. Saya nak tahu sahaja satu perkara yang penting. Peruntukan untuk kaum India itu diberi kepada kaum India MIC ataupun untuk keseluruhan? Sebab apa, saya ada memohon daripada pejabat saya Tiram sendiri, 142 permohonan. Sampai sekarang satu orang pun tidak mempunyai pembalasan ataupun penerimaan. Apa yang difahamkan, di seluruh negeri Johor, Ketua-ketua Bahagian MIC, Ketua-Ketua Cawangan mengedarkan dana itu melalui cek. Jadi permohonan daripada persendirian ataupun daripada pihak-pihak lain daripada pihak MIC ada terima ataupun tidak. Saya nak pastikan perkara ini sebab saya nak tahu dana ini untuk kaum India MIC ataupun kaum India keseluruhan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Tiram. Seterusnya saya persilakan, Senai. 10 minit Senai.

YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker memberi peluang untuk Senai berbahas di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, Senai ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kerana telah merasmikan sidang Dewan pada 12 Ogos 2021. Tuan Speaker, dimaklumkan pembukaan sekolah telah dilanjutkan dari September ke Oktober. Nampaknya kerajaan memang belum menyediakan SOP dan garis panduan yang cukup baik untuk membuka semula sekolah pada September. Oleh kerana itu, pembukaan sekolah terpaksa dilanjutkan. Perkara ini memang membimbangkan Senai. Kerajaan haruslah memastikan guru-guru dan murid-murid dalam keadaan yang selamat untuk meneruskan sesi pembelajaran. Pada masa yang sama, kita harus mengada SOP tindakan kecemasan. Sekiranya berlaku jangkitan COVID-19 dalam sekolah, agensi kerajaan boleh mengambil tindakan dengan segera. Sebagai contoh, sekiranya terdapat seseorang atau murid-murid yang dijangkiti COVID-19 adakah sekolah akan terus ditutup atau masih perlu menunggu arahan atasan atau bagaimana?

Tuan Speaker, Senai berasa pihak ibu bapa dan pihak sekolah bersetuju atas pembukaan sekolah dilanjutkan. Tetapi adakah kerajaan telah bersedia sekolah akan dibuka pada Oktober? Adakah terdapat garis panduan yang lengkap disediakan supaya dapat mengurangkan kebimbangan pihak ibu bapa dan pihak sekolah? Nampaknya beberapa kali

telah gagal dalam SOP. Tetapi mengapa kita masih belum belajar dalam kegagalan tersebut. Senai mohon agar kerajaan tidak mengecewakan lagi masyarakat.

Tuan Speaker, pembukaan sekolah bukan sahaja menjejaskan murid-murid, ibu bapa dan guru-guru. Tapi, termasuk pengusaha kantin dan pemandu bas sekolah turut terjejas dalam pandemik ini. Ada sebahagian murid-murid yang kurang bernasib baik, tidak mempunyai gajet dan liputan internet untuk menjalankan PdPR. Ada yang mempunyai gajet tetapi tiada pemantauan dan bantuan daripada ibu bapa. Pembelajaran murid telah banyak tertinggal. Justeru, kita tiada masa lagi untuk dibaja lagi. Pendidikan harus diutamakan, pihak pendidikan dan kesihatan harus bertanggungjawab dalam menangani perkara ini.

Tuan Speaker, selain ingin memberi tiga cadangan kepada kerajaan negeri Johor, hampir setiap hari Senai menerima panggilan telefon dari guru-guru bahawa mereka masih belum dapat suntikan vaksinasi lengkap. Sehubungan dengan itu, Senai mencadangkan kepada kerajaan Johor agar memastikan guru-guru telah lengkap 2 suntikan vaksin sebelum 3 Oktober bukan sahaja guru-guru, pemandu bas dan pengusaha kantin sekolah juga perlu divaksinasi dua dos lengkap, sebab mereka merupakan pihak yang kontak rapat dengan anak-anak kita.

Terima kasih atas usaha EXCO Kesihatan, sukacita dimaklumkan di daerah Kulai sejak dua hari lepas telah membenarkan suntikan secara *walk in*. Jadi, tiada alasan lagi untuk memastikan mereka tidak dapat vaksin lengkap.

Kedua, Senai mencadangkan agar ujian saringan sendiri kit disalurkan kepada guru-guru supaya mereka dapat membuat ujian harian sendiri. Seperti sedia maklum, lebih banyak ujian kita buat, lebih cepat kita memutuskan rantai jangkitan COVID-19. Ambil contoh, Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu membuat saringan *test* harian, kenapa guru-guru tidak?

Ketiga, Senai mencadangkan agar kerajaan negeri Johor dapat menyalurkan pelitup muka dan gel sanitasi kepada setiap murid secara percuma dalam tempoh seminggu sekali. Ini bukan sahaja dapat membantu mereka mengekalkan norma baharu, ia juga dapat membantu keluarga yang kurang kemampuan. Senai tidak ingin mereka dijangkiti hanya kerana mereka tidak mampu membeli pelitup muka dan gel sanitasi. Senai dapati kos ini membebankan keluarga yang kurang bernasib baik. Senai berharap kerajaan negeri Johor mempertimbangkan ketiga-tiga cadangan ini.

Tuan Speaker, Senai juga ingin ambil kesempatan ini ucap ribuan terima kasih kepada para barisan hadapan. Mereka bertungkus lumus memerangi COVID-19 tidak mengira siang dan malam. Pengorbanan mereka bukan sahaja melibatkan fizikal, badan letih dan sebagainya tetapi melibatkan kesihatan mental. Setiap hari mereka dikhabarkan dengan berita peningkatan jangkitan dan kematian akibat COVID-19. Senai sendiri tidak dapat membayangkan emosi mereka yang hadapi setiap hari. Senai harap kerajaan negeri Johor dapat mempertimbangkan banyak lagi insentif kepada barisan para hadapan sebagai penghargaan.

Dalam pandemik ini, ramai di luar sana menghadapi tekanan sebagai contoh, mereka kehilangan punca pendapatan. Mereka mendapat tekanan daripada pendidikan anak-anak mereka. Ada yang dijangkit COVID, ada yang hilang ahli-ahli keluarga mereka. Senai amat kecewa, akibat tekanan ini mereka membuat keputusan akhir dengan cara yang amat menyedihkan, menakutkan kita iaitu membunuh diri. Dalam pandemik ini, kita bukan sahaja ingin memerangi virus COVID-19, tetapi kesihatan masyarakat juga perlu diperhatikan. Senai berharap pihak kerajaan membenarkan bilik kaunseling NGO, Pusat Kaunseling dibenarkan operasi semula dengan segera supaya mereka dapat membantu golongan yang terkesan ini.

Akhirnya, Senai mendapati statistik kes positif di kawasan Mukim Senai dari Januari 2021 hingga Ogos 2021, didapati kes jumlah positif sebanyak 6,451. Warga tempatan seramai

2,004 tetapi warga asing seramai 4,447 orang. Nampaknya majoriti pesakit COVID-19 ini adalah warga asing. Senai juga difahamkan di kawasan Senai mempunyai melebihi 40,000 orang pekerja asing yang berdaftar tidak termasuk PATI, pekerja asing tanpa izin. Senai menyeru kerajaan untuk memastikan golongan pekerja asing telah mendapat suntikan vaksin lengkap dan menjalankan ujian sendiri harian. Selain itu, penguat kuasa harus memastikan tempat tinggal pekerja warga asing mematuhi syarat-syarat tidak melebihi kapasiti. Jika kita dapat mengawal golongan ini, kita tidak jauh lagi untuk memerangi peperangan pandemik ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Senai. Seterusnya saya persilakan Tangkak, jemput.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Tangkak untuk menyertai dalam perbahasan rundingan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Pertama sekali, Tangkak ingin merafak sembah setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor atas keberangkatan ke Dewan yang mulia ini untuk merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tangkak telah menjalankan kuarantin sejak 17 Ogos sehingga 1 September kerana telah ada kontak rapat dengan seorang pesakit positif COVID-19. Sepanjang 14 hari ini, saya rasa rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini pernah juga iaitu telah kuarantin, telah di *swab* dalam zaman pandemik COVID-19 ini. Setiap hari di negeri Johor sahaja, statistik sehingga hari ini iaitu dari 1 September sehingga 5 September sejumlah 10,706 orang telah dijangkiti COVID-19. Bayangkan kalau setiap kes positif pesakit positif COVID-19 ini mengadakan kontak rapat dengan ahli keluarga dia, dengan rakan sekerja dia, 3 orang. Jadi, setiap hari sekurang-kurang kontak rapat sudah ada 6,000 orang. Jadi, kita boleh bayangkan, beban kerja barisan hadapan terutama KKM, doktor-doktor dan juga jururawat-jururawat kita sejak 18 bulan yang lalu mereka berada di barisan paling hadapan memerangi COVID-19 ini. Tapi malangnya, sehingga hari ini beban kerja mereka tidak menurun tetapi telah meningkat. Jadi, kami, kita sebagai rakyat Johor, apakah tanggungjawab kita tak kira sebagai Wakil Rakyat, pemimpin ataupun rakyat biasa? Tanggungjawab kita adalah untuk mematuhi SOP atau menggunakan cara memikirkan apa yang kita boleh lakukan supaya pandemik COVID-19 ini dapat dikawal.

Oleh itu, Tangkak ingin mencadangkan bahawa tenaga manusia barisan hadapan ada keperluannya untuk di *structure* semula. Tangkak bagi contoh, PDRM, pihak Polis menjalankan sekatan jalan raya setiap hari di sempadan daerah-daerah di seluruh negeri Johor. Ya, memang ada bantuan daripada Angkatan Tentera Malaysia dan juga Jabatan Sukarelawan Malaysia, RELA tetapi pihak Polis juga perlu jaga atau perlu menjalankan tugas harian mereka termasuk ronda, termasuk mencegah jenayah, kes-kes jenayah. Dan Tangkak ingin mencadangkan bahawa kerja-kerja sekatan jalan raya ini sebenarnya boleh dibantu oleh lebih ramai anggota-anggota RELA dan juga anggota-anggota ATM, Angkatan Tentera Malaysia. Dan pihak Polis atau anggota Polis boleh menjalankan tugas harian mereka dan juga untuk mengawal atau memantau mereka yang sedang di kuarantin di rumah. Kerana ramai orang yang ada kontak rapat dengan kes positif COVID-19 ini terpaksa menjalankan kuarantin di rumah walaupun mereka pakai gelang tangan tetapi banyak berlaku kes yang orang yang pakai gelang itu dia keluar dari rumah, mungkin atas sebab dia nak beli barang tak ada orang boleh bantu. Tetapi ramai, ada yang juga keluar untuk berjalan-jalan, dia kata dia nak keluar *exercise* Tuan Speaker. Jadi, Tangkak harap kita perlu fikir kalau mereka yang sedang di kuarantin 14 hari ini walaupun sekarang dia mungkin negatif tetapi dia berisiko. Dalam 14 hari ini mungkin dia akan jadi positif dan jika mereka telah melanggar HSO, *Home Surveillance Order* dan keluar dan mereka telah ada kontak rapat juga dengan orang awam atau dengan jiran. Risiko jangkitan komuniti itu akan lebih tinggi dan barisan hadapan kita akan tambah lagi beban kerja. Jadi, saya rasa jabatan-jabatan berkaitan boleh memikir atau menimbang cadangan-cadangan ini supaya

lebih ramai anggota-anggota RELA ataupun sukarelawan dari NGO setempat dapat membantu menjalankan kerja-kerja SOP ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi isu ketidakcukupan ataupun berlaku kepenuhan di Pusat Kuarantin (PKRC) ini, Tangkak ingin memberi cadangan juga sebagai contoh, pesakit positif kes COVID-19 dari kawasan Johor Utara kalau mereka berada di Tahap 1, Tahap 2 biasanya kalau dia ada kekosongan di PKRC, mereka akan dihantar ke Pasir Gudang. Iaitu dari Johor Utara dihantar ke Johor Selatan tapi sebenarnya di setiap kawasan DUN di negeri Johor dalam 56 kawasan DUN Johor terdapat sekurang-kurangnya Dewan Muafakat, dewan serba guna dan pelbagai dewan-dewan. Tangkak cadangkan supaya dewan-dewan serba guna, dewan-dewan awam ataupun dewan-dewan PBT di setiap kawasan dapat digunakan sebagai Pusat Kuarantin, supaya kita dapat mengurangkan mereka yang terpaksa kuarantin di rumah kerana tiada tempat di PKRC berpusat. Dan ini juga mengakibatkan telah banyak berlaku kes positif COVID-19 kerana tiada tempat untuk ditempatkan di PKRC, mereka terpaksa kuarantin di rumah dan akhirnya selepas 14 hari, ramai ahli keluarganya dari negatif jadi positif.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Speaker, Tangkak ingin mencadangkan bahawa SOP yang dikenakan ataupun arahan tutup, berhenti beroperasi yang dikeluarkan oleh KKM terhadap kilang-kilang atau kedai-kedai yang terdapat kes positif dapat diperketatkan. Saya bagi contoh, ada kilang-kilang besar yang telah muncul *test positive* ataupun telah menjadi kluster. Mereka cuma di tutup mungkin 4 hari, 5 hari, dan telah mengakibatkan ramai pekerja-pekerja dijangkiti COVID-19.

YB Speaker : 1 minit lagi Yang Berhormat. 1 minit lagi.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Jadi, ada juga pasar raya-pasar raya yang ada kes COVID cuma di tutup 2 hari dan dibuka balik. Pelanggan-pelanggan atau orang awam terpaksa menghadapi risiko yang tinggi kalau virus yang kita nampak tu masih ada di premis-premis perniagaan tersebut. Jadi, Tangkak mencadangkan supaya arahan tutup ini diselaraskan dan diperketatkan, supaya jangkitan di komuniti dapat dikawal.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tangkak ingin membawa isu tempatan di kawasan Tangkak iaitu berlaku banjir kilat di beberapa kampung di kawasan Tangkak termasuk Kampung Solok, Kampung Bukit Banjar dan juga kawasan sebelah saya, Kampung Sri Jaya. Jadi, Tangkak berharap JPS Tangkak boleh dapat lebih ataupun tambahan peruntukan bagi tahun 2022 supaya kerja-kerja pembersihan parit-parit di kampung itu dapat dilaksanakan dengan lebih kerap.

Dan satu lagi, Tangkak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah meluluskan peruntukan tambahan kepada semua ADUN. Terima kasih juga dipanjangkan kepada Yang Berhormat Tenang, kerana telah meluluskan projek memasang lampu isyarat untuk jalan Paya Mas dan Jalan Bekok dan juga kepada Yang Berhormat Rengit kerana telah, apa tu telah menyediakan kertas kerja bagi isu yang telah dibangkit oleh Tangkak pada persidangan yang lalu untuk isu-isu rumah pangsa Jalan Ong Siong, Tangkak.

Sekali lagi Tangkak ingin mengucapkan terima kasih kepada semua barisan paling hadapan di negeri Johor dan Malaysia. Terima kasih semua dan semoga rakan-rakan yang ada di Dewan yang mulia ini, semua boleh berjaya melawankan COVID-19 dan semua berada dalam keadaan sihat dan sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, terima kasih Tangkak. Seterusnya saya persilakan Kota Iskandar. Jemput.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, pertamanya

patik merafak sembah menjujung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas keberangkatan Duli Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Di Pertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita bersidang pada hari ini dalam keadaan perang pandemik COVID-19, masih belum menyebelahi kita. Pandemik COVID-19 bukan sahaja menatijahkan krisis kesihatan dan krisis ekonomi tetapi juga menatijahkan peningkatan dalam kes bunuh diri, penceraihan dan juga isu kesihatan mental.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sekarang bukan masa untuk berbalah tetapi masa untuk bersatu dan bekerjasama khususnya dalam menguruskan pandemik COVID-19 dan juga membangunkan semula ekonomi negeri Johor. Kota Iskandar juga menyambut baik ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 yang menyeru agar kestabilan politik diwujudkan melalui konsep kebersamaan dan kerjasama rentas parti. Seruan ini, sebenarnya selari dengan maqasid syariah untuk kita menjaga nyawa (*hifz an-nafs*) yang merupakan satu daripada 5 rukun kehidupan manusia selain daripada agama, akal, keturunan dan juga harta. Firman Allah SWT (bacaan ayat Al quran), dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan takwa dan janganlah tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan, Al Maidah ayat ke-2.

Yang Berhormat Tuan Speaker, inilah konsep ta'awun bekerjasama dalam islam, pakatan dan menyahut tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan demi untuk kebaikan dan kemasalahan rakyat Johor. Kota Iskandar ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan hadapan *frontliners* yang menjadi benteng utama kepada negara memerangi pandemik COVID-19. Tahniah juga diucapkan kepada daerah Muar yang merupakan daerah pertama yang telah mencapai imuniti kelompok di negeri Johor.

Kota Iskandar juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana bersikap budiman dengan menambahkan peruntukan RM150,000.00 kepada setiap Ahli Dewan Negeri Johor. Terima kasih daun keladi, kalau ada peruntukan lain kali boleh tambah lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sektor pembuatan ataupun industri adalah merupakan penyumbang kedua kepada KDNK negeri Johor pada tahun 2020. Sektor ini menyumbang 30.2% kepada KDNK Negeri Johor. Kesan bila banyak industri dibenarkan beroperasi oleh MITI dalam PKP 3.0 bermula 1 Jun yang lalu telah menjadikan, menyebabkan ianya menjadi sarang penularan COVID-19 kerana tidak mematuhi SOP dan juga kadar vaksinasi warga industri yang masih lagi rendah.

Semalam sahaja ada 4 kluster industri iaitu daripada Masjid Muar, Jalan Pekeliling Pasir Gudang, Kawasan Perindustrian Tebrau 2 dan juga Taman Wawasan Kulai. Justeru itu, Kota Iskandar mencadangkan supaya vaksinasi warga industri yang dijalankan di bawah *Johor Vaccine Immunisation Program* (JVIP) perlu menyasarkan imuniti kelompok pada bulan ini selari dengan program PIKAS yang dilaksanakan di peringkat pusat. Ini bagi membolehkan sektor industri terus beroperasi dengan selamat di samping menjana hasil kepada ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selaras dengan konsep ta'awun yang Kota Iskandar sebutkan tadi, bekerjasama demi kepentingan dan kebaikan rakyat. Kota Iskandar mencadangkan menyokong saranan Parit Yaani dan juga rakan-rakan YB yang lain supaya ADUN-ADUN dilibatkan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah ataupun JKPD ini penting sebagai ADUN yang dipilih oleh rakyat seharusnya mereka bertanggungjawab terhadap sebarang pembangunan di kawasan mereka dan bukannya penyelaras DUN yang tidak dipilih oleh rakyat. Kita buka *relative* baru Yang Amat

Berhormat Menteri Besar Johor. Kota Iskandar juga mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Pemulihan Negeri Johor yang fokus utama untuk aspek pengurusan pandemik COVID-19, dan juga pembangunan semula ekonomi negeri Johor. Majlis ini perlulah melibatkan wakil-wakil daripada Pakatan Harapan, NGO, pemain industri dan juga pakar-pakar dalam bidang pelbagai bidang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, baru-baru ini media hangat memperkatakan tentang golongan yang menolak untuk di vaksin. Mereka di cop sebagai anti-vaksin, golongan songsang, bahkan mereka diancam untuk diambil tindakan termasuk oleh pihak majikan mereka. Secara dasarnya golongan ini sebenarnya tidak melakukan sebarang kesalahan undang-undang kerana undang-undang belum mewajibkan mengambil vaksin, bahkan fatwa agama pun meletakkannya sebagai harus. Mereka hanya mengambil hak, mengamalkan hak asasi pesakit dalam memilih bentuk rawatan yang dijalankan sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan awal perubatan ataupun *advance medical directive*. Kita perlu berlaku adil kerana sekarang ini mereka di diskriminasi dalam pelbagai bentuk seperti tidak boleh ke masjid, tidak boleh *dine-in* dan sebagainya, dan sebenarnya diskriminasi ini Yang Berhormat Tuan Speaker, hanyalah mendedahkan kerajaan atau majikan kepada tindakan undang-undang. Kerajaan perlu terus mengadakan *engagement* dengan izin, dengan golongan ini kerana sebahagian mereka menolak vaksin sebab keraguan keberkesanan vaksin dan takutkan kesan negatif yang disebut *Adverse Event Following Immunization* ataupun AEFI. Apakah adil untuk menyatakan 250 guru dan 30,000 penjawat awam yang belum mengambil vaksin sebagai golongan anti vaksin?

Yang Berhormat Tuan Speaker, pepatah Arab ada menyatakan manusia kebiasaan akan memusuhi apa yang mereka tidak ketahui. *Engagement* akan memberikan pencerahan kepada golongan ini tentang vaksin. KKM juga telah bersetuju berkongsi data AEFI bermula minggu ini bagi memberikan gambaran sebenar kesan suntikan vaksin kepada rakyat yang telah mengambilnya. Adakah ini boleh membina keyakinan golongan ini terhadap vaksinasi?

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Kesihatan baru-baru ini ada menyatakan bahawa Malaysia perlu bersedia untuk masuk kepada fasa endemik yang dikatakan akan bermula Oktober ini. Di mana rakyat perlu hidup bersama COVID-19, persoalannya apakah kebijaksanaan kenyataan ini? Bukankah kenyataan ini sangat mengelirukan rakyat, banyak lagi negeri yang masih terkial-kial dalam fasa 1 hingga fasa 3 dalam Pelan Pemulihan Negara. Endemik hanya akan wujud bila mana kes COVID-19 yang ada pada kadar yang stabil dan juga rendah. Kes COVID-19 Johor sekarang ini melebihi 2,000 sehari, purata kematian 40 orang sehari, 100% katil bukan ICU digunakan, 94% katil ICU digunakan. Adakah dalam keadaan begini sesuai untuk diisytiharkan fasa endemik yang akan berlaku kurang daripada 2 bulan?. Bagaimana pula vaksin golongan pelajar 12 hingga 18 tahun? Berita Utama TV3 malam tadi menyatakan Sarawak akan menjadi negeri yang pertama untuk vaksin 12 hingga 18 tahun pelajar bermula Rabu ini insya-Allah. Negeri lain termasuk Singapura yang telah pun vaksinasi rakyatnya 83% pada 2 September yang lalu, sekarang ini mula masuk fasa suntikan tambahan ataupun *booster* secara berperingkat ekoran wujudnya varian yang mudah berjangkit seperti Delta. Sasaran utama adalah bagi mereka yang mendapat vaksin pada Mac yang lalu. Kenyataan yang populis ini dibuat bermotifkan politik dan bukannya berasaskan kepada sains dan juga data. Kita faham setiap Yang Berhormat Menteri yang dilantik perlu mengemukakan *report card* kepada Perdana Menteri selepas daripada 100 hari mereka dilantik.

Yang Berhormat Tuan Speaker, semasa PKP pemiagaan dibenarkan operasi adalah kategori *essential* dan juga bukan *essential* dengan izin, mengakibatkan banyak PKS dan peniaga kecil yang terpaksa tutup pemiagaan berbulan-bulan bahkan ada yang terpaksa di tutup terus. Kota Iskandar ingin mencadangkan supaya syarat ini dimansuhkan dan satu *benchmark* penanda aras yang lebih adil perlu diguna pakai iaitu sama ada sesuatu pemiagaan tersebut boleh mematuhi SOP COVID-19 ataupun tidak.

YB Speaker : 1 minit lagi Yang Berhormat.

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Ada kemungkinan sektor bukan keperluan dapat memenuhi dengan mudah SOP COVID-19, sebab mereka mempunyai bilangan pekerja yang kecil. Kilang yang besar dan dikategorikan sebagai sektor keperluan, *essential* tetapi tidak mampu memenuhi SOP bahkan menjadi sarang penularan COVID sebagaimana yang berlaku sekarang ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar juga mencadangkan supaya semua sektor ekonomi dibuka bila negeri Johor telah mencapai imuniti kelompok tanpa ada sebarang kompromi pematuhan kepada SOP COVID-19. Ini penting bagi *survival* kelangsungan sesebuah syarikat tersebut kerana saya yakin dan percaya tidak ada syarikat yang mempunyai kekuatan kewangan untuk bertahan lebih daripada 5 bulan selepas daripada PKP 3.0 dilaksanakan.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri dan persekutuan perlu terus berusaha untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan Singapura supaya pintu sempadan dengan Singapura dibuka dalam masa yang terdekat. Oleh itu, tanggungjawab kita proses vaksinasi perlu diberi keutamaan dan insya-Allah passport vaksin yang sebelum ini disyorkan kepada kerajaan Singapura seharusnya menjadi salah satu asas kepada perundingan dengan kerajaan Singapura. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Kota Iskandar. Seterusnya saya persilakan Maharani, jemput.

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Bismillahirrahmannirahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam harapan, salam hari kebangsaan yang ke-64. Maharani mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Maharani merafak sembah, menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Maharani ingin memulakan perbahasan ini dengan merenung firman Allah SWT kepada Nabi Daud as dalam menginsafi peranan setiap daripada kita sebagai pemimpin. (Bacaan potongan ayat Al-Quran). Firman Allah yang bermaksud, 'Wahai Daud, sesungguhnya engkau kami jadikan khalifah pemerintah di bumi. Maka berikanlah keputusan di antara manusia dengan adil dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu kerana akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sungguh, orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan'. Surah As-Sad, ayat yang ke-26. Kita berdoa agar Allah SWT mempermudah urusan kita, menunaikan amanah kepada rakyat Johor ini berdasarkan pertimbangan kebenaran dan keadilan sosial serta dipelihara kita daripada menurut hawa nafsu dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Sempena bulan kemerdekaan dan hari kebangsaan yang ke-64, saya menyeru diri saya dan semua rakan-rakan Yang Berhormat untuk melaksanakan amalan dan semarakkan politik nilai, politik mendidik dan politik khidmat dan mengelakkan politik wang, politik ugutan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, *Fitch Solution* pada 16 Ogos 2021 telah membuat semakan semula unjuran keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar Malaysia kepada 0% bagi 2021 berbanding 4.9% sebelum ini, berikutan impak gelombang ketiga jangkitan COVID-19 yang lebih teruk daripada jangkitan. Kes jangkitan harian tidak menunjukkan penurunan ketara meskipun *lockdown* dilaksanakan di seluruh negara dan kes jangkitan terus mencatatkan rekod baharu sepanjang Ogos. Semakan semula unjuran ini adalah petanda bahawa kelembapan ekonomi akibat pandemik ini terus kita depani buat tempoh, buat satu tempoh

yang lama dan terbukti kesan-kesan ekonomi inilah yang telah mencetus dampak negatif ke atas kesejahteraan sosial rakyat sepertimana yang kita lihat sekarang setelah lebih setahun berlalu. Justeru, Maharani menyeru kerajaan memfokuskan kepada empat aspek utama dalam memastikan pemulihan pasca pandemik di negeri Johor lebih berkesan dan tersasar, iaitu, pertama, pengupayaan wanita, keluarga dan masyarakat. Kedua, kebajikan *frontliners* semua sektor. Ketiga, pendidikan dan yang keempat, penambahbaikan respons kesihatan awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pengupayaan wanita, keluarga dan masyarakat pasca pandemik. Sedia laporan dikeluarkan pelbagai agensi termasuk *United Nations Population Fund* (UNFPA) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menunjukkan golongan wanita lebih terbeban dengan kesan negatif akibat pandemik ini. Realitinya, lebih 70% petugas barisan hadapan yang kini bertungkus lumus merawat pesakit COVID-19 juga adalah terdiri daripada wanita. Majoriti wanita termasuk suri rumah dibebani tekanan berganda sepanjang tempoh PKP akibat pelbagai bebanan tugas dan penyesuaian yang harus dilakukan dalam kehidupan berkeluarga. Ini termasuklah menjaga keluarga, suami, anak-anak dan ibu bapa yang uzur, membantu PdPR anak-anak di rumah, menguruskan keperluan seharian di samping perlu menyelesaikan tugas pejabat bagi yang bekerja dari rumah. Ada juga yang hilang mata pencarian kerana bekerja secara harian.

Ini saya dapati amat kerap berlaku khususnya ketika menyantuni rakyat kawasan Maharani bagi mengagihkan bantuan bakul makanan. Isi rumah yang diketuai oleh wanita pula lebih teruk terkesan kerana mereka pada masa yang sama menanggung sebahagian besar beban tanggungjawab mencari nafkah serta menjaga keluarga. Dalam aspek pengupayaan wanita dan masyarakat, penggubalan dasar negeri dan wacana umum pasca pandemik ini mesti mengambil kira isu keperluan serta kesan pandemik COVID-19 ke atas wanita dan kanak-kanak setiap daerah, terutamanya dalam keluarga berpendapatan rendah.

Maharani mencadangkan yang pertama, wanita dilibat urus dalam setiap perancangan pelaksanaan tindakan menangani wabak dan pemulihan sosio ekonomi negeri. Kedua, di saat fokus dan sumber negeri terarah kepada ekonomi dan kesihatan awam dan pencegahan wabak, aspek pengupayaan wanita menjadi semakin kritikal. Tidak cukup dengan bantuan tunai *One-Off*, bakul makanan serta keperluan asas, tetapi program pemerkasaan dan pengupayaan wanita harus terus diberikan perhatian khususnya melengkapkan golongan wanita menempuh cabaran pandemik dan mempelajari kemahiran baharu. Yang ketiga, bagi membantu para ibu yang harus kembali bekerja di tempat kerja dan sesi persekolahan yang bakal bermula, kerajaan negeri harus bertindak meringankan bilangan kemudahan dan akses pusat asuhan kanak-kanak. Yang keempat, bantuan tunai sara hidup bulanan dan psiko sosial kepada isi rumah yang diketuai ibu tunggal wanita, ibu tunggal dan ibu tinggal dan warga emas tinggal sendiri sekurang-kurangnya sehingga imuniti kelompok dicapai di seluruh negeri.

Yang kelima, aspek perlindungan wanita juga harus terus dipastikan lebih-lebih lagi Maharani mengambil maklum statistik keganasan rumah tangga dilaporkan di Johor sehingga kini 2021 melebihi 50 kes. Kerajaan negeri dicadangkan memohon peruntukan kerajaan persekutuan dalam Belanjawan 2021 untuk penubuhan pusat perlindungan sosial setempat atau sekurang-kurangnya diwujudkan di setiap daerah di negeri Johor bagi melindungi wanita dan kanak-kanak mangsa keganasan. Yang keenam, peruntukan dana khas diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita dan badan-badan komuniti dalam negeri Johor sebagai barisan hadapan mencegah keganasan dalam komuniti untuk memberi bantuan segera kepada wanita, kanak-kanak dan warga emas mangsa penderaan dan keganasan. Yang ketujuh, kerajaan negeri harus mewujudkan skim perlindungan dan penjagaan khusus bagi perlindungan kanak-kanak yang kematian ibu bapa dan penjaga akibat COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Maharani ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan atas usaha dan pengorbanan mereka dalam

memerangi pandemik COVID-19 ini. Kita menyedari bahawa ucapan terima kasih sahaja tidak memadai berbanding pengorbanan besar yang telah dilakukan oleh para *frontliners*. Setelah lebih setahun para *frontliners* sama ada petugas kesihatan termasuk doktor kontrak, polis dan tentera serta pasukan beruniform lain, pekerja pembersihan, sukarelawan di pusat kuarantin dan PPV tetap gigih berkhidmat demi keselamatan kita semua. Sokongan kepada barisan hadapan ini sewajarnya melangkaui ucapan terima kasih, lukisan mural dan penghargaan tetapi sokongan kewangan dengan penggandaan elaun dan insentif bagi memastikan mereka terus kekal fokus di samping sokongan psiko sosial menangani tekanan mental dan keletihan melampau.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat.

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok (Maharani) : Cadangan daripada Maharani, memberi elaun khas sebagai tambahan kepada elaun yang diberikan kerajaan persekutuan kepada semua petugas barisan hadapan di negeri Johor termasuk doktor kontrak dan pekerja pembersihan serta proses permohonan elaun dimudahcara.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menjelang suku terakhir tahun 2021 ini fokus kerajaan seharusnya tentang pemulihan dan pembinaan semula pasca pandemik, menekankan semula pembinaan masyarakat yang lebih holistik bukan semata-mata kemakmuran ekonomi. Pembinaan semula dan pemulihan ini hanya dapat direalisasikan dengan lebih berkesan berdasarkan kerjasama rentas parti yang selari dengan aspirasi rakyat dan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Ucapan dan doa jazakallah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menambah peruntukan tambahan kepada semua ADUN dan penyelaras DUN pada tahun ini, semoga kita terus melaksanakan politik khidmat yang akan memberikan manfaat kepada rakyat yang khususnya yang terkesan dengan COVID-19. Sekian wallahi taufik walhidayah wasaalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Maharani. Seterusnya, saya jemput Penggaram, jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram sedih apabila terdapat ibu-ibu mengandung yang meninggal dunia akibat COVID. Lebih menyayatkan hati apabila anak yang baru dilahirkan kehilangan sentuhan seorang ibu yang sedang berjuang melawan COVID. Apa berlaku dari Mac 2020 sehingga 9 Ogos 2021, sebanyak 70 kes kematian ibu hamil direkodkan. Lebih membimbangkan 63 kes tersebut direkodkan dalam tempoh dua bulan terakhir ini setakat 8 hari bulan Ogos. Penggaram ingin mengetahui di negeri Johor sehingga kini, berapakah jumlah rekod ibu hamil dan berapakah jumlah ibu hamil sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin?

Sehubungan dengan itu, Penggaram mencadangkan kepada kerajaan agar para ibu hamil dan menyusu diberikan kemudahan untuk mendapatkan vaksin di klinik kesihatan atau klinik desa ketika menjalani pemeriksaan bulanan untuk ibu mengandung dan bayi. Selain mampu melancarkan penerimaan vaksin, mereka akan lebih yakin apabila mereka mendapat khidmat nasihat daripada *authority* yang mempunyai *personal touch* dengan mereka iaitu jururawat-jururawat di klinik ibu dan bayi. Selain itu, cadangan ini juga sekali gus meringankan bebanan para ibu mengandung dan menyusu yang terpaksa menunggu giliran di pusat pemberian vaksin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Penggaram maklum apabila kerajaan mula melaksanakan pemberian vaksin kepada masyarakat secara *walk-in*, dengan izin. Saya anggap ini adalah satu langkah yang bagus sebab program vaksinasi secara *walk-in* ini untuk menggalakkan bangsa Johor yang tercicir atau masih belum menerima temu janji. Dukacitanya,

Penggaram mendapati program vaksinasi *walk-in* ini yang sepatut menjadi galakan serta memberi manfaat kepada warga negara khususnya bangsa Johor telah diambil kesempatan oleh para majikan untuk menghantar pekerja-pekerja asing secara beramai-ramai.

Di sini, Peggaram ingin bertanya pendirian kerajaan Johor terhadap keperluan program PICAS yang telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan bagi kemudahan pekerja-pekerja swasta termasuklah pekerja asing dan apakah langkah kerajaan negeri Johor untuk membantu majikan yang belum dapat balasan daripada permohonan mereka?. Saya tidak menafikan bahawa pekerja asing berhak dan perlu divaksin, tetapi ianya perlu dilaksanakan secara lebih teratur, sistematik dan adil bagi semua pihak terutama Bangsa Johor. Lambakan pekerja asing yang dihantar oleh majikan ke PPV bagi mendapatkan vaksin secara *walk-in* secara tidak langsung telah mengetepikan peluang masyarakat setempat dan menakutkan masyarakat setempat untuk keluar secara *walk-in* dan ini telah menggagalkan matlamat *walk-in*. Fenomena pekerja asing mendapatkan vaksin bukanlah baru dan ia telah berlaku di PPV Yong Peng dan UTHM pada hujung Julai dan juga awal Ogos.

Peggaram ingin bertanya dan menggesa kerajaan menyiasat adakah terdapat campur tangan dari mana-mana pihak di dalam mengatur pemberian vaksin kepada pekerja asing sehingga mendahului warganegara. Semalam, 5 September sekurang-kurangnya 6 buah bas telah membawa pekerja asing bagi mendapatkan vaksin secara *walk-in* di Dewan Terbuka Taman Hajar, Batu Pahat. Peggaram amat berdukacita kerana kita sedia maklum masih ramai lagi warganegara yang menantikan temu janji bagi mendapatkan vaksin terpaksa bersaing dengan warga asing di program vaksinasi secara *walk-in*. Tambahan lagi pekerja-pekerja asing tersebut telah mendapat vaksin secara percuma, sedangkan jika melalui PIKAS, bayaran akan dikenakan sebanyak RM90.00 untuk seorang. Lebih mengecewakan lagi terdapat warganegara kita yang terpaksa membayar vaksin kerana terlalu lama menunggu temu janji. Peggaram berharap kerajaan dapat memantau perkara ini sewajarnya, agar tiada pihak yang memanipulasi pemberian vaksin secara *walk-in* sama ada mendapat sebarang habuan bagi mengatur pemberian vaksin kepada pekerja asing.

Pada masa yang sama, kerajaan harus memikirkan tentang pemberian vaksin kepada bangsa Johor yang berusia 18 tahun ke bawah. Rekod pada 4 September, mendapati sebanyak 249 kes COVID dilaporkan di daerah Batu Pahat dan 72 kes daripada adalah warganegara di bawah umur 18 tahun iaitu hampir 29%. Kita sedia maklum KPM akan memulakan sesi persekolahan pada 3 Oktober. Melihat dari situasi pandemik ini, Peggaram menyampaikan kebimbangan para ibu bapa yang masih risau untuk membenarkan anak-anak mereka ke sekolah sekiranya anak-anak mereka belum di vaksin. Kerajaan harus memikirkan nasib anak-anak bangsa Johor yang berumur 18 tahun ke bawah kerana mereka akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi. Apakah langkah kerajaan untuk menjamin keselamatan anak-anak kita yang akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Peggaram sentiasa menerima keluhan dan rintihan daripada bangsa Johor yang meluahkan rasa terkesan dengan pandemik COVID. Peggaram maklum pandemik juga telah menjejaskan ekonomi dan taraf kehidupan bangsa Johor khususnya B40 dan M40. Banyak bebanan kewangan terpaksa mereka tanggung. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu golongan tersebut dalam memulihkan perniagaan mereka dan Peggaram mencadangkan agar dalam Bajet 2022 kerajaan dapat mengurangkan cukai pintu sebagai langkah mengurangkan bebanan rakyat.

Peggaram sekali lagi ingin menyentuh isu permit khas ternakan ayam di dalam Dewan yang mulia ini. Peggaram ingin mengetahui adakah kerajaan mempertimbangkan semula pelaksanaan perkara ini dari pelbagai sudut termasuk mendengar pendapat dan pandangan para pengusaha ladang terbuka di dalam melaksanakan permit khas ternakan ayam? Pembinaan sesebuah reban ayam sistem tertutup menelan kos jutaan ringgit. Perkara ini membebankan penternak ayam kecil dan sederhana apatah lagi tiada jaminan pelaburan yang jelas oleh kerajaan kepada mereka. Isu penggunaan sumber kuasa kos

yang tinggi, perkakas yang mahal, penyelenggaraan yang rumit dan sebagainya akan membunuh penternak kecil dan sederhana lantas menyebelahi syarikat-syarikat besar untuk memonopoli pasaran. Hal ini akan memberi kesan terhadap harga pasaran ayam daging dan telur. Penggaram berharap kerajaan mempertimbangkan semula pelaksanaan permit khas ternakan ayam ke atas pengusaha dan penternak agar ia tidak mencekik mereka khususnya ketika musim pandemik ini.

YB Speaker : 1 minit lagi Yang Berhormat.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Ha, tak boleh nafas (ketawa). Yang Berhormat..

YB Speaker : Minum dulu Yang Berhormat, minum dulu.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini Penggaram ingin membawa sedikit isu-isu tempatan yang berbangkit khususnya di kawasan Penggaram iaitu berkaitan isu bangunan Pusat Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti Penggaram yang didapati tidak selamat berikutan struktur bangunan yang sedang dimakan anai-anai. Penggaram memohon jasa baik kerajaan untuk memandang serius isu ini di mana kita tahu PDK menempatkan sebilangan pelatih Orang Kelainan Upaya. Ketiga, eh *sorry*, mengenai Projek Jalan kampung Rahmat, Penggaram ingin kepastian bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya? Begitu juga apakah status rancangan negeri terhadap memperbaiki kaedah persimpangan tiga di Jalan Tanjung Labuh, Jalan Kampung Rahmat setelah ia bermula berfungsi?

Penggaram berharap kerajaan memperuntukkan kepada JPS dan JKR bagi mereka menjalankan kerja penyelenggaraan parit dan saliran secara besar-besaran. Ini bagi mengelakkan Batu Pahat dilanda banjir ialah hingga memaksakan pembukaan Pusat Pemindahan Mangsa Banjir dalam ketika pandemik COVID. Yang akhir, Penggaram ingin mengetahui apa masalah utama bagi PKRC Tanjung Labuh sehingga sekarang tidak dapat diguna pakai. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Penggaram. Seterusnya saya persilakan Paloh. Jemput, Paloh.

YB Tuan Haji Sheikh ‘Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahiwalhamdulillah. Pertama sekali Paloh ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga menjunjung kasih ke bawah Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah, bersempena perasmian Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 ini.

Dalam masa yang cukup ringkas ataupun singkat ini, Paloh ingin mengangkat beberapa perkara secara ringkas sahaja. Pertamanya, berkaitan dengan prestasi vaksinasi COVID-19 di negeri Johor ini. Paloh ingin merakamkan ucapan tahniah atas usaha keras yang dijalankan oleh kerajaan, *frontliners* dan juga semua pihak yang terlibat kerana suka atau tidak suka, dalam tempoh satu ke dua hari ini, Johor telah pun keluar daripada *ranking* tiga terbawah jumlah kumulatif vaksinasi dan Alhamdulillah dos pertama sudah pun melebihi capaian 80%, dos kedua sudah pun melebihi capaian 50%. Tahniah diucapkan.

Yang kedua Tuan Speaker, Paloh ingin menyatakan dalam ketika kita berbahas di Dewan yang mulia ini, sebenarnya ada banyak lagi angka-angka yang membimbangkan kita. Antaranya ialah berdasarkan laporan sosioekonomi 2020, Jabatan Statistik Negara yang telah pun diterbitkan menyatakan bahawa kadar pengangguran di negeri Johor ini telah meningkat kepada 3.5% pada tahun 2020. Ini 2020 ya, tak masuk 2021 lagi. Iaitu meningkat 0.8% berbanding kadar pengangguran pada tahun 2019 iaitu sekadar 2.7% sahaja. Ini di negeri Johor penganggurannya. Kalau kita lihat daripada pecahan siswazah di negeri Johor pula, yang terkesan teruk apabila kadar pengangguran dalam kumpulan ini meningkat kepada 4.0% pada tahun 2020, berbanding 3.5% pada tahun 2019. Ini siswazah

di negeri Johor yang terjebak dalam kancang pengangguran. Ini bermaksud anak muda atau siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan di negeri Johor jauh lebih tinggi berbanding kadar pengangguran di peringkat negeri iaitu 3.5% pada tahun 2020. Kalau kita lihat purata gaji dan juga upah bulanan pula, pada tahun 2020, di seluruh Malaysia, purata gaji dan upah bulanan menurun daripada RM3,224.00 kepada RM2,938.00 iaitu -9.0% menurun. Bagi negeri Johor purata gaji dan upah bulanan bagi pekerja di Johor menurun sebanyak 13% kepada RM2,840.00 pada tahun 2020 berbanding tahun 2019, RM3,266.00. Jadi, kita boleh lihat daripada angka ini penurunan kadar purata gaji di Johor adalah jauh lebih tinggi berbanding kadar di peringkat nasional. Ini adalah impak daripada Perintah Kawalan Pergerakan dan bermacam-macam perintah lagi termasuklah perintah yang kita dengar dan sehingga hari ini kita lihat gagal, darurat yang telah pun dilaksanakan.

Kedudukan Malaysia dalam indeks daya tahan COVID-19 pula daripada *Bloomberg* melaporkan telah menurun daripada tangga ke-16. Ini kadar, ini indeks daya tahan COVID-19, telah menurun daripada tangga ke-16 pada Januari 2021 kepada kedudukan ke-51 pada bulan Jun yang lalu daripada keseluruhan 53 buah negara. Ini adalah angka-angka yang membimbangkan. Saya tidak menyebut banyak berkaitan dengan COVID secara langsung kerana saya fikirkan, Paloh fikirkan bahawa ada juga isu-isu lain, kesan ataupun dampak daripada pandemik COVID-19 termasuklah di negeri Johor ini.

Pada masa yang sama, di kalangan rakyat juga melihat bahawa di sana wujud *trust* defisit. Mula wujud pengurangan kepercayaan rakyat terhadap ahli politik. Saya meminjam satu tamsilan cereka yang dikisahkan oleh intelektual Malaysia yang telah pun meninggalkan kita akibat COVID eh, meninggal dunia minggu lalu, Profesor Dato' Dr. Sidek Fadzil. Dia bawa satu cereka yang ringkas, dia kata alkisah di negeri pasir berdengung, telah pun menang dengan bergaya seorang Dato' Seri menjadi Perdana Menteri, dia panggil tiga orang calon untuk menjadi menteri kabinet dia. Calon yang pertama masuk, dia tanya wahai calon, saya nak soal kamu sebelum saya angkat kamu menjadi menteri saya. Berapakah jawapannya jika 2×2 ? Ahli-Ahli Yang Berhormat berapa jawapannya 2×2 ? Calon yang pertama ini dia kata $2 \times 2 = 4$. Dia kata betul ke $2 \times 2 = 4$? Dia kata betul. Ini prinsip kita, dia kata gitulah lebih kurang ya, $2 \times 2 = 4$. Dia kata kalau $2 \times 2 = 4$ awak boleh keluar dulu. Calon yang kedua masuk dia kata 2×2 berapa? Dia kata, Dato' Seri menurut perkiraan politik 2×2 boleh jadi 2 ataupun 2×2 boleh jadi 3, 4 atau 5. Menurut perkiraan politik. Dato' Seri yang diangkat menjadi Perdana Menteri tadi sudah mula berasa kagum sikit. Naik calon yang ketiga, Dato' Seri Perdana Menteri tanya kalau 2×2 berapa jawapan kamu? Yang ini paling hebat sekali. Dia kata 2×2 jawapan saya ialah ikut berapa Dato' Seri mahu dia kata, kita boleh bagi berapa jawapannya. Maksudnya dia kata 2×2 boleh jadi berapa ikut apa yang Dato' Seri mahu? Dan yang akhirnya di angkat menjadi menteri adalah calon yang ketiga ini. Ini cerita di sebuah negara Pasir Berdengung. Kita harap perkara yang sama tidak berlaku di negeri Johor yang kita cintai.

Justeru, di negeri Johor ini kita harus menjadi contoh dan kita telah pun menjadi contoh. Saya masih ingat Dato' Menteri Besar dalam sidang Dewan yang lalu, mengangkat tema Rakan Strategi. Mengatakan bahawa di peringkat pembangkang mahupun kerajaan tidak ada bezanya dalam proses memajukan negeri Johor yang kita cintai ini. Kesannya apa? Diambil beberapa langkah, antaranya ialah yang pertama diberikan peruntukan kepada semua ADUN-ADUN tanpa mengira daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang yang mesti kita ucapkan terima kasih kerana ianya adalah demi bukan *survival* politik pada saya ianya ialah demi kepentingan rakyat yang kita wakili di kawasan masing-masing. Terima kasih.

Yang kedua, apa yang boleh lakukan daripada tema Rakan Strategik ini, iaitu penglibatan ADUN-ADUN termasuklah ADUN-ADUN pembangkang yang telahpun disebut oleh Kota Iskandar dan sebagainya, bahawa penglibatan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah perlu dilibatkan semua Wakil Rakyat tidak mengira latar belakang mereka daripada parti pemerintah atau parti pembangkang. Saya ucapkan terima kasih kerana di beberapa daerah saya yakin telah pun terlaksana tetapi saya pusing ke kanan kiri ada setengah-

setengah daerah yang belum terlaksana. Kalau ucapan saya ini dilihat penting oleh Dato' Menteri Besar dan seluruh barisan kabinetnya di negeri ini barisan EXCONya saya, Paloh ingin mengangkat sekali lagi cadangan ini agar dilaksanakan semua Wakil Rakyat tidak kira pembangkang atau kerajaan di masukan ke dalam mesyuarat JKTD demi apa? Demi kepentingan rakyat. Saya bawa sifir yang mudah, pembangkang ada 27 kerusi, kerajaan ada 29 kerusi hampir terlalu nipis perbezaannya. 27 kerusi ini mewakili hampir separuh daripada bangsa Johor di negeri ini. Menafikan Wakil Rakyatnya membawa pandangan ke dalam JKTD seolah-olah kita menafikan separuh daripada bangsa Johor yang diwakili oleh Wakil-Wakil Rakyat daripada pembangkang untuk mengangkat suara rakyat ke dalam peringkat daerah. Dan, kita harus akui dalam keadaan sekarang ini banyak isu yang dihadapi oleh rakyat.

YB Timbalan Speaker : 1 minit.

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh) : Saya dah nak habis puan Speaker. Pertama peruntukan terima kasih, kedua JKTD, yang ketiga dilibatkan bersama dalam kerangka rakan strategi dilibatkan bersama dalam jawatankuasa-jawatankuasa dalam membentuk hala tuju dan perancangan di peringkat negeri. Kalau boleh buat ini, saya ingat Johor juaralah. Saya ingat negeri lain pun malu dengan Johor, eh. Pembangkang dan kerajaan boleh bersatu hati dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang dibina, yang paling mudah saya lontarkan di sini kalau boleh *pick up* terus iaitu sewaktu ingin pelaksanaan bajet, kita bukan sahaja dijemput untuk mendengar. Kita dah dijemput dah beberapa kali yang lepas dan beberapa sesi tetapi untuk mendengar dan bertanya sahaja. Kalaulah kita boleh dijemput sama dalam proses melakar hala tuju ini, dalam proses pembuatan hala tuju ini, yang terdekat adalah bajet Johor itu adalah *the best I think among others states* kalau kita boleh laksanakan dengan izin. Justeru, saya nyatakan perkara ini amat penting demi bangsa Johor. Saya ambil contoh jiran saya, Johor Jaya, dalam masa 2 bulan 30,000 *pack* makanan tengah hari, saya ulang dalam masa 2 bulan 30,000 *pack* makanan tengahari di edarkan oleh Pusat Khidmat Johor Jaya. Kalau kita bahagikan kepada harian satu hari 500 *pack* makanan tengah hari yang diberikan kepada rakyat yang memerlukan. Kawasan dia di mana? Kawasan dia kawasan Johor Jaya diwakili oleh ADUN pembangkang, suara-suara ini mesti diangkat ke dalam JKTD dan suara-suara mewakili kawasan pembangkang, Wakil-Wakil Rakyat pembangkang harus di bawa masuk dalam merangka pelan ekonomi paling dekat adalah bajet Johor yang akan kita hadapi pada masa terdekat ini.

Jadi, saya rasa Paloh mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini dan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Kemelah.

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor (Kemelah) : Bismillahirrahmanirahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Kemelah ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berangkat ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Sekali lagi negeri Johor menempah sejarah tahun 2021 kerana negeri pertama memulakan sidang Dewan Negeri dalam keadaan negara dan dunia dilanda wabak COVID-19 yang amat dahsyat. Kemelah juga ingin menjunjung kasih atas keprihatinan Tuanku Sultan menitah pada 20 Mei 2021 ketika Ordinan Rang Undang-Undang Darurat masih berkuat kuasa, agar perbincangan melibat semua Ahli Parlimen dan ADUN negeri Johor diadakan bagi memberikan buat fikiran dan pandangan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bangsa Johor.

Kemelah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Hasni bin Mohamad yang telah berbesar hati menyalurkan peruntukan tambahan RM150,000.00 kepada semua 56 ADUN di negeri Johor. Kemelah berharap kerajaan negeri melanjutkan usaha kerjasama ini dengan mengadakan

musyawarah di peringkat negeri dan daerah melibatkan semua Wakil Rakyat dibuat secara bulanan bagi membincangkan kaedah terbaik memulihkan keadaan kehidupan sosial dan ekonomi rakyat Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, peperangan kita terhadap wabak COVID-19 masih jauh. Di kalangan kita masih terdapat segelintir masyarakat yang masih belum yakin vaksinasi sebagai jalan penyelesaian keluar dari kemelut COVID-19. Libat urus dengan golongan ini perlu di terus dengan cara yang baik, hujah yang mantap, ketelusan dalam fakta dan data, dan penuh kasih sayang. Yang Berhormat Puan Speaker, varian Delta dengan R-Naught 5 ke 7, hingga ke-7 telah menjadi *game changer* dalam usaha memerangi wabak COVID-19. Namun hasil pemerhatian kita di dalam luar negara dan dalam negara telah menunjukkan keberkesanan vaksin untuk mengurangkan risiko COVID-19. Contohnya, kita lihat negeri Sarawak telah mencapai 63.1% dos penuh bagi penduduk 18 tahun ke atas sehingga 31 Ogos tahun ini. Pada 1 September lebih 70% dari 978 Delta Varian yang dikesan dalam negara adalah terletak di negeri Sarawak dan disebabkan oleh kadar vaksinasi yang tinggi, kita lihat dari data yang ada pada 26 Ogos 2021, 99.8% dari 2,240 warga Sarawak yang positif COVID hanya berada pada tahap 1 dan 2.

Johor perlu terus meningkatkan tahap vaksinasi agar semua rakyat mendapat perlindungan yang baik. Kita perlu ingat, mutasi virus COVID-19 mudah berlaku apabila virus masih berlegar dengan aktif di dalam masyarakat. Kita masih belum boleh rehat kerana di depan kita masih banyak cabaran melawan wabak COVID-19. Pada 31 Ogos lepas Badan Kesihatan Dunia (WHO) telah menamakan satu varian baru COVID-19 *miu* sebagai varian *interest*. *Miu* mempunyai ciri yang berpotensi melepasi imuniti walaupun kita telah di vaksinasi.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerisauan banyak pihak khususnya ibu bapa dan guru adalah penularan virus di kalangan anak-anak khususnya apabila sesi persekolahan secara bersemuka bermula. Kita masih belum memasuki fasa vaksinasi bagi anak-anak 12 tahun sehingga 18 tahun ke bawah. Tahun ini melihat peningkatan kematian di kalangan anak-anak di bawah umur 17 tahun dengan 141 kes kematian sehingga kini berbanding dengan 6 sepanjang tahun 2020. Satu peningkatan yang begitu besar. Kita juga menghadapi cabaran penurunan tahap imuniti vaksin setelah satu tempoh masa. Di beberapa negara vaksin ketiga mula diberi bagi golongan 60 tahun ke atas dan mereka yang punyai morbiditi setelah capai tempoh masa 6 hingga 8 bulan. Sehingga betul-betul wabak pandemik COVID-19 bertukar menjadi endemik bagi seluruh rakyat Malaysia, selagi itu peperangan kita tidak akan selesai. Perkongsian data yang lebih perinci bagi mereka yang diserang COVID-19 seperti peringkat umur, mengikut tahap peringkat keseriusan mengikut negeri dan daerah serta peratusan penerimaan vaksin mengikut daerah perlu dikongsi untuk analisa yang lebih perinci. Ini dapat membantu dalam usaha meyakinkan orang ramai keberkesanan vaksin serta perancangan proaktif melawan COVID-19.

Yang Berhormat Puan Speaker, kesan pandemik dan PKP telah memberi kesan terhadap sistem pendidikan negara. Menurut sistem pemantau PdPR negeri Johor yang dikemas kini sehingga 6 petang, 8 Julai 2021 hanya 50.46% murid berada atas talian untuk pembelajaran. Sementara 22.34% pelajar tidak mengikut PdPR. Ini bermakna 1/5 dari pelajar di Johor tidak dapat mengikut proses pembelajaran. Di kawasan Kemelah sendiri kawasan yang terlibat sama ada satu mukim, iaitu mukim Pogoh yang sehingga kini tidak mempunyai infrastruktur capaian internet yang baik. Perkara ini Kemelah telah suarakan kepada pihak SKMM sejak tahun 2019, namun sehingga kini masih belum mendapat apa-apa maklum balas yang positif.

Yang Berhormat Puan Speaker, dasar dan polisi yang baik amat diperlukan dalam memulih negeri dan negara. Pada bulan November tahun lepas, kerajaan menarik balik pengecualian dasar *cabletech* menyebabkan syarikat gergasi dunia *Apricot*, *Facebook* dan *Google* mengecualikan Malaysia dalam projek pemasangan kabel bawah laut yang baru. Projek ini bakal menguntungkan negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia.

Menurut pakar ekonomi Malaysia akan kehilangan pelaburan bernilai berbilion ringgit akibat tindakan pemain global besar tersebut. Kemelah ingin bertanya adakah dasar ini memberi impak dan kesan terhadap *Johor Digital Master Plan*? Apakah kesannya pula terhadap Projek Pusat Data *Microsoft* di daerah Kulai yang dikatakan telah 40% siap dan bakal menjana peluang pekerjaan sekitar 173,000 orang sebagaimana yang disebut oleh laman berita Channel Asia. Mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh memberi sedikit pencerahan berkaitan perkara ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, Kemelah ingin membangkitkan terdapat rungutan daripada kalangan imam yang baharu serta bilal dan noja khususnya di dalam daerah Segamat yang sehingga kini masih belum lagi menerima elaun mereka. Walaupun mungkin jumlah elaun itu sedikit, namun ia dapat memberi bantuan khususnya dalam keadaan sara hidup yang sempit semasa pandemik COVID ini. Saya harap dan kita berdoa bersama-sama supaya kita dapat berusaha bersama-sama memerangi wabak COVID-19. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Berselawat.) Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk sama-sama merafak sembah menjunjung kasih kepada Baginda Tuanku Sultan Ibrahim kerana sudi untuk memberikan ucapan merasmikan Dewan yang mulia pada kali ini.

Tuan Speaker, saya mungkin bermula dengan beberapa perkara yang penting di saat kita masih lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini. Kita cuba untuk mencari satu jalan penyelesaian yang tuntas supaya rakyat didahulukan, negara mesti dipulihkan dan kita akan dapat meneruskan khidmat kita sebagai Wakil Rakyat yang akan kembali diuji oleh rakyat dalam PRU yang akan datang. Kita rasa kita perlu menamatkan apa yang dikatakan *game of numbers*, tidak perlu lagi kita untuk memikirkan siapakah Perdana Menteri, siapakah Menteri Besar yang entah kali yang ke berapa. Saya rasa apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Gambir dan juga Pagoh menjadi suatu pelajaran dan bukan bahan untuk ditertawakan. Satu hari kita mengkhianati, satu hari juga kita boleh dikhianati.

Dalam tempoh 25 tahun negara merdeka, kita mampu melihat tiga Perdana Menteri. Kali ini, tak sampai tiga tahun, selepas PRU yang ke-14, kita ada tiga Perdana Menteri. Dan mungkin yang ke-10, wanauzubillah. Demikian juga dalam DUN yang mulia ini, kita ada tiga Menteri Besar dan kita tak mahu ada lagi Menteri Besar yang seterusnya. *Game of numbers* ini mesti ditamatkan dengan kita meletakkan nilai-nilai dan asas-asas yang kukuh yang sama-sama mungkin kita boleh pelajari di mana kita akan memberikan segala keutamaan dan fokus kepada mengembalikan kesihatan rakyat dan memulihkan ekonomi negara. Rakyat semakin susah, kelaparan dan kebuluran di ambang penderitaan dan saya cukup bimbang kalau kita tidak boleh menamatkan peperangan besar ini, rakyat akan lapar.

Kita belajar daripada Jakarta, di akhir kejatuhan Suharto. Bila bapak tidak lagi tahan mendengar tangisan anak-anak, bila anak-anak tidak boleh lagi tahan mendengar tangisan ibu yang kelaparan, maka mereka keluar ke jalan raya, memecahkan kedai-kedai dan gudang-gudang, *when people take a law into their own hand, we are in trouble*. Sekarang ini rakyat sedang menderita dan kami Pakatan Harapan di peringkat federal cuba untuk mencari jalan penyelesaian dengan beberapa persefahaman *reform* yang mungkin kita boleh persetujui bersama. Yang pertama adalah tentang bagaimana kita minta satu suntikan khas RM45 bilion. Suntikan ini mesti disegerakan, ia tidak memerlukan komitmen daripada Parlimen, tidak perlu ada lagi karenah birokrasi, kerana inilah di bawah punca kuasa ataupun *diction*, dengan izin, Perdana Menteri. RM45 bilion ini adalah untuk rakyat, untuk COVID. Sebenarnya kita 6 bulan terkebelakang dari segi menjalankan vaksinasi kepada rakyat. *We are 6 month behind times*. Ini mengikut laporan daripada *Bloomberg* dan jurnal-jurnal ekonomi antarabangsa akibat daripada karenah birokrasi dan ada pihak yang

menjadikan vaksin sebagai komoditi untuk mengayakan diri sendiri. Janganlah rakyat diperjudikan ataupun jangan rakyat dipermainkan dengan isu-isu yang remeh seperti ini lagi.

RM45 bilion ini akan kita cuba letakkan di bawah satu Jawatankuasa Khas Parlimen yang dianggotai oleh Ahli-Ahli Parlimen bi-partisan, untuk kita pastikan RM45 bilion ini akan sampai ke setiap negeri-negeri dan daerah-daerah. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan ingin melanjutkan tadi ucapan daripada Paloh yang saya harap di mana kita daerah Muar, tak apa saya sebut yang baik, DO Muar, dia antara DO yang saya rasa boleh memberikan kerjasama yang baik. Saya mintalah Dato' SS dengar-dengar saya puji ni, pembangkang puji, DO ni nanti diambil tindakan. Yang baik kita katakan baik dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Parlimen Muar, Pagoh, Bakri kita memberikan kerjasama kepada PPV.

Kita mendengar projek ataupun belanjawan rangsangan ekonomi diutarakan bilion-bilion ringgit. Tetapi bila PPV ini wujud, tak ada komputer riba, tak ada peralatan tulis, minta itu dan ini, dan kami ADUN-ADUN memberikan sumbangan. Saya tidak, kita tidak kesal dengan kita memberikan sumbangan kita ada peruntukan, tapi mana dia bilion-bilion ringgit itu? Dan kali ini, RM45 bilion yang kami cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti diselenggarakan oleh Jawatankuasa Khas Parlimen bi-partisan. Setiap sen duit itu kita akan percepatkan untuk kita yang pertama, memberikan vaksinasi *herd humanity* mesti mencapai matlamatnya, yang keduanya kita dapat memulihkan ekonomi kita, insya-Allah dalam tempoh masa yang terdekat.

Rakan saya Yang Berhormat Parit Yaani, dalam ucapannya telah mengajak kita semua untuk menjadi tokoh-tokoh negarawan yang berkelas dunia, Mahatma Gandhi, Mehru di India, Nelson Mandela, kita harus pergi pada tahap pemikiran politik rentas sempadan, rentas ideologi. Tetapi kita juga minta supaya semua ini berasaskan pada suatu landasan yang kukuh, suatu platform di mana kita ini benar-benar adalah merupakan *law makers, we are the law makers*. Sama ada kita sebagai Ahli Parlimen, kita sebagai ADUN, kita adalah pembuat dasar, kita bukan pelacur politik. *We are not political prostitute*. Sebab itu kita punya peranan, kita mahu untuk menjadikan Dewan Undangan Negeri Johor ini sebagai satu contoh, saya dan rakan-rakan di sini bersedia untuk menjadi pemangkin, menjadi individu-individu, DO-DO di seluruh negeri Johor mestilah memberikan kerjasama, melantik kita dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya kita boleh *contribute*. Akan ada di kalangan kita yang akan mendapat malu kalau ADUN-ADUN duduk dalam JKPD untuk minta projek, bawak proposal minta bajet, itu bukan kerja kita, kita nak duduk dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk kita bawa isu rakyat, DO bersama memikirkan tentang masalah rakyat, meringankan atau mengurangkan karenah birokrasi dan inilah yang insya-Allah akan kita cuba memberikan sumbangan yang terbaik, kalau Johor ingin menjadikan contoh.

Dan secara objektif, kita boleh memberikan pujian kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang paling tidak pun boleh memberikan peruntukan kepada kita yang akhirnya kita semua itu kita berikan kepada rakyat. RM150,000.00 bukan masuk dalam akaun peribadi kita, masuklah akaun Pusat Khidmat kita yang akan diaudit yang kita semua tak nak digari oleh SPRM kerana isu wang yang sebanyak ini, kita mahu semua duit itu atau wang itu kita belanjakan untuk rakyat.

Yang keduanya, kita akan minta lagi RM10 bilion kepada Perdana Menteri untuk apa, untuk kita memberikan rangsangan kepada golongan-golongan belia yang hilang pekerjaan, pada mereka kumpulan-kumpulan SME yang terpaksa kedai-kedai mereka, kilang-kilang kecil mereka ditutup, moratorium tiga bulan mesti diberikan serta-merta tanpa faedah. RM10 bilion ini akan diperjuangkan.

Ini asas yang saya rasa mesti kita perjuangkan bersama dan doakan insya-Allah usaha kami ini, namakan apa sahaja tentang dokumen ini dan saya hanya ingin menyebut di sini sebagai cadangan awal adalah memorandum persefahaman dan *reform* yang akan kita

minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dia memberikan suatu komitmen untuk rakyat. Dan sebagai pulangnya kita tak akan kacau lagi *game of numbers* ini. Ada pihak-pihak lagi yang meminta kita membilang-bilangkan lagi *numbers-numbers* ini, kita tidak akan berikan layanan. Pada 14 hari bulan September ini, itu terpulung kepada kerajaan baharu untuk bawa *good of confident*. Itu bukan *business* kita, itu bukan hal pembangkang. Tuanku Agong telah bertitah dengan jelas bahawa Perdana Menteri mesti membawa usul percaya dalam Parlimen. Walaupun ada riuh rendah di luar sana hari ini kata Peguam Negara kata tak payah, mungkin ada profesor-profesor yang mungkin diupah pula mengatakan tidak perlu, ini tidak betul dari segi Perlembagaan, ini bukan urusan kami. Tapi bagi kami...

YB Timbalan Speaker : Satu minit lagi.

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Simpang Jeram) : Tuanku telah bertitah, patuhlah. Jangan ajar benda-benda yang macam ini, nanti kalau hilang istilah derhaka dari kamus Melayu, ini penting untuk saya rakamkan dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian kita juga mahu pada satu yang akhir Speaker, tentang kita minta supaya timbal balik untuk faedah adalah akta atau rang undang-undang lompat parti mesti di bahas dan diluluskan dalam Parlimen, untuk kita akhiri episod lompat melompat ini. Saya menjunjung titah Tuanku Johor, dan saya setuju jangan Dewan ini menjadi sarang buruk, saya setuju. Ampun Tuanku, patik setuju. Dengan adanya akta lompat parti ini, insya-Allah, Dewan, Parlimen dan DUN tidak akan menjadi sarang buruk. Dan saya ingatkan lagi sekali *we are law makers*. Rakyat bawa kita ke mari sebagai pembuat dasar, meletakkan harga diri kita untuk kita berperanan di sini bukan untuk kita menjual kerusi. *In one breath*, ini isu rakyat Speaker, ada kampung, walaupun saya ni Simpang Jeram, ADUN Pulai Sebatang agak keuzuran, ada dua sungai. Sungai Ayer Baloi dan Sungai Sang Lang yang meminta satu kerja pembersihan dan ada empat lima kampung yang sekarang ini tak tunggu musim tengkujuh, dan bila hujan dua tiga jam, kampung ini amat terjejas. Terima kasih diatas peluang yang diberikan. Mudah-mudahan kita di sini memberikan banyak manfaat kepada rakyat dan rakyat akan menilai kita kembali pada PRU akan datang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam Perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 ini.

Pertama, izinkan saya merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua *frontliners* yang telah berkorban dan menyumbang masa serta tenaga sehabis-habisnya dalam masa kritikal ini. Setiap hari mereka terpaksa berdepan dengan masalah yang tidak berhenti seperti ombak yang memukul pantai. *It just keep coming and coming and coming*. Tapi walaupun letih walaupun penat mereka tidak pernah mengalah. Tiap-tiap hari tetap bangun dan mereka dan juga teruskan tanggungjawab mereka demi rakyat Malaysia. Terima kasih kepada kamu semua, awak semua adalah wira kami.

Kedua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah memberikan peruntukan sebanyak RM150,000.00 kepada semua ADUN tidak kira, kerajaan atau pun pembangkang untuk membantu rakyat di kawasan masing-masing. Hari itu Yang Berhormat Sri Medan kata dia tak dengar tepukan kita ya, so hari ini saya tepuk (Dewan bertepuk), saya harap Yang Berhormat Sri Medan dengar hari ini. Sememangnya *gesture* kami amat mengalu-alukan dan ini selaras dengan terma atau perkataan Rakan Strategik yang disebut oleh Menteri Besar Johor sendiri pada sidang bajet yang lalu.

Yang Berhormat Puan Speaker, walau bagaimanapun, saya rasa Rakan Strategik ini patut diberi tafsiran yang lebih meluas. Peranan seorang ADUN bukan sekadar edar sumbangan atau bakul makanan sahaja, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain dalam Dewan yang mulia ini, kita merupakan penghubung dan juga pelengkap kepada sistem kerajaan dan rakyat di bawah kawasan kami. Yang lebih penting dan bermakna adalah penglibatan kami di segi pentadbiran serta *decision making process* seperti JKTD dan Jawatankuasa Kesihatan COVID dan Jawatankuasa Pemulihan Ekonomi peringkat daerah dan negeri. Saya nak ulang sekali lagi, ini adalah pendirian yang telah dibawa hari ini juga oleh Yang Berhormat Kota Iskandar dari Amanah, yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Paloh daripada DAP dan oleh saya daripada Parti Keadilan, ini adalah satu permintaan daripada Pakatan Harapan kepada kerajaan di depan sana haraplah dengarlah suara rakyat dan pandangan kami untuk mempertimbangkan cadangan kami. Saya cukup percaya sekiranya kerajaan sebab saya pun tidak tahu nama dia apa, BN ke PN ke apa, saya panggil kerajaan campuran sahajalah. Saya percaya sekiranya Kerajaan Campuran di depan ini bersetuju dengan pandangan kami di sini tentunya semua ADUN boleh memainkan peranan yang lebih bermakna dan kalau kerajaan ajak kita sama-sama memerangi pandemik COVID, maka sama-samalah, jangan cakap sebut sahaja, kita patut terlibat dalam Jawatankuasa di atas.

Yang Berhormat Puan Speaker, hari ini isu yang paling ketara adalah berkaitan wabak pandemik COVID-19. Soalan pokoknya, macam mana kami nak mengawal serta menurunkan jumlah jangkitan COVID dan pada masa yang sama memulihkan proses ekonomi negara, negeri kita. Hari ini jumlah jangkitan di Malaysia melebihi 1.8 juta dengan kematian lebih 18,000. Purata 4 minggu ini, tiap-tiap hari kita tengok tv hampir 20,000 kes setiap hari. Manakala di Johor, jumlah kes telah mencatat 150,000 dan semalam, setakat semalam 2,209 anak Johor telah menjadi mangsa kematian akibat COVID. Mangsa-mangsa ini bukan sekadar satu angka atau satu statistik sahaja Puan Speaker, setiap orang yang meninggal akibat COVID ini merupakan ayah kepada seorang anak, suami kepada seorang isteri, atuk kepada seorang cucu. Kita tidak boleh benarkan mereka mati begitu sahaja. Malangnya kerajaan Perikatan Nasional telah gagal menangani pandemik ini. Bila Malaysia diisytiharkan darurat pada bulan Januari 2021, jumlah kes harian adalah hampir 2,000 sehari. Tapi bila darurat tamat pada 1 Ogos tahun ini, kes harian adalah hampir 20,000 sehari. Sepuluh kali ganda sebab darurat. Kalaulah ini pun pandangan rakyat, kalaulah nak buat *lock down* buatlah dengan baik-baik. *Lock down* ini kena buat betul-betul. Dalam dunia ini ada benda boleh separuh masak Puan Speaker, saya boleh buat separuh masak telur. Boleh makan. Daging lembu pun separuh masak pun saya suka, *medium*. Tapi dalam dunia ini ada benda tidak boleh buat separuh masak. Ayam tak boleh separuh masak Puan Speaker, ada sawan merah. *Lock down* pun sama. Masa itu kalau buat dengan betul-betul, saya rasa hari ini kita tidak akan sampai kepada peringkat di mana rakyat tiap-tiap hari tengok ramai orang mati. Akhirnya kerajaan PN sudah berlalu dan kerajaan baru sudah naik, so saya harap kerajaan baru ini boleh buatlah dengan betul-betul, janganlah buat benda separuh masak lagi. Kalau nak masak, masaklah dengan betul-betul.

Yang Berhormat Puan Speaker, sekarang berhadapan kita ini, kita kena akui. Kita kena mengakui dan kita kena belajar untuk kita panggil *life with the endemic*. Cara terbaik untuk menang perang ini adalah meningkatkan kadar vaksinasi dan cuba mencapai imuniti kelompok dalam masa yang tersingkat. Kadar vaksinasi di Johor, betul ada peningkatan tetapi masih belum cepat lagi.

Yang Berhormat Puan Speaker, dua *point* utama dalam isu COVID ini. Pertama macam mana kita nak lawan COVID. Ini merupakan satu serangan dua mata. Ini serangan dua arah. Pertama, kita kena luaskan saringan *MEST Testing*. Kerajaan negeri ada sebut nak buat tetapi sampai sekarang saya masih tidak nampak apa-apa usaha yang konkrit daripada pihak kerajaan. Malah saya tidak boleh tunggu. Justeru atas inisiatif pejabat saya sendiri saya telah mula edarkan *test kit RTK Antigen* kepada golongan B40 di kawasan Bukit Batu. Menjelang hujung minggu inilah saya telah sasarkan, saya akan serahkan hampir, *test kit* kepada hampir 1,000 keluarga di bawah DUN Bukit Batu saya golongan B40 secara

percuma. Saya harap kerajaan boleh mencepatkan pengedaran *test kit* ini untuk kita mengurus pandemik COVID ini.

Kedua kita kena tambahkan kadar vaksinasi, kalau tengok hari ini, angka masih sangat tinggi. Kadar vaksinasi Johor walaupun ada naik tetapi yang peliknya, yang peliknya kes naik, tapi jumlah vaksinasi naik tapi jumlah kes juga naik. Sepatutnya kalau vaksinasi naik kes patut turun. Tapi di Johor ini, saya pun tak faham, vaksinasi naik tapi kes pun naik. So, ini sangat luar biasa. Semalam kes 2,165, so saya harap kerajaan boleh beri satu pencerahan macam mana fenomena luar biasa ini boleh berlaku di Johor. Bila vaksinasi naik kes pun naik. Mungkin ini pandangan saya, adakah kerajaan ada mengambil kira pendatang asing tidak izin. Adakah kita sasar untuk kita vaksin mereka. Sebab mereka ini suka tak suka, dia hidup di kalangan masyarakat kita. Dia pergi Econsave juga, dia pergi TESCO juga. Dia jalan-jalan. Adakah mereka ini dimasukkan sasaran untuk vaksin?. Kalau tidak kita vaksin satu Johor pun kalau orang ini tidak vaksin, sama juga.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya juga terkejut bila dilaporkan ada 779 guru di Johor yang tidak vaksin. Saya rasa ini adalah satu isu yang sangat serius dan ramai ibu bapa tentu tidak akan ada keyakinan untuk hantar anak-anak mereka ke sekolah bila sekolah buka balik pada 3 Oktober. Saya rasa kerajaan negeri ini perlu tegas. Wajibkan semua guru untuk divaksinasi, satu. Dan, lebih tegas saya harap kerajaan boleh wajibkan semua kakitangan awam yang kerja di Johor ini wajib divaksinasi sebab rakyat juga perlu berurusan dengan mereka walaupun di kaunter belakang. Kalau mereka tahu orang ini telah divaksinasi tentu mereka ada keyakinan untuk berurusan. Saya rasa sebagai majikan, tidak ada apa-apa halangan yang terlalu ketat untuk polisi ini, atau dasar ini dilaksanakan di Johor. Ini hanya akan menunjukkan kerajaan betul-betul serius untuk lawan COVID.

Pemulihan ekonomi negeri, sedikit sahaja Yang Berhormat Puan Speaker, dalam zaman norma baru ini, kita tidak boleh lagi bergantung kepada pelan ekonomi yang dirangka 5 tahun dulu. Malah 2 tahun dulu pun boleh buang ke tong sampah. Mengapa? Contohnya sekarang, dalam norma baru ini, walaupun lepas pandemik COVID pun, saya cukup yakin benda akan sudah berubah. Contohnya sekarang apa yang didominasi di dunia. Sekarang ialah era e-dagang, *e-commerce*. *E-commerce* ini, industri *e-commerce* ini dia punya nilai di dunia adalah hampir USD 5 trillion bersamaan RM5,000 billion. Tiap-tiap hari, tiap-tiap saat, 24 jam ada orang beli barang di internet. Mungkin sekarang pun ada YB-YB yang tengah tekan juga. Bila-bila masa pun boleh *shopping*. Maka apa usaha kerajaan Johor untuk membantu rakyat Johor meneroka *e-commerce* ini. Saya tidak nampak apa usaha-usaha setakat ini, saya boleh cadangkan kita boleh buat macam *game show shut tank*. Carilah *start-up* yang berpotensi, kerajaan boleh melabur, boleh beri geran atau pun beli ekuiti untuk menolong syarikat-syarikat *start-up* anak Johor untuk mereka berjaya di dunia internet ini. Lagi kita boleh buat insentif untuk menarik *start up-start up* ke Johor Bahru atau ke bandar Iskandar sini. Buatlah sini sebagai satu hub *untuk e-commerce*. Berilah insentif ke, pioneer status kepada mereka. Berilah insentif cukai bebas kepada mereka, tarik mereka ke sini. Dan satu aspek lagi ialah logistik. Sebab bila kita buat *e-commerce* kita banyak *packaging*, dia kena ke sini, kena ke sana. So, logistik juga memainkan peranan yang penting. Di Johor kita ada satu *advantage* iaitu geografi kita. Kita ada 3 pelabuhan bertaraf dunia. Satu *airport* yang bertaraf dunia, tentulah kita boleh mengambil kesempatan ini untuk menjayakan *e-commerce logistic* di Johor.

Begitu juga dengan Internet. Kita kena pastikan, Internet ini kita kena seimbang dengan dunia. Jangan cakap 5G, 4G pun kita kena sempurnakan. Liputan kena luas di seluruh Johor. Dan akhir-akhirnya, akhirnya jangan juga kerajaan negeri Johor lupa tolong SME di Johor. Di Johor ada hampir 100 entiti bisnes yang diklasifikasikan sebagai SME yang sangat-sangat terjejas bila orang Singapura dan warga Malaysia yang bekerja di Singapura tidak kembali untuk belanja di kedai-kedai di selatan Johor. Kerajaan Johor tidak boleh bergantung sahaja kepada pihak *federal* untuk bantu mereka. Saya yakin tentu ada cara kerajaan negeri juga boleh membantu SME tempatan yang sudah tidak dapat tahan lagi

kerana Johor setakat hari ini masih kita *stuck* tetap di fasa pertama PPN begitu lama. So, dengan itu, sekali lagi saya terima kasih kepada Puan Speaker. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan telah tamat. Esok kita akan mendengar penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan sehingga hari esok Selasa, 7 September 2021 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.33 tengah hari.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

HARI KELIMA

SELASA, 7 SEPTEMBER 2021

BIL. 11 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Haji Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya

Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Datuk Mohd. Izhar bin Ahmad, DPSM.
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Tuan Amir bin Nasruddin

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan., DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat hari ini kita menyambung Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14, hari yang kelima.

Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Tuan Md. Ysahruddin bin Kusni (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 1.

Apakah bantuan-bantuan dan berapa ramaikah penerima bantuan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor sepanjang Fasa Pertama PPN (Pelan Pemulihan Negara) ini dilaksanakan?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Bukit Naning, dalam tempoh Fasa Pertama PPN iaitu Pelan Pemulihan Negara dilaksanakan, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi tujuan bantuan Bakul Makanan kepada mereka yang terjejas pendapatan dalam tempoh PKP 3.0 ini.

Bantuan ini disalurkan melalui pejabat MAIJ di peringkat daerah dan juga melalui Amil-amil agihan zakat di setiap mukim. Bagi memudahkan masyarakat awam membuat permohonan bantuan ini, MAIJ juga menyediakan talian *hotline* di peringkat ibu pejabat dan seterusnya tindakan bantuan ini akan dilaksanakan di peringkat Majlis Agama Islam Negeri Johor di peringkat daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, sehingga setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 7,345 jumlah bakul makanan yang telah disalurkan di seluruh negeri Johor. Bagi memperluaskan agihan zakat ini juga, untuk membantu mereka yang terjejas dan terputus bekalan makanan dalam PKP 3.0 ini, MAIJ juga telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM3.53 juta bagi disalurkan sepertimana berikut :

Yang pertama, sumbangan sebanyak RM1.6 juta disalurkan kepada 341 Gerobok Rezeki yang terletak di masjid dan surau seluruh negeri Johor, untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli Dewan yang mana setiap lokasi ini diperuntukkan sebanyak RM5,000.00.

Jumlah masjid dan surau yang terlibat dalam menjayakan Program Gerobok Rezeki dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 seperti berikut :

Daerah Johor Bahru: masjid, 25 buah; surau, 23; Batu Pahat: masjid, 41 buah; surau 18, bagi daerah Muar masjid, 28; surau, 29; bagi daerah Segamat masjid 26, surau 6; bagi daerah Kluang, masjid 16, surau 14; bagi daerah Kota Tinggi masjid 32, surau 6; bagi daerah Pontian, masjid 15, surau 6; bagi daerah Tangkak, masjid 12, surau 6; bagi daerah Kulai, masjid 14, surau 15; bagi daerah Mersing, masjid 5, surau 4; jumlah masjid 214 dan jumlah surau 127.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Ahli Dewan, sumbangan kewangan sebanyak RM1.6 juta disalurkan kepada masjid dan surau yang terjejas dalam negeri Johor bagi membantu mereka mengimarahkan masjid dan surau yang terjejas terutama bagi menampung keperluan bayaran bil utiliti. Seterusnya sumbangan sebanyak RM230,000.00 disalurkan kepada setiap pejabat daerah di seluruh negeri Johor untuk tujuan Gerobok Rezeki. Sumbangan yang dilaksanakan ini berjalan setiap hari dan MAIJ komited dalam membantu masyarakat yang terjejas disebabkan PKP 3.0 ini dan jumlah RM50,000.00 bagi daerah Johor Bahru dan RM20,000.00 bagi setiap daerah-daerah yang lain.

Pecahan bagi bantuan-bantuan makanan melalui talian *hotline* seperti berikut :

Johor Bahru, 2,601; Muar, 889; Batu Pahat, 885; Segamat, 393; Kluang, 543; Kota Tinggi, 700; Pontian, 300; Mersing, 134; Tangkak, 360; Kulai, 500; Jumlah keseluruhan 7,345.

Majlis juga telah meluluskan sumbangan kepada mangsa bencana ribut di Sedili sempena dengan, dalam tempoh PKP ini Yang Berhormat Tuan Speaker. Bayaran *One-Off* RM300.00 kepada 367 buah keluarga dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM110,000.00. Bayaran sewa rumah RM350.00 bagi tempoh 6 bulan kepada 4 keluarga dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM8,400.00. Yang Berhormat Speaker, sekian.

YB Speaker : Ya, Bukit Naning, jemput.

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan Yang Berhormat EXCO. Tadi kita dah mendengar bantuan daripada MAIJ. Kalau kita dengar ada banyak masjid yang menerima bekalan Bakul Makanan berupa Gerobok Rezeki. Boleh tak kalau kita dapatkan senarai dia Yang Berhormat? Senarai nama-nama masjid. Ada 28 masjid di Muar dan 29 surau, kita nak tahu juga mana yang dapat. Kemudian Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya bagaimana MAIJ mengenal pasti penerima sumbangan ini melalui Ketua Kampung ataupun wakil yang dilantik oleh MAIJ? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya hanya menyediakan bagi jumlah urusan peringkat daerah. Dan, saya berjanji dalam Dewan ini, kami akan menghantar laporan pada setiap ADUN, jumlah senarai masjid dan surau yang menerima bantuan ini. Bagi keduanya bagaimana MAIJ mengenal pasti apabila permohonan ini dilanjutkan kepada talian *hotline*, pegawai-pegawai kami akan turun ke padang dalam tempoh satu hari. Ini setelah saya janjikan pada Dewan yang mulia yang lepas, bagaimana cara kaedah bagi MAIJ nak meluluskan segera permohonan-permohonan bantuan ini. Dalam tempoh setelah dilancarkan *hotline* pada 25 Julai ini Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Ahli Dewan, kita melalui Ketua-ketua Kampung dan juga Amil-amil di setiap mukim. Melalui Ketua Kampung dan Amil-amil di setiap mukim inilah kita dapat maklumat yang terperinci tentang masalah-masalah pemohon yang telah mohon kepada pihak MAIJ. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Kempas, jemput.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) bagi pihak YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Apakah pelan perancangan Majlis Sukan Negeri untuk mengguna pakai segala kemudahan yang sedia ada setelah SUKMA 2020 ditangguhkan supaya tiada pembaziran dan kerosakan?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Endau yang mewakili Yang Berhormat Kempas. Soalannya, apakah pelan perancangan Majlis Sukan Negeri untuk mengguna pakai segala kemudahan yang sedia ada setelah SUKMA 2020 ditangguhkan supaya tiada pembaziran dan kerosakan?

Yang Berhormat Speaker, perkara ini adalah satu perkara yang telah dititikberatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Hasni. Kerajaan negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Johor telah merancang pelbagai aktiviti dan penganjuran program berbentuk pertandingan bagi menggunakan fasiliti dan kemudahan sedia ada sepanjang tahun 2021 ini. MSNJ juga telah menerima maklum balas dan sambutan yang memberangsangkan dari penggiat-penggiat sukan untuk menggunakan fasiliti-fasiliti tersebut. Namun begitu, keadaan pandemik COVID-19 yang masih tidak menentu dan kerana kita kena akur dengan SOP yang diumumkan oleh kerajaan pusat, sebahagian besar perancangan program ini terpaksa dibatalkan malah program latihan melibatkan atlet negeri Johor juga terpaksa dihentikan sementara bagi mematuhi SOP dan bagi memastikan kita mengelakkan penularan COVID-19. Latihan atlet diteruskan secara talian sementara MSNJ meneliti SOP latihan secara gelembung sukan. Selepas meneliti SOP dan mempertimbangkan keperluan latihan atlet-atlet negeri Johor, MSNJ telah merangka kaedah sesuai mengikut SOP gelembung sukan (*camp based training*).

YB Pengerusi, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, ada juga *venue-venue* SUKMA digunakan sekarang ini sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), Pusat Penilaian COVID (CAC) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). *Venue-venue* yang terlibat adalah seperti Stadium Perbandaran Pasir Gudang bagi sukan gimnastik dan gimrama, Dewan Bukit Indah (CAC) bagi sukan silat, Dewan Muafakat Adda Height bagi sukan tinju, Dewan Raya Taman Universiti bagi kemudahan logistik sekretariat dan Pusat Akuatik Arena Larkin, PPV OKU bagi sukan akuatik. Secara keseluruhan buat pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kesemua *venue* SUKMA telah siap 100%.

Pada tahun ini sejumlah 7 fasiliti di bawah Perbandaran Stadium Negeri Johor telah memperuntukkan RM4.2 juta bagi tujuan kos utiliti, kebersihan, keselamatan dan juga penyelenggaraan. Perincian kos untuk setiap fasiliti termasuklah peruntukan sebanyak RM249,000.00 bagi Akademi Badminton Taman Perling, RM607,000.00 bagi Stadium Hoki Taman Daya, RM660,000.00 bagi Kompleks Sukan Kluang, RM671,000.00 untuk Akademi Tenis Nusa Duta, RM1 juta untuk Kompleks Sukan Johor, RM691,000.00 untuk Velodrom, RM300,000.00 untuk *Edu Hub Kanu*.

Memandangkan penganjuran Sukan Malaysia 2020 Johor ditangguhkan, pihak kerajaan negeri dan pusat masih lagi sedang berbincang sama ada SUKMA boleh diteruskan pada tahun hadapan. Perkara ini akan dibincangkan dengan Yang Berhormat Menteri yang baru dan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKMA dalam masa terdekat. Insya-Allah, Johor akan bersedia dengan apa pun keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKMA. (Bacaan potongan ayat Al-Quran). Kita merancang, Allah merancang, Allah jualah sebaik-baik perancang. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Semerah, soalan tambahan.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas jawapan. Saya nak bertanya, selain daripada fasiliti stadium dan juga bangunan-bangunan yang ada, bagaimana pula perancangan pihak MSN berkenaan barangan seperti bola sepak, bola ragbi dan semua barangan-barangan yang kita kira tidak boleh tahan lama disebabkan dibuat daripada kulit. Jadi, apa perancangan pihak MSN sama ada ianya untuk diserahkan kepada persatuan-persatuan ataupun *just* pihak MSN simpan sehingga sukan yang akan datang? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan : Terima kasih Yang Berhormat Semerah atas soalan tambahan itu. Dari segi peralatan sukan yang telah dibeli, pihak MSN belum lagi buat keputusan kerana keputusan di peringkat pusat belum lagi dibuat. Jadi kita akan, kita *towards* apa yang dibuat oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKMA. Insya-Allah buat pengetahuan Yang Berhormat, minggu ini kita akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan kita akan syorkan supaya Jawatankuasa Tertinggi SUKMA mengadakan mesyuaratnya dalam masa terdekat kerana *time is cost, we understand that*. Dan, selepas itu kita akan buat keputusan yang tepat, Insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan yang seterusnya Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Berapa ramai keluarga B40 yang menerima Baucar Barangan RM200.00 di dalam DUN Pasir Raja?

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Program Baucer Barangan berjumlah RM200.00 adalah merupakan satu, salah satu daripada inisiatif yang terdapat dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Dianggarkan seramai 306 isi keluarga dalam DUN Pasir Raja akan menerima baucar barangan tersebut. Terima kasih.

YB Speaker : Pasir Raja, jemput Yang Berhormat.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih YB EXCO atas jawapan. Soalan tambahan saya, mohon YB EXCO memaklumkan apakah status terkini program ini dan apakah kriteria ataupun kelayakan penerima bantuan untuk program ini? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih. Status terkini program ini adalah di peringkat memuktamadkan perjanjian di antara kerajaan negeri dan MyKasih *Foundation* oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dan perjanjian ini juga merangkumi inisiatif-inisiatif bantuan yang serupa oleh kerajaan negeri pada masa depan. Dan sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan program ini tidak melibatkan sebarang kos dan kesemua peruntukan sebanyak RM60 juta akan dikreditkan kepada 300,000 orang penerima dan dijangkakan perlaksanaannya akan bermula pada penghujung bulan September, bulan ini. Dan mengenai dengan kelayakan ataupun kriteria penerima bantuan untuk program ini, penerima adalah berdasarkan senarai isi rumah B40 yang menerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) oleh kerajaan persekutuan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri dan senarai itu akan di senarai pendek, *short list* mengikut jumlah pendapatan isi keluarga bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Johor adalah RM2,500.00 dan daripada jumlah tersebut senarai itu akan disusun lagi mengikut keutamaan berdasarkan jumlah isi rumah yang paling tinggi. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Yong Peng, jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Bilakah projek naik taraf jalan dari Yong Peng ke Ayer Hitam akan dilaksanakan?

YB Speaker : Yang Berhormat Kota Iskandar, jemput.

YB Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Jalan Skudai – Ulu Choh adalah sebahagian daripada FT005 Skudai – Pontian. Keadaan jalan teruk, berlubang-lubang sana sini dan sarat dengan bekas tampalan. Terlalu banyak kemalangan berlaku melibatkan kenderaan termasuk motosikal. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi isu ini?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yong Peng dan Yang Berhormat Kota Iskandar yang sentiasa prihatin mengenai keselesaan rakyat terutama pengguna-pengguna jalan raya. Izinkan saya memaklumkan Dewan yang mulia ini, mengenai 2 kategori jalan utama di negeri Johor dan di negeri lain. Jalan negeri yang menggunakan kod J, jalan persekutuan yang menggunakan kod FT sebagai contoh FT001 Jalan Johor Bahru - Gemas dan J4 Jalan Gelang Patah – Tanjung Kupang.

Seterusnya, peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan dikawal oleh Kementerian Kerja Raya, di mana kelulusan tertakluk kepada perjanjian konsesi antara syarikat konsesi dengan kerajaan pusat. Kontrak bagi penyelenggaraan jalan persekutuan yang melibatkan pembaikan *pavement* secara berkala contohnya menurap semula jalan bagi laluan Johor Bahru – Gemas, Johor Bahru – Endau, Johor Bahru – Pontian dan Muar telah tamat pada 2018. Ibu Pejabat JKR melalui Cawangan Selenggara Fasiliti sedang dalam proses penyediaan kontrak penyelenggaraan yang baru bagi kerja-kerja berkala *pavement secara Performance Base Contract* ataupun *PBC* dengan izin iaitu satu kaedah pelaksanaan kerja yang lebih efisien yang dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Oktober tahun ini.

Bagi maksud Jalan Yong Peng – Air Hitam, projek naik taraf jalan dari Yong Peng ke Air Hitam merupakan sebahagian jajaran jalan yang termasuk dalam senarai permohonan cadangan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Bagaimanapun, permohonan projek ini tidak termasuk di dalam senarai berkepentingan tinggi untuk pelaksanaan di bawah *Rolling Plan 1* dan *Rolling Plan 2* dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Namun demikian, bagi pembaikan jangka pendek, JKR melalui syarikat konsesi sentiasa membuat tampalan *pothole* di sepanjang jalan ini dari semasa ke semasa sementara menunggu kontrak baru secara *PBC* dikuatkuasakan. Manakala untuk pembaikan jangka panjang pula, pejabat JKR Daerah Batu Pahat telah memajukan permohonan peruntukan untuk pembaikan secara *mill and pave*, secara terpilih pada bulan Ogos tahun 2021. Kerja-kerja akan dilaksanakan apabila peruntukan berkenaan diterima kelak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kota Iskandar, kajian JKR mendapati struktur Jalan Skudai – Pontian memang perlu dibaiki. Saya sendiri telah meninjau kawasan berkenaan dan merasai ketidakselesaan di beberapa lokasi. Oleh yang demikian, JKR telah mengangkat senarai permohonan kerja-kerja penyelenggaraan untuk tahun 2021 yang melibatkan semua jalan persekutuan di negeri Johor termasuk laluan berkenaan pada Oktober 2020 bagi penyelenggaraan jangka pendek. Dan yang terbaru, JKR Daerah Johor Bahru ada menerima peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi membaiki persimpangan lampu isyarat Bandar Baru Kangkar Pulai yang didapati rosak dan tidak selesa.

Melalui Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri berharap agar kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya segera memuktamadkan perjanjian untuk membolehkan kerja penyelenggaraan jalan FT001, FT003 dan FT005 sepanjang 540 kilometer dapat dilaksanakan segera melalui konsep atau kaedah *PBC* yang saya sebutkan tadi. Saya

difahamkan anggaran peruntukan yang dipohon untuk kerja-kerja adalah sebanyak RM140 juta. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Yong Peng, soalan tambahan.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih soalan, jawapan dari YB EXCO. Saya difahamkan ini jalan akan dari Yong Peng ke Air Hitam adalah *mill and pave*, saya nak maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, apa pendapat dari penduduk orang Yong Peng. Penduduk Yong Peng di jalan yang tampal-tampal macam apa, mereka panggil jalan pengemis termasuk tampal sahaja macam pengemishlah. Ini memang perkataan yang tidak elok, bagi saya memang tidak elok kalau boleh diutamakan menaik taraf jalan ini. Kalau boleh utamakan jalan besar, jalan besar Pekan Yong Peng. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Tak ada soalan? Ya, Kota Iskandar.

YB Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ini kali kedua saya membangkitkan tentang isu jalan FT005 Skudai – Pontian yang merupakan bukan sekadar jalan *federal* tetapi juga merupakan jalan protokol yang seharusnya dijaga, di *upgrade* dan dibuat penyelenggaraan dengan sebaiknya. Sebab ia akan mencerminkan imej Johor dan imej Malaysia. Saya agak terkejut bila Yang Berhormat EXCO tadi memberitahu bahawa kontrak syarikat konsesi iaitu Selia Selenggara telah pun tamat 2018. *No wonder* lah permohonan daripada JKR pada tahun 2020, Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ) sebanyak RM5.8 juta tidak diluluskan dan untuk tahun 2021 APJ sebanyak RM6 juta hanya lulus RM500,000.00. RM500,000.00 ini Yang Berhormat Tuan Speaker, tak sampai pun 10%.

Pada saya, seharusnya usaha yang lebih gigih diusahakan untuk memastikan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan ini dapat dijalankan. Dan apa yang saya lihat, sebab saya menghadapi isu ini setiap hari. Yang Berhormat Tuan Speaker pun lalu jalan ini setiap hari. Jadi, apa yang berlaku adalah jalan ini tampal sekadar melepaskan batuk di tangga. Dan bila saya *check details* pada *contract* skop kerja Selia Selenggara ini dia hanya membuat kerja-kerja rutin dan juga kerja-kerja *pavement* yang *basic* iaitu sebagai *patching of the pothole*, menampal jalan tetapi tidak membuat kerja-kerja yang melibatkan kegagalan fungsi dan juga struktur yang saya pun setuju dengan Yang Berhormat EXCO tadi bahawa jalan ini sebenarnya menghadapi isu kegagalan dari segi struktur dan juga, dan juga fungsi. Jadi, saya mengharapkan supaya...

YB Speaker : Soalan, Yang Berhormat?

YB Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) : Soalannya sebab kos penyelenggaraannya antara RM5 ke RM6 juta setahun. Apakah kerajaan negeri berhasrat untuk menggunakan dana sendiri untuk membuat kerja penyelenggaraannya sebab jumlahnya tak besar daripada kita menunggu peruntukan dari pihak kerajaan persekutuan sekian lama tetapi yang dapatnya tidak berbaloi daripada usaha yang dilakukan oleh pihak JKR. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih kepada soalan tambahan. Yang pertama mengenai Yong Peng. Memang Pekan Yong Peng adalah laluan saya balik kawasan YB. Saya pun memang lalu kawasan tu, saya tak nak duduk belakang, saya duduk depan sebab *absorber* kereta saya pun sebab agak kurang eloklah saya tunggu kereta baru belum sampai lagi dan jalan pun memang, itu memang saya selalu tekankan kepada Jurutera Daerah dan juga Jurutera Kanan di JKR Negeri untuk memasukkan penyelenggaraan-penyelenggaraan dengan segera. Memang

ada dalam *list* dan saya akan pastikan selepas ini untuk beberapa kawasan perlu dibaiki dengan segera.

Yang kedua, mengenai cadangan Yang Berhormat Kota Iskandar, memang sesungguhnya kita sentiasa berutus surat dan memanggil ataupun membuat panggilan ke Kuala Lumpur mengenai kontrak baru perlu disegerakan. Kontrak baru, kontrak lama habis pada 2018 dan kita melalui pertukaran kerajaan, melalui pertukaran kerajaan, pertukaran pegawai. Dan, insya-Allah pada Oktober ini akan dimuktamadkan. Jawapan berkenaan memang telah saya perolehi sendiri daripada pihak Kementerian Kerja Raya dan sebaik sahaja kita menerima peruntukan berkenaan, kita akan melaksanakan naik taraf ataupun penyelenggaraan. Mengenai cadangan supaya kerajaan negeri menggunakan dana negeri untuk jalan-jalan persekutuan itu tidak dibolehkan atau tidak *proper* kita akan pastikan sebab itu saya boleh jamin bahawa penyelenggaraan jalan-jalan negeri di bawah MARRIS, yang lain cantik tetapi persekutuan ataupun jalan-jalan persekutuan memang perlu penambahbaikan. Saya harap ataupun kerajaan negeri harap melalui *PBC* ini kita akan mendapat dana yang cukup penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan segera. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) bagi pihak YB Datuk Md Othman bin Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 6.

Negeri Johor terkenal dengan moto “Johor Berkebajikan” dalam masa yang sama terdapat isu gelandangan yang semakin meningkat di negeri ini. Isu ini telah di *viral* kan dan mendapat liputan media luar negara. Apakah tindakan kerajaan negeri Johor untuk menangani isu ini?

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih YB Tenggaroh. Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab pertanyaan kepada YB Kukup, apakah tindakan kerajaan negeri Johor untuk menangani isu gelandangan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sebenarnya sentiasa prihatin terhadap kesan sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat termasuk golongan gelandangan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, telah mengambil usaha-usaha menyantuni dan menyelamatkan golongan gelandangan sejak PKP 01 iaitu 13 Mac 2020 melalui Gerak Kerja Operasi Bersepadu yang diketuai oleh saya sendiri yang mana melibatkan 14 buah agensi dan sebuah badan bukan kerajaan menggalas amanah, menyelamatkan dan menyantuni 248 orang gelandangan di sekitar Bandaraya Johor Bahru dan menempatkan mereka di pusat transit sementara di kem Wawasan Gunung Pulai, Kulai untuk penjagaan dan perlindungan sementara sehingga tutup sepenuhnya pusat berkenaan pada 9 Jun 2020.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terus menggalas dan bertindak menyantuni golongan gelandangan, orang papa dan kutu rayau yang untuk memastikan permasalahan rakyat yang berkeperluan diuruskan sebaiknya bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka. Pada tahun 2020, JKM telah melaksanakan gerak kerja menyantuni dan menyelamatkan gelandangan, orang papa dan kutu rayau sebanyak 132 operasi penyelamat. Sebanyak 18 kali operasi bersepadu dan 29 kali operasi berjadual.

Pada tahun 2021 sehingga bulan Jun direkodkan sebanyak 86 operasi menyelamatkan telah dilaksanakan melibatkan operasi bersepadu, *ad hoc*, berjadual di seluruh daerah negeri Johor. Seramai 124 orang pengemis dan kutu rayau yang telah diselamatkan dan antara usaha-usaha yang telah diambil terhadap golongan gelandangan, kutu rayau dan pengemis pada ketika itu adalah:

1. Menyerahkan kepada waris, penempatan di institusi JKM dan NGO.
2. Mendapatkan pekerjaan, menetap di rumah penginapan disediakan oleh majikan.
3. Penempatan di rumah kerana bekerja dan mempunyai pendapatan untuk membayar sewaan.
4. Menghantar pulang kepada waris yang berasal daripada luar daerah Johor Bahru.
5. Dirujuk untuk tindakan lanjut oleh agensi penguatkuasaan seperti PDRM, AADK, Jabatan Penjara, Imigresen dan hospital untuk rawatan masalah mental dan penyakit berjangkit.

Sidang Dewan yang mulia ini, seterusnya bagi memastikan golongan ini juga menikmati kesejahteraan hidup serta berpeluang mempunyai pendapatan sendiri, kerajaan negeri melalui kerjasama strategik agensi PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Bulan Sabit Merah di Malaysia, Yayasan Kebajikan Negara dan Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Belia, telah melaksanakan satu program khusus buat mereka untuk program temu duga khas golongan gelandangan khas 1.0 tahun 2021. Program temu duga ini telah melibatkan 6 majikan iaitu Polycare Optical Malaysia Sdn. Bhd., JCY HDD Techonolgy Sdn. Bhd., ATA Industrial Sdn. Bhd., Kulim Malaysia Berhad dan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. Menerusi program ini seramai 30 orang calon telah menyertai sesi temu duga, hasilnya seramai 26 orang telah berjaya ditawarkan pekerjaan iaitu 13 orang daripada mereka ditawarkan bekerja di Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. 12 orang yang lain mendapat pekerjaan sebagai operator pengeluaran di sektor pengilangan manakala lagi seorang calon yang berjaya ditawarkan sebagai pekerja am ladang sawit. Tindakan terkini yang telah dilakukan bagi membendung penularan COVID, virus COVID-19 operasi menyelamatkan orang papa sekitar Bandaraya Johor Bahru fasa 1 yakni wanita telah dilaksanakan pada 4 Ogos diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Daerah Johor Bahru bersama 18 agensi kerajaan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hasil operasi telah menyelamatkan seramai 23 orang wanita gelandangan. Setelah saringan oleh agensi, 1 gelandangan telah diserahkan kepada ahli keluarga, 4 orang gelandangan dihantar kembali ke rumah mereka, tindakan agensi Kementerian Kesihatan seramai 4 orang mental, tindakan agensi AADK seramai 3 orang, tindakan Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen seramai 2 orang dan seramai 9 orang sekarang ini gelandangan ditempatkan di Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara.

Pada ketika ini pihak MBBB bersama dengan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan *Southern Volunteers* sedang bergiat aktif melakukan kerja-kerja pemindahan peralatan keperluan serta penyelenggaraan di pusat perlindungan sementara gelandangan yang terletak di Pusat Perlindungan Wanita Taman Perling untuk menampung operasi menyelamatkan gelandangan lelaki yang akan dilakukan dalam masa tempoh terdekat. Di pusat perlindungan sementara ini, dijangka mampu menampung kapasiti 200 orang gelandangan lelaki.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, MBBB sedang giat membangunkan pusat transit gelandangan negeri Johor yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2022 dan pusat ini dibina di Taman Larkin Perdana dengan anggaran kos sebanyak RM7.6 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebagai makluman tambahan, gelandangan ini bukan hanya terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi di bawah beberapa agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Akta Kerajaan Tempatan Akta 171, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta 133, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Akta Orang Papa 1977 Akta 183, Kementerian Kesihatan Malaysia, Akta Kesihatan Mental 2001 Akta 615, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Akta Penagih Dadah 1983 Akta 283, Jabatan Imigresen

Malaysia Bukan Warganegara dan Polis Di Raja Malaysia adalah akta berkaitan. Terima kasih.

YB Speaker : Ya. Soalan seterusnya, Sri Medan. Jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

Capaian Internet di kawasan luar bandar masih lagi di tahap yang tidak memuaskan. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menaik taraf sistem telekomunikasi dalam negeri Johor?

YB Speaker : Pulau Sebatang. Jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) bagi pihak YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8.

Masih terdapat rungutan kelemahan capaian Internet di kawasan-kawasan tertentu yang mengganggu prestasi BDR dan PdPR. Bolehkah kerajaan negeri kongsi kawasan-kawasan di Johor yang masih belum mendapat rangkaian kabel *fiber* optik dan bila kawasan-kawasan ini boleh mendapatkan rangkaian ini?

YB Speaker : Jemput, EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Medan dan juga Pulau Sebatang. Izinkan saya menjawab soalan nombor 109 dan 191 sebagai soalan 7 dan 8 dan sebahagian daripada soalan ini menjawab daripada soalan-soalan YB-YB daripada Endau, Johor Lama, Jementah dan juga Semerah.

Saya melihat adanya persamaan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan kepada saya berkaitan capaian Internet dan tindakan kerajaan untuk menaik taraf sistem komunikasi dalam negeri Johor. Pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, SKMM telah ada perancangan bagi menaik taraf sistem telekomunikasi terutamanya di kawasan luar bandar melalui Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dibangunkan secara kolektif oleh pemain industri dan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak kerajaan sesungguhnya memahami permasalahan liputan telekomunikasi yang dihadapi oleh rakyat pada masa kini dan tidak dapat dinafikan terdapat banyak lagi kawasan-kawasan yang masih belum mendapat liputan telekomunikasi yang sempurna. Majoriti kawasan yang belum mendapat akses talian tetap gentian optik adalah di kawasan luar bandar dan pendalaman yang penduduknya kurang padat, majoriti penduduknya adalah warga emas dan kawasan penempatan atau perkampungan di dalam ladang, serta kawasan penempatan yang tidak mempunyai akses perhubungan dan talian elektrik yang sempurna seperti di perkampungan Orang Asli, penempatan FELDA, penempatan di pulau-pulau, kampung-kampung rangkaian dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi tidak mahu membuat pelaburan di kawasan seperti ini kerana kos pembangunan dan operasi terlalu tinggi. Tetapi tiada kunjungan serta mungkin tiada langganan atau mempunyai kadar langganan yang rendah. Walaupun Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara, (JENDELA) telah dibangunkan bagi mengatasi masalah ini terdapat faktor-faktor kekangan yang perlu diselesaikan serta ditangani dalam menjayakan hasrat ini. Oleh sebab itu, JENDELA dirancang dilaksanakan secara berperingkat sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun bermula daripada 2020.

Bagi peluasan liputan jalur lebar mudah alih di negeri Johor, JENDELA yang dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa 1 yang bermula tahun 2020 sehingga 2022 menasaskan pembinaan sebanyak 233 buah menara telekomunikasi yang baru yang majoritinya di kawasan luar bandar dan 107 daripadanya telah pun siap dibina sehingga Jun 2021. Maaf, 101. Selain itu, sejumlah 3,409 adalah pemancar sedia ada akan dinaiktarafkan kepada perkhidmatan 4G dan 2,877 daripadanya telah pun selesai di naik taraf sehingga Jun 2021. Sementara untuk keluasan liputan jalur lebar talian tetap negeri Johor, JENDELA fasa 1 juga menasaskan sejumlah 413,493 premis tambahan yang kebanyakannya juga di kawasan luar bandar akan mendapat akses kepada jalur lebar kelajuan tinggi gentian optik dengan 146,766 premis daripadanya telah dilalui dengan infrastruktur gentian optik yang selesai dilaksanakan sehingga Jun 2021.

Maklumat tambahan untuk Ahli Dewan sekalian, fasa 1 ini juga akan menutup rangkaian 3G secara berperingkat yang mana 3G dijangka tamat sepenuhnya pada akhir tahun 2021. Untuk ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti rangkaian 4G dan secara tidak langsung memberi dasar yang kukuh bagi pelaksanaan rangkaian 5G bermula suku ke-4 2021. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Sri Medan. Jemput.

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Saya ada soalan tambahan. Apa yang kita lalui pada hari ini mungkin agak berbeza dengan apa yang dilalui oleh sesetengah pihak di kawasan luar bandar, eh di kawasan bandar. Yang mana masalah capaian Internet ini berlaku di kawasan luar bandar. Jadi, apa yang telah kerajaan lakukan sebelum ini iaitu mewujudkan *wifi* Muafakat Johor yang sedikit sebanyak mampu memberikan kemudahan capaian Internet di kawasan-kawasan yang diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya membayangkan adakah kaedah ini boleh kita perluaskan? Kita tambahkan lokasi *wifi* Muafakat Johor bagi membantu masyarakat mendapatkan capaian Internet yang lebih laju di kawasan luar bandar, mungkin keadaan ini tidak berlaku di kawasan Yang Berhormat Tuan Speaker. Kerana Yang Berhormat Tuan Speaker tinggal di kawasan bandar, tetapi bila kerajaan pada hari ini memperkenalkan PdPR iaitu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, ia memberi kesan yang amat besar. Jadi, apa yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan tidak selari atau seiring dengan apa yang pembangunan Internet yang ada di negeri Johor pada hari ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Speaker. Johor *Wifi*, kita panggil Johor *Wifi* 1.0 bermula 2016 dan berakhir 2021. Dan kita telah melancarkan Johor *Wifi* 2.0 iaitu bermula 1.07.2021 sehingga 30.6.2024. Sudah tentu kerajaan negeri berhasrat untuk menambahbaikkan sistem *wifi* daripada 1.0 kepada 2.0. Di antara penambahbaikan, sebenarnya ada perubahan dari segi pelantikan kontraktor iaitu kontraktor yang baru MNM Savetech dan penambahbaikannya penggantian *access point* untuk mempertingkatkan kapasiti dan kelajuan, dan kita *upgrade* majoritinya di kawasan PPR, PBT dan sebahagian kecilnya di kawasan luar bandar. Dan, kita dalam proses untuk penambahan lokasi iaitu lebih kurang 30 kawasan lokasi yang baharu dan kita juga mendapat penjimatan kos dengan melantiknya kontraktor baru. Dan, penambahan lokasi ini masih sebahagiannya masih dalam tindakan kajian oleh PBT, Pejabat Daerah dan Bahagian ICT. Kita amat, kerajaan negeri amat komited untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Johor *Wifi*. Terima kasih.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Sila, sila, sila.

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) : Kita tahu sekarang ni semua kawasan luar bandar dalam proses untuk meningkatkan capaian Internet melalui projek JENDELA. Jadi, saya ingin mengetahui setakat ini sudah berapa peratus projek JENDELA ini telah pun dilaksanakan dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya kerana kita maklum semua murid di luar bandar menghadapi masalah tentang isu Internet ini. Jadi saya harap dapat penjelasan daripada YB EXCO. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Terima kasih Tuan Speaker. Projek JENDELA ini ada dua inisiatif, satu inisiatif pihak swasta, satu lagi inisiatif pihak kerajaan. Dan biasanya di kawasan luar bandar kita menggunakan jalur lebar mudah alih dan jalur lebar mudah alih ni bergantung kepada *tower*. Dan *tower-tower* ni sebenarnya projek JENDELA ni kalau ikut maklumat yang asal sebelum bertukarnya kerajaan, tarikh tutup tender dilanjutkan daripada 25 Februari hingga 31 Mac dan dijangka *award* bulan Ogos, tapi bila berlaku perubahan daripada kerajaan dan saya belum ada data terkini dan kalau ikut yang lama, jika tiada masalah kelulusan PBT dan sebagainya, kita boleh siap dalam tempoh setahun. Kita jangka setahun ni kita berdasarkan kepada projek NCP yang lepas, kita ada pengalaman di negeri Johor, kita sebenarnya projek JENDELA ni adalah inisiatif kerajaan pusat, pusat yang menentukan segalanya.

Di peringkat negeri, kita bantu dari segi menyelesaikan masalah, isu-isu melibat tanah, melibatkan tanah tapak pemancar dan juga melibatkan kebenaran daripada PBT. Itu inisiatif daripada kerajaan negeri dan kita yang lepas, 13 yang dah siap projek NCP kita bantu dan akhirnya kita siap dalam tempoh tak sampai setahun semua dah *on air*. Yang kita lihat yang *direct award* ada 22, yang ini baru dalam peringkat *basic* untuk isu pasal menyelesaikan masalah isu tanah dan juga kelulusan PBT dan alhamdulillah, pihak kerajaan negeri telah meluluskan satu kertas di bawah Portfolio Kerajaan Tempatan dan Perumahan iaitu kita meluluskan kertas untuk mengadakan satu *one stop centre* dan kita melalui *one stop centre* ni kita dapat *bypass* atau kita dapat mengurangkan risiko masalah birokrasi dalam jabatan kerajaan. Dan masalah kita adalah 107 yang ditenderkan tadi, 107 ni melibatkan kawasan majoritinya luar bandar dan yang ini masih KIV, kalau ini dapat disegerakan oleh kerajaan pusat, ia banyak membantu untuk menambahbaikkan sistem Internet di luar bandar.

Dan inisiatif saya mintalah bukan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, diminta juga yang ni kita cakap rakan strategik pihak kerajaan dan pihak pembangkang, wakil-wakil kita dalam Parlimen, untuk dibawa dalam Parlimen diperbahaskan supaya kita sama-sama ke arah untuk membantu Johor mendapat kemudahan Internet yang lebih baik. Dan kita di pihak kerajaan bukan kita tak *follow up*, saya sentiasa bawa isu ni dalam mesyuarat kerajaan negeri untuk dibincangkan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kita panjangkan kepada kerajaan *federal* dan selaku menteri yang baharu dilantik, saya pun dah mohon untuk mendapatkan temu janji dalam masa minggu depan untuk kita membincangkan, kita nak tanya ke mana hala tuju projek JENDELA ini dan apa status yang terkini dan bila kita dapat maklumat, insya-Allah, saya akan maklumkan kepada semua Yang Berhormat yang ada kat sini.

Dan, saya ambil kesempatan juga ada juga soalan tanya, Yang Berhormat EXCO boleh tak dalam soalan ni macam mana nak memudahkan masalah aduan dan aduan-aduan ni Yang Berhormat bolehlah di samping menggunakan apa ni sistem yang ada kita punya apa ni, laman sesawang untuk aduan, boleh juga kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sila *direct* dengan saya. Saya sendiri boleh turun dan saya dah menyelesaikan beberapa isu terutama di, contoh di Bekok, saya dengan Yang Berhormat Bekok sendiri turun padang masuk perkampungan Orang Asli dan kita dapat cuba bantu selesaikan. Tetapi penyelesaian yang mutlak adalah di bawah kerajaan *federal*. Contoh di Bekok, dalam perancangan memang ada satu *tower* dalam projek 107 tu ada *tower* di Kemida, tapi oleh kerana projek ini belum di *award*, kita tak dapat selesaikan. Tetapi banyak perkara lainlah sampingan kita dapat bantu masyarakat Orang Asli macam kita bantu kewangan sikit supaya mereka dapat menyediakan pondok untuk, kebetulan ada kawasan yang dapat liputan tepi pinggir hutan

yang kita tolong sama-sama. Saya ingat orang di Bekok sama-sama pergi kat sana, selesaikan masalah rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Stulang jemput.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

Berapakah peningkatan kes masalah sosial/keluarga waktu PKP pandemik COVID-19 ini, dari segi cerai, ingin bunuh diri, masalah kewangan tegar dan sebagainya?

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab Stulang. Setiap aduan kekeluargaan dibuat, diterima melalui sumber-sumber Pejabat Kadi Daerah, talian *hotline* dan juga Pusat Khidmat Keluarga, Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (*KSK Care Centre*) dengan izin. Sepanjang tempoh PKP ini, aduan dibuat diterima melalui kaedah atas talian sahaja. Sesi khidmat nasihat keluarga hanya dijalankan melalui janji temu yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Bagi tempoh Mac sehingga Julai 2021 Yang Berhormat Speaker, aduan diterima adalah sebagaimana berikut; aduan keseluruhan diterima bagi Mac 2021, bagi statistik bagi peringkat Pejabat Kadi Daerah-Daerah sebanyak 271 aduan, Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) sebanyak 739 aduan, talian *hotline* sebanyak 17 aduan, Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (*KSK Care Centre*) sebanyak 27 aduan, jumlah aduan daripada Mac hingga Julai 2021 untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker ialah sebanyak 1,054 aduan. Pecahan aduan mengikut daerah-daerah adalah seperti berikut: Johor Bahru sebanyak 225 aduan, Muar sebanyak 160 aduan, Kluang sebanyak 107 aduan, Batu Pahat, 122 aduan; Kota Tinggi, 109 aduan; Pontian, 72 aduan; Mersing, 40 aduan; Tangkak, 55 aduan dan Kulai, 42 aduan, jumlah aduan sebanyak 1,054.

Bagi kes-kes keganasan rumah tangga yang direkodkan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 13% iaitu sebanyak 137 aduan daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, bagi Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) merupakan sistem yang dibangunkan oleh JAKIM berasaskan proses kerja bagi penyelarasan semua Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia khususnya di negeri Johor. Pejabat Agama Islam Daerah di Malaysia terlebih efisien dan teratur lagi. Modul-modul yang terdapat dalam SPPIM ni antaranya ialah permohonan kursus pra perkahwinan, permohonan kebenaran nikah, pendaftaran nikah sehinggalah kepada proses penceraian, rujuk dan runding cara. Ia mula diaplikasikan bagi tujuan runding cara ini untuk makluman Tuan Speaker, di seluruh Pejabat Kadi di seluruh Johor bermula April 2021, bagi talian *hotline*, runding khidmat nasihat mula beroperasi bulan Jun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan, bagi maklumat data nikah cerai dah rujuk sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB, PKPP, PKP Fasa 1 Negeri Johor adalah seperti berikut; bagi tahun 2020 (Mac hingga Disember) bagi daerah Batu Pahat, nikah, 2,032, cerai, 522, rujuk, 59, bagi daerah Muar, nikah, 1,245, cerai, 289 dan rujuk, 37, bagi daerah Segamat, nikah, 943, cerai, 138 dan rujuk, 3, bagi daerah Johor Bahru, nikah, 3,268, cerai, 1,344 dan rujuk, 228, bagi daerah Kluang, nikah, 1,255, cerai, 302 dan rujuk, 41, bagi daerah Pontian, nikah, 1,035, cerai, 260 dan rujuk, 43, bagi daerah Kota Tinggi, nikah, 1,255, cerai, 321 dan rujuk, 16, bagi daerah Mersing, nikah, 569, cerai, 87 dan rujuk, 4, bagi daerah Kulai, nikah, 833, cerai, 144 dan rujuk, 16 dan bagi daerah Tangkak, nikah, 721, cerai, 92 dan rujuk, 10.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Ahli Dewan, bagi tahun 2021 (Januari hingga Julai), daerah Batu Pahat, nikah, 1,622, cerai, 15, rujuk, 10, Muar, nikah, 951, cerai, 100, rujuk, 9, bagi daerah Segamat, nikah, 337, cerai, 66, rujuk, 10, bagi daerah Johor Bahru, nikah, 2,917, cerai, 575 dan rujuk, 72, bagi daerah Kluang, nikah, 672, cerai, 114 dan rujuk, 16, bagi daerah Pontian Yang Berhormat Speaker, nikah, 735, cerai, 30 dan rujuk, 3, bagi daerah Kota Tinggi, nikah, 880, cerai, 33 dan rujuk, 2, bagi daerah Mersing, nikah, 337, cerai, 18 dan rujuk, 2, bagi daerah Kulai, nikah, 605, cerai, 43 dan rujuk, 8, bagi daerah Tangkak, nikah, 528, cerai, 45 dan rujuk, 1. Jumlah keseluruhan Yang Berhormat Tuan Speaker bagi Mac 2020 hingga Disember 2020, nikah, 13,196, cerai, 3,459 dan rujuk, 457. Bagi Januari 2021 hingga Julai 2021, nikah, 9,614, cerai, 1,039 dan rujuk, 135. Bagi statistik kes keganasan rumah tangga di negeri Johor bagi tempoh Januari – Ogos 2020 sehingga Januari – Ogos 2021...

YB Speaker : Katakan jumlah aje Yang Berhormat tak payah ikut daerah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Jumlah keseluruhannya sebanyak 503 Yang Berhormat Tuan Speaker. Bagi Januari – Ogos 2020 503 kes, Januari – Ogos 2021, 444 kes. Sekian Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Dah 10.30, saya tamatkan soalan.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tuan Speaker ada soalan.

YB Speaker : Soalan lisan ni, dah lewat Yang Berhormat. Saya tamatkan soalan lisan ni. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : Soalan-soalan bertulis, jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan atas meja mesyuarat.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman pada hari ini kita akan mendengar penggulungan daripada empat orang Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa, masa yang diberikan adalah 20 minit setiap seorang. Seterusnya penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan semasa sesi perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijawab secara bertulis oleh Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang lain pada hari ini juga.

Perbahasan disambung sekarang. Jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia, 20 minit, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat.) Assalamuálaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan ta'zimnya, patik merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah berkenan untuk berangkat mencemar duli untuk merasmikan Pembukaan Persidangan Yang Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada hari Khamis. Semoga Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dikurniakan kesihatan, keberkatan, kebesaran, kedaulatan dan kesejahteraan jua hendaknya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah mengambil bahagian sepanjang sesi persidangan dan telah menzahirkan keprihatinan masing-masing dengan berkongsi informasi, idea serta pandangan yang bernas dan telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan portfolio di bawah tanggungjawab saya. Sepanjang tempoh persidangan, jelas sekali isu-isu berkaitan sektor pelaburan, keusahawanan dan sektor modal insan telah mendapat perhatian dan menjadi topik yang sensasi dari kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah, saya akan cuba memberikan penjelasan dan penerangan secara tuntas bagi menjawab semua persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Justeru, saya akan menstrukturkan ucapan penggulungan saya kepada tiga bahagian utama berdasarkan portfolio di bawah tanggungjawab saya yang juga merupakan satu sektor yang amat terkesan teruk sepanjang tempoh hitam pandemik COVID-19.

Sempena menyambut hari kemerdekaan, saya ingin berkongsi serangkap pantun, "Bangsa merdeka khazanah warisan, teguh muafakat bernaungkan Sultan, Malaysia Prihatin tema hari kebangsaan, mulia jati diri, teras perpaduan".

Yang Berhormat Tuan Speaker, bermula dari awal tahun 2020 sehingga ke detik ini, seluruh dunia telah dikejutkan dengan satu detik hitam susulan serangan dan penularan pandemik maut COVID-19. Serangan tersebut bukan sahaja telah memberi kesan negatif kepada situasi sosioekonomi dunia sahaja, malah ia turut menuntut anjakan paradigma kepada keadaan sedia ada, iaitu perubahan normal kehidupan kepada kelaziman sebelum ini, kepada satu norma baharu. Negara Malaysia dan negeri Johor juga tidak terkecuali dari semua perubahan yang berlaku. Serangan pandemik COVID-19 secara langsung telah mempengaruhi ekosistem kehidupan dan juga ekonomi negara. Negeri Johor juga tidak terkecuali di dalam mengalami kesan buruk pandemik maut ini. Situasi ini diburukkan lagi dengan arena politik tanah air yang tidak menentu dan menyumbang kepada ketidakstabilan. Kestabilan politik dan perkembangan ekonomi merupakan elemen yang saling berkait dalam konteks menilai pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara mahupun negeri.

Dari sudut pandangan dan pelaburan terutamanya, tindakan ketidakstabilan landskap politik negara bukan sahaja akan menggugat serta mempengaruhi keyakinan pelaburan baru, malah ia turut memberi kesan serta menjejaskan pelaburan sedia ada dalam negara dan juga negeri ini. Ketidakstabilan serta drama polemik politik yang berlarutan akan memberi tanggapan negatif kepada pelabur tempatan dan antarabangsa yang dibelenggu situasi yang tidak menentu. Melalui kerajaan yang stabil, perkembangan ekonomi dapat dipertingkatkan melalui dasar fiskal dan mesra pelabur.

Justeru, pandangan Yang Berhormat Parit Raja, berkaitan dasar kerajaan negeri Johor yang mesra pelabur, kesediaan insentif dan infrastruktur yang terbaik, kerjasama antara agensi diharap dapat memberi keyakinan kemasukan pelabur baru dapat memberi nilai tambah kepada kerajaan amatlah diterima baik dan selari dengan pendekatan-pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor kekal sebagai salah sebuah negeri yang kompetitif dalam sektor pelaburan walaupun menghadapi pelbagai rintangan serta kekangan bagi merealisasikan sesebuah pelaburan yang masuk dalam keadaan tempoh sukar sekarang ini. Ini dapat dizahirkan berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) pada tahun 2020, negeri Johor berjaya membawa masuk pelaburan dengan nilai keseluruhannya adalah sebanyak RM6.7 bilion dan dari jumlah tersebut sebanyak RM4.2 bilion adalah dari pelaburan asing. Manakala, RM2.5 bilion adalah pelaburan domestik atau tempatan. Hasil daripada pelaburan tersebut, telah berjaya mewujudkan sebanyak 13,052 peluang pekerjaan dari jumlah 232 buah syarikat, juga projek yang telah diluluskan. Bagi tahun 2021, setakat bulan Mac, negeri Johor telah berjaya menerima pelaburan masuk keseluruhan bernilai RM1.7 bilion. Daripada jumlah tersebut,

nilai pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk ke negeri Johor adalah sebanyak RM369 juta. Manakala, daripada jumlah pelaburan tempatan dan domestik yang berjaya diterima adalah sebanyak RM1.3 bilion. Pelaburan tersebut melibatkan 49 buah syarikat dan dijangkakan akan mewujudkan sebanyak 5,394 peluang pekerjaan kepada warga Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha menaik taraf ekosistem industri domestik yang dapat menarik pelabur dan menyokong projek asing utama, kerajaan negeri Johor juga turut giat merancang dan menyediakan pelan perancangan jangka versi pendek, sederhana mahu pun jangka masa panjang bagi memacu hala tuju sektor pelaburan negeri bagi menghadapi cabaran dunia global pasca COVID-19. Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan telah dikongsikan di dalam Dewan yang mulia sebelum ini, kerajaan negeri juga telah pun memperkenalkan beberapa inisiatif bagi usaha mendukung pencapaian sektor pelaburan negeri ini agar kembali berdaya saing dan aktif selepas teruk dirempuh badai pandemik COVID-19. Antara inisiatif yang dimaksudkan, adalah inisiatif penubuhan *Ibrahim Johor Economic Counsel*. Inisiatif penubuhan *Johor Economic Tourism and Cultural Office* yang dijangka akan mula beroperasi di Singapura pada akhir tahun ini, dan inisiatif Singapura – Johor – Kepulauan Riau (SIJO-KEPRI) iaitu satu jalinan usaha sama strategik di antara negara yang terbabit bagi kerjasama pintar dalam sektor pelaburan, perdagangan, perindustrian dan lain-lain lagi.

Kerajaan negeri Johor menerusi agensi rasmi pelaburan negeri itu, iaitu *Invest Johor* terus aktif melaksanakan inisiatif dalam usaha menarik lebih banyak pelabur masuk ke negeri ini. Selari dengan objektif penubuhannya, *Invest Johor* amat komited dalam menyediakan perkhidmatan profesional dan berkualiti tinggi kepada para pelabur yang berminat untuk menjalankan perniagaan di negeri Johor. Untuk makluman, kerajaan negeri Johor melalui *Invest Johor* sedang dalam proses akhir menerbitkan Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2020 – 2030. Ianya kini di peringkat proses perolehan. Pelan induk pelaburan ini juga akan menjadi bahan rujukan tambahan selain daripada Pelan Pembangunan Mampan Ekonomi Johor. Dengan adanya penambahan pelan strategik fokus ini, ianya dapat membantu usaha penambahbaikan hala tuju dan strategik kerajaan negeri Johor dalam menarik aktiviti-aktiviti pelaburan yang berkualiti tinggi agar limpahan dan dari pelaburan yang dibawa masuk dapat memberi manfaat kepada pembangunan modal insan negeri ini khususnya dan seterusnya merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Johor secara amnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri melalui *Invest Johor* juga JETCO kini sedang giat menjalankan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pelaburan yang sedia ada selain mempergiatkan usaha dalam memastikan negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah penganjuran sesi libat urus dengan pelbagai organisasi, pertubuhan dan persatuan, perniagaan asing dan tempatan bagi mendapatkan maklum balas serta informasi berkaitan segala permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri ketika ini. Usaha ini menzahirkan keprihatinan negeri Johor kepada permasalahan yang berlaku.

Invest Johor dan JETCO juga aktif mengadakan beberapa sesi dialog sama ada secara fizikal mahupun secara maya dengan beberapa persatuan, pengilangan dan pemain industri sebagai tanda sokongan dan seterusnya mengambil perhatian serta tindakan segera di atas kesemua aduan yang telah diutarakan oleh pihak industri. Selain sesi promosi dan perbincangan dua hala bersama prospek-prospek pelabur secara maya juga telah dilaksanakan dengan secara konsisten oleh *Invest Johor* bagi menarik masuk pelaburan ke negeri ini. Usaha ini amat penting bagi memberi keyakinan kepada bakal pelabur untuk terus membuat keputusan melabur ke negeri ini. Antara organisasi, pertubuhan dan persatuan yang telah terlibat dalam sesi dialog yang telah diadakan, adalah *Johor Bahru Chinese Chambers of Commerce, Malaysia International Chambers of Commerce & Industry, Singapore Business Council and Singapore Business Federation, AME* dan kesemua syarikat dan industri di dalam kawasan Industrial I-Park, *Muar Furniture Association, Boss Club Malaysia* dan lain-lain lagi.

Semua inisiatif yang telah dilaksanakan ini akan terus dipergiat dari semasa ke semasa bagi menjamin keyakinan pelabur sedia ada dan seterusnya meningkatkan lagi kelayakan serta keiltizaman para pelabur baru untuk melakukan pelaburan di negeri ini. Semua usaha gigih kerajaan negeri yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan prestasi pencapaian sektor pelaburan dilihat membuahkan hasil atau pencapaian amat positif. Ianya dapat dibuktikan dengan nilai potensi pelaburan yang sedang dalam rundingan. Berdasarkan laporan *Invest Johor* setakat 1 September 2021, nilai kumulatif pelaburan yang berpotensi untuk dibawa masuk ke negeri Johor pada tahun ini dijangka mencecah RM5.5 bilion. Ianya hanya menunggu masa untuk memeterai dokumen-dokumen perjanjian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bekok mengenai kegagalan menarik pelabur atau pembuat vaksin dari Eropah untuk menubuhkan kilang di negeri ini. Untuk makluman Yang Berhormat, firma farmaseutikal multinasional mempunyai hak kebebasan dalam menentukan pilihan akhir mereka dari beberapa pilihan lokasi yang terdiri daripada beberapa buah negara termasuklah dari negara yang membangun dan maju bagi menempatkan operasi mahupun penubuhan kilang mereka. Berbanding negara Singapura, negara jiran itu memiliki asas kukuh dari segi persekitaran IT serta sistem perundangan yang teguh serta diyakini. Kewujudan tenaga kerja berbakat dan komitmen penyelidikan dan inovasi malah Singapura berada pada kedudukan kedua di dunia dan pertama di rantau Asia yang memiliki perlindungan IT yang terbaik dan ia terkandung di dalam *World Economic Forum Global Competitiveness Report 2019*. Secara umumnya apabila kita merujuk secara *specific* dan IT Iskandar Malaysia yang tertakluk kepada sistem IT negara berada kedudukan yang belum memuaskan. Lantas, amat sukar untuk meyakinkan pengeluar-pengeluar untuk menempatkan pelaburan mereka di sini walaupun kita menawarkan dan mempunyai kos infrastruktur yang lebih rendah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, krisis kesihatan yang melanda negara susulan pandemik COVID-19 secara langsung telah menjadi ancaman kepada kestabilan ekonomi negara dan khususnya negeri Johor apabila ianya meninggalkan impak yang mendalam kepada pelaburan negeri, pertumbuhan negara Malaysia mahupun negeri Johor pada tahun 2020. Tidak dapat dinafikan sektor ekonomi mahupun orang awam terus terjejas susulan arahan PKP yang berpanjangan. Namun begitu, dari segi aspek pengunjuran ekonomi negeri bagi tahun 2021 pula, prestasi negeri Johor dijangka mengalami pertambahan pengunjuran antara 3% hingga 5%. Unjuran prestasi positif ini adalah berasaskan kepada keyakinan dan keberkesanan inisiatif dalam Belanjawan 2021 serta Pakej Rangsangan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Pelaksanaan inisiatif termasuk pemberian insentif kepada golongan sasaran dilihat telah memberi impak positif kepada perkembangan sosioekonomi negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam situasi semasa ekonomi yang tidak menentu, di mana kadar permintaan adalah lebih rendah dan perlahan atau ketiadaan permintaan berikutan dengan kekangan pergerakan aktiviti ekonomi susulan pelaksanaan arahan PKP. Golongan usahawan PKS dilihat antara segmen perniagaan yang telah terkesan teruk. Antara faktor utama yang menyumbang kepada situasi tersebut adalah golongan usahawan ini kebiasaannya beroperasi dengan sumber yang terhad dan lazimnya berorientasikan buruh. Golongan usahawan ini juga akan menggunakan peruntukan kos perbelanjaan yang lebih besar bagi tujuan penggajian buruh dan seterusnya memperolehi margin keuntungan yang kecil daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan.

Berdasarkan sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia dalam banci ekonomi, *Economic Census 2016*, negeri Johor mempunyai seramai 98,190 PKS dan merupakan ke-3 paling ramai PKS dari jumlah keseluruhan PKS di Malaysia. Daripada nilai tersebut, 70% merupakan perusahaan PKS yang bertaraf mikro. Bagi golongan usahawan PKS ini antara objektif yang perlu dicapai dalam tempoh hibernasi adalah memastikan status perniagaan dapat dikekalkan walaupun operasi perniagaan mereka telah pun terganggu. Antara cabaran besar yang dihadapi adalah keperluan membayar hutang pembekal dan sewa

premis serta memenuhi tanggungjawab mengekalkan pekerja. Namun begitu perintah PKP disusuli dengan PKPB juga disusuli dengan PKPP bagi membendung penularan pandemik maut COVID-19 telah menyumbang kepada kadar kerugian yang tinggi dan telah menyebabkan pemberhentian sementara beberapa sektor perniagaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sejajar dengan pelaksanaan arahan PKP, PKPB, PKPP, yang telah dilaksanakan pada bulan Mac 2020, pelbagai inisiatif juga telah dilancarkan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan dan juga negeri bagi tujuan melindungi nyawa, memastikan kesejahteraan dan memperkasakan usahawan dan seterusnya mendorong pertumbuhan ekonomi negeri. Menyedari peranan penting golongan PKS dalam ekonomi negeri dan kerentanan terhadap sebarang ketidakpastian pelbagai inisiatif serta pakej rangsangan yang komprehensif dan dinamik telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi membantu segmen keusahawanan. Keprihatinan kerajaan negeri bagi mengatasi segala permasalahan dan seterusnya membantu memperkasakan golongan usahawan yang terkesan telah pun dizahirkan melalui pelancaran Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bermula sejak fasa PKP yang pertama lagi.

Tiga fasa pakej rangsangan ekonomi yang saya maksudkan adalah Pakej Rangsangan Ekonomi 1.0 dengan nilai peruntukan sebanyak RM163 juta dan Pakej Rangsangan Ekonomi 2.0 dengan nilai peruntukan sebanyak RM117 juta dan yang terbaru Pakej Rangsangan Ekonomi 3.0 yang telah diperuntukkan sebanyak RM209 juta. Ini menjadikan peruntukan keseluruhan bagi tiga siri pakej rangsangan ini adalah sebanyak RM491 juta dan melibatkan sebanyak 103 inisiatif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri ini sedar akan keperluan negeri Johor menjadi pelopor dan suri tauladan kepada negeri lain di Malaysia. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berbesar hati memperuntukkan dana khususnya dalam Belanjawan Johor 2021 bagi membantu golongan usahawan negeri Johor yang terjejas dan seterusnya memperkasakan sektor keusahawanan di negeri ini menerusi agenda Johor Niaga yang mengandungi 8 inisiatif. Menerusi Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) sebagai agensi pelaksanaan rasmi, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif mahupun pemberian insentif bagi usaha membantu membimbing dan seterusnya memperkasakan golongan usahawan di negeri ini. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh PUJB adalah Geran Orang Lokal 3.0, Misi Jejak PKS Johor 2021, memperkasakan usahawan dengan insentif pembukaan akaun syarikat, Program Latihan Usahawan Johor, PERKASA Johor IP, SME Gold Digital, Jelajah Usahawan Johor, Promosi produk PKS, Sesi *Townhall PKS Johor*, Program Pembangunan Ekonomi Setempat, JIP, Gerak PKS Makmur Johor 2021 COVID-19 dan lain-lain lagi.

Saya amat menyambut baik pandangan Yang Berhormat Parit Raja yang telah mencadangkan agar peruntukan program pembangunan setempat dapat ditambah pada jumlah yang lebih besar agar dapat membuka peluang dan menyediakan lebih banyak inisiatif yang lebih luas kepada usahawan yang berminat untuk memulakan projek perintis.

Bagi makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menerusi PUJB serta Ahli Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor juga telah menyediakan pelbagai insentif berbentuk geran dan juga bantuan pembiayaan bagi kemudahan golongan usahawan. Bagi insentif berbentuk geran antara jabatan atau agensi yang terlibat secara langsung dalam memberikan geran adalah seperti Jabatan Pertanian Negeri Johor, SME Corp., KEJORA, TERAJU, SIRIM, FAMA, MATRADE dan lain-lain lagi agensi. Insentif geran yang ditawarkan dan diberikan ini merangkumi pembelian peralatan mesin atau menambahkan baik premis usahawan dan program permasalahan dan juga latihan. Berdasar hasil laporan terkini dari jabatan serta agensi yang terbabit sehingga Julai 2021, nilai komuniti bantuan geran yang telah disalurkan berjumlah RM18.706 juta dan ianya telah memanfaatkan seramai 5,979 usahawan di negeri Johor.

YB Speaker : Banyak lagi ke Yang Berhormat? Banyak lagi ke?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Banyak lagi yang belum cover. Manakala bagi insentif dalam bentuk bantuan pembiayaan mudah pula, nilai komuniti bantuan pembiayaan mudah yang telah diluluskan PNB Johor sehingga tahun, Julai 2021 berjumlah RM332.676 juta. Benda ini telah dimanfaatkan 21,000 usahawan di negeri Johor. Antara jabatan atau agensi yang terlibat yang menjayakan insentif ini adalah TEKUN, MARA, SME Bank, MIDF, Amanah Ikhtiar, Dana Wakaf JCorp, Petronas dan agensi-agensi lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sedikit masa lagi. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bekok, Bentayan, Buluh Kasap mengenai nasib golongan usahawan di negeri Johor sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Sepertimana kita sedia maklum kerajaan persekutuan telah memperkenalkan pelbagai pelan serta pakej rangsangan ekonomi bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan negeri juga turut mengambil tindakan secara komprehensif dan holistik bagi mendepani segala permasalahan bagi memacu pertumbuhan ekonomi kembali ke landasan yang betul. Pelbagai pelan perancangan bagi jangka, pelbagai pelan perancangan bagi masa pendek segala mana pun bagi jangka masa panjang telah pun dirancang oleh kerajaan negeri dalam usaha meningkatkan kembali daya saing serta daya tahan golongan usahawan sebagai pemangkin kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran ekonomi negeri. Dalam pengeluaran pelan dan pakej rangsangan ekonomi sebagai salah satu pelan jangka masa pendek oleh kerajaan sendiri hingga ini, pengeluaran Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 sebagai salah satu pelan jangka masa panjang.

Transformasi digital golongan usahawan ini adalah salah satu pelan panjang bagi memperkasakan sektor ekonomi di negeri Johor ini. Ianya juga adalah melibatkan budaya syarikat, proses organisasi model perniagaan dan juga kemampuan usahawan. Transformasi digital merujuk kepada penambahbaikan mekanisme dengan memanfaatkan teknologi digital data seperti Kecerdasan Buatan (A.I).

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri juga turut mengambil langkah pragmatik bagi membantu pendedahan galakan serta kebimbangan kepada golongan usahawan di negeri dengan pelaksanaan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital. Inisiatif *Johor e-Market Place* adalah merupakan salah satu inisiatif kerajaan Johor dalam membantu golongan usahawan untuk terus maju menerusi perniagaan secara dalam talian. Inisiatif ini terbukti memberi manfaat kepada 13,000 usahawan di negeri ini pada siri pertama. Dan ianya juga akan diteruskan siri 2 untuk tahun ini. Untuk makluman, pada 9 hari bulan ini, program ini akan dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi makluman semua, bilangan tenaga buruh di Johor iaitu merangkumi warga pekerja yang menganggur pada suku kedua tahun 2021 telah direkodkan seramai 1.7 juta yang bekerja dan yang menganggur ya. Jumlah ini menunjukkan peningkatan perbandingan pada suku yang sama tahun lepas 1.75 juta. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh di negeri Johor yang dicatatkan pada suku kedua tahun 2021 juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 mata peratus kepada 67.6% berbanding 67.2% yang telah dicatatkan pada suku tahun pertama. Lanjutan arahan PKP pada awal tahun 2021 telah menyebabkan beberapa sektor industri perniagaan dan juga perkhidmatan telah mengalami sekatan operasi dan seterusnya menyumbang kepada pengurangan penggunaan mahupun pengambilan pekerjaan di sektor-sektor terbabit.

YB Speaker : Satu minit lagi Yang Berhormat, satu minit lagi. Dah 24 minit dah Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Ok. Yang Berhormat Tuan Speaker bagi membela para pekerja di

negeri ini yang telah terkesan akibat COVID-19, sebagai agensi yang bertanggungjawab kita telah menawarkan pelbagai insentif serta bantuan golongan pekerja melalui PERKESO dan banyak program-program juga bantuan yang telah dianjurkan oleh pihak PERKESO. Jadi saya, ringkaskan lagi. PERKESO juga mengambil inisiatif peranan sebagai pangkalan data bagi pengumpulan maklumat serta pusat informasi berkaitan sektor modal insan dan jumlah penawaran pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mempamerkan sikap profesionalisme yang tinggi, berinteraksi secara matang, bertoleransi, hormat menghormati sesama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang seterusnya menyumbang kepada keharmonian dalam Dewan yang mulia ini. Sesi Persidangan juga dapat dilaksanakan dengan lancar dan efektif. Inilah satu keunikan Dewan Undangan Negeri Johor di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan sikap jati diri kita semua selaku Ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT walau kita berbeza fahaman serta ideologi politik, namun ianya tidak sesekali mengganggu gugat komitmen kita yang sentiasa berganding bahu demi memelihara kemurnian dan kesejahteraan rakyat dan terus kekal fokus membangunkan kemajuan pertumbuhan ekonomi negeri ini. Itulah janji dan pegangan kita semua demi Johor. Kerajaan negeri juga sentiasa berlapang dada dan sedia menerima segala teguran dan kritikan yang membina dalam usaha penambahbaikan urusan pentadbiran dan juga pelan perancangan negeri dari masa ke semasa agar kelestarian negeri dapat terus diperkasa.

Hari ini tuan di sana, kami di sini, hari esok tuan di sini kami di sana. PRU-15 akan menjelang kali ini. Sama ada kita kekal atau hilang entah ke mana.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya mencerminkan sebuah bentuk kepimpinan yang baik yang lebih fokus dan telah banyak memberi sokongan serta dukungan mahupun bantuan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri tanpa mengira latar belakang dan fahaman politik. Ianya bukan satu perkara yang mudah untuk menjadi seorang pemimpin yang adil dan saksama dalam situasi yang amat mencabar hari ini. Sokongan tidak berbelah bahagi dari kami semua akan diteruskan demi mencapai misi dan visi kerajaan seperti mana yang telah disasarkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita perlu ingat bahawa umat yang berpecah belah, tiada perpaduan, tiada silaturahim, umat yang lemah dan rapuh. Terlalu banyak contoh yang boleh kita ambil untuk kita jadikan iktibar. Kita telah menyaksikan negeri yang tidak bersatu, suka berpecah belah. Negara tidak aman dan harmoni. Mereka akan terus dibelenggu dan menghadapi pelbagai masalah yang ternyata merugikan diri sendiri dan golongan rakyat khususnya. Marilah kita sesama memelihara, memperkasa dan mengikatkan jalinan tali persaudaraan sesama kita. Jangan sampai ianya putus dan musnah. Binalah dengan asas keimanan dan perpaduan sepertimana yang dianjurkan dan ditegaskan dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Hujarat, ayat 10 yang berbunyi (bacaan potongan ayat al-Quran), yang bermaksud, "Bahawasanya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu. Dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat".

Akhir kalam, bersama kita membangun bangsa dan negeri Johor yang tercinta. Wabillahitaufik walhidayah wasallamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. 20 minit, jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kerana memberikan peluang kepada Rengit untuk turut sama dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor semasa pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekalung tahniah, sejangkung bunga kepada Tuan Speaker dan Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker kerana mengendalikan Persidangan Dewan ini dengan tenang lagi tertib serta tegas dengan masa. Saya kira buat pertama kalinya sejak 18 tahun saya berada dalam Dewan ini, dari hanya seorang pembangkang pada tahun 2004 kepada 6 orang pembangkang pada 2008, kepada 18 orang pembangkang pada 2013 dan akhirnya 2018 Rengit jadi pembangkang dan pada tahun yang 2020 dek kerana ribut politik bertukar menjadi kerajaan bersama 27 rakan strategik. Persidangan kali ini memang istimewa. Persidangan pada kali ini tenang lagi tertib dan saya baru pertama kali jumpa Persidangan inilah kali ini tidak ada siapa pun bangun yang menunjukkan Buku Peraturan Dewan. (Dewan Ketawa).

YB Speaker : Sidang belum habis lagi Yang Berhormat. Tapi apa kaitan dengan Jawatankuasa Perumahan Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Damai dan tenang Yang Berhormat Tuan Speaker. Dan, Yang Berhormat Tuan Speaker, Persidangan kali ini juga penuh dengan ucapan terima kasih daripada pihak rakan strategik dan daripada pihak kerajaan. Uniknya Yang Berhormat Tuan Speaker, Speaker daripada parti lain, Timbalan Speaker parti lain, kerajaan parti lain, tapi kita boleh bersidang dengan tenang lagi tertib, mudah-mudahan ianya menjadi catatan sejarah dan teladan yang baik kepada generasi akan datang. Semua ini adalah kerana...

YB Speaker : Lepas ini kalau kerajaan bertukar kita lantik Yang Berhormat sebagai Speaker lah pula.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Boleh Yang Berhormat, insya-Allah. Saya ikut saja mana yang baik Yang Berhormat. Semua ini adalah kerana sikap keterbukaan dan profesionalisme Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, Yang Amat Berhormat Benut serta kerjasama semua pihak terutamanya rakan strategik kita. Mudah-mudahan kita berdoa ianya kekal dan bertahan sehingga PRU Ke-15. Politik rentas parti ini di negara ini Yang Berhormat Tuan Speaker, belum berbudaya lagi. Yang Berhormat Tuan Speaker, tapi saya yakin kita boleh ke arah itu kerana ini benda yang baru. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya sendiri pernah dikecam, dipertikai dan dipersoalkan bila saya menjemput cikgu-cikgu daripada Parti PAS pada tahun 2006 bersama saya dalam pasukan kerja pendidikan *Excel Rengit*. 16 tahun yang lalu Yang Berhormat Tuan Speaker, setengah pihak mempertikaikan tindakan saya ketika itu, BN sapu semua bersih kerusi ini. tapi saya dah memulakan politik rentas parti Yang Berhormat. Dan saya tidak kekok bersuasanakan politik rentas parti daripada 2006 hingga kini dan saya yakin kita di Johor boleh memulakan perkara ini Yang Berhormat. Saya tak bercakap, saya tak berpidato tapi saya buat perkara ini sejak 2006 lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Medan, Bukit Pasir, Bekok, Yong Peng, Permas, Buluh Kasap, Panti, Tanjung Surat, Tangkak atas perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan portfolio saya. Isu-isu atau perkara yang dibangkitkan boleh saya rumuskan kepada isu pertamanya soal permohonan lesen, keduanya soal perniagaan PKS dan juga industri, ketiganya isu infrastruktur jalan, saluran dan kemudahan PBT, kemudahan dewan di kawasan PBT dan

keempat mengenai SOP dan penguatkuasaan dan akhir sekali mengenai perumahan yang berkaitan dengan PPR.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan menjawab berdasarkan 5 tajuk yang dibangkitkan. Yang Berhormat Sri Medan minta PBT mudahkan *regulasi* perniagaan bagi yang memohon lesen sehingga peraturan lain yang dilihat menyesak rakyat terutama peniaga kecil. Untuk makluman Dewan yang mulia, kelulusan bagi jenis lesen perniagaan yang tak berisiko ini satu hari saja Yang Berhormat Tuan Speaker dan yang berisiko 30 hari. Manakala bagi yang setengah PBT dia bagi permit sementara untuk berniaga ataupun lesen sementara. Di pihak PBT Majlis Bandaraya Iskandar Puteri kini dalam proses digitalisasi permohonan lesen secara atas talian menggunakan sistem e-PBT. Satu lagi Yang Berhormat pihak PBT membenarkan peniaga-peniaga yang tak ada lesen ini untuk berniaga, asalkan mereka boleh memastikan keselamatan lalu lintas, *parking* dan juga keadaan tempat perniagaan mereka bersih seperti mana yang saya tegaskan semalam dan saya akan meminta Bahagian Kerajaan Tempatan Johor membuat semula berhubung kaedah dan piawaian permohonan lesen agar ianya dapat diselaraskan kepada 16 buah PBT.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan perniagaan PKS dan Industri serta seperti yang disuarakan oleh Bekok, Bentayan, Buluh Kasap dan Tanjung Surat. Yang Berhormat Bekok menyentuh tentang rundingan ataupun apa-apa perancangan, usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan negeri dalam membantu industri terutamanya peniaga kecil mendepani cabaran Corona Virus ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa cakna akan cabaran yang dihadapi semua pihak yang terkesan ini. Beberapa perbincangan dan rundingan telah dilakukan bersama pihak-pihak yang berkepentingan seperti FMM, *Federation of Malaysia Manufacture, American Chambers*, Persatuan Perabot dan beberapa pihak lagi membincangkan tentang masalah dalam industri pembuatan yang menghadapi kekangan SOP dan vaksinasi.

Pada 13.9.2021 Jumaat yang lepas, saya bersama Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi ditemani oleh EXCO Perdagangan Dalam Negeri Johor, Pemanis, bersama Persatuan Perabot Muar bincang mengenai kekangan SOP dan vaksinasi ini. Selain daripada kompaun, ini saya nak jelaskan, yang dikenakan oleh pihak PBT Akta 342, ada kilang industri perabot yang tak beroperasi tapi dapat saman. Yang ini banyak diadukan di kawasan Muar Yang Berhormat Tuan Speaker. Seperti yang kita tahu, industri perabot ini menyumbang RM10 bilion eksport perabot ke luar negara dan daripada RM10 bilion, RM7 billionnya daripada Johor iaitu daripada Muar dan juga Batu Pahat. Jadi, sumbangan sektor industri perabot ini penting dan kita akan terus mendengar dan berunding dengan kapten-kapten industri ini bagaimana boleh membantu industri ini *pick up* dalam keadaan yang lebih cepat pada masa yang akan datang. Mereka juga berhadapan dengan sub kontraktor yang kilangnya tidak mengikut syarat PBT dan rumah pekerjaanya tidak mengikut Akta 446 Yang Berhormat Tuan Speaker. Tapi kerajaan negeri akan melihat perkara ini bagi memastikan industri perabot di negeri Johor ini dapat terus kekal dan mampu memberikan sumbangan besar di Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu lagi yang nak saya sebutkan ialah mengenai kebenaran beroperasi dalam industri pembuatan ini. Bermula pada 20 Ogos Yang Berhormat Tuan Speaker, kita dah benarkan industri perabot ini beroperasi mengikut kadar vaksinasi lengkap pekerja dan pengoperasiannya bergantung kepada jumlah vaksinasi lengkap pekerja. Kalau 40% dia boleh beroperasi pada 60%, kalau 60% kepada 80% kalau 80% kepada 100%. Dan saya dah mintak kepada pihak PBT memberikan bantuan membolehkan industri pembuatan ini beroperasi mengikut SOP yang dah ditetapkan oleh pihak MKN.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Buluh Kasap mengenai peniaga kecil pasca COVID, apa usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan

bagi membantu peniaga-peniaga kecil pasca COVID? Kita telah menyusun supaya memberikan ruang niaga yang lebih strategik lokasinya, kemudahan lampu dan air selain daripada itu penganjuran kursus, pengendalian makanan, penyeragaman meja dan juga payung agar dapat lebih kemas lagi teratur serta cadangan pemberian *face mask*, *face shield* yang boleh membantu kawalan sendiri peniaga. Selain daripada itu program asas yang berkaitan dengan digital sesuai dengan suasana selepas pandemik ini, supaya peniaga kita mesra dan mudah memahami. Kita akan menggerakkan program-program digital ini bersama peniaga-peniaga kecil secara berperingkat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya kepada Yang Berhormat Skudai, Yong Peng dan Panti serta Tangkak membangkitkan mengenai infra, jalan, saliran dan kemudahan di kawasan PBT. Penurapan Jalan Sejahtera, MBIP memaklumkan beberapa kriteria telah diambil kira dalam menurap jalan tersebut. Jalan ini merupakan jalan utama berhampiran sebuah sekolah SMK Desa Skudai. Kajian *Roadness* nya yang dilakukan mendapati permukaan jalan ini kasar penuh dengan kesan penampalan lubang dan terdapat keperluan untuk diseliasa senggara bagi menjamin keselamatan pengguna. Tapi saya ambil pandangan daripada Skudai bagi memastikan hanya jalan, keutamaannya kepada jalan-jalan yang rosak, keutamaan harus diberi kepada jalan-jalan yang rosak barulah kita berikan kepada jalan yang mungkin tak berapa kita bolehlah senggara jika bajetnya mencukupi.

Menjawab persoalan Panti, Majlis Daerah Kota Tinggi sedang menaik taraf infrastruktur DUN Panti, kerja-kerja perparitan longkang di Taman Kemang RM200,000.00, di Jalan Abdul Aziz RM200,000.00 dan kerja-kerja pembersihan *monsoon drain* di Zon 3 dengan peruntukan berjumlah RM1.1 juta.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Yong Peng yang sentiasa membangkitkan isu berkaitan banjir di Taman Damai Jaya dan juga Taman Desa. Saya tengok Yang Berhormat Yong Peng selalu *Whatsapp*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pemaju telah diarahkan untuk menaik taraf *outlet* di kolam tadahan tersebut, JPS juga telah melaksanakan kerja pembersihan kolam takungan di Taman Damai Jaya, JPS juga akan melaksanakan kerja penyenggaraan berkala 5 pusingan bermula Julai hingga November. Majlis Daerah Yong Peng dalam perancangan untuk menaik taraf *cross culvert* di Jalan Labis dan membuat perparitan menghala Sungai Temehel bagi menampung aliran *monsoon drain*.

Melihat kesungguhan Yang Berhormat Yong Peng, kerap membawa isu ini insya-Allah di Dewan yang mulia ini saya bersama Majlis Daerah Yong Peng dan Yang Berhormat Yong Peng kita akan duduk berbincang di tapak bagaimana kaedah bersama jabatan dan agensi-agensi yang lain dan saya mohon Yang Berhormat bagi saya sedikit masa mungkin dalam bulan September ini kita akan datang ke tapak tersebut.

Yang Berhormat Tangkak mencadangkan supaya dalam Dewan ini, PBT, dewan di dalam kawasan PBT digunakan untuk Pusat Kuarantin. Pihak PBT menyambut baik bagi memudahkan pengurusan. Cadangan ini baik kerana kita mengoptimumkan kemudahan logistik sedia ada. Keperluan penggunaan dewan di kawasan PBT untuk pusat kuarantin ini Yang Berhormat adalah tertakluk kepada Jabatan Kesihatan bersama Jawatankuasa Bencana Daerah dan dipersetujui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. Pihak PBT tiada halangan, sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk memastikan dewan di kawasan PBT digunakan untuk memudahkan pengurusan kuarantin bagi mereka yang dijangkiti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai banjir kilat di jajahan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, MBPG memaklumkan dia sentiasa memberikan kerjasama, pihak konsesi Sapua Global untuk sentiasa menyegarkan parit sedia ada supaya sentiasa berada dalam keadaan baik di samping menjalankan kajian-kajian yang terperinci bagi menaik taraf kemudahan tersebut. Satu lagi Permas membangkitkan soal kilang-kilang haram yang beroperasi di kawasan Majlis Bandaraya. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa kini, kerajaan negeri telah meluluskan eksais bagi 15 buah PBT di bawah Program Pemutihan Industri di

negeri Johor. Mengambil contoh Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah mendapat kelulusan SPC dan MMK pada tahun ini. Di Batu Pahat ada 800 kilang, MPP yang tidak ada, yang cuba di *legalized*, yang akan di *legalized* kan kecuali bagi yang melibatkan pencemaran air, bau dan bising ini akan *relocate* ke taman perindustrian yang akan ditetapkan, dan kita harap program ini Yang Berhormat bagi kawasan MBPG akan menjana pendapatan RM51 juta dan hasil tahun RM6 juta. Kita berharap semua 15 PBT ini akan membuat eksais pada tahun ini dan dijangka pada pertengahan tahun depan, semua kawasan PBT yang mana industri, kilang-kilang yang dah wujud lama ini dapat kita beri kelulusan, berikan kebenaran dan mereka boleh beroperasi dengan lebih selesa dan boleh membantu ekonomi di negeri ini Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu akhir yang dibangkitkan oleh Tanjung Surat mengenai PPR Pengerang di Kampung Punggai. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Surat, ada 300 unit, luasnya 7 ekar, 7 ekar, tarikh jangkaan siap 24 September, bulan ini Yang Berhormat. Tapi melihat kemajuan di tapak cuma 43%, dia dapat dua kali EOT, dijangka projek ini akan diserahkan kepada SUK Bahagian Perumahan 12 Julai 2022. Dan sekiranya projek ini siap Yang Berhormat, kita akan beri keutamaan kepada 126 orang yang duduk di rumah transit, dan bakinya akan kita beri keutamaan kepada penduduk tempatan yang tidak ada rumah dan tidak ada tanah untuk kita tempatkan bagi projek PPR Pengerang Yang Berhormat Tuan Speaker.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjelaskan sedikit secara ringkas mengenai portfolio saya, pertamanya tentang PLANMalaysia. Kini kita dalam usaha memastikan di bawah Rancangan Fizikal Negara Ke-4, kita nak pastikan Lebuh raya Pantai Timur dari Kuantan dia akan melalui Mersing, dan turun ke Ulu Tiram. Ini akan kita usahakan, pastikan masuk dalam Rancangan Fizikal Negara. Kedua, yang kita berikan tumpuan ialah tentang Lebuh raya Pantai Barat, daripada Banting ke Ayer Molek dan seterusnya ia turun ke Gelang Patah. Kedua-dua lebuh raya ini Yang Berhormat Tuan Speaker kalau dapat diberi keutamaan ia akan memberikan kesan besar kepada negeri Johor. Begitu juga dengan infra saliran Yang Berhormat Tuan Speaker ialah mengenai infra saliran yang 30 tahun di Johor Barat yang tidak diselenggarakan. Kalau boleh kita masukkan dalam Rancangan Fizikal Negara Yang Ke-4.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di Bahagian Perumahan saya nak jelaskan ada 160,000 unit rumah yang tidak dapat dibuat, kita kena ambil pendekatan yang boleh menang-menang, atau dengan izin *win win situation* kepada pemaju, kepada kerajaan dan penerima rumah. Yang Berhormat Tuan Speaker, kita kena buat rumah yang ada *quality* dengan izin dan yang ada nilai. Yang ini sedang kita fikirkan bagi memastikan rumah yang diduduki itu selesa.

Akhir sekali Yang Berhormat, di Bahagian Kerajaan Tempatan, kita telah merangka hala tuju, enam hala tuju. Pertama bandar yang bersih, kemas dan indah, bandar yang mampan, pintar dan selamat, bandar yang hijau, bandar yang berdaya huni dan masyarakat bandar yang inklusif, bandar yang ekonominya aktif dan bandar yang di urus secara profesional dengan kewangan sendiri. Itu enam hala tuju yang sedang di susun oleh Kerajaan Tempatan bagi setiap PBT memastikan bandar-bandar Johor selaras dengan SDG, selaras dengan Pelan Mampan Johor dan Tujuh Ikhtiar Amanah Johor. Mudah-mudahan kita bergerak ke arah itu. Sekian atas penjelasan saya, mana-mana yang tidak saya jawab, saya akan jawab secara bertulis. Rengit mendoakan Dewan yang mulia ini terus tenang lagi tertib seperti yang ada pada hari ini, selari dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Pantun buat Yang Berhormat Tuan Speaker, terbang burung si burung helang, hinggap di dahan pohon perkasa, bijaksana Yang Berhormat Tuan Speaker tetap dikenang, akan diingati sepanjang masa. Rengit menyokong usul yang dibawa. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Salam sejahtera dan Salam Makmur Johor, terdahulu saya ingin merakamkan ucapan merafak sembah dengan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Pada pagi ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih para *frontliners* kita yang tidak kenal erti penat, sanggup berkorban masa dan tenaga demi berbakti kepada negara tercinta. Saya memahami keadaan mereka yang sering kali terpaksa meninggalkan keluarga di rumah, bersengkang mata tatkala kita semua sedang tidur, tetapi mereka para *frontliners* tidak pernah sesekali mengabaikan tanggungjawab mereka yang telah diamanahkan.

Pada 15 Jun 2021, kerajaan telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara yang merupakan satu strategi peralihan keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19. Pelbagai usaha pemulihan sedang berjalan, seperti yang dirancang bagi membolehkan negeri Johor juga dapat beralih keluar dari fasa pertama Pelan Pemulihan Negara agar kita semua dapat kembali kepada kehidupan harian biasa. Di antara strategi utama yang ditekankan oleh kerajaan negeri dalam menguruskan pandemik ini adalah memastikan sebanyak mungkin populasi Johor di vaksinasi. Pencapaian imuniti kelompok di kalangan penduduk negeri Johor akan dapat membantu lebih ramai dilindungi daripada jangkitan yang lebih teruk. Beban kepada sistem kesihatan awam akan berkurangan dan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dapat di buka secara berperingkat.

Sehingga 5 September 2021, negeri Johor telah dapat mencapai tahap suntikan dos pertama sebanyak 2,285,728 dos, iaitu 60.5% daripada jumlah populasi negeri, dan lengkap menerima dua dos sebanyak 1,451,390 orang iaitu 38.4% daripada jumlah populasi. Manakala bagi sasaran dewasa 18 tahun dan ke atas pula, negeri Johor telah mencapai 84.3% dos pertama dan 53.5% lengkap dos kedua. Mutakhir ini kes COVID-19 negara kita ini khususnya di negeri Johor dapat, Johor ini agak menarik perhatian kita semua. Semakin hari semakin bertambah bilangan kes harian COVID-19 ini. Selain itu, di ambang pemulihan ini kita menghadapi situasi dilema krisis. Dengan liputan vaksinasi 50% ke atas separuh daripada populasi negeri Johor masih lagi rentan terhadap jangkitan, separuh lagi yang telah divaksinasi pula, mula alpa tentang tanggungjawab mereka untuk memastikan pengurangan risiko penularan apabila mereka berada di kalangan komuniti yang belum mempunyai imuniti berkelompok.

Statistik sehingga 5 September 2021, negeri Johor merekodkan peningkatan kes sebanyak 2,165 menjadikan kumulatif keseluruhan sebanyak 149,358 kes. Situasi ini perlu ditangani dengan teliti terutama dalam usaha kita untuk memulihkan ekonomi secepat mungkin. Sekarang bukan untuk masa kita leka dengan tanggungjawab yang diberikan kepada kita sebagai pemimpin untuk turut kita sebagai pemimpin, mestilah turut sama berganding, berganding bahu membantu di dalam mengekang penularan COVID-19 ini. Justeru itu, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengambil ketetapan untuk melaksanakan Program Inisiatif Pemimpin Advokasi (I-PAC). Program yang berlandaskan *risk communication* bermatlamat untuk mewujudkan pemimpin-pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab menggerakkan masyarakat di dalam mengambil langkah melindungi individu, keluarga dan komuniti. Pemimpin akan bertindak sebagai medium bagi membantu di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan dan kerajaan negeri Johor di dalam pengekangan penularan COVID-19 di negeri Johor. Dalam hal ini, penglibatan secara langsung dan aktif daripada para pemimpin, Wakil-Wakil Rakyat, Ketua-ketua Masyarakat, ketua-ketua institusi atau organisasi dalam masyarakat adalah bertepatan, di

mana mereka berupaya bertindak sebagai agen perubahan tingkah laku kesihatan yang mementingkan agenda melawan COVID-19 di dalam komuniti mereka. Kita jaga kita perlu utamakan oleh setiap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Speaker, menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja berkenaan memperkasa fasiliti kesihatan. Di dalam suasana pandemik COVID-19, Jabatan Kesihatan menghadapi cabaran yang besar bukan sahaja di dalam pengurusan pesakit COVID-19, malahan kekal memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada seluruh rakyat Johor. Ke arah itu, perancangan yang jitu di buat pada peringkat awal bagi menambahkan kapasiti perkhidmatan yang diperlukan. Pendigitalisasi sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan merupakan antara inisiatif jabatan bagi memastikan akses pesakit kepada perkhidmatan. Sistem temu janji secara atas talian, aktiviti-aktiviti saringan kesihatan secara atas talian dan *virtual consultation* memberi peluang kepada pesakit mengurangkan keberadaan di lokasi berisiko COVID-19. Inisiatif ini dimantapkan dengan program *value added service* iaitu di peringkat bahagian farmasi yang memberi perkhidmatan pengambilan ubat secara *outreach* atau *drive thru* telah meningkatkan akses pesakit kepada sistem perkhidmatan kesihatan primer di dalam suasana COVID-19.

Penyertaan pihak swasta khususnya dalam tempoh pandemik juga dititikberatkan, di mana terdapat 15 hospital yang turut sama membantu pengurusan COVID-19 dengan bilangan katil khusus COVID-19 sebanyak 123 katil wad biasa dan 14 katil ICU. Di samping itu, klinik-klinik swasta diberi kuasa di bawah Akta 342, di mana sebanyak 54 klinik swasta berkeupayaan memberi perkhidmatan CAC dan *Home Surveillance Order*.

Yang Berhormat Speaker, kehadiran *Variant of Concern* di negeri Johor turut menyumbang kepada peningkatan kes di mana sehingga 5 September, sebanyak 19 kes Delta *Variant of Concern* dilaporkan di negeri Johor. Memang agak membimbangkan melihat kepada kadar kematian akibat COVID-19 yang tinggi iaitu 10.9% daripada jumlah kematian seluruh Malaysia. Kejadian kematian akibat COVID-19 kebanyakannya berlaku di kalangan golongan rentan iaitu warga emas dan mereka yang mempunyai komorbiditi. Faktor penyumbang utama kepada kematian tersebut adalah antaranya kelewatan mendapatkan rawatan di mana ramai yang telah bergejala beberapa hari sebelum mendapatkan rawatan. Dengan itu, diharapkan pemimpin harus mengingatkan masyarakat yang berkomorbiditi untuk menjaga kesihatan diri dan memastikan mereka menjauhi diri dari risiko mendapat jangkitan. Kadar kebolehjangkitan COVID-19 *R-Naught* iaitu kebolehjangkitan sesuatu virus pada permulaan suatu wabak dalam masyarakat. Seperti Yang Berhormat Parit Yaani nyatakan, tinggi ekoran dari peningkatan kes di seluruh negara. Yang lebih penting di sini ialah, kadar tersebut menunjukkan *trend* penurunan di mana kadar menurun daripada 1.14 pada 1 Ogos kepada 1.10 pada 5 September 2021. Kadar kebolehjangkitan COVID-19 seperti yang dipaparkan oleh *R-Naught* harus diambil sebagai peringatan kepada rakyat supaya kekal berwaspada dalam pencegahan COVID-19. Pergerakan bebas dalam komuniti serta ketidakpatuhan kepada SOP menjadi punca utama penularan di kalangan komuniti masa kini.

Yang Berhormat memainkan peranan yang penting di dalam mencegah penularan dengan menyampaikan maklumat yang betul kepada masyarakat agar mereka dapat mengambil tindakan yang tepat di dalam melindungi diri, keluarga dan komuniti daripada mendapat jangkitan COVID-19. Berlandaskan situasi COVID-19 semasa dengan kadar komorbiditi dan mortaliti yang tinggi kerajaan negeri bersama jabatan peneraju sentiasa mengutamakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan serta pengurusan COVID-19. Negeri Johor mempunyai struktur tadbir urus COVID-19 yang cekap, berkordinasi dan bersatu melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Negeri serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Kolaborasi antara agensi kerajaan, pihak swasta dan sukarelawan memantapkan sistem penyampaian aktiviti pengurusan Covid-19 di negeri Johor. Tindakan pencegahan juga turut di *compliment* dengan tindakan penguatkuasaan yang berterusan oleh agensi-agensi yang telah pun diberi kuasa di bawah Akta 342. Penggunaan sistem MySejahtera membantu dalam penumpuan lokasi-lokasi berisiko tinggi di dalam aktiviti

penguatkuasaan. Pematuhan SOP menjadi tumpuan utama di dalam aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan. Di samping itu, kerajaan negeri mengambil pendekatan melaksanakan Program *Johor Industrial Preparedness Plan* (JIPP) bagi industri yang menekankan tindakan yang perlu diambil oleh industri di dalam pencegahan COVID-19.

Yang Berhormat Speaker, isu yang dibahaskan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Pasir, Bentayan, YB Serom berkenaan kluster Persiaran Agas. Sebenarnya kilang ini merupakan sebuah kilang pembuatan semikonduktor. Kilang ini mempunyai seramai 4,057 orang pekerja majoriti ialah di mana 3,806 adalah pekerja warga tempatan yang menetap di Tangkak, Muar dan Jasin manakala 251 orang merupakan pekerja bukan warganegara. Kes pertama yang dilaporkan di dalam kluster ini merupakan seorang pekerja kilang yang mula bergejala iaitu demam, pada 24 Jun 2021, namun masih lagi bekerja sehingga 28 Jun 2021. Pemeriksaan serta ujian *swab* RT-PCR di klinik kesihatan mengesahkan ia positif COVID-19 pada 2 Julai 2021. Susulan itu wakil Pejabat Daerah Tangkak telah membuat siasatan di kilang pada 2 Julai 2021 dan hasil pengesanan kontak dan saringan mendapati beberapa lagi kes dikenal pasti melibatkan pekerja kilang. Sehingga 28 Julai 2021 jumlah kes yang dilaporkan di dalam kluster ini adalah sebanyak 492 kes. Daripada bilangan tersebut, seramai 207 orang merupakan pekerja kilang tersebut di mana 155 orang adalah warganegara manakala 52 orang di kalangan bukan warganegara. Sebanyak 255 kes lain merupakan kes yang dilaporkan di kalangan ahli keluarga dan kenalan pekerja-pekerja kilang tersebut.

Sejumlah 13 kematian telah pun dilaporkan setakat ini. Hampir kesemua daripada kematian tersebut dilaporkan mempunyai komorbiditi atau penyakit kronik dan lewat mendapat rawatan dengan purata 4 hari dari *on set* gejala dan tarikh mendapat rawatan. Ekoran bilangan kes dan kematian yang tinggi, Jabatan Kesihatan Negeri telah membuat susulan ke atas tindakan pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan di kluster ini. Di antara tindakan ialah penutupan kilang yang dilakukan pada 3 Julai bagi tujuan siasatan dan aktiviti sanitasi. Selain daripada itu, kilang juga sekali lagi ditutup keseluruhannya pada 14 Julai 2021 sehingga 20 Julai 2021. Penilaian risiko persekitaran kilang bagi tujuan pembukaan semula kilang telah pun dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Seramai 2,501 ujian COVID telah pun dijalankan dan sebanyak seperti yang saya katakan tadi 492 kes positif telah pun dikenal pasti. Sehingga 20 Julai 2021, seramai 1,495 pekerja kilang diarahkan menjalankan kuarantin kerana disyaki sebagai kontak rapat. Tempoh kuarantin ditingkatkan ke 21 hari memandangkan bilangan kematian yang tinggi mengesyaki kemungkinan ada kes *Variant Of Concern* yang terbabit. Kes terakhir yang dilaporkan pada 28.7.2021 merupakan mereka di kalangan yang masih lagi di dalam kuarantin.

Yang Berhormat Speaker, isu yang dibangkitkan oleh YB Jementah berkenaan dengan kadar peratusan mengenai kes-kes *sporadic* COVID-19. Kes *sporadic* merupakan satu indikator penularan di dalam komuniti. Sehingga 31 Ogos 2021 sebanyak 28,798 iaitu 20% kes *sporadic* dilaporkan daripada 1,386, 47 kes COVID yang telah pun dilaporkan di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 52,459 kes melaporkan mempunyai gejala selari dengan data yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bilangan yang *significant* ini memberi input keperluan saringan secara bersasar diteruskan terutama di lokasi yang berisiko. Sehingga 5 September 2021, lebih daripada 2.3 juta ujian telah pun dilaksanakan dengan kadar positifiti 11.7% berbanding 7.68% di Malaysia. Ini adalah satu bilangan yang boleh diguna pakai untuk perancangan tindakan seterusnya kerana ia melambangkan tahap penularan yang masih tinggi di Malaysia. Memandangkan kadar yang tinggi ini negeri Johor juga melaksanakan tindakan ujian kumpulan berisiko dan *surveillance community* dipertingkatkan iaitu dengan izin *enhanced community surveillance* sebagai tindakan penambahan ujian bersasar. Bilangan ujian yang dijalankan contohnya daripada 1 hingga 31 Ogos 2021 sahaja ialah sebanyak 626,247 ujian iaitu di antara 15,000 hingga 20,000 ujian sehari di negeri Johor. Dengan bilangan kes yang berterusan dan berpanjangan sudah tiba masa untuk negeri Johor juga menerima hakikat yang penyakit COVID-19 akan menjadi penyakit endemik di mana jangkitan kekal di dalam populasi walaupun tanpa diperkenalkan

dari luar. Ke arah itu, perancangan kehidupan norma baru perlu diterapkan di semua lapisan masyarakat termasuk dalam sektor ekonomi.

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Skudai dan juga beberapa lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun membincangkan mengenai isu konsep FTTIS iaitu *Find, Test, Trace, Isolate, Support* dengan izin. Acap kali isu ini berbangkit di dalam mana-mana platform media yang timbul seolah-olah ia adalah satu perkara luar biasa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Kesihatan telah pun melaksanakan program *find, test, trace, isolate, support* sekian lama setiap kali menerima pelaporan wabak penyakit berjangkit. Nama popular FTTIS selama ini merujuk kepada aktiviti *active case detection*, pengesanan kontak rapat, pengujian kuarantin, dan pengurusan kes COVID-19. Pemantapan infrastruktur dan sistem penyampaian kesihatan bagi pengurusan COVID-19 telah dirancang pada peringkat awal lagi. Kapasiti fasiliti di semua peringkat sentiasa juga diberi keutamaan. Pengurusan Covid-19 di fasiliti kesihatan juga merupakan sebahagian daripada FTTIS. Semua pesakit akan ditempatkan sama ada di hospital, PKRC atau kuarantin di rumah bagi tujuan perawatan dan isolasi. Mengambil kira keperluan kapasiti yang meningkat di dalam pengurusan pesakit di PKRC, kerajaan telah berusaha menambahkan lagi bilangan PKRC di negeri Johor menjadikan kapasiti semasa adalah sebanyak 3,356 dengan 1,200 melibatkan PKRC Swasta. Selain itu, terdapat 17 buah hotel yang dijadikan *station* kuarantin bagi menempatkan mereka yang disyaki dijangkiti. Buat masa ini kebanyakan hotel digunakan bagi menempatkan pengembara yang tiba daripada luar negara.

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Penawar, Mengkibol, Semerah, Buluh Kasap dan juga Johor Jaya membangkitkan berkaitan dengan *outreach program* dalam proses pemberian vaksin. Dan juga membangkitkan isu mengenai penambahan pusat penerimaan vaksin dan pemberian vaksin. Kerajaan telah berusaha meningkatkan kapasiti pemberian vaksin dengan peningkatan pusat pemberian vaksin di seluruh negeri Johor. Di peringkat awal Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) hanya 14 PPV, dewan besar yang dibuka di seluruh negeri Johor dengan jumlah PPV sebanyak 65 sahaja. Tetapi sehingga bulan September, sebanyak 241 PPV telah pun dibuka di negeri Johor melibatkan 23 PPV awam, 10 PPV *mobile*, 7 PPV *special*, *special* PPV di hospital kerajaan, 156 PPV *general practitioner*, 20 PPV hospital swasta, 15 PPV integrasi dan mega serta 10 PPV industri. Pembukaan PPV mega telah meningkatkan keupayaan kapasiti vaksinasi kepada 78,500 dos sehari. Kerajaan negeri juga telah mengarahkan mobilisasi penjawat awam dan sukarelawan bagi memastikan kejayaan PICK di negeri Johor. Dengan pengwujudan 241 pusat pemberian vaksin di seluruh negeri Johor, dengan kapasiti pemberian suntikan vaksin sebanyak 78,500 sehari ia dilihat mampu untuk memenuhi keperluan bagi pemberian vaksin di semua daerah dalam negeri Johor. Program *outreach* atau jangkauan telah dilaksanakan oleh pasukan *mobile* di setiap daerah bagi masyarakat di kawasan pedalaman, kampung Orang Asli, institusi warga emas dan pesakit terlantar termasuk kawasan FELDA bagi tujuan vaksinasi. Pemberian vaksin secara *mobile* telah dilaksanakan oleh Pasukan PPV *Mobile* di setiap daerah terutamanya untuk orang terlantar, pedalaman dan juga institusi warga emas, Orang Asli dan sebagainya. Bagi lokasi pedalaman PPV *Mobile* ini dilaksanakan mengambil kira input daripada pemimpin tempatan. Sehingga 5 September 2021, seramai 182,036 orang telah diberi vaksinasi oleh pasukan *mobile* di seluruh negeri Johor.

Isu pemberian tarikh temu janji untuk menerima vaksin COVID-19 pula dikendalikan oleh pasukan MySejahtera. Walau bagaimanapun, ketua masyarakat dan pemimpin boleh membantu mendapatkan senarai nama yang tercicir dan mendaftar dalam MySejahtera agar temu janji vaksinasi boleh diberi. Program ini juga dilaksanakan bersama NGO seperti Mercy, agensi kerajaan seperti IJN dan sebagainya.

Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa pemberian vaksin secara *walk in* juga telah pun dilaksanakan di beberapa daerah seperti di Kulai, Kota Tinggi, Segamat, Tangkak, Muar, daerah Batu Pahat, daerah Pontian, daerah Mersing dan Kluang, walau bagaimanapun, bukan di semua PPV tetapi di *selected* PPV sahaja. Senarai itu kita telah pun dipaparkan dan sila rujuk kepada senarai tersebut. PPV integrasi beroperasi

berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh pihak CFTF Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa permohonan oleh pihak CFTF daerah untuk menaik taraf kapasiti PPV dan telah diluluskan oleh CFTF Persekutuan. Contohnya PPV di Dewan Muafakat Taman Adda Height Johor Bahru telah di naik taraf dari kapasiti 1,500 kepada 2,500. Manakala PPV Dewan LHDN Kluang, telah di naik taraf kapasiti dari 1,500 kepada 2,500. Bila ada pertambahan kapasiti, maka waktu operasi juga akan berubah dan ada kemungkinan sehingga jam 9.00 malam. Pada awal Mei 2021, semasa Fasa 2, pembukaan PPV berdasarkan pendaftaran MySejahtera di mana kebanyakannya tertumpu kepada PPV bandar. Bilangan tersebut ditambah dari masa ke semasa. Sehingga kini seperti saya nyatakan tadi 241 PPV telah pun dibuka di seluruh negeri Johor dan mencapai liputan yang disasarkan.

Yang Berhormat Speaker, pengagihan vaksin secara mingguan dan tidak sekata. Kadang kala menyebabkan PPV awam yang lebih rendah kapasiti ditutup bagi memberi laluan kepada pelaksanaan PPV mega yang lebih licin dan berterusan. Perkara ini bagi memudahkan tumpuan yang lebih berkesan di satu-satu lokasi di bandar. Penutupan PPV tersebut tidak menjejaskan temu janji penduduk di PPV yang berkaitan.

Bermula bulan Februari, jumlah vaksin yang diterima adalah 25,740 vaksin dari jumlah vaksin yang diperlukan. Kemudian meningkat kepada 71,090 dos pada bulan Mac. Seterusnya 73,710 dos pada bulan April. Mei 200,330 dos telah pun diterima. 444,510 dos pada bulan Jun. Julai 1,334,530 dos telah pun diterima. Ogos 2,044,450 dos telah pun diterima dan sehingga 6 September sebanyak 519,440 dos telah pun diterima dalam minggu pertama bulan September dan kita menjangkakan jumlah ini akan bertambah.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, sila gulung.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker. Ada banyak perkara dalam sidang Dewan ni saya rasa hampir semua YB-YB sebut pasal isu kesihatan. Saya kena *brief* habis-habis kalau saya tak jawab mereka merajuk pula. Jadi macam mana nak jawab ke tak nak jawab. Jawab ya.

YB Timbalan Speaker : Saya bagi lima minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Speaker, berkaitan dengan isu fasiliti alat perubatan di klinik kesihatan yang dibangkitkan oleh YB Semerah iaitu berkaitan dengan penyelenggaraan peralatan perubatan untuk semua klinik kesihatan di Johor adalah di bawah satu persetujuan iaitu di bawah Projek MEET. Di mana satu syarikat telah pun dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengendalikan penyelenggaraan semua peralatan perubatan. Setakat ini tiada isu berkaitan dengan penyelenggaraan peralatan perubatan memandangkan ianya dilakukan secara berkala. Namun berlaku kelewatan apabila terdapat isu daripada bekalan alat gantian dan sebagainya menyebabkan peralatan tidak dapat dibetulkan dengan segera.

Berkaitan dengan kerosakan *fundus camera* di Klinik Kesihatan Batu Pahat pula, alat telah dilaporkan mengalami kerosakan pada 4 Februari 2021 dan telah dilakukan pemeriksaan awal oleh syarikat konsesi penyelenggaraan pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, pemeriksaan mendapati alat telah mengalami kerosakan besar dan disarankan oleh pihak pembekal asal alat untuk dilupuskan atas faktor pembaikan yang terlalu tinggi, kos pembaikan yang terlalu tinggi dan tidak ekonomik dibaiki. *Beyond economic repair* Yang Berhormat, dengan izin. Permohonan pembelian peralatan baru akan dilaksanakan bagi menggantikan alat tersebut.

Untuk penyelenggaraan kenderaan termasuk ambulans, ianya dilakukan oleh syarikat konsesi yang menyelenggara di klinik, bawah perkhidmatan sokongan klinik, manakala yang lain akan dihantar untuk penyelenggaraan dan servis berkala oleh pusat tanggungjawab masing-masing.

Yang Berhormat Speaker. Berkaitan dengan penambahan pakar psikiatri di negeri Johor. Terdapat nombor hospital pakar dan sebuah institusi khas yang menyediakan perkhidmatan kepakaran psikiatri di negeri Johor. Buat masa ini terdapat 36 orang pakar psikiatri di negeri Johor berbanding 29 orang pada tahun 2020, di mana terdapat pertambahan pakar di Hospital Permai, HSA, Muar dan Segamat. Taburan bilangan pakar mengikut hospital seperti berikut; Hospital Permai 13 orang, HSA, Johor Bahru 7 orang, HSI, Johor Bahru 3 orang, Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat 3 orang, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar 4 orang, Hospital Segamat 5 orang, Hospital Enche Besar Hajah Kalsom, Kluang 1 orang.

Yang Berhormat Speaker, isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan Nanas, Yong Peng, Johor Jaya berkaitan dengan PKRC iaitu Pusat Kuarantin Rawatan COVID-19 buat masa ini terdapat tiga PKRC Awam iaitu PKRC Stadium Pasir Gudang, PKRC Olive B, dan PKRC Sri Danga dengan jumlah keseluruhan katil sebanyak 2,156 katil. Mengikut data pelaporan pada 5 September 2021, seramai 1,597 pesakit sedang dirawat di kesemua PKRC tersebut dengan kadar penggunaan katil di kesemua PKRC secara purata adalah 74%. Sehingga kini terdapat 27,179 pesakit telah dimasukkan ketiga-tiga PKRC Awam ini. Terdapat juga sebuah PKRC swasta iaitu PKRC DB Kompleks yang berkapasiti sebanyak 1,200 katil di mana 9,597 pesakit telah pun dirawat di PKRC swasta ini. Sesebuah PKRC ketika pandemik mula reda hendaklah sentiasa bersedia untuk diaktifkan pada bila-bila masa. Berdasarkan pengalaman di lain-lain negeri yang menggunakan asrama sekolah sebagai PKRC, ia didapati kurang sesuai digunakan untuk jangka masa sederhana dan panjang kerana penggunaan fasiliti ini tertakluk kepada arahan pembukaan sesi persekolahan oleh Kementerian Pendidikan. Ketika ini seperti saya katakan tadi, tiga PKRC dan kita dalam proses untuk menambah satu lagi PKRC di daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Speaker, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tiram, Yang Berhormat Permas berkaitan dengan kesesakan di CAC Pasir Gudang. Ini disebabkan terdapat peningkatan kes. Walau bagaimanapun, kesesakan juga berlaku apabila terdapat segelintir warga yang datang walaupun mereka bukan kes positif atau kontak rapat secara *walk in* dan tidak mengikut temu janji dan menyebabkan kesesakan bertambah. Untuk mengatasi masalah ini, pasukan bagi pesakit yang baru di diagnosis sebagai positif, mereka tidak perlu datang ke CAC Pasir Gudang, sebaliknya mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan secara *virtual* ataupun atas talian dengan mendapat pautan di, mungkin saya boleh sebut di sini tinyurl.com/vcacjohor di mana pesakit ini akan dinilai oleh petugas dalam masa 48 jam. Jadi dengan *virtual* CAC ini, pesakit yang sebenarnya positif ataupun rasa bergejala dan sebagainya tidak perlu datang ke CAC Pasir Gudang di mana kawasan itu dikatakan sesak, *just* masukkan dalam pautan *virtual* ini dan kita akan menghubungi mereka.

Selain daripada itu, mereka juga mempunyai pilihan untuk pergi ke CAC di klinik swasta yang berdekatan. Untuk mendapat tahu klinik swasta mana yang terlibat sebagai CAC, *general practitioner*, mereka juga boleh mendapatkan di pautan yang saya katakan tadi. Untuk mana-mana warga yang bukan kontak rapat kes positif dinasihatkan supaya tidak ke, tidak terus ke CAC Pasir Gudang. Sebaliknya seperti saya katakan tadi mereka boleh membuat saringan secara sendiri menggunakan ujian sendiri atau membuat saringan di mana-mana klinik swasta yang berdekatan. Selain daripada CAC di parkir Stadium Tertutup Pasir Gudang, Laman Extreme Pasir Gudang juga telah dibuka sejak 19 Ogos 2021 untuk mengelakkan kesesakan di CAC Pasir Gudang bagi tujuan penilaian kes positif pada hari terakhir kuarantin dan pelepasan arahan kuarantin atau pemetongan gelang. Jadi selepas ini mereka ingin memotong gelang tidak perlu pergi ke stadium tetapi ke Laman Extreme di Pasir Gudang. Servis ini dibuka untuk kontak rapat untuk pelepasan kuarantin dan pemetongan gelang.

Buat masa ini Stadium Perbandaran Pasir Gudang menempatkan dua jenis perkhidmatan iaitu Pusat Kuarantin dan Rawatan (PKRC). Di dalam arena stadium tertutup ini ditempatkan

sebanyak 1,057 katil untuk perawatan pesakit COVID-19 kategori satu dan dua sahaja. Ia beroperasi di bawah seliaan Jawatankuasa Bencana Daerah Johor Bahru. Dan yang kedua di luar pula kita adakan CAC, merupakan pusat sehati untuk penilaian pesakit COVID-19 dan juga kontak rapat yang beroperasi seperti yang saya katakan tadi di perkarangan stadium.

Yang Berhormat Speaker, isu dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Batu berkaitan dengan saringan besar-besaran. Aktiviti pengujian COVID-19 yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri adalah menggunakan pendekatan *early detection and containment* melalui pelaksanaan aktiviti FTTIS seperti yang saya katakan tadi *find, trace, test, isolate and support* di mana aktiviti ujian secara massa telah lama dilaksanakan semenjak kejadian gelombang kedua di negeri Johor. Tetapi ia dilakukan secara lebih teratur dan bersasar atau *targeted testing not mass testing*. Ujian secara massa tanpa perancangan akan memberi impak yang negatif kepada keseluruhan sistem pengurusan COVID-19 serta mengelirukan kefahaman masyarakat dan menimbulkan isu *risk communication*. Pengujian massa yang sangat tidak praktikal memerlukan belanja yang tinggi dan selalunya tiada impak yang besar di atas penularan. Di antara kesan negatif yang kita lihat atau perhatikan ialah ia melambatkan keputusan kerana bilangan ujian yang tinggi. Kemungkinan berlaku banyak *fouls* negatif ekoran tempoh pengeraman yang lama dan dikhuatiri memberi gambaran ataupun persepsi selamat di situasi bahaya COVID-19 dan tiada tindakan pencegahan oleh individu yang tersebut dan juga pengumpulan orang ramai yang menyumbang kepada penularan di lokasi pengujian.

Yang Berhormat Speaker, kerajaan telah memutuskan dengan mengambil kira jumlah kemasukan pengembara yang tinggi melalui pintu masuk antarabangsa Johor, maka permohonan untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman mulai sekarang diproses oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Semua permohonan perlu dikemukakan kepada *email address* cprcknj@moh.gov.my sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum ketibaan di Malaysia. Penilaian risiko terhadap pengembara dibuat berdasarkan kepada permohonan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman yang akan dijalankan. Rumah atau tempat kediaman boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai tempat kuarantin wajib sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut : pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai rumah atau tempat kediaman di Malaysia, alamat yang tetap iaitu termasuk kepada PR ataupun mereka yang dalam kategori MM2H dan pekerja. Mereka jugalah mestilah negatif ujian saringan pengesanan jangkitan COVID-19 iaitu RT-PCR *test* perlu dilakukan. Pengembara juga telah ataupun harus menerima vaksin dua dos COVID-19 dan rumah atau tempat kediaman mereka mestilah bersesuaian.

Individu yang telah lengkap vaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut, bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan seperti Pfizer, Astra Zeneca, Sinovac dan sebagainya, individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke 14 dari tarikh suntikan dos kedua. *That's mean*, selepas 14 hari baru boleh memohon. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos seperti CanSino, Johnson & Johnson dan sebagainya mestilah melepasi hari ke 28 dari tarikh suntikan.

Yang Berhormat Speaker, saya akan habiskan sekejap lagi tapi ada beberapa isu lagi. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Perling berkenaan dengan permasalahan komunikasi atau perkongsian maklumat berkenaan dengan info-info khusus kepada warga asing.

Yang Berhormat, Jabatan Kesihatan telah mengeluarkan beberapa buku dan risalah yang berkaitan *Industrial Workers COVID-19 Care* untuk warga asing yang bekerja di negeri ini terutama di negeri Johor dan antara buku mengandungi dalam lima bahasa iaitu dalam *English, Chinese, Burmese, Nepalese* dan *Vietnamese language* ada 5 jenis buku yang telah dikeluarkan untuk penggunaan pekerja-pekerja asing.

Yang Berhormat Speaker, cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Penggaram yang menimbulkan soalan berkaitan dengan kadar kematian ibu yang hamil akibat COVID-19 dan juga berkenaan dengan mereka yang telah pun menerima suntikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Sehingga 6 September 2021 seramai 18 orang ibu hamil telah meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 di negeri Johor. Jumlah ibu hamil yang telah menerima suntikan vaksin dos satu pula ialah seramai 30,000 orang, manakala suntikan vaksin dos dua seramai 9,177 orang.

Seterusnya Yang Berhormat Penggaram juga bertanyakan berkaitan dengan situasi semasa berkenaan dengan bukan warganegara yang menerima vaksin. Sebenarnya sasaran Jabatan Perangkaan Malaysia untuk negeri Johor, jumlah penerima vaksin adalah 2.7 juta orang bagi dewasa berumur 18 tahun dan adalah termasuk jumlah ini sudah termasuk warganegara dan bukan warganegara. Jadi menurut garis panduan Program Imunisasi COVID-19 yang dikeluarkan pada 16 Februari 2021, vaksinasi akan diberikan percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara.

Yang Berhormat Speaker, saya rata-ratanya telah pun mengakhiri isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan, tetapi ada beberapa isu yang berkaitan dengan PERHILITAN pula. Jadi, isu gajah ini perlu dibincangkan juga.

YB Timbalan Speaker : Boleh dijawab...

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Parit Yaani) : YB Speaker, saya minta supaya ditangguhkan, diberhentikan. Sebab kita akan tamat pukul 1.00 tengah hari, 1.30. Beri peluang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk berikan jawapan yang lebih jelas. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Jadi isu PERHILITAN saya akan hantar secara bertulis kepada YB-YB yang berkenaan. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Harap Yang Berhormat, kalau yang tak sempat jawab. Jawab dengan secara bertulis kepada YB yang membangkit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Ok, Yang Berhormat Speaker. Jadi, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih di atas isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya selaku EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar berbangga dengan jabatan-jabatan dan pasukan yang berada di bawah portfolio saya dalam keadaan pandemik COVID-19 yang tidak tahu berapa lamanya. Mereka bekerja keras tanpa mengenal penat lelah, pengorbanan mereka saya hargai dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua serta agensi-agensi kerajaan atas kerjasama dan sokongan serta bantuan yang telah pun diberikan, sama ada di peringkat negeri dan persekutuan.

Saya juga mengambil kesempatan ini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya, saya telah cuba yang terbaik untuk memberi semua jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan yang kurang ditambahkan. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar. 20 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam makmur Johor. Yang Berhormat Puan Speaker, pertamanya patik ingin merakamkan ucapan merafak sembah dengan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Pada masa yang sama juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk terlibat dalam sesi penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah menyentuh dan membangkitkan isu-isu perihal sektor pertanian dan pembangunan luar bandar dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, secara umumnya pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada ekonomi dunia dan Johor tidak terkecuali menerima impak. Pada tahun 2020 pertumbuhan ekonomi Johor menguncup sebanyak 4.5% berbanding penguncupan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.5%. Secara umumnya di Johor, sektor pertanian adalah satu-satunya sektor yang merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 3.1%, tatkala sektor-sektor lain di Johor telah merekodkan pertumbuhan yang menguncup. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada penekanan kerajaan dalam usaha memperkasa sektor pertanian. Dan, agro makanan selari dengan bagaimana yang digagaskan melalui ikhtiar makmur Johor.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak kerajaan negeri ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para petani, peladang, penternak dan nelayan di seluruh negeri ini. Yang mana merupakan barisan hadapan atau *frontliners* sektor pertanian dan agro makanan negara. Mereka adalah wira tani yang sentiasa berperanan dalam memastikan rantai bekalan makanan negara sentiasa mencukupi walaupun apa pun keadaan sekali pun. Perkembangan ini juga adalah selari dengan pendekatan kerajaan yang telah meletakkan sektor pertanian serta rantaianya sebagai sektor perlu ataupun sektor *essential sector* dengan izin, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, PKP dan sehinggalah tempoh Pelan Pemulihan Negara, PPN ini. Tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard ataupun SOP Majlis Keselamatan Negara. Justeru, pihak kerajaan telah memastikan sektor-sektor ini terus beroperasi tanpa sebarang gangguan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ataupun sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara. Bagi menjamin kelangsungan rantai ekonomi serta pengusaha yang terlibat, pihak kerajaan negeri juga telah menekankan dan memastikan agar jabatan-jabatan atau agensi terlibat di peringkat negeri dapat menyantuni dan memberi fasiliti kepada para pengusaha sebaik-baiknya dalam urusan mengeluarkan surat pengesahan keterlibatan dalam sektor pertanian.

Sehingga Ogos 2021, sukacita saya maklumkan jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi di peringkat kerajaan negeri Johor, khususnya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengeluarkan pengesahan sebanyak 11,339 surat. Perkara ini penting bagi menjamin kelancaran semua aktiviti dalam rangkaian dan rantai sektor pertanian oleh para pengusaha. Secara umum dan realitinya sektor pertanian boleh dikatakan kurang terkesan berbanding sektor-sektor lain. Aktiviti pertanian dan industri makanan terus kekal beroperasi sepanjang tempoh pandemik ini. Cumanya, masalah yang mengganggu sebahagian rantai sektor pertanian khususnya sektor pandemik COVID-19 ini adalah dari segi pemasaran sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani dan Yang Berhormat Bukit Naning.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun aktiviti dan pergerakan kenderaan yang membawa hasil pertanian dibenarkan, tetapi isu yang lebih besar adalah ruang pasaran yang sangat terhad sebelum ini. Apabila sebahagian besar pasar tani, pasar malam dihentikan operasi, restoran dan kedai makan yang hanya beroperasi secara *take away* serta majlis-majlis keramaian yang tidak dibenarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat umumnya dalam usaha untuk memperkasa sektor pertanian kerajaan negeri melihat keperluan untuk menerajui industri makanan secara keseluruhan. Maksudnya, bukan sahaja kontak pengeluaran atau pembekal makanan tetapi keseluruhan rantai nilai makanan termasuklah soal pemasaran. Dalam kontak ini pihak

kerajaan negeri sentiasa menekankan agar agensi yang berfungsi sebagai pemasar hasil pertanian terus memperkasa peranannya. Misalnya, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor telah mempergiat dan mengaktifkan operasi 27 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian, PPHP dan *outlet* Pertubuhan Peladang Kawasan PPK di seluruh negeri Johor, dalam mengumpul dan memasarkan hasil pertanian usahawan tani sepanjang musim pandemik COVID-19 bermula daripada tahun 2020 hinggalah sehingga kini.

Berakhir 31 Disember 2020, PPHP Pertubuhan Peladang kawasan telah memasarkan hasil pertanian sebanyak RM32.71 juta pada tahun 2021 sehingga Jun, sehingga bulan Jun 2021. Pemasaran hasil pertanian adalah sebanyak RM17.017 juta. Jumlah pemasaran hasil-hasil pertanian ini telah melibatkan 766 pengeluar dan usahawan ahli-ahli Pertubuhan Peladang itu sendiri. Melalui FAMA terdapat pelbagai program yang bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sektor pertanian khususnya aspek pemasaran. Antaranya adalah operasi, pengoperasian pusat khidmat pemasaran FAMA, pasar tani terkawal, PST, pemasaran digital, program ladang kontrak FAMA, dan FAMA juga mengadakan program-program atau kursus bagi meningkat kemahiran dalam aspek pemasaran hasil pertanian dan industri asas tani yang disasarkan kepada 200 orang usahawan pada tahun ini. Keseluruhannya pihak FAMA telah berjaya memasarkan produk yang bernilai RM37.22 juta sehingga Jun 2021.

Yang Berhormat Puan Speaker, mengenai isu lambakan nanas sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Naning. Jenis nanas yang terkesan pada ketika ini adalah *variety* Morris dan Josephine. Nanas Morris dan Josephine banyak digunakan dalam masakan dan makanan segar. Kekangan dan keberlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini yang mana majlis-majlis dan kenduri tidak dapat dilaksanakan adalah antara faktor yang memberi kesan kepada permintaan nanas Morris yang berkurangan. Pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu pengusaha tanaman yang terjejas dalam akibat kesan COVID, pandemik COVID yang ada ini. Antaranya adalah membuat padanan pemasaran dengan pemborong-pemborong yang ada dalam negeri Johor, dan di luar negeri Johor. Dan yang keduanya membuat pembelian buah nanas melalui peruntukan promosi kempen nanas negeri Johor. Yang ketiganya membuat padanan dengan kilang-kilang pemprosesan nanas. Yang keempatnya pula, adalah pihak LPNM juga dalam usaha mentransformasikan menggalakkan pengusaha penanam variasi yang lebih komersial dan premium seperti variasi MD2 yang mana permintaannya di pasaran adalah lebih tinggi dan ketika ini juga tiada masalah pemasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, keseluruhan pihak LPNM telah membantu pengusaha dalam tempoh PKP ini, dengan memasarkan buah nanas ke kilang sebanyak 176.04 tan. Mereka juga memasarkan buah ke luar negara, ke luar negeri Johor sebanyak 16.8 tan. Dan pada masa yang sama juga, mereka membuat pembelian buah di dalam promosi kempen nanas negeri Johor sebanyak 13.56 tan dan keseluruhannya jumlah nanas yang telah dibantu untuk di pasarkan adalah berjumlah 206.4 tan keseluruhannya.

Untuk menangani masalah pada masa hadapan, terdapat pengenalan mengenai insentif pengeluaran nanas kepada pekebun-pekebun kecil bagi tujuan mengurangkan beban kos pengeluaran atau mengekalkan kerugian untuk mengelakkan kerugian pekebun dalam tempoh pandemik COVID-19. Kadar insentif yang telah ditetapkan adalah sebanyak RM300.00 untuk setiap metrik tan dengan maksimum 1,500 setiap peserta. Dengan kadar lebih kurang RM0.30 sen bagi setiap biji nanas. Untuk makluman anggaran kos penanaman nanas Morris ini adalah lebih kurang RM0.50 sen bagi satu pokok. Pada ketika musim pandemik pihak kilang hanya mengambil dan membeli dengan harga RM0.40 sen. Sehubungan itu, pihak LPNM akan menambah insentif sebanyak RM0.30 sen dan seterusnya menjadikan jumlah RM0.70 sen setiap biji.

Di bawah insentif ini, RM1.5 juta telah diperuntukkan dan anggaran yang akan dimanfaatkan adalah seribu orang pekebun kecil. Inisiatif ini adalah tertumpu kepada pekebun-pekebun yang terkesan ketika tempoh pandemik melalui tambahan nilai jualan bagi mengelakkan

kerugian di peringkat pekebun kecil-kecilan ini. Secara umumnya, ini bermakna setiap pekebun akan mendapat menikmati keuntungan nanas yang dipasarkan. Ini bermakna insentif ini menjadi alternatif kepada pekebun untuk menjual nanas keluaran mereka kepada kilang sambil menikmati insentif daripada Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia. Inilah antara sebab musabab para petani perlu mendaftar dan membuat hubungan baik dengan agensi-agensy yang berkaitan.

Justeru itu, saranan saya kepada pengusaha-pengusaha dan para pengusaha agro makanan supaya dapat sentiasa menjalinkan kerjasama atau *engagement* dengan agensi-agensy berkaitan di daerah-daerah. Bukan sahaja ketika menghadapi masalah tetapi pada setiap masa bagi mendapatkan pelbagai kemudahan dan manfaat daripada agensi-agensy tersebut. Pada masa yang sama juga penekanan juga kepada agensi-agensy untuk sentiasa membuat *outreach program* bagi menjejaki dan membuat *engagement* dengan pengusaha-pengusaha dan petani. Adalah diharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dalam memberi penekanan terhadap perkara tersebut ketika berjumpa dengan pengusaha-pengusaha, usahawan tani di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Bukit Pasir telah membangkitkan tentang SOP sembelihan semasa Hari Raya Korban, yang di lihat amat ketat dan membebaskan penternak. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, SOP sembelihan pada Hari Raya Aidil Adha pada tahun 2021 adalah berdasarkan status semasa COVID di negeri Johor ketika itu di mana negeri Johor pada dalam, berada dalam fasa pertama, Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara. Sejajar dengan keadaan semasa di masa COVID-19, masih menunjukkan peningkatan kes yang tinggi ketika itu. Maka SOP perlu diperketatkan bagi membendung wabak tersebut. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Johor menyediakan SOP di pihak masing-masing berpandukan SOP yang telah dikeluarkan oleh MKN bertarikh 23 Jun 2021. Perkara ini selari dengan arahan MKN untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di kalangan peserta korban.

Petugas dan pengusaha rumah sembelih, pusat sembelihan itu sendiri dan sekali gus mengurangkan wujudnya kluster rumah sembelih. Rumah sembelih dan pusat sembelihan telah diberi penerangan berkaitan SOP yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor pada 20 Jun serta sesi soal jawab telah pun diadakan. Selain daripada itu, rumah sembelih dan pusat sembelihan ini ada dua perkara penting yang menjadi pemantauan sembelihan oleh jabatan ini termasuklah aspek penyembelihan termasuklah makanan selamat untuk dimakan, kawalan pencemaran akibat pembuangan sisa penyembelihan dan serta kebajikan haiwan dan kawalan perebakan penyakit berjangkit pada ternakan. Tiga prinsip utama SOP sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini menekankan aspek keselamatan makanan, pencemaran dan juga kebajikan haiwan.

Yang Berhormat Puan Speaker, rekod jabatan telah menunjukkan saban tahun wabak penyakit *foot and mouth disease* (FMD), penyakit kuku dan mulut berlaku kerana perpindahan ternakan yang tinggi disebabkan permintaan terhadap lembu korban. Pada April 2021, wabak *lumpy disease* (LSD), penyakit kuku berketul telah merebak ke dalam negara kita melalui kemasukan ternakan untuk tujuan sembelihan yang diimport dari utara Semenanjung. Jabatan berperanan mengawal kemasukan ternakan berpenyakit, maka pemeriksaan sebelum sembelihan ataupun *antemortum* adalah diperlukan bagi memantau sekiranya yang berlaku pemindahan ternakan yang menunjukkan tanda-tanda klinikal LSD ini dan wujudnya rumah sembelih dan pusat sembelihan negeri Johor dengan SOP yang dilaksanakan, penularan LSD ini dapat dikekang dan dikurangkan.

Yang Berhormat Puan Speaker, Yang Berhormat Endau telah membangkitkan isu pencerobohan pukut tunda di kawasan nelayan zon A di Mersing. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod terdapat 902 nelayan yang menangkap ikan di zon A di pantai Mersing. Selain daripada itu, daerah Mersing mempunyai sebanyak sejumlah 160

buah vesse/ pukat tunda berlesen. Jabatan Perikanan amat komited dalam memastikan sumber perikanan terus dipelihara. Antara aktiviti penguatkuasaan di Jabatan Perikanan adalah aktiviti rondaan am di seluruh perairan Johor timur atau di sempadan Mersing hinggalah Johor – Pahang. Yang keduanya, aktiviti rondaan mikro di pantai jeti dan pangkalan, dan aktiviti rondaan mikro untuk memantau dasar laut dan seterusnya aktiviti pemeriksaan pematuhan syarat-syarat lesen atau vesse/ penangkapan ikan. Menurut rekod, jumlah tangkapan dan siasatan pangkalan Mersing 2019 hingga 2021 berkaitan pukat tunda, pada tahun 2019 terdapat 2 tangkapan pukat tunda di zon A, tahun 2020, 4 tangkapan pukat tunda di zon dan pada tahun 2021 ini, satu tangkapan pukat tunda di zon A. Kerajaan negeri dan pihak jabatan amat mengalu-alukan maklumat daripada orang awam khususnya para nelayan dalam usaha membanteras aktiviti pencerobohan pukat tunda.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker bagi pihak Penggaram telah membangkitkan mengenai isu Permit Khas Ternakan Ayam (PKTA), Puan eh Tuan Speaker, minta maaf. Bagi ladang ternakan unggas di negeri Johor, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya PKTA ini telah diperkenalkan oleh kerajaan yang lalu melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor Bilangan 878 Tahun 2019, yang telah bersetuju dengan pelaksanaan Permit Khas Ternakan Ayam atau PKTA ini. Sehubungan itu, kerajaan yang ada semasa ini tidak semudah untuk mengubah keputusan tersebut dan kita tidak tahu dan tidak yakin, sama ada tidak pasti, sama ada perkara tersebut dirujuk atau dibuat konsultasi dengan pemain-pemain industri unggas dan sebagainya. Kita sedia maklum, untuk tahun 2020 terdapat 730 ladang unggas di negeri Johor. Jumlah ini menyumbang pengeluaran sebanyak 379,749.58 metrik tan ayam setahun, bersamaan nilai pengeluaran di ladang sebanyak RM1.77 bilion. Manakala, pengeluaran ayam telur adalah 174,457.01 metrik tan setahun bersamaan nilai pengeluaran di ladang sebanyak RM1.017 bilion. Sektor industri ini telah menyumbang, menjadi penyumbang utama kepada KDNK negeri Johor dan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan dan saya sendiri telah berjumpa dengan pihak Persatuan Penternak Unggas Kecil dan Sederhana Negeri Johor dan mengambil maklum akan keresahan mereka. Pada masa yang sama, pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah mengadakan sesi bengkel dan perbincangan bagi memudah cara proses permohonan PKTA dengan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Ke hadapan ini, pihak kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan industri unggas terutamanya yang melibatkan pengusaha kecil dan sederhana melalui pelbagai pendekatan seperti *contract farming* dan sebagainya. Saya berani menyatakan pihak kerajaan akan melihat perkara dengan lebih dekat untuk memastikan bahawa industri ini tidak pupus kerana masalah yang diwujudkan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai pembangunan luar bandar, Yang Berhormat Bukit Pasir telah membangkitkan tentang isu elaun Ketua Kampung yang masih tertunggak. Untuk makluman, pelantikan Ketua Kampung negeri Johor bagi penggal 2021 – 2022 telah dilantik dan berkuat kuasa 1 Mac 2021. Elaun Ketua Kampung adalah RM900.00 yang menggunakan peruntukan RM400.00 daripada kerajaan negeri dan RM500.00 daripada KPLB. Pembayaran elaun Ketua Kampung negeri Johor menggunakan peruntukan kerajaan negeri telah pun dibayar sepanjang pelantikan Ketua Kampung daripada Mac hingga kini sebanyak RM400.00 sebulan. Peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pula hanya diterima oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Khidmat Pengurusan pada 12 hari bulan Ogos 2021 sebanyak RM7,383,600.000. Pihak Setiausaha Kerajaan Bahagian Khidmat Pengurusan telah, sedang dalam proses membayar tunggakan elaun Ketua Kampung dalam bulan Mac hingga Ogos 2021 yang berjumlah RM1.719 juta meliputi 632 Ketua Kampung di negeri Johor ini. Selain itu, pentadbiran juga dalam tindakan untuk membayar bayaran tunggakan elaun Setiausaha kepada JPKK bagi bulan Mac hingga Ogos 2021 yang berjumlah RM1.185.6 juta untuk 632 orang Setiausaha dan elaun mesyuarat JPKK sebanyak RM22,700.00 dan elaun pengendalian mesyuarat manakala elaun kehadiran mesyuarat adalah sebanyak RM109,000.00. Pembayaran tunggakan untuk

elaun Ketua Kampung, elaun Setiausaha dan elaun mesyuarat JPKK bagi bulan Mac hingga Ogos 2021, insya-Allah dijangka selesai sebelum penghujung September 2021 ini insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker...

YB Speaker : Banyak lagi Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Ya, sikit lagi.

YB Speaker : Dah 23 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Ok. Berkenaan isu penyelenggaraan dan kerja-kerja mendalamkan Sungai Batu Pahat, JPS Johor telah memohon pelaksanaan projek menggali Sungai Batu Pahat di bawah peruntukan negeri 2022 dengan anggaran kos sebanyak RM4 juta sebagai penyelesaian jangka pendek. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang ianya telah dimasukkan dalam bawah Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu IRBM Sungai Batu Pahat. Manakala, bagi isu penyelenggaraan isu *auto gate* di Batu Pahat yang dibawa oleh pihak Semerah, untuk makluman Yang Berhormat Semerah, kesemua pintu *auto gate* sentiasa di selenggara oleh JPS dari masa ke semasa. Namun begitu, masalah sampah terapung yang banyak di saliran di sistem saliran *contingency* pintu air ini. Sebagai makluman, kedua-kedua pintu air ini, iaitu Pintu Air Parit Syorga Shahbandar dan Pintu Air Pagar Chondong telah diselenggara masing-masing bulan Mei dan Ogos. Masalah banjir kilat di kawasan yang dinyatakan juga adalah disebabkan kapasiti sistem saliran bandar serta ada yang tidak dapat menampung kadar hujan yang sangat lebat dan kadar aliran dari kawasan sekitar yang telah membangun.

Yang Berhormat Semerah juga membangkitkan tentang lampu jalan kampung. Adalah dimaklumkan bahawa garis panduan pelaksanaan program pemasangan lampu jalan kampung KPLB menetapkan 40 unit lampu dipasang lampu di setiap kampung induk dan rangkaian mengambil kira saiz kampung dan bilangan rumah yang ada dalam kampung tersebut. Jika terdapat keperluan yang melebihi had yang ditetapkan, permohonan boleh disalurkan kepada KPLB Negeri Johor untuk perhatian dan tindakan. Walau bagaimanapun, sebahagian kelulusan permohonan pemasangan LGK tambahan adalah tertakluk kepada pertimbangan di peringkat jabatan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, negeri Johor telah menerima peruntukan sebanyak 8,636 LGK dalam program pemasangan LGK Fasa 10 bagi tahun 2020 hingga 2021 dan merupakan peruntukan tertinggi berbanding negeri-negeri di semenanjung bagi fasa 10 ini. Program pemasangan LGK bagi fasa 10 telah hampir selesai dengan kemajuan di tapak menghampiri 97%.

Yang Berhormat Tuan Speaker, secara keseluruhannya kerajaan negeri amat komited dalam membangunkan sektor pertanian dan industri makanan ke arah yang lebih tinggi lagi di samping fokus untuk memperkemas dan membangunkan komuniti luar bandar. Diharapkan pandemik COVID-19 ini lekas pulih dan kita dapat merencana dan melaksanakan pembangunan negeri dan negara ini dengan lebih lancar lagi. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menggulung perbahasan. Silakan, dijemput.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama-tamanya marilah

kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dan rahmat kita dapat mengadakan Persidangan Yang Keempat Penggal Ke-14 dengan jayanya. Selaku ketua pentadbiran eksekutif negeri, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah perasmian Duli Yang Maha Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Saya yakin tentang pengetahuan kesemua Ahli-Ahli Dewan bahawa menjunjung kasih titah Sultan Johor adalah merupakan sebahagian daripada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri di bawah Bahagian Kedua Fasal 14 iaitu "Badan perundangan bagi negeri hendaklah mengandungi Raja dan sebuah Dewan yang dinamakan Dewan Negeri." Ibarat kapal dengan nakhoda, menentu arah menuju destinasi, raja dan rakyat berpisah tiada, kasihnya dijunjung, titahnya ditaati.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga menjunjung kasih atas nasihat-nasihat yang diberikan oleh Baginda Tuanku supaya Ahli-Ahli Dewan menggunakan Persidangan ini sebaiknya untuk berbahas dan mengemukakan cadangan konstruktif dalam konteks pengurusan pandemik COVID-19 dan memulihkan semula hal ehwal ekonomi negeri. Justeru itu, sepanjang pemerhatian saya ketika Persidangan berjalan, saya berpendapat kesemua kandungan titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku telah diambil sepenuh perhatian oleh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Antara lain Baginda Tuanku menasihatkan agar saat dan waktu yang kritikal seumpama ini mestilah digunakan sepenuhnya untuk kita bermuafakat, menjauhi perbalahan semata-mata untuk mensejahterakan kehidupan rakyat negeri Johor yang kita cintai ini.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana negeri Johor telah mencatat sejarah, kerana Persidangan kita pada kali ini merupakan Persidangan Dewan Negeri yang terawal diadakan selepas pengisytiharan darurat ditamatkan pada 1 Ogos 2021 yang lalu. Kita mengikut cadangan asal, kalau mengikut cadangan asal, Persidangan kali ini sepatutnya diadakan selama tujuh hari. Namun selepas analisis risiko yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor, maka Persidangan dipendekkan kepada empat hari, tidak termasuk hari Perasmian. Dalam pada itu, Persidangan Dewan ini dibenarkan selama setengah hari sahaja. Atas nasihat Jabatan Kesihatan juga, Persidangan selama empat hari ini terpaksa ditangguhkan sebanyak dua kali. Kali pertama ditangguhkan selama 10 hari bagi memperbaharui SOP kesihatan awam di Dewan yang mulia ini. Kali kedua pula ditangguhkan disebabkan beberapa kes aktif yang telah dikesan di bangunan ini. Kita semua perlu menerima hakikat, cabaran kita adalah menjalankan tanggungjawab memenuhi tuntutan demokrasi dalam norma baharu. Saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker atas kebingkasan dan kecekapan yang ditunjukkan semasa mengendalikan perjalanan sidang Dewan. Apa yang lebih penting, Persidangan ini dapat dijalankan dengan jayanya walaupun terdapat beberapa perubahan jadual Persidangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas perbahasan yang konstruktif lagi membina. Tentu sekali saya dan kerajaan negeri akan memperhalusi kesemua saranan yang diberikan untuk dilaksanakan pada waktu yang terdekat mengikut kesesuaian. Saya juga akan memastikan hal ehwal di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya. Saya mengamati setiap perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang secara asasnya menyentuh tiga perkara. Secara keseluruhan walaupun 10 minit sahaja iaitu menangani pandemik COVID-19, pengurusan hal ehwal ekonomi dan menambah baik libat urus kerajaan dan yang juga hal-hal kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya turut menzahirkan rasa terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang membuat penjelasan yang komprehensif atas perkara-perkara yang dibangkitkan, malah membuat huraian lebih daripada apa yang ditanyakan. Persidangan kita kali ini walaupun Yang Berhormat hanya boleh berbahas masa diberikan 10 minit, Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa di beri masa 20 minit dan hanya empat orang sahaja,

sesuailah itu, empat orang, seorang yang menyentuh soal COVID, seorang menyentuh tentang soal ekonomi negeri dan yang lagi dua EXCO tersebut, seorang EXCO bandar dan seorang EXCO kampung. Tidaklah bererti bahawa EXCO-EXCO yang lain tidak penting atau perkara-perkara yang lain tidak penting seperti pendidikan atau agama ataupun hal-hal pengguna, hal-hal wanita ataupun hal-hal pelancongan dan belia. Mereka juga penting dan perkara-perkara yang dikemukakan sebagaimana yang dijanjikan oleh Pengerusi Jawatankuasa bahawa perkara-perkara tersebut akan dibekalkan ataupun dijawab secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, hampir semua Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti mana yang saya katakan tadi membangkitkan hal menangani pandemik COVID-19 termasuklah Yang Berhormat Bukit Pasir, Yang Berhormat Jementah, Buluh Kasap, Penawar, Yang Berhormat Semerah, Yang Berhormat Bekok, Yang Berhormat Perling, Yang Berhormat Bukit Batu. Kita pun tahu sejak bermula pandemik COVID-19 melanda Johor, kerajaan negeri mendapati sistem dan kapasiti kesihatan awam negeri tidak berupaya dan sukar untuk menghadapi gelombang-gelombang COVID-19. Sama ada dalam aspek kapasiti katil-katil ICU, penggunaan sumber manusia dan pengaplikasian data atau teknologi terkini dalam usaha untuk menangani COVID-19. Namun kita tidaklah berpeluk tubuh semata-mata, kerajaan negeri komited untuk melaksanakan setiap keputusan dan ketetapan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan persekutuan. Ini kerana selari dengan semangat Perlembagaan Persekutuan, melalui senarai bersama yang meletakkan perihal kesihatan awam sebagai tanggungjawab bersama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Maka itu kerajaan negeri akan sentiasa membantu Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi berkenaan dengan meningkatkan kapasiti dan memperbaharui kualiti kesihatan awam seperti berikut.

Pertama, Jabatan Kesihatan Negeri yang telah melaksanakan *virtual* CAC adalah untuk mengurangkan kehadiran secara fizikal di kesemua 11 CAC di seluruh negeri Johor. Inisiatif ini telah memberi impak secara langsung bagi meringankan bebanan petugas barisan hadapan di CAC dan memudahkan usaha pengurusan kontak rapat untuk dilakukan.

Yang kedua, Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan sentiasa bekerjasama dengan Jawatankuasa Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah agar setiap usaha menangani pandemik dapat diselaraskan sampai ke peringkat akar umbi. Ini termasuklah mengaktifkan peranan pemimpin-pemimpin masyarakat melalui sebagaimana disebutkan oleh Pengerusi Kesihatan, Jawatankuasa Kesihatan, Inisiatif Pemimpin Advokasi COVID-19 (IPAC) bagi pembudayaan norma baharu dalam kalangan rakyat Johor. Itu yang kedua.

Yang ketiga ialah pembudayaan norma baharu di kawasan-kawasan industri dan tempat-tempat kerja akan terus dilipatgandakan menerusi Program *Johor Industrial Preparedness Plan*. JIPP ini akan menekankan tanggungjawab industri untuk mengambil tindakan pencegahan dan kawalan lebih ketat bagi menangani COVID-19 di tempat kerja. Ini bererti bahawa kerajaan memahami bahawa dalam keadaan Johor menjadi sebuah negeri industri, setiap pelaburan yang masuk, setiap aktiviti perindustrian yang ada di Johor ini bermula daripada sekarang kita perlulah memikirkan tentang soal asrama pekerja. Di peringkat awal penularan COVID-19 ini adalah berpunca daripada bukan sukar untuk mematuhi SOP di kilang atau di perusahaan, tetapi sebaliknya berlaku di tempat penginapan ataupun di asrama pekerja-pekerja berkenaan sehingga merebak kepada komuniti dan perkara ini kerajaan sedang mengkaji sama ada dari segi dasar pembangunan atau pun kita merujuk kepada *State Planning Committee* supaya isu-isu berkaitan pelaburan dalam segi penyediaan tempat-tempat penginapan atau asrama pekerja ini menjadi salah satu daripada ciri penting yang harus ditekankan dalam setiap kelulusan yang diberikan ataupun dalam setiap persetujuan pembangunan yang diberikan oleh pihak-pihak berkuasa.

Perkara yang keempat Yang Berhormat Tuan Speaker ialah melancarkan Program Imunisasi COVID Kebangsaan (CITF) negeri Johor bersama dengan JKNJ atau Jabatan Kesihatan terus berusaha untuk meningkatkan kapasiti pemberian vaksin negeri secara

sentiasa dipertingkatkan diperbaharui kaedahnya dari semasa ke semasa. Tidak perlu saya nak menyatakan secara terperinci kerana ianya telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Pengerusi Kesihatan. Walau bagaimanapun, sehingga kini Johor mempunyai kapasiti untuk menyuntik vaksin sebanyak 70,000 sehari. Kapasiti ini akan sentiasa di tambah, bergantung kepada keperluan bekalan vaksin di pusat-pusat pemberian vaksin sebanyak 241.

Dan yang kelima Yang Berhormat Tuan Speaker ialah memperluaskan lagi capaian dan kadar vaksinasi negeri termasuklah inisiatif pemberian vaksin secara *walk in* itu tadi. Sementara yang keenam pula di bawah usaha-usaha untuk menangani COVID-19, menyentuh hal berkenaan bekalan vaksin, beberapa bulan yang lalu, Johor telah mengalami kadar vaksinasi yang rendah. Saya ingin menjelaskan bahawa ianya merupakan suatu fenomena global di mana permintaan vaksin melebihi bekalan yang ada. Ia dikeruhkan lagi dengan tindakan beberapa negara-negara maju yang menyimpan stok vaksin bagi kegunaan mereka sendiri, malah Singapura pun pada satu tahap merasa bimbang jika bekalan vaksin yang tidak konsisten ia bakal mengganggu momentum program vaksinasi di negara mereka.

Di Johor untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Mesyuarat Sidang Khas, kita telah memutuskan bersetuju sebulat suara supaya bekalan vaksin yang lebih dibekalkan bagi negeri Selangor dan juga negeri Sarawak. Negeri Selangor kerana meningkatnya kes-kes positif di negeri berkenaan sementara negeri Sarawak dikatakan perlu mengadakan pilihan rayanya awal. Jadi atas dasar tersebut, negeri-negeri yang lain bersetuju supaya Selangor dan negeri Sarawak dilebihkan, diutamakan bekalan vaksin tersebut. Meskipun begitu, saya yakin keadaan pada bulan-bulan mendatang akan menjadi semakin baik apabila bekalan akan tiba secara konsisten, sama ada di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri. Dalam konteks Johor, Jabatan Kesihatan telah menerima sejumlah lebih dua juta dos vaksin pada bulan Ogos dan bulan September. Kita akan menerima dua juta vaksin sebagaimana yang direkodkan dalam daftar Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai satu komitmen untuk bekalan bagi bulan September ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Speaker, yang ketujuh ialah kerajaan negeri telah membelanjakan lebih RM14 juta untuk menjalankan tiga inisiatif untuk meringankan beban Jabatan Kesihatan dan agensi berkaitan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 3.0. Inisiatif tersebut yang pertamanya pembelian *COVID-19 test kit* bagi tujuan ujian bersasar oleh Jabatan Kesihatan. Kedua ialah pembelian *COVID-19 test kit* oleh tiga Pihak Berkuasa Tempatan bagi kegunaan penduduk-penduduk di bandar Johor Bahru atau daerah Johor Bahru. Dan yang ketiga, perbelanjaan operasi untuk PPV, untuk sekatan jalan raya, kebajikan *frontliners*, semuanya diberikan perhatian dan diberikan bantuan dalam bentuk kewangan, dalam bentuk kemudahan bagi memastikan bahawa beban yang ditanggung oleh Jabatan Kesihatan dan agensi berkaitan itu sedikit sebanyak dapat diringankan.

Dalam usaha kita untuk membantu dan membudayakan *self testing* dalam kalangan rakyat, ia seharusnya selari dengan kapasiti kesihatan negeri dan haruslah bersandarkan strategi kesihatan awam. Kerajaan negeri tiada halangan untuk *self test kit* diberikan secara percuma. Namun, ia perlulah bersandarkan nasihat dan data daripada Jabatan Kesihatan Negeri dalam kaedah pelaksanaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha kita memerangi dan menangani COVID-19, keakraban dan hubungan erat di antara Johor dengan pemerintah Singapura melalui Yayasan Temasek atau SMRT Corporation telah menyumbang pelbagai peralatan perubatan kepada Johor. Setakat ini, lebih 9 juta unit peralatan perubatan seperti ventilator, pelitup muka dan lain-lain telah disumbangkan. Kesemua sumbangan ini sudah diserahkan kepada agensi dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Ini termasuklah dalam masa terdekat kerajaan negeri bakal menerima 300 dos vaksin Sinovac, hasil sumbangan kerajaan Emeriah Arab Bersatu dan juga 1,640 dos vaksin Pfizer daripada kerajaan Singapura. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan-

sumbangan tersebut. Ianya merupakan penzahiran kepada hubungan yang telah terjalin sejak berdekad lamanya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada bulan Jun yang lalu, sebagai salah satu inisiatif tambahan kepada usaha-usaha yang dibuat, di bawah *Ibrahim Johor Economic Counsel*, nasihat pakar kesihatan awam telah diperolehi melalui Jawatankuasa Penasihat COVID-19 Negeri Johor yang ditubuhkan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini dianggotai oleh Profesor Dato' Dr. Adibah Kamarulzaman, mantan Dekan Perubatan Universiti Malaya yang juga Prof. Adjong Yiel Universiti Amerika Syarikat. Dr. Desi Raja seorang perunding kesihatan awam. Dr. Yap Wei On, seorang perunding kesihatan awam. Encik Ahmad Shahizam, Pengarah Urusan KPJ Health Care Berhad. Dr. Zubin Darwala daripada Price Waterhouse Coopers (PWC) Singapura dan Asc. Prof. Dr. Mat Ismail Ali dari Kumpulan Perubatan Johor. Jawatankuasa ini telah mengutarakan pandangan, nasihat bagi negeri Johor menguruskan pandemik COVID-19 nya dan meningkatkan kapasiti kesihatan awam di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bolehlah saya beralih kepada hal pengurusan, hal ehwal ekonomi. Ini juga akan dapat menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penawar, Yang Berhormat Mengkibol, Yang Berhormat Panti, Yang Berhormat Paloh, Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Johor Jaya, Yang Berhormat Bekok dan Yang Berhormat Permas. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penutupan pelbagai sektor ekonomi telah menyebabkan sebahagian besar rakyat hilang punca pendapatan dan jatuh ke lembah kemiskinan. Pekali Gini atau *Gini Coefficient* bagi negeri Johor juga telah mencatatkan kenaikan dan jumlah isi rumah yang beralih ke kategori miskin mutlak, miskin relatif dan miskin tegar juga bertambah. Menyedari situasi tersebut, Johor telah memperkenalkan tiga Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang mengandungi pelbagai inisiatif. Ianya merupakan pertama kali dilaksanakan di negeri pada skala yang komprehensif. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM491 juta melalui 103 inisiatif yang dapat memanfaatkan 1.1 juta penerima. Kerajaan negeri juga akui, bahasa inisiatif perlindungan sosial negeri mesti sentiasa diperbaharui agar tiada pertindihan yang berlaku dan lebih ramai penerima yang layak boleh mendapat bantuan yang diperlukan. Usaha ini dilaksanakan melalui aktiviti pemurnian data antara Bahagian Perancang Ekonomi dan agensi-agensi negeri dan persekutuan yang berkenaan. Kerajaan negeri juga amat sensitif ke atas industri-industri dan syarikat-syarikat multinasional yang berada di Johor. Seperti yang dinyatakan oleh EXCO Pelaburan, beberapa siri dialog telah dilakukan bersama-sama dengan dewan-dewan perniagaan dari Taiwan, dari Eropah dan Amerika Syarikat untuk mendengar permasalahan mereka berkaitan SOP kesihatan di tempat kerja. Hasilnya kerajaan negeri Johor telah memberi jaminan bahawa perusahaan mereka akan dapat kekal beroperasi asalkan mereka mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negeri, Majlis Keselamatan Negara bagi negeri Johor.

Jaminan juga turut diberikan bahawa setiap pelaburan-pelaburan mereka di Johor akan dijaga dan akan di mudah cara oleh kerajaan negeri mengikut permintaan dan keperluan yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri. Maka sejajar dengan usaha pemulihan ekonomi juga, kerajaan negeri telah melaksanakan langkah untuk menghimpunkan pakar-pakar ekonomi negara melalui *Johor Economic Advisory Committee* yang mana Jawatankuasa ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah *Ibrahim Johor Economic Counsel*. Saya sendiri telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa ini yang turut dihadiri oleh EXCO berkenaan dan pegawai-pegawai kerajaan negeri dan anggota Jawatankuasa ini terdiri daripada Yang Berbahagia Tan Sri Sulaiman Mahbob, Pengerusi Majlis *Institute Of Economic Research* (MIER). Dr. Muhammed Khalid, pengasas DM Analytics. Datuk Majid Khan, bekas pengerusi *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA). Mohd. Azmi Zulkifli, CEO *Invest Kuala Lumpur*. Dr. Nungsari Ahmad Radhi, bekas pengerusi *Khazanah Research Institute* dan Dr. Affendi Yusof daripada Universiti Teknologi Malaysia. Jawatankuasa penasihat ini telah berbincang mengenai usaha-usaha pemulihan ekonomi negeri terutamanya dalam menjayakan agenda keselamatan makanan dan agenda Johor

Digital. Ini termasuklah memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi di antara Johor – Singapura. Secara prinsipnya, pemulihan ekonomi negeri yang holistik harus dimulai dengan hubungan ekonomi Johor dan Singapura yang lebih menyeluruh dan progresif.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri sedar bahawa membuka sempadan Johor – Singapura merupakan komponen asas dalam usaha pemulihan ekonomi negeri. Ia sudah tentu akan merancakkan kembali sektor peruncitan dan sektor pelancongan. Selain bakal menghidupkan semula aktiviti ekonomi di Bandar raya Johor Bahru dan daerah-daerah berdekatan. Pembukaan sempadan Johor – Singapura juga bakal mengembalikan kepesatan sektor hartanah. Yang semestinya lebih rancak khususnya apabila kerajaan persekutuan akan melihat semula dasar berkenaan program *Malaysia My Second Home* (MM2H). Adalah diharapkan dasar baru yang sedang dilihat semula itu akan memberikan impak positif kepada negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar kerajaan negeri dilibatkan secara langsung dalam inisiatif pembukaan pintu sempadan untuk pembukaan laluan darat yang melibatkan Tambak Johor dan *Link Kedua*. Wakil kerajaan negeri perlu dimasukkan ke dalam jawatankuasa atau sekretariat bersama bagi menjalankan inisiatif yang penting bagi negeri Johor. Sekretariat tersebut antara lain diharap akan memperbanyakkan perbincangan yang komprehensif mengenai pembukaan sempadan Johor – Singapura berdasarkan perkembangan terbaru pandemik COVID-19. Insya-Allah, semoga pergerakan rentas sempadan Johor – Singapura boleh diaktifkan semula dengan SOP yang lebih bersesuaian. Dalam keadaan pandemik yang terkawal, kita dapat laksanakan *Reciprocal Green Land* (RGL) dan kita dapat laksanakan *Periodic Commuting Arrangement* (PCA). Maka berkemungkinan dengan adanya sekretariat dan penglibatan Johor secara langsung, *Daily Commuting Arrangement* (DCA) ataupun *Travel Bubble* akan boleh dibincangkan melalui sekretariat tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperkara lagi yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan menambah baik libat urus kerajaan. Dan ini saya kira penjelasan yang diberi akan sedikit sebanyak menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja, Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Jementah, Yang Berhormat Semerah, Yang Berhormat Panti, Yang Berhormat Serom, Yang Berhormat Bekok, Yang Berhormat Tangkak, Yang Berhormat Kota Iskandar, Yang Berhormat Tiram dan Yang Berhormat Permas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pandemik ini secara perlahan-lahan telah memperlihatkan kepada kita rekah-rekah dalam sistem *governance* dan politik secara umumnya. Dalam erti kata lain *the pandemic do not break the system but instead has expose a broken system*, dengan izin. Fenomena ini dikeruhkan lagi dengan persepsi umum bahawa para pemimpin terlalu berpolitik. Justeru ahli-ahli politik dianggap tidak sensitif terhadap kemudaratan yang dihadapi rakyat. Institusi demokrasi dianggap tidak lagi berkesan dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan rakyat. Budaya permuafakatan dan konsensus pula dianggap membuang masa, lapuk dan tidak efektif.

Saya maklum, amati, banyak ahli-ahli, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan dengan Rakan Strategik. Mutakhir ini juga menggambarkan media sosial memerihalkan bagaimana sentimen rakyat terhadap kepimpinan politik. Mereka terlalu memikirkan tentang tingkah laku pemimpin dan dasar-dasar ahli politik. Dikhawatiri jika fenomena ini berterusan, ia bakal membantutkan rancangan pemulihan ekonomi negeri. Pengurusan pandemik boleh menjadi bercelaru. Dasar atau polisi yang baik akan dilihat tempang dan tidak berkesan. Akibat kurangnya kepercayaan kepada pembuat dasar iaitu Wakil-Wakil Rakyat itu sendiri. Oleh yang demikian, setiap Wakil Rakyat harus sentiasa merasakan denyut nadi rakyat. Kita harus insaf dengan kehidupan rakyat masa kini. Saya ingin ulangi titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku, rakyat di luar sana sedang kelaparan. Mereka menjadi miskin akibat hilang pekerjaan dan hilang pendapatan. Ini adalah masa yang sangat kritikal untuk kita sama-sama menangani penularan COVID-19.

Sesungguhnya ianya merupakan satu pandemik yang sangat menakutkan dan membahayakan nyawa.

Justeru, pada hemat saya wajar bagi kerajaan negeri untuk menambah baik libat urus kerajaan. Libat urus ini melibatkan kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan mahu pun pembangkang haruslah bersifat berkekalan. *It has to be sustainable engagement*, dengan izin Yang Berhormat Tuan Speaker. Tidak boleh bersifat *One-Off* atau *for the moment* sahaja. Libat urus berkekalan juga perlu ditambah baik agar meninggalkan impak yang positif kepada sistem demokrasi yang kita junjung. Manalah tahu hari ini kami di sini, esok mungkin di sana. Hari ini kita beri sebanyak mana peruntukan, harap-harap bila yang sana di sini jangan kurangkan pula peruntukan. Sebab itu, ianya perlulah bersifat libat urus berkekalan. *Has to be a sustainable engagement* di antara semua pihak bukan *One-Off*, bukan satu keputusan yang bersifat *niggle*. Jadi berdasarkan prinsip demikian, kerajaan akan menterjemahkan libat urus berkekalan ini secara atau melalui beberapa inisiatif-inisiatif berikut: Seperti yang dah diumumkan kerajaan negeri telah memberikan peruntukan khas secara berkala kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk tahun 2020, kerajaan negeri memperuntukkan RM130,000.00 untuk setiap ADUN secara berperingkat-peringkat. Untuk tahun 2021 termasuk RM150,000.00 yang saya umumkan menjadikan sebanyak RM350,000.00 telah diberikan kepada semua ADUN.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyambung semula perkara yang bersabit dengan soal peruntukan-peruntukan khas yang diberikan tadi. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memikirkan satu kaedah dalam konsep libat urus berkekalan ini, *sustainable engagement* ini supaya peruntukan khas ini bukanlah sesuatu yang hanya diumumkan oleh seorang Menteri Besar, tetapi ianya termaktub di dalam sesuatu undang-undang ataupun dalam sesuatu peraturan yang ditetapkan bahawa Wakil-Wakil Rakyat yang di pilih oleh rakyat ini bukan hanya diberi dalam bentuk ganjaran emolumen sahaja atau elaun sahaja, tetapi satu peruntukan juga ternyata dalam satu dokumen rasmi untuk memperuntukkan satu jumlah yang tertentu bagi Wakil-Wakil Rakyat ini membiayai inisiatif pro rakyat di kawasan masing-masing. Berilah masa sedikit untuk kerajaan mengkaji cara mana dan bagaimana perkara ini dapat dilakukan bagi membolehkan ianya merupakan sesuatu yang termaktub di dalam peruntukan Dewan Undangan Negeri ini.

Kedua Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri bersedia untuk secara perlahan-lahan melaksanakan reformasi Dewan Negeri Johor mengikut kesesuaian dan keperluan seperti yang telah dibincangkan satu ketika dalam tempoh Persidangan ini, dalam Penggal Persidangan ini bagi menubuhkan lebih banyak Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas di peringkat Dewan Negeri pada masa hadapan. Malah saya memberi komitmen untuk menjadikan inisiatif ini sebagai usaha yang berkekalan. Namun begitu, penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang untuk melibatkan di peringkat jawatankuasa ataupun untuk berada di peringkat jawatankuasa negeri ataupun daerah tidaklah perlu kerana ianya berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, sedangkan penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat perlulah dilibatkan di peringkat Jawatankuasa Dewan Negeri sejajar dengan usaha pendemokrasian Dewan Undangan Negeri.

Kalau boleh saya huraikan bahawa ini adalah sesuatu yang sejajar dengan kedudukan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sebagai penggubal dasar, sebagai pembuat undang-undang dan kita perlu terus mengekalkan pendemokrasian semak dan imbang. Sistem demokrasi semak dan imbang ini baik untuk sesebuah kerajaan, jadi kalau dah Yang Berhormat duduk dalam jawatankuasa di peringkat pelaksanaan sedangkan Yang Berhormat sepatutnya menegur kerajaan apa yang tidak dilaksanakan dengan sempurna, apa yang tidak dibuat, apa yang tidak dilaksanakan berdasarkan dasar yang telah kita persetujukan. Maka itu, kerajaan negeri dalam usaha penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menganjurkan sesi taklimat bersama Wakil-Wakil Rakyat apabila Dewan tidak bersidang. Sebagaimana contoh sewaktu darurat kita mengadakan dua sesi perbincangan sama ada tentang pengurusan pandemik ataupun soal pengurusan ekonomi negeri. Maka amalan untuk berkongsi maklumat dan memberi gambaran semasa berkenaan situasi

semasa pentadbiran kerajaan negeri di luar takwim Persidangan akan menjadi amalan kerajaan hari ini.

Kerajaan negeri akan terus komited untuk sentiasa mendengar pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat pembangkang menerusi sesi-sesi taklimat dan perbincangan yang dilakukan pada masa akan datang. Yang terdekat adalah gerak kerja kerajaan negeri untuk merangka Belanjawan Johor 2022. Namun begitu, penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat pembangkang kita laksanakan di peringkat Jawatankuasa Dewan Negeri dan ianya akan dipastikan dapat dilakukan dalam masa yang terdekat dan akan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Jadi dengan itu, saya akan membentuk sebuah Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh Ketua Pembangkang, Ahli-Ahli Yang Berhormat pembangkang, pegawai kerajaan sama ada persekutuan atau negeri yang berkaitan supaya Jawatankuasa Khas ini bakal meneliti saranan-saranan dasar sosial ekonomi pasca COVID-19 negeri Johor, Insha-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin meminjam kata-kata Rousseau, seorang Ahli Falsafah Barat di dalam bukunya *The Social Contract*. "*The principle of political life dwells in the authority. The legislative power is the heart of the State.*" Ha, ini adalah jantung kepada negeri Johor. "*While the Executive power is the brain, which sets all the parts into motion, if the brain is paralyzed, the individual will still be alive. However, as soon as the heart stops functioning the individual is dead.*" Jadi janganlah kita berhenti daripada memurnikan Dewan ini, menghidupkan Dewan ini dengan perbahasan-perbahasan bermakna kerana itu adalah suatu kepentingan kuasa *Legislative* sebagai institusi demokrasi tertinggi negeri. Ia harus sentiasa dihidupkan dan disuburkan demi kebaikan semua pihak, lebih-lebih lagi pada waktu yang getir seperti sekarang. Maka itu, secara tidak langsung saya telah menjelaskan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya Dewan ini secara *hybrid*. Saya memahami persoalan itu bererti bahawa sekiranya Dewan tidak boleh bersidang oleh kerana kekangan SOP boleh dibuat secara *hybrid*. Tetapi untuk kita tidak ada keperluan Yang Berhormat Tuan Speaker. Dewan kita luas, Dewan kita besar dan ruangnya tidak membimbangkan. Jadi saya amat yakin dan percaya, selagi peruntukkan atau undang-undang membenarkan Dewan ini bersidang, ianya akan bersidang mengikut takwim yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, atas dasar itulah saya ingin mengumumkan beberapa inisiatif bagi membantu rakyat Johor yang berada dalam kesusahan. Antaranya kita akan terus mempertingkatkan usaha membantu para peniaga kecil yang tidak berdaftar. Dulu kita bantu yang berdaftar, tapi kita juga memperluaskan bantuan ini kepada para peniaga yang tidak berdaftar dengan SSM atau dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Kita akan dapatkan kerjasama daripada Pejabat Daerah melalui Penghulu dan Ketua Kampung supaya pengusaha dan para peniaga kecil yang tidak berdaftar ini agar dapat mereka dikenal pasti.

Seterusnya memberi bantuan kepada imam dan bilal yang tidak mendapat elaun daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor kerana ada masjid dan surau yang melantik imam dan bilal, noja yang dibayar gaji melalui tabung masjid yang berkenaan atau tabung surau yang berkenaan. Maka mereka tidak tergolong dalam kalangan yang menerima bantuan baru-baru ini, maka kita perluaskan bantuan tersebut kepada imam-imam dan bilal-bilal yang tidak mendapat elaun daripada Jabatan Agama Islam. Kita juga akan memperluaskan tuisyen pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah di bawah kelolaan Yayasan Pelajaran Johor. Ini memandangkan kita tahu dua tahun hampir anak-anak kita tidak dapat ke sekolah oleh kerana SOP yang telah ditetapkan, maka salah satu usaha yang ingin kerajaan lakukan ialah Program Tuisyen Pendidikan yang dijalankan oleh Yayasan Pelajaran Johor ini akan diaktifkan semula dan akan diperluaskan lagi.

Kita juga akan memperluaskan atau kerajaan negeri juga akan memperluaskan pendidikan agama dan Al-Quran secara maya oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Johor. Kemudian kita akan memberi khidmat sokongan kepada golongan yang trauma

akibat kehilangan ahli keluarga disebabkan pandemik COVID-19. Kita juga, kerajaan juga akan menggerakkan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah bagi menyantuni golongan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu akibat kematian ibu atau bapa mereka. Kerajaan negeri juga akan mengadakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan barisan hadapan yang sanggup berkorban dalam menjalankan tugas sewaktu era pandemik ini. Dan, yang terakhir ialah menambah peruntukan di bawah program menangani bencana bagi negeri Johor. Kalau ditanya adakah kerajaan akan memperluaskan bantuan-bantuan, jawabnya ya. Kerajaan akan memperluaskan bantuan-bantuan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah pada akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker pada pasukan bola sepak kita. JDT pada 12 hari bulan ini akan merangkul piala bagi Kejuaraan Liga Super buat lapan kali berturut-turut. Sesungguhnya pasukan JDT ini telah meletakkan standard yang tinggi dan bertaraf profesional dalam sukan bola sepak. Semoga ia dapat meningkatkan martabatkan sukan bola sepak negara ke peringkat yang lebih tinggi. Selain daripada kejayaan JDT, kejayaan kegemilangan, kejayaan atlet Chew Wei Lun yang memenangi pingat perak menerusi acara *Boccia* dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020, juga kita berikan penghargaan di atas kejayaan beliau, maka kerajaan negeri akan mempertimbangkan pemberian penghargaan yang sesuai buat warga Johor ini. Saya akan berbincang dengan Yang Berhormat dengan EXCO Belia dan Sukan apakah bentuk dan cara penghargaan yang boleh diberikan pada saudara Chew Wei Lun.

Saya mengambil kesempatan ini pada akhirnya untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota barisan hadapan yang terdiri daripada staf Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Pasukan Relawan Rakyat, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain yang tidak dapat saya nak sebutkan satu persatu yang sanggup bekerja tanpa rasa penat dan lelah. Ucapan terima kasih juga kepada Yayasan Sultan Ibrahim atas pelbagai sumbangan dan bantuan yang diberikan pada rakyat khususnya pada mereka yang terlibat dalam pandemik COVID-19. Ucapan terima kasih juga saya berikan kepada kerajaan persekutuan, kerajaan Singapura, badan-badan korporat dan swasta, syarikat-syarikat GLC, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain yang tidak dapat saya sebut kerana telah turut memberi sumbangan kepada kerajaan negeri dalam situasi yang sukar seperti sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sesungguhnya, kita semua sedang meniti satu garis masa menuju destinasi yang masih lagi tidak kita ketahui. Namun, dalam ketidaktentuan semasa ini, kita sebagai Wakil Rakyat, haruslah *rise above the uncertainty*. Kita wajar memberikan yang terbaik kepada rakyat dan memastikan setiap tindakan kita tidak akan merugikan pewaris-pewaris negeri pada masa hadapan. Semoga suatu hari nanti, sejarah akan menilai kita sebagai generasi yang berani membuka pintu-pintu perubahan dan melakukan perubahan tersebut dengan tertib dan cermat. Semoga Allah SWT mengeluarkan kita secepat mungkin daripada pandemik COVID-19 ini dan memberi kekuatan kepada semua rakyat Johor untuk terus berdaya tahan dan berdaya maju. Marilah kita sama-sama memegang teguh *tagline* Johor iaitu “KEPADA ALLAH BERSERAH” dan “MUAFAKAT ITU BERKAT”. Terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli yang Maha Mulia Sultan Johor suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut :

“Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat Ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas.”

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dimaklumkan YB Skudai telah menarik balik rundingan berhubung dengan peningkatan bilangan suntikan vaksin di negeri Johor di bawah Peraturan Tetap Bil. 33(2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor melalui suratnya bertarikh 6 September 2021. YB Skudai telah menarik balik rundingan kerana suntikan vaksin semasa telah melepasi apa yang terkandung di dalam rundingan tersebut. Jurutulis Dewan Negeri telah memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat melalui surat pada tarikh ini bertarikh 7 September 2021 berhubung perkara ini.

Rundingan tersebut adalah disifatkan sebagai ditarik balik dan ingatan mengenainya hendaklah dimasukkan ke dalam Minit Mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita semua perlu bersyukur kepada Tuhan kerana telah mengizinkan Persidangan ini berjalan dengan selamat. Alhamdulillah semua Ahli-Ahli Dewan bebas daripada COVID-19. Semoga kita boleh mengadakan sidang dengan selamat pada masa yang akan datang. Sebelum Dewan ini ditangguhkan saya dan seluruh Ahli Dewan Negeri Johor ingin merakamkan ucapan penghargaan setinggi-tingginya terima kasih kepada barisan *frontliners* yang sentiasa bersiap siaga dalam menjalankan amanah tanpa mengenal penat dan lelah menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat negeri dan negara ini semenjak menularnya COVID-19.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.26 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Puan Hajah Nor Azleena binti Abdul Rahman
Cik Hajah Shubanah binti Yusuf
Tuan Haji Zainal bin Eran

Penolong Jurutulis

Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Koordinator

Cik Norzita binti Abdul Aziz

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd. Norazri bin Kassim
Encik Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop
Encik Mohd Khalid bin Nordin

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Hajah Azlin binti Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Shuriati binti Abdul Hajar
Puan Hajah Fareza binti Musa
Puan Rumiah binti Semirono
Puan Norazilawati binti Masri
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Puan Norhafizah binti Osman
Puan Norlydialina binti Ithnin
Puan Nordalilah binti Dahalan
Puan Zahiti binti Mohd. Hamdi
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Siti Rohani binti Ahmad Suhaimi

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md Sidi
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

*UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR*